

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR:

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
20	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
25	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
32	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
33	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR:

1	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
---	-------------------------------------	-----------------

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri:

“Doa.”

Setiausaha:

Soalan lisan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan no.33, soalan saya.

33. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, projek pelebaran jalan raya dan kerja perparitan setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2015.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Jawi dan Yang Berhormat menanya mengenai peruntukan MARRIS untuk penyelenggaraan jalan raya. YB. Dato' Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan perlu menyalurkan pemberian tahunan kepada Kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan-jalan negeri. Asas pemberian adalah dikira berdasarkan Peruntukan Bahagian 2 Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan. Mengikut perkiraan tersebut, maka jumlah pemberian yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri untuk pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri mengikut tahun adalah seperti beriku:

Tahun 2008, jumlah RM34,160,000.

Tahun 2009, RM51,369,000.

Tahun 2010, RM57,261,000.

Tahun 2011, RM59,685,000.

Tahun 2012, RM65,981,000.

Tahun 2013, RM84,588,635.26 dan

Tahun 2014, RM94,622,914.69.

Manakala pada tahun ini iaitu 2015 sehingga 28 Oktober, peruntukan yang disalurkan adalah berjumlah RM74,841,672.28.

Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan tahunan untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan serta projek pelebaran jalan di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Kerja Raya. Manakala, peruntukan untuk kerja-kerja perparitan disediakan di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Pengaliran dan Saliran. Peruntukan Kerajaan Negeri yang telah disediakan untuk ketiga-tiga kategori projek pembangunan tersebut adalah seperti berikut:

Tahun 2008, RM5,699,630.00

Tahun 2009, RM5,889,790.00

Tahun 2010, RM10,741,890.00

Tahun 2011, RM28,705,890.00

Tahun 2012, RM29,410,220.00

Tahun 2013, RM31,300,340.00

Tahun 2014, RM19,889,250.00 dan untuk tahun ini, RM16,004,000.

Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan kepada Bagan Jermal. Adakah peruntukan-peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, kita lihat jauh beza. Adakah peruntukan tersebut mencukupi untuk setiap tahun? Kalau tidak mencukupi, apakah rancangan untuk Kerajaan Negeri supaya dapat peruntukan yang lebih daripada Persekutuan dan juga daripada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, seperti apa yang tadi saya kata peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan mengikut jajaran jumlah jalan yang ada di negeri kita ini dan buat masa sekarang, apa yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri sendiri, kita merancang mengikut peruntukan yang sedia ada. Buat masa ini, saya boleh dikatakan jalan-jalan di Negeri Pulau Pinang ini tahapnya adalah baik dan selamat, kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Ini menunjukkan prestasi dan perancangan untuk menyenggara jalan di Pulau Pinang ini adalah terancang dan seelok-eloknya. Itu saja.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Terima kasih Bagan Jermal. Saya ingin tanyakan satu perkara di mana tadi Bagan Jermal menyatakan bahawa jalan-jalan di Pulau Pinang memang dalam tahap yang selamat. Saya tak tau sama ada audit keselamatan jalan raya itu dibuat dan mengikut apa jawapan yang saya dapat daripada soalan bertulis saya, saya mendapati bahawa tidak ada audit keselamatan jalan. Bolehkah kita guna peruntukan khasnya daripada MARRIS untuk menjalankan audit ke atas reka bentuk jalan yang berbahaya yang hadapi kemalangan maut? Bolehkah kita buat untuk mengatasi masalah-masalah itu?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat daripada Machang Bubuk beliau ada menyoal, ada mengemukakan satu soalan bertulis iaitu bilangan ke-20 sama ada "Adakah audit keselamatan jalan raya dijalankan ke atas semua jalan raya di bawah MARRIS?" Jawabannya adalah setakat ini JKR atau MBSP tidak melakukan audit keselamatan ke atas jalan-jalan utama dan jalan taman perumahan yang didaftarkan di bawah MARRIS. JKR dan MPSP hanya akan meneliti semula sesuatu laluan yang sering kali berlaku kemalangan untuk dibuat penambahbaikan bagi mengatasi punca masalah berkenaan.

Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa reka bentuk jalan raya adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan dan sekiranya ada berlakunya kemalangan, pihak Polis, JKR atau Kerajaan Tempatan sering kala ada menjalankan kajian sama ada perlu ditambah baik. Sekiranya perlu di tambah baik maka kerja-kerja penambahbaik akan dijalankan seperti kata satu audit keselamatan jalan raya untuk sesuatu jalan keseluruhannya. Nanti dalam penggulangan saya ini sebab ada Yang Berhormat dua tiga orang sudah membangkitkan jalan kemalangan di atas jalan raya. Kerana baru-baru ini ada satu bengkel keselamatan jalan raya telah diadakan di Pulau Pinang, juga pada minggu yang lepas ada satu bengkel juga telah diadakan dan terdapat dalam bengkel ini adalah apa yang pasti bahawa hampir keseluruhan punca kesan kemalangan jalan raya itu adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemandu itu sendiri. Jadi sikap pemandu adalah sangat mustahak bukan kerana jalan tidak elok, tidak. Lopak atau sangat gelap. Yang Berhormat cuba membayangkan di Jambatan Pulau Pinang, satu kalau kita kira, kalau ikut peraturan, kita bawa dengan had laju yang ditetapkan maka tidak akan berlaku apa-apa kemalangan sebab jambatan itu lurus, terang, tiada lopak-lopak pun selalu boleh dikatakan setiap hari ada kemalangan. Mengapa begitu? Ini adalah sikap pemandu. Itu kita boleh memastikan bahawa pengajaran atau pendidikan dijalankan ke atas semua pemandu-pemandu khususnya pemuda-pemuda. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat saya ingin berkongsi sedikit pengalaman saya. Ya, saya masuk dalam soalan di kawasan Jalan Mount Erskine. Selama dua (2) tahun saya cuba memaklumkan kepada JKR bahawa jalan ini adalah berbahaya tapi maklum balas yang di terima oleh saya adalah bahawa misalnya mengikut piawaian JKR kerana daripada *we are tend paper estate* iaitu curam maka tidak boleh letakkan *speed table*, tidak boleh buat begitu, tidak boleh buat begini dan tidak ada apa-apa lagi yang boleh dibuat.

Berkenaan dengan, sama juga di sepanjang Jalan Mount Erskine kerana Jalan Mount Erskine itu lebar, maka *okay fine* kalau saya terima juga tidak boleh meletakkan *speed table* untuk mengurangkan kelajuan, tapi saya menanyakan balik apa boleh kami buat untuk mengurangkan kelajuan? Hakikatnya di Jalan Mount Erskine ada sebuah pasar awam yang dikunjungi ramai. Disebabkan pasar awam itu ada banyak terutamanya orang tua-tua juga yang berjalan kaki di atas jalan raya tersebut untuk pergi ke pasar, kena menyeberangi jalan untuk ke perhentian bas dan banyak juga yang tinggal di kawasan sana yang bergantung kepada motosikal.

Sebagai satu contoh lagi, saya membangkitkan bahawa banyak motosikal yang perlu berhenti di tengah jalan untuk pusing ke kanan dan saya mencadangkan ada mekanisme-mekanisme yang digunakan oleh negara lain untuk membantu menarik perhatian pengguna jalan raya lain ke atas mereka yang berhenti di tengah jalan untuk pusing ke kanan. Jawapan yang diterima adalah oh tapi dalam sistem piawaian JKR tidak ada mekanisme ini. Soalan saya, saya rasa ada *gap* di antara apa yang mungkin secara tradisional boleh dibuat dalam sistem JKR dan apa mungkin yang diperlukan *on the ground*. Apabila saya memaklumkan kepada orang ramai bahawa had laju Jalan Mount Erskine ialah 60 km sejam, banyak yang terkejut, mereka tidak tahu had laju adalah begitu rendah. Soalannya, sebenarnya apakah usaha jika mekanisme-mekanisme infrastruktur tidak boleh dibuat? Apakah jenis usaha dan kekerapan usaha JKR untuk mengadakan lebih banyak pendidikan awam agar situasi ini sesuatu boleh dibuat kerana tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang kita sering mendapat aduan bahawa Mount Erskine ini sibuk dan *queue* panjang daripada *hill temple* sehingga ke Jalan Gottlieb dan ialah pada masa-masa sibuk atau *peak hour* dia tidak boleh bergerak langsung. Justeru itu MBPP sedang merancang untuk melebarkan Jalan Mount Erskine ini tetapi kita elak kubur-kubur ada di tepi jalan itu. Orang hidup perlu memberi jalan kepada orang mati. Jadi kita ambil rumah-rumah yang ada di tepi jalan itu. Jalan Mount Erskine ini akan dilebarkan kepada empat lorong. Ini bawah bidang kuasa MBPP dengan kordinasi dengan pihak JKR juga.

Apa Yang Berhormat bangkitkan tempoh hari juga menyentuh perkara yang sama dan kami sedang menyediakan jawapan untuk penggulungan untuk Yang Berhormat dan setakat ini nanti tunggu dalam masa penggulungan kami akan membuat satu cadangan untuk Yang Berhormat, boleh? Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Soalan 34.

34. Sila menjelaskan pencapaian Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelancongan di rantau Asia?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk menjawab soalan 34. Sejak dahulu lagi Negeri Pulau Pinang memang merupakan sebuah destinasi yang terkenal di mata dunia dan diberikan jolokan nama *Pearl Of The Orient*(dengan izin). Sejak tahun 2008 Negeri Pulau Pinang mendapat banyak pengiktirafan dari majalah-majalah dan agensi-agensi antarabangsa. Antara pencapaian Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelancongan di rantau Asia adalah

seperti berikut. Yang pertama, Pulau Pinang merupakan destinasi yang amat popular dengan warisan seni bersejarah dan juga makanan tempatan dan mendapat pengiktirafan dari banyak majalah antarabangsa. Yang pertama, George Town di iktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008. George Town Festival sebagai acara tahunan yang berlangsung selama sebulan dan telah mendapat publisiti yang amat besar sehingga ke New York, London, Jepun, Singapura dan banyak lagi.

Yang kedua, baru-baru ini *Lonely Planet* sebuah majalah terkenal di antarabangsa melalui laman webnya telah meletakkan George Town di kedudukan keempat sebagai antara 10 bandar paling berkarisma di dunia untuk dikunjungi pada tahun 2016. Ini didahului dengan bandar Kotor, Montenegro di tempat pertama dan diikuti tempat kedua, Quito dari Equador dan Dublin dari Ireland di tempat ketiga. Dan di tempat kelima selepas George Town pula adalah Rotterdam, Netherland diikuti Mumbai, India, Fremantle Australia, Manchester, United Kingdom, Nashville USA dan Rome Itali dan ketiga pengiktirafan pada tahun 2014 *Lonely Planet* juga menamakan Pulau Pinang sebagai *Best Food Destination* ...(dengan izin) atau Destinasi Makanan Terbaik yang pertama di dunia. Yang keempat, majalah dari *The Guardian United Kingdom* menamakan Pulau Pinang sebagai salah satu *top ten world must visit destination* di dunia pada tahun 2014.

Yang kelima, majalah *Guardian* sekali lagi juga menempatkan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi *Street Art* terutama dunia dengan mural-mural popular di sekitar George Town. Pulau Pinang merupakan satu-satunya destinasi di antara Asia yang mendapat pengiktirafan ini. Keenam, Pulau Pinang juga dikenali sebagai *Food Paradise Of Asia* dan amat terkenal di serata dunia dan menarik banyak selebriti kulinari seperti Anthony Bourdain dari New York untuk melawati Pulau Pinang pada tahun 2011. Asam Laksa Pulau Pinang juga ditempatkan sebagai tempat yang ketujuh *world top 15 most delicious food* ...(dengan izin) atau makanan paling lazat di dunia oleh CNN Gold. Dan ketujuh, *Yahoo Travel* juga mengiktirafkan Pulau Pinang sebagai *Top Ten Island To Visit Before You Die* pada tahun 2011. Dan saya tambah satu lagi, *Beach Street* telah dipilih sebagai tempat yang ke sebelas di dunia paling menarik untuk kategori jalan kecil oleh majalah *Washington Cinchonisium*. Ini adalah pengiktirafan yang kita dapat.

Dan juga Pulau Pinang juga dikenali Pusat Filem, Kebudayaan dan Kesenian di mana Pulau Pinang telah berjaya menarik syarikat-syarikat perfileman dari India, China, England, Hong Kong, Indonesia, Singapura, Thailand dan sebagainya. Contohnya siri TVB Hong Kong bertajuk *Outbound Love*, filem Bollywood bertajuk *Anegan* dari India dan juga dari siri BBC TV4 di United Kingdom bertajuk *Indian Summers* yang difilemkan di Pulau Pinang. Sebuah filem aksi dari Hong Kong bertajuk *Operasi Mekong* juga sedang difilemkan di Pulau Pinang dalam dua tiga hari ini. Ini dapat mempromosikan Pulau Pinang di persada antarabangsa.

Selain daripada itu, pelancongan sukan juga sangat terkenal di Pulau Pinang dan juga di seluruh Malaysia. Kerajaan Negeri menganjurkan beberapa acara sukan yang unik di Asia Tenggara khususnya *Penang Bridge International Marathon* yang mencapai *Malaysia Book Of Record* sebanyak empat (4) kali berturut-turut dengan pelari dari bukan saja rantau Asia tetapi juga seluruh dunia.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang di-Pertua, memang syabas dan tahniah kepada Batu Lancang yang telah menjadikan Pulau Pinang mendapat begitu banyak pengiktirafan daripada dunia. Kita patut bagi kepujian.

Di sini saya ada satu soalan. Dengan begitu banyak pengiktirafan telah menarik balik begitu banyak pelancong ke Pulau Pinang dan baru-baru ini nampak daripada surat khabar bahawa terdapat tindakan-tindakan yang diambil oleh MBPP terhadap hotel-hotel yang tidak berlesen, tindakan-tindakan seperti menurunkan *sign board* mecerobohkan bilik-bilik tumpang. Penumpang-penumpang hotel yang duduk dalam hotel ini telah menyaksikan segala tindakan ini dan operator-operator hotel ada *feedback* bahawa hendak undang-undang menukargunakan premis-premis hotel ini adalah agak *rejig* menyebabkan mereka tidak dapat lesen untuk perhotelan, jadi apakah pandangan YB. Batu Lancang dan adakah ada apa-apa usaha daripada Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja-pekerja hotel yang tidak berlesen supaya kita dapat bekalkan rumah-rumah tumpangan untuk pelancong-pelancong yang semakin meningkat.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Dato' Yang di-Pertua saya cuba jawab untuk MBPP untuk EXCO Kerajaan Tempatan. Untuk makluman semua di Pulau Pinang mempunyai 200 lebih hotel yang tidak berlesen dan Kerajaan Negeri cuba memberikan kelonggaran sejak tahun lepas untuk mereka meminta lesen buat sementara dan sudah sampai satu (1) tahun baru Kerajaan Tempatan mengambil tindakan untuk hanya beberapa sahaja kurang dari lima (5) hotel yang telah diambil tindakan ini selepas ambil tindakan banyak lagi hotel yang minta lesen untuk baru datang untuk minta lesen. Ini adalah kalau tidak ada lesen memang bahaya untuk penumpang-penumpang hotel. Kita tak mahu apa yang akan berlaku apabila penumpang seperti kebakaran atau apa-apa yang tidak diingini dalam hotel yang tidak berlesen. Jadi kita tidak boleh mempromosikan hotel yang tidak mengikut peraturan. Ini adalah kita tidak mahu menggalakkan semua rumah-rumah tumpangan sesuka hati mereka mahu bagi bilik-bilik yang mereka disewakan kepada pelancong dan akan apabila timpa kemalangan atau apa-apa kejadian mereka akan salahkan Kerajaan Negeri bukan salah pada penghotelan atau imej yang akan mengakibatkan imej yang buruk kalau apa-apa yang berlaku. So kita Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan juga melonggarkan sekali lagi bagi satu (1) tahun lagi untuk mereka sehingga tahun hadapan supaya mereka boleh mengikut peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh Kerajaan Tempatan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, jadi kita sedia maklum bahawa terdapat ramai pelancong yang datang daripada Timur Tengah Arab dan sebagainya yang, melawat Negeri Pulau Pinang dan juga kawasan yang terdapat di Pulau Pinang. Adakah terdapat sebarang usaha daripada Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan kepada pelancong ini, maksud saya dari segi kemudahan untuk mewujudkan pemandu pelancong yang boleh berbahasa Arab contohnya lah. Kedua mungkin kemudahan mesra muslim mungkin macam yang YB. Bertam sebut semalam dari segi kemudahan

hotel, makanan dan sebagainya yang betul-betul mesra muslim, bukan tak mesra muslim tapi macam tandas lah contohnya kadang-kadang tak sesuai untuk orang muslim.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB Law Heng Kiang):

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri untuk maklumat semua ahli dan bukan saja Kuala Lumpur telah dapat kedudukan yang kedua untuk *muslim travel* di dalam dunia, Pulau Pinang dapat tempat yang ke sembilan dalam tangga ke 10 negara ini di dalam dunia. Jadi Pulau Pinang memang terkenal juga untuk orang Arab untuk melancong di Pulau Pinang bukan sahaja dari Saudi Arabia dan juga Oman, UAE dan sebagainya. Dan juga melalui EXCO YB. Batu Maung telah mencatatkan satu (1) *Muslim Travel Guide* untuk pelancong Arab dan tiap-tiap tahun kita memang mengambil bahagian dalam pameran di UAE Dubai di mana semua ejen-ejen dari Negara Arab akan berkumpul di sana dan akan pilih mana negara yang mereka mahu melancong dan Pulau Pinang memang terkenal untuk mereka dan di sini kita juga tahu di Batu Feringgi khasnya mereka suka di tepi pantai dan kita boleh nampak banyak restoran Arab juga didirikan dan kita cuba lagi dengan adanya kursus-kursus yang memahami bahasa Arab atau Parsi. Ini juga kita adakan kursus untuk mereka. Selain daripada negara Arab memang kita ada kursus untuk orang Korea baru tahun ini. Untuk bulan depan kita ada kursus dari *tourist guide association* untuk bahasa Vietnam dan juga di tahun depan juga ada Arab untuk masa sekarang ada orang yang faham *tour guide* ...(dengan izin) faham dengan bahasa Arab di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan, mengikut bajet setiap tahun, tahun ini ataupun tahun lalu kita ada 6,800,000 lebih pelancong. Ini adalah 19,000 pelancong setiap hari secara *average*. Ini telah meletakkan beban yang besar ke atas infrastruktur di Negeri Pulau Pinang. Jadi saya nak tanya sama ada adakah patut Kementerian Pelancongan juga boleh menyumbang kepada infrastruktur di Pulau Pinang seperti aspek-aspek pelancongan *transport masterplan*? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB Law Heng Kiang):

Saya rasa, Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Kementerian Pelancongan mungkin tidak boleh bagi peruntukan dalam infrastruktur tetapi Kementerian Pelancongan ada membantu untuk beberapa program seperti George Town Festival mereka telah memberi kita RM1,000,000 untuk program ini dan ada juga program-program di Telok Bahang dan juga buat tempat peranginan di Penang Hill, ... (dengan izin) Bukit Bendera tetapi untuk melebarkan jalan saya rasa bukan dalam Kementerian Pelancongan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bertam silakan.

Ahli Kawasan Bertam (YB Haji Shariful Azhar bin Othman):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri soalan no. 35.

35. Bukit Gambir (Bukit Botak), Pulau Pinang :

- (a) Apakah perancangan terbaru Kerajaan Negeri ke atas tanah di Bukit Gambir (Bukit Botak), sila nyatakan nama projek beserta pemaju.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri mengetahui dan mengambil serius terhadap bukit ini yang apabila di lihat melalui Jambatan Pulau Pinang ianya semakin botak dan luas.
- (c) Adakah Kerajaan Negeri menerima aduan limpahan air semasa hujan lebat akibat pembotakan Bukit Gambir, jika ada nyatakan jumlah aduan dan penyelesaiannya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan dari YB. Bertam, Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang sehingga kini tidak terima sebarang permohonan pembangunan ke atas Bukit Gambir. Kerja mitigasi sedang dilaksanakan oleh General Accomplishment Sdn. Bhd. (GASB) di kawasan Bukit Botak. Kawalan hakisan cerun bagi cerun-cerun yang terdedah dilaksanakan melalui kaedah *hydro-seeding*, *erosion control map* dan *close-turfing* dijalankan dalam kerja-kerja mitigasi yang diluluskan oleh Majlis. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh tuan tanah sendiri iaitu kos dibiayai oleh mereka sendiri. Terdapat satu aduan yang diterima pada 22hb September tahun ini berhubung limpahan air semasa hujan lebat iaitu khususnya di lokasi air terjun di belakang rumah pangsa. Kejadian ini dipercayai berlaku akibat daripada hakisan dikawasan bukit. GASB sedang menjalankan kerja-kerja mitigasi termasuk penyediaan longkang-longkang dan kolam enapan yang lebih sempurna dan cekap bagi memastikan kejadian limpahan air ini dapat dielakan, sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mungkin boleh juga dipanggil mengikut atur cara ini untuk dicatatkan siapa yang tak hadir untuk rekod.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat untuk soalan no. 36 dan 37, tidak akan dijawab kerana Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan dan seterusnya soalan 38, YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Peraturan. Seharusnya selepas soalan 36 adalah giliran saya tapi giliran saya diletak dibelakang soalan 68 jadi hak saya juga di rampas.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bagan Dalam, soalan yang seterusnya dalam catatan Susunan Perjalanan Persidangan adalah 38, YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

38. Sudahkah tanah iaitu Lot 718, Lot 719 dan Lot 720 Mk 12, Seberang Perai Tengah telah diberi kepada Persatuan Perlindungan Terhadap Kekejaman Haiwan (SPCA) Seberang Perai untuk pembinaan tempat perlindungan haiwan, (*animal sanctuary*).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih, YB. daripada Bagan Dalam sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin mengajak Ahli Dewan untuk merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa tebusan di Filipina yang telah bunuh oleh militan Abu Sayyaf semalam iaitu mendiang Ken Bernard.

Untuk soalan YB. Bagan Dalam, tanah Lot 718, 719 dan 720 Mukim 12, Seberang Perai Tengah seluas 22,384.14 meter persegi yang merupakan tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI) masih dalam proses untuk diserahkan kepada persatuan iaitu SPCA Seberang Perai. Urusan pemajakan ditangguhkan kerana terdapat pencerobohan haram iaitu aktiviti penternakan lembu di atas lot tersebut dan SSI selaku pemilik tanah telah memohon Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah untuk menjalankan penguatkuasaan ke atas pencerobohan dan notis pengosongan telah dikeluarkan untuk mengosongkan kawasan sehingga 31 Oktober 2015. Tempoh pajakan hanya akan bermula selepas pihak penguatkuasaan selesai. Pada masa yang sama pihak SPCA telah melantik arkitek untuk menyediakan plan bangunan bagi tujuan *animal sanctuary*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan a/l Autherapady):

Bolehkah ditetapkan dimana tanah-tanah tersebut akan diserahkan kepada SPCA. Tiada tarikh yang ditetapkan untuk serahkan tanah-tanah tersebut....(gangguan audio)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita masih lagi dalam proses penguatkuasaan, selepas selesai baru kita boleh serahkan tanah ini kepada SPCA.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Machang Bubuk soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan saya, soalan 39.

39. Masalah kekurangan sokongan perkhidmatan sosial seperti kaunseling dan kebajikan untuk keluarga ibu-bapa tunggal, sakit jiwa atau pendidikan khas untuk anak.
- (a) Apakah perkhidmatan sosial yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini?
 - (b) Apakah rancangan atau program yang dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk membantu keluarga sedemikian pada masa akan datang?
 - (c) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan kualiti serta keselamatan pusat kaunseling yang berbentuk bayaran serta pakar kaunseling yang berkelayakan dan bertauliah?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Perkhidmatan sosial yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu keluarga ibu bapa tunggal, sakit jiwa atau anak-anak yang memerlukan pendidikan khas adalah seperti berikut:

Menyediakan perkhidmatan kaunseling melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti interansi kaunseling individu, kelompok, keluarga, ujian psikologi, psikopendidikan, psikoterapi dan pembimbingan untuk membantu golongan ini untuk mendapat sokongan emosi, motivasi dan semangat hidup dan membuat perancangan diri dan keluarga.

Di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia terdapat Jabatan Psikiatri yang membuat rawatan dan menerima rujukan kes dari klinik atau wakil *walk in patient* bagi penyakit ini. KKM mempunyai sokongan seperti kaunseling kepada pesakit-pesakit ini dan mempunyai pakar yang merawat kes-kes seperti ini.

Program Intervensi *Bureau Of Learning Difficulty (BOLD)* telah membawa faedah kepada ratusan kanak-kanak ke program khas setiap tahun melalui *focus literacy* dan bermain, belajar, berkembang bersama. Program *focus literacy* ini membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah-masalah belajar membaca. Program ini berasas prinsip intervensi awal yang membantu kanak-kanak pra sekolah, darjah satu dan darjah dua supaya mereka dapat membaca dengan tepat dan fasih sesuai dengan peringkat umur mereka. Program bermain, belajar, berkembang bersama pula bertujuan untuk komunikasi bagi membantu kanak-kanak yang mengganggu perkembangan seperti autisme ringan, masalah pertuturan, *Attention Of Deficit Disorder*. Program BOLD dijalankan di beberapa tempat itu iaitu Pusat BOLD ASC Seberang Jaya dan Changkat Minden, SJK (T) Mak Mandin, SJK (T) Sungai Ara, Tadika Than Hsiang, dan Tadika Hui Yin She.

Kerajaan Negeri melalui JKM telah merancang beberapa program bagi membantu golongan ini pada masa akan datang iaitu menyediakan rancangan-rancangan dan program oleh Bahagian Kaunseling dan Psikologi, JKM seperti Psikopendidikan yang berperanan memberi bimbingan mendidik dan mengasuh anak dan menetapkan peranan ibu bapa dan anak-anak secara komunikasi yang berkesan agar mewujudkan tangsi kekeluargaan yang seimbang. Pengurusan kewangan, pencegahan mengenai pendidikan anak iaitu sekolah dan universiti, merancang kerjaya ibu bapa tunggal dan lain-lain. Selain daripada itu, pihak JKM juga menyediakan *Home Help Services* kepada ibu bapa tunggal yang tidak berupaya masalah kesihatan kronik untuk membantu keluarga yang amat memerlukan mengikut situasi dan keadaan.

Bagi memastikan kualiti dan keselamatan di Pusat Kaunseling, Kerajaan Negeri melalui JKM akan memastikan kaunselor yang berkelayakan akan berdaftar sebagai Kaunselor Berdaftar dan Pengakuan Amalan yang diperakui oleh Lembaga Kaunselor. Rekod-rekod disimpan di lokasi yang selamat dan memastikan hanya orang-orang yang diberi kuasa mempunyai akses kepada rekod itu. Etika kaunselor juga dipasti, dipatuhi dan menjaga kejaminan, kerahsiaan dan keselamatan *client*.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Sungai Puyu. Sedarkah YB. Sungai Puyu bahawa realiti dalam akar umbi *on the ground*. Ada satu masalah yang besar iaitu jurang pendapatan di mana kes-kes keluarga-keluarga yang bermasalah ini. Di Machang Bubuk ada kadang kala mereka datang ke Pusat Khidmat untuk meminta bantuan. Bukan bantuan dari segi kewangan tapi masalahnya adalah satu keluarga yang mempunyai bapa tunggal kemudian anaknya ada sakit mental, sakit jiwa. Kemudian juga keluarga yang miskin yang ibunya sudah lari. So, kes seperti ini memang tidak ada satu *integrated family service centre* untuk menangani kes-kes seperti ini. Memang walaupun JKM diberi peranan untuk menjaga atau mengambil, menangani kes-kes seperti ini, tetapi kadang kala dari kekangan bahasa ada yang masyarakat India yang tak begitu fasih dalam Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia. Ada yang sakit mental, bagaimana untuk membuat aduan kepada JKM. So, kes-kes seperti ini saya rasa perlu ada satu pusat khidmat keluarga yang bersepadu untuk menangani keadaan-keadaan yang saya rasa jika tidak ditangani dengan baik, tragedi macam ada pembunuhan di dalam keluarga itu akan berulang dan tiap-tiap hari mungkin kita baca surat khabar, perkara ini akan berlaku lagi. So, saya rasa pihak kebajikan, JKM perlu mengeluarkan satu penyelesaian. Apakah yang boleh dibuat khususnya ke atas kes-kes yang tadi saya sebut, kes yang ada pesakit mental, ada yang berkaitan dengan sekolah, yang anak tak pergi ke sekolah, ibu bapa tak menjaga dia dengan baik. So, semua ini saya rasa perlu ada satu tindakan yang bersepadu. Soalan, tahukah realiti jurang perkhidmatan ini berlaku *on the ground*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang saya akui *this is reality on the ground*. Ini adalah kerana bahawanya pada dulunya dalam JKM tidak ada kombinasi masyarakat dalam JKM. Akan tetapi pada kini memang di JKM kita telah ada pelbagai kaum dalam perkhidmatan iaitu kata, pada kini JKM juga telah memulakan satu program dipanggil *The Social Worker*. *Social worker* iaitu datang daripada NGO dan lain-lain di mana mereka telah bagi latihan dan di sini bila

bagi perkhidmatan, di kaunseling untuk kumpulan ini adalah satu kumpulan khas. *Is not everybody who can do psychological or this counseling.* Ini *special training*. Memang JKM telah mula proses ini kerana jika nak wujud satu *centre*, saya ingat ini tidak selaras kerana program ini harus datang sampai pintu untuk bagi perkhidmatan. *It must be at the door services*. Jikanya kami ada satu pusat, dan mereka tidak tahu, mereka tak datang macam mana nak bagi perkhidmatan. Oleh yang demikian, JKM telah mula perkara ini dan ada *social worker* di mana mereka akan ada sampai di sana. Di sini saya juga nak merayu kepada semua ADUN, iaitu KADUN-KADUN yang ada minta mereka panjangkan maklumat ini supaya JKM boleh turun padang kerana begitu luas. JKM pada dulunya, peranan JKM hanya tak sampai 6,000 pada hari ini dengan jumlah pegawai-pegawai yang sedia ada kita hendak bagi perkhidmatan tidak kurang daripada 24,000 pelanggan di seluruh Negeri Pulau Pinang iaitu kata dalam tujuh (7) tahun klien JKM telah bertambah empat (4) kali ganda.

Saya mengaku bahawa saya sendiri atau JKM sendiri tidak dapat untuk bagi sepenuh-penuh kerana kekurangan kakitangan dan rayuan telah dibuat kepada PSJ supaya tambah pegawai-pegawai di JKM, Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, amat penting bahawanya semua JKKK di bawah Biro Kebajikan minta mereka turun padang kenal pasti di mana ada perkara macam ini. Panjangkan maklumat macam mana susah JKM pada kini. Selalu berusaha sampai *seven two four, three six five*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. Saya ada soalan atau pun mohon cadangan kepada YB. Sungai Puyu. Berkenaan dengan saya pernah *raise* masa perbahasan, jadi saya nak tahu. Dari jumlah wang yang RM61 juta untuk *i-Sejahtera*, bolehkah YB. Sungai Puyu memberi sedikit kewangan untuk melatih Briged Wanita sebagai contohnya, untuk belajar bagaimana untuk bagi *palliative care* sebabnya HOSPIS Malaysia seperti yang di Pulau Pinang ini kebanyakannya adalah kaum Cina. Tapi di kampung-kampung bila saya pergi ziarah di kampung-kampung ramai sangat orang-orang tua dan orang-orang sakit *diabetic*, kanser dan sebagainya yang dijaga oleh keluarga mereka. Tetapi mereka tidak tahu teknik-teknik untuk menjaga. HOSPIS Malaysia dan *palliative care* termasuk juga bagaimana untuk melatih cara psikologi sebab selalunya pesakit ini dia tidak ada harapan untuk sembuh atau pun dia hanya mendapat rawatan sokongan. Saya harap mungkin sebagai contohnya di Hospital Bukit Mertajam hanya ada satu wad, *palliative* wad yang seperti yang saya kata. Jadi kalau Briged Wanita, sekarang di Pulau Pinang kita ada jumlah 2,000 orang. Kebanyakannya Briged Wanita seperti di kawasan saya kebanyakannya orang-orang Melayu dan juga India. Saya rasa kalau Briged-Briged Wanita diberi latihan, ini dapat membantu mereka melatih wanita-wanita lain dan keluarga untuk memberi *palliative care* kepada orang-orang yang sakit, dan orang-orang tua warga emas di kampung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, saya minta maaf kerana *you are knocking at the wrong door*. Tapi jangan bimbang, saya *open door policy, no wrong door policy*. Di mana jika kata Briged Wanita adalah di bawah gerakan daripada Padang Lalang dan jika nak bagi *training* untuk *palliative care*, sila ketuk pintu di Seberang Jaya. Akan tetapi jika nak apa

bantuan-bantuan khas keluarga-keluarga, kerana bila keluarga-keluarga ada ahli keluarga yang menghadapi penyakit macam ni memang mereka ada berkenaan dengan kewangan dan lain-lain. JKM sedia turun padang untuk bagi bantuan. Jikanya seperti dalam kampung-kampung ada yang sesiapa yang sedang, ahli keluarga mereka menghadapi masalah *end renal failure* di mana mereka hendak cuci buah pinggang, jika memang kalau mereka datang dari keluarga yang miskin, Kerajaan Negeri telah mula dengan satu program *adoption policy* di mana Kerajaan Negeri melalui *Penang Community Chairs* telah buat jadi macam bapa angkat bayar dia punya kos untuk cuci pinggang. Ini telah dijalankan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Yang Berhormat, terima kasih. Saya tak pasti sama ada YB. Sungai Puyu maklum tentang kewujudan pemulihan dalam komuniti untuk pendidikan khas, untuk anak-anak cacat. Saya rasa di setiap Parlimen wujud Pemulihan Dalam Komuniti dan apa yang saya harapkan di tempat pemulihan dalam komuniti dilaksanakan program ekonomi untuk anak-anak cacat yang OKU, belajar untuk berdikari. Di Bagan contohnya Parlimen Bagan kita ada Program Tanaman Cendawan, setengah tu buat kraftangan dan sebagainya. Adakah pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu pihak-pihak ini, PDK-PDK ini untuk meningkatkan dari segi pengeluaran dari segi pemasaran dan sebagainya supaya masyarakat atau pun anak-anak OKU ini dapat terus berdikari dengan usaha yang dilaksanakan di peringkat negeri.

Satu lagi tentang kaunseling. Jadi, kaunseling ini amat penting. Kadang-kadang kita Yang Berhormat kena jadi kaunselor, mai masalah macam-macam. Masalah rumah tangga, masalah suami tinggal dan sebagainya. Cuma kita harap kalau boleh ditambahkan dan apakah ada perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk mewujudkan selain daripada *Home Care Services* ini. *Home Care Counseling* bersekali dengan *Home Care Services*, dia pergi *service* saja. Ini sukarelawan yang pergi *service* sahaja tapi kita harap dia boleh kita wujudkan juga kaunselor serentak dengan *Home Care Services*. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang JKM telah mula program ini beberapa tahun yang kebelakangan ini. JKM telah bagi latihan dan juga telah minta daripada seperti USM dan lain-lain supaya wujudkan satu kursus seperti *social worker* di sini. Di sini juga Kerajaan Negeri telah begitu orang kata proaktif bukan reaktif di mana saya ucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Datok Keramat di mana seperti di mula dengan SPT. SPT saya telah minta dan telah dapat kelulusan untuk menggunakan 10 unit rumah PPR Desa Wawasan untuk jadi satu *shelter* di mana jikanya ada apa-apa masalah keluarga iaitu kata macam *household violence* dan lain-lain di mana kebajikan terus ada tempat untuk lindungi mereka buat dua tiga hari sehingga perkara tadi selesai. Kesilapan Kerajaan Negeri adalah tak cukup kapasiti untuk ini. Tetapi ini juga dipanjangkan kepada semua ADUN khasnya macam di SPT bahawa ada di pusat ini di mana Pejabat Daerah dan JKM telah berusaha dan pada kini untuk JKM telah bagi permohonan supaya dapat beberapa unit rumah PPR untuk lindungi ini. Tetapi jika YB. Sungai Dua boleh bantu, saya merayu bahawa rayu pada Kerajaan Pusat, cadangan saya untuk menggunakan ini di Jalan Gudwara sana, *Veterinary Department* sana yang terbiar kosong supaya boleh

diwujudkan *night shelter* untuk gelandangan-gelandangan di sini, di mana datang dari luar negeri untuk kerja di Negeri Pulau Pinang dan mereka tidak mampu sewa bilik atau rumah. Ini *night shelter*. Jumlah kebajikan ketepikan politik dan usahakan bersama-sama untuk mencapai satu masyarakat penyayang. Saya merayu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Puyu. Soalan seterusnya 40, 41 tidak akan dijawab di Dewan kerana Yang Berhormat yang bertanya tidak ada dalam Dewan. Soalan 42 telahpun dijawab bersama dengan soalan 17. Soalan 43 juga tidak akan dijawab di Dewan kerana Yang Berhormat yang bertanya tidak ada dalam Dewan. Soalan 44 telah pun dijawab bersama dengan soalan 17 tempoh hari. Seterusnya saya persilakan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan saya no. 45.

45. Apakah maklum balas Kerajaan Pusat ke atas *Penang Transport Master Plan* dan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina tram di Pulau Pinang? Apakah bantuan, sumbangan atau kerjasama yang diberi oleh Kerajaan Pusat?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. YB. Pulau Tikus nampak amat gembira dapat kemukakan soalan ini. Saya juga ambil kesempatan ini untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Pulau Tikus berhubung dengan *Penang Transport Master Plan*. Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan rasmi pada 17 September tahun ini bersama dengan pegawai-pegawai kanan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD mengenai Pelan Induk Pengangkutan. Di dalam perbincangan tersebut pihak SPAD menyambut baik semua strategi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan yang dicadangkan. Pihak SPAD juga akan memberi maklum balas akan bekerjasama dengan memberi khidmat nasihat teknikal dan prosedur proses permohonan kelulusan projek-projek sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang terutamanya bagi projek LRT dan tramp.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan pihak SPAD bagi menyiapkan satu *master plan* lengkap sistem pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang sebelum dipohon kelulusan SPAD dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Di samping itu projek *delivery partners* yang dilantik iaitu SRS Consortium juga telah mula *engagement* dengan pelbagai agensi Persekutuan untuk berbincang dan membentangkan cadangan-cadangan mereka kepada agensi-agensi berkenaan khususnya berhubung dengan kelulusan dan perolehan lesen yang diperlukan. Sumbangan dari Kerajaan Pusat memang apabila kita *commission Penang Transport Master Plan* ini pelaksanaannya kita menganggap ianya terbuka. Iaitu ianya boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan ataupun syarat-syarat yang akan dikenakan kepada pemaju apabila melaksanakan projek pembangunan ataupun melalui penswastaan. Itulah kaedah yang kita boleh timbangkan. Jadi kalau pada peringkat ini walaupun PBT sudah pun dilantik peranannya adalah untuk menasihati Kerajaan Negeri bagaimana melaksanakan dan walaupun dipertanggungjawabkan untuk mencari

keuangan untuk membiayai projek-projek ini. Kerajaan Pusat juga dialu-alukan untuk mengambil bahagian atau melaksanakan mana-mana komponen yang sudah pun dicadangkan dan kita memang tidak melarang langsung sekiranya Kerajaan Pusat melalui mana-mana agensi ingin mengambil bahagian dalam pelaksanaan *Penang Transport Master Plan*.

Lain-lain sumbangan iaitu kalau boleh ambil bahagian kita memang alu-alukan tetapi kalau tidak dapat mengambil bahagian, mungkin dari segi kelulusan sumbangan atau kerjasama yang boleh diberikan adalah memberi kelulusan kepada cadangan-cadangan yang kita kemukakan sebab *Transport Master Plan* dan kaedah pembiayaan melibatkan *Railway Scheme*, *Highway Component* dan juga *recognition* di mana pada awal-awalnya kita pun sudah sebut kaedah untuk membiayai projek *Transport Master Plan* ini adalah melalui tebus guna tanah. Jadi kemungkinan semua ini memerlukan kelulusan bukan dari SPAG sahaja bagi *Railway Scheme* tapi kalau tebus guna dijalankan EIA juga perlu diluluskan. *National Physical Plan Committee* perlu luluskan cadangan-cadangan yang bakal dikemukakan. Itulah kita harap dapat kerjasama dari Kerajaan Pusat bagi merealisasikan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan. Dalam *Penang Transport Master Plan* letak di situ ada stesen di Penanti tapi stesen Penanti itu sudah tidak ada. Jadi apakah stesen di Penanti itu diganti dengan infrastruktur lain ataupun sistem pengangkutan lain dan saya tengok di *Penang Transport Master Plan* tidak ada mungkin sekarang ini tukar tetapi masa dibentangkan saya tidak nampak apa-apa sistem pengangkutan ke kawasan saya. Kawasan kampung. Saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Penanti di atas keprihatinan terhadap *Penang Transport Master Plan*. Sukacita YB. Dato' Yang di-Pertua saya menjawab bahawa *Transport Master Plan* yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri adalah pada tahun 2013 tetapi apabila kita menawarkan tender untuk melantik projek *delivery partners*, syarikat-syarikat yang ambil bahagian bebas untuk memberi alternatif-alternatif tertentu kepada cadangan-cadangan yang terkandung dalam Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Misalnya SRS Consortium telah pun mengemukakan alternatif-alternatif tertentu kepada apa yang disyorkan dalam *Penang Transport Master Plan* yang disempurnakan oleh Halcrow Consultant. Jadi pada peringkat ini SRS Consortium dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk memuktamadkan komponen-komponen projek yang akan disenaraikan untuk dilaksanakan. Keutamaan untuk dilaksanakan. Misalnya keutamaannya adalah LRT maka banyak masa dan tumpuan diberikan untuk memuktamadkan *alignment*, kedudukan stesen-stesen dan sebagainya. *Highway component* melibatkan dan sebagainya. Di Seberang Perai memang fasa-fasa pelaksanaan akan melibatkan LRT, *bus transit* dan sebagainya. Kini masih dalam peringkat untuk mencapai persetujuan di antara semua agensi kerajaan bersama dengan SRS Consortium sebaik sahaja *alignment* atau pun isu-isu yang perlu dimuktamadkan selesai barulah kita akan mengemukakan untuk mendapat kelulusan yang sewajarnya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan. Kalau projek ini akan memanfaatkan rakyat Pulau Pinang. Adakah Konsortium SRS boleh memperolehi lepasan *tax*, *custom fees* dan sebagainya dalam pelaksanaan projek ini dan bolehkah Kementerian Pelancongan misalnya menyumbang kepada pembinaan *tramp*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Pulau Tikus yang sudahpun memberi pandangan terhadap bagaimana bahagian-bahagian atau komponen-komponen boleh dilaksanakan oleh Kementerian atau agensi tertentu misalnya *tramp* memang berada dalam cadangan kalau Kementerian Pelancongan nak membiayai projek *tramp* itu memang kita mengalukan. Jadi kita jimat tanah yang ditebus guna itu. Kalau ada agensi pusat nak membiayainya tanah-tanah yang ditebus guna mungkin saiz akan kurang kalau ditebus guna dan tidak perlu digunakan untuk membiayai projek kerana agensi pusat membiayainya, tanah-tanah itu akan menjadi hak milik Kerajaan Negeri untuk menjana pembangunan dan lain-lain bahagianlah yang perlu dilaksanakan. Kalau ada pembiayaan dan Pusat maka tebus guna, hasil itu kalau dibiayai sepenuhnya RM27 billion tak perlulah tebus guna. Itu memang pendirian Kerajaan Negeri. Kalau Pusat nak membiayai RM27 bilion ringgit maka tak perlulah cara lain untuk mengutip tanah pelaksanaan projek-projek.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya persilakan YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan saya soalan no. 46.

46. Tugas sebagai seorang anggota Penguatkuasa Kerajaan Tempatan amat mencabar dan sering mengalami teguran dan ancaman daripada pihak-pihak tertentu. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkukuh perlindungan kepada anggota-anggota Penguatkuasa terutamanya kepada anggota wanita.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih atas kesempatan memberi jawapan kepada soalan YB. Sungai Pinang. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memperkukuhkan perlindungan kepada anggota-anggota Penguatkuasa terutamanya kepada anggota wanita adalah seperti berikut:-

- Operasi bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

- Bergerak berpasangan bersama anggota lelaki dan menggabungkan antara wanita dan lelaki dalam satu-satu tugas yang terdedah kepada ancaman orang ramai terutama di jalan-jalan raya;
- Menghadiri dan mengadakan kursus-kursus mempertahankan diri dan aktiviti-aktiviti kecergasan;
- Operasi rutin bersama polis bantuan untuk kawalan anggota bertugas;
- Menempatkan sebilangan anggota wanita di Bahagian pejabat atau Unit-unit yang beroperasi di sekitar kawasan pejabat; dan
- Bimbingan serta motivasi dari masa ke semasa supaya lebih berhemah dan bersabar dalam berkonfrantasi dengan orang awam semasa melakukan tugas.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih. Soalan tambahan. Adakah perlindungan *insurance* untuk semua anggota penguatkuasa kita termasuk hospitaliti, kebajikan dan sebagainya?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya percaya perkara ini diambil kira oleh Majlis.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan. Yang Berhormat adakah ada apa-apa cadangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membekalkan alat komunikasi kepada pihak-pihak berkuasa terutamanya kepada anggota-anggota penguatkuasa apabila boleh menghubungi di antara satu sama lain masa-masa kecemasan kerana saya fikir ini adalah perkara yang wajar diberi pertimbangan di mana sekurang-kurangnya di dalam kenderaan yang digunakan untuk memantau kenderaan penguatkuasa kita membekalkan alat komunikasi *short range walkie talkie* di mana mereka boleh berkomunikasi antara satu sama lain. Adakah apa-apa satu cadangan ataupun pertimbangan boleh diberi kepada perkara ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan YB. Seri Delima apa-apa cadangan untuk menambahbaikkan keberkesanan pasukan penguatkuasaan akan diberi pertimbangan dan saya percaya sampai masanya kita memuktamadkan pasukan penguatkuasaan supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dan juga mendapat penghormatan daripada ahli-ahli masyarakat apabila berhadapan dengan Pegawai Penguatkuasaan. Kita tahu bahawa ada perbezaan pegawai penguatkuasaan PBT, berbanding dengan pegawai PDRM atau pun tentera atau askar. Jadi kita pun berharap ahli-ahli masyarakat dapat menghormati Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan walaupun mereka tidak mempunyai kuasa-kuasa yang setimpal dengan lain-lain agensi penguatkuasaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan. Yang Berhormat, baru-baru ini kami telah melihat kualiti penguatkuasa wanita pihak PBT. Saya nak tanya sama ada saya nak tanya bilangan penguatkuasaan wanita serta mungkin pekerja-pekerja JPP yang wanita yang diambil yang sedia ada di dalam PBT dan adakah apa-apa perancangan untuk meningkatkan lagi bilangan pekerja wanita yang dalam peranan-peranan yang secara tradisionalnya diambil oleh lelaki tetapi sekarang dibuktikan bahawa boleh dibuat dengan baik oleh wanita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan MPSP memang bekerjasama melalui Yang Berhormat Profesor untuk melihat pengisian perjawatan dan sebaik-baiknya golongan wanita digalakkan untuk memohon dan diambil sebagai petugas di Pihak Berkuasa Tempatan dan cadangan itupun akan diambil kira oleh Majlis.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya dipersilakan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan saya soalan no. 47.

47. (i) Berapa banyakkah kelab-kelab sukan yang disalurkan peruntukan oleh Kerajaan Negeri dan jumlah peruntukan dari tahun 2008 hingga 2014? Senaraikan.
- (ii) Apakah kejayaan yang telah dicapai oleh kelab-kelab sukan tersebut? Senaraikan.
- (iii) Apakah program-program yang disusun oleh Majlis Sukan Negeri dalam melahirkan atlet yang cemerlang?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Sungai Dua. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang menyalurkan peruntukan kepada persatuan atau kelab yang bernaung di bawah MSNPP. Peruntukan disalurkan untuk pelaksanaan Program Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi yang digerakkan oleh 40 persatuan sukan Negeri Pulau Pinang. Senarai persatuan sukan di Negeri Pulau Pinang akan diedarkan bersama jawapan ini nanti kerana 40 memakan masa untuk bacakan. Peruntukan bersama jabatan berkenaan disalurkan kepada persatuan. Wang yang disalurkan kepada persatuan-persatuan tersebut dari tahun 2008 hingga 2015 dengan secara jumlah adalah seperti berikut:

Tahun 2008, RM737,506.00;

Tahun 2009, RM681,023.00;
Tahun 2010, RM615,259.00;
Tahun 2011, RM459,696.00;
Tahun 2012, RM277,159.00;
Tahun 2013, RM625,930.00;
Tahun 2014, RM497,750.00; *and for*
Tahun 2015 sehingga bulan September ialah RM395,437.00.

Kejayaan yang telah dicapai oleh persatuan-persatuan ini boleh diukur dari segi pencapaian mereka di SUKMA dan juga di temasya sukan antarabangsa seperti Kejohanan Sukan SEA Ke-28 Singapura, Kejohanan *Billiard and Snooker* Berpasukan Antarabangsa di Karachi Pakistan dan Sukan Para Asian Incheon 2014. Kejayaan terperinci yang telah dicapai oleh atlet-atlet dari persatuan-persatuan sukan akan didedarkan.

Program-program yang disusun oleh MSN dalam melahirkan atlet yang cemerlang adalah melalui program latihan elit dan atlet Sukan Malaysia dengan kerjasama daripada persatuan-persatuan sukan negeri yang merangkumi perkara-perkara berikut. Iaitu melaksanakan kem latihan mingguan atlet bagi mengandakan sesi latihan atlet-atlet di bawah pengurusan pegawai sukan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, pegawai sukan pusat, setelit. Institut Sukan Negara Pulau Pinang dan jurulatih Sukan Negeri dan perangkaan program psikologi dan pertumbuhan mental atlet-atlet Negeri dan juga saya nak tambahkan untuk menghasilkan atlet-atlet yang berprestasi tinggi, ibu bapa memainkan peranan yang amat besar. Itu sahaja, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya nak penjelasan terutamanya tentang apakah peruntukan ini disalurkan terus kepada kelab, 40 kelab tadi ini. Disalurkan terus untuk kegunaan kelab untuk pembiayaan pengurusan dan sebagainya untuk pelaksanaan program kelab ataupun diuruskan oleh pihak Majlis Sukan Negeri dan kelab kena pohon kepada MSN untuk pelaksanaan program, itu satu.

Kedua, adakah terdapat perancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan sumbangan ataupun menyalurkan sumbangan terus kepada kelab sukan yang sedia ini, 40 kelab sukan sebab kita nampak tak banyak pun peruntukan disalurkan tak sampai sejuta. Yang disediakan dana ni tak sampai sejuta paling tinggi pun RM700,000 setahun. Kalau kita bahagikan dengan 40 kelab banyak mana ja dapat, tahun 2012 masa bola sepak jatuh ini peruntukan RM200,000. Masa itu bola sepak jatuh, la ni naik balik. Jadi saya minta penjelasan dari segi itu. Adakah hendak pertingkatkan dari segi sumbangan untuk pengurusan. Kelab ini mati, hidup segan mati tak mau kerana kekurangan dana,

dia tak dak dana nak uruskan ahli dia ataupun uruskan ataupun program dan sebagainya. Dia nak buat *friendly game* ka apaka, dia tak dak dana yang cukup, jadi adakah ada usaha untuk meningkatkan peruntukan ini dan juga kalau boleh kita libatkan juga usaha sama bersama pihak swasta macam bola sepak dia ada swasta, pihak swasta, pihak syarikat yang menaja dan sebagainya. Sukan-sukan lain juga kena macam tu, pihak Kerajaan Negeri kena cari usaha kena usaha untuk cari syarikat yang boleh memberi sumbangan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa yang ini memang cadangan yang baik untuk mendapat *sponsor ship* dari pihak swasta dan memang ada persatuan-persatuan sukan atau kelab-kelab pasukan yang berjaya mendapat sokongan dari pihak swasta umpamanya *tennis* atau squash mereka memang ada mendapat sokongan dari pihak-pihak swasta dan juga bola sepak. Bola sepak punya peruntukan tidak dari sini kerana dia terlalu besar tak mampu diberi dari sini, jadi dia ditaja oleh seperti PBA dan PDC dan untuk bagaimana wang ini disalurkan, MSN hanya untuk *sport* berprestasi tinggi jadi dia kalau ada *friendly match* ini bukan tanggungjawab dia atau urusan dia, hanya mereka yang telah dipilih untuk dilatih dan dibangunkan untuk *future athlete* barulah MSN akan memberi elaun, jadi ini adalah memberikan elaun kepada atlet yang telah memenangi pingat ataupun mereka yang dilihat ada potensi untuk mewakili Pulau Pinang. Mereka akan diberi elaun latihan dan juga sumbangan ini dari bentuk memberikan *coach* pelatih. Pelatih akan dibayar oleh MSN sekiranya kita lihat bahawa atlet-atlet persatuan ini mempunyai potensi. Dan juga sumbangan semua yang perbelanjaan yang pergi ke SUKMA semuanya dibelanja dari MSN.

Jadi sampai tahap ini kami rasa masih semua sumbangan ini atau perbelanjaan ini masih cukupi kerana saya nak berterima kasih kepada semua pemimpin-pemimpin ataupun ahli jawatankuasa persatuan-persatuan sukan di Pulau Pinang, mereka memang kebanyakan mereka sangat mampu dan mereka boleh menguruskan persatuan mereka dengan baik tanpa meminta banyak sumbangan dari MSN dan juga pihak Kerajaan jadi merekalah yang memainkan peranan yang sangat penting. Ibu bapa dan persatuan-persatuan memainkan peranan yang sangat penting untuk menghasilkan atlet yang bertaraf antarabangsa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Padang Lalang. Saya juga ingin bertanya terdapat adakah terdapat kejadian-kejadian tertentu di mana atlet-atlet daripada Pulau Pinang tidak mendapat sokongan dana untuk menghadiri temasya sukan di luar negara. Saya sendiri pernah membawa seorang atlet seorang gadis yang terlibat dalam permainan *water polo* di luar negara berjumpa dengan semua EXCO-EXCO di mana kita difahamkan bahawa beliau dan juga rakan-rakan beliau tidak memperolehi peruntukan dana yang telah dijanjikan oleh kementerian dan kejadian ini sering kali berlaku.

Saya ingin bertanya soalan pertama, adakah kejadian ini hanya berlaku kepada semua peserta-peserta sukan daripada Pulau Pinang sahaja? Adakah apa-apa keadaan tertentu mengapa pemberian dana itu tiba-tiba dicantas atau ditarik balik dan saya juga ingin tanya kepada Yang Berhormat, sering kali bila pemberian dana ini dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada kelab-kelab, kita lihat dilaporkan dalam surat khabar bahawa

pemberian dana kepada kelab-kelab tertentu digunakan untuk meluaskan lagi pengaruh politik di mana pemimpin-pemimpin tertentu terutamanya daripada Barisan Pembangkang dipanggil untuk merasmikan majlis-majlis tertentu. Walaupun dana diberi oleh Kerajaan Negeri, kita tidak dijemput. Jadi soalan saya kedua, bagaimanakah cara kita ingin mengelakkan perkara ini daripada berlaku. Sukan adalah sukan. Kita tidak mahu sukan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk meluaskan pengaruh politik terutamanya bila ianya melibatkan pemuda. Jadi itu adalah soalan kedua saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima. Saya rasa dalam pengalaman saya di MSN dan saya rasa di peringkat Negeri dan juga peringkat Negara ada sistemnya, ada kriterianya untuk memberi sumbangan kepada atlet-atlet. Umpamanya kalau dia dipilih menjadi wakil Penang untuk SUKMA ataupun dipilih wakil Negara saya rasa dana mesti diberikan, tak ada saya rasa tak ada *two way about it*, dia mesti diberikan. Jadi dalam yang contoh yang diberi oleh YB. Seri Delima, saya rasa ada sebabnya. Mungkin dia bukan dipilih untuk mewakili, ada ramai ramai atlet dia pergi sendiri untuk mengambil bahagian. Umpamanya di kawasan saya, ada seorang yang angkat berat, atlet berat *master*, 80 tahun masih boleh angkat berat dan dia selalu pergi tapi kita pun tak bagi dia apa-apa sumbangan tapi dia datang kepada saya kerana dia dari kawasan saya. Saya bagi dia sedikit sumbangan. Dia bawa balik juara *master* angkat berat punya.

Jadi ada banyak yang seperti itu, ada kelab-kelab yang mereka nak hantar atlet mereka untuk *exposure*, untuk mendapat pengalaman. Jadi untuk kelas kategori remaja ini, jadi tak dapat lah MSN bagi kerana ramai kita tak mampu bagi kepada semua. Tapi saya harap sekiranya mereka datang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana mereka ada duduk di kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah beri sedikit sumbangan sebagai galakan *as an encouragement* dan pada setahu saya dalam *sport* di Pulau Pinang kalau diberi sumbangan tajaan dan Kerajaan Negeri saya pastikan hanya saya atau rakan saya yang akan pergi untuk merasmikan apa-apa. Tetapi sekiranya itu yang mungkin kalau di Sungai Dua mungkin dia dapat dana dari *channel* dia, jadi mereka jemput dia untuk merasmikan. Saya rasa itu ada.

Tapi sekiranya adalah tajaan Negeri Pulau Pinang saya rasa tak ada, tapi mungkin ada yang lain. Dahulu mungkin umpamanya persatuan-persatuan belia di bawah MSN, MBN. Banyaknya mereka dapat peruntukan terus dan selepas itu mereka buat apa tak beritahu kita. Dia tak jemput, tak beri tahu. Itu lah kami rasa, tak jemput kita pun tak apa, tapi jemput pihak lain. Saya rasa ini kurang menghormati pihak yang memberikan tajaan yang memberikan sumbangan jadi itulah sebabnya, *one of the* sebab cara untuk menyalurkan dana sumbangan akan diubah. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya minta YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalah saya nombor 48.

48. Sebagai proses pengeluaran *strata title* di Pulau Pinang, sejauh manakah kita ketinggalan ke belakang? Dari tahun 2014 sehingga 2015, apakah jumlah yang telah dikeluarkan. Jika ada kelewatan, apakah sebabnya?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Batu Uban ke atas soalan yang cukup baik ini, iaitu sebagai proses pengeluaran *strata title* atau pun hakmilik strata di Pulau Pinang, sejauh manakah kita ketinggalan ke belakang dan dari tahun 2013 sehingga 2015. Apakah jumlah yang telah dikeluarkan. Jika ada kelewatan, apakah sebabnya?

YB. Dato' Speaker, berdasarkan rekod Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) prestasi penyelesaian permohonan hakmilik strata bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sehingga 30 September 2015 adalah di Lampiran A. Oleh itu, sebagai rumusan daripada itu peratus penyelesaian permohonan hakmilik strata di Pulau Pinang adalah di antara yang terbaik kerana 93.98% bagi skim yang telah berjaya diselesaikan yang melibatkan 89.63% petak. Ini adalah kerana peratusan tersebut melibatkan jumlah unit sebenar yang jauh lebih tinggi berbanding beberapa negeri yang mempunyai prestasi yang sama. *Infact* kita adalah negeri yang ketiga di Malaysia, ketiga tertinggi di Malaysia mempunyai skim-skim berstrata selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Untuk tempoh dari Januari 2013 sehingga 28 Oktober 2015 sahaja, sebanyak 118 skim yang melibatkan 18,949 petak telah didaftarkan, YB. Dato' Speaker. Prestasi keseluruhan penyelesaian permohonan hak milik strata sehingga 28 Oktober 2015 adalah seperti berikut:

Permohonan yang diterima : 1,844 skim melibatkan 227,454 petak.

Permohonan yang didaftar : 1,711 skim yang melibatkan 204,929 petak.

Permohonan yang ditolak melibatkan 29 skim yang melibatkan 1,386 petak.

Yang meninggalkan baki permohonan 104 skim yang melibatkan 21,139 jumlah petak. Yang peratus selesai 94.36% skim yang melibatkan 90.70% petak.

YB. Dato' Speaker, permohonan hak milik strata yang dikemukakan ke PTG hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan di bawah Akta Hak Milik Strata 1985. Baki permohonan hak milik strata sehingga 28 Oktober 2015 iaitu sebanyak 104 skim adalah melibatkan beberapa peringkat proses kerja. Sebagai jawapan YB. Batu Uban senarai terperinci baki permohonan tersebut bagi setiap peringkat proses kerja dan sebab-sebab permohonan tidak dapat diluluskan dan hak milik strata tidak dapat dikeluarkan adalah seperti di Lampiran B. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, satu setengah jam soalan lisan telah pun tamat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak atas meja ahli-ahli yang bertanya pada tengah hari ini ketika Dewan Undangan Negeri berhenti rehat dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini, 18 November 2015, Rabu dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 18 November 2015 hari Rabu sehingga jam 11.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju katakan "Ya". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya"

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan masih dalam sesi perbahasan dan kita sambungkan dengan YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, sebelum bermula saya ada aduan lagi. *Mic* saya masih lagi tak berfungsi. Saya dah cuba tadi di luar dan wartawan beritahu bahawa *mic* masih tak berfungsi.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang di-Pertua, saya sokong kerana tadi di luar pun tak dapat dengar EXCO.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

EXCO pun tak ada? Okey.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi boleh saya minta diberi peluang untuk berucap sekali lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker. Saya mohon sambungkan perbahasan bajet tahun 2016, sebelum ini saya untuk makluman Dewan, saya sudah sentuh isu-isu berkaitan dengan ekonomi dan polisi, pembangunan negeri, infrastruktur, keselamatan dan kes-kes jenayah, kesihatan, isu jerebu, isu vape atau pun *vaping*, isu dadah sintetik, isu biasiswa dan pendidikan, mahasiswa-mahasiswa, pembangunan wanita dan kebajikan golongan kurang upaya. Ini yang dibincangkan dan dibahaskan.

YB. Dato' Speaker, kes-kes jenayah di kawasan Kebun Bunga ini, seperti yang dimaklumkan kepada Dewan yang mulia semalam, mengenai *gangsterism*, berkaitan dengan *gangsterism* yang tempatan dan warga asing. *Gangsterism* tempatan dan warga asing ini mengancam keselamatan komuniti kita. Memang sebagai ADUN Kawasan saya berhubung, sentiasa membuat perhubungan dengan pihak Polis untuk mengatasi masalah ini dan saya mengucapkan banyak terima kasih dengan *respond* yang cukup cepat dari pihak Polis. Walau bagaimanapun memang *gangsterism* masih ada aktif di kawasan saya. ...(dengan izin) *life and kicking*.

Kes hanya satu minit saja, saya nak senaraikan kes hidung ditetak sampai kena dijahit balik, kaki dipotong sampai tak ada kaki, tangan ditetak, ini satu minit saja dan kena disambung balik. Saya sendiri yang bantu sambung balik dengan ambulan, dengan paramedik. Lari dari kawasan saya sampai Pulau Tikus, bukan, *motorbike* dan hari hujan juga. Tak ada orang peduli dia mati di tepi jalan. Belum mati lagi bawa tangan balik sambungkan dengan ambulan tak sedar kepala berdarah, mati. Saya bukan paramedik, saya hanya bantu. Saya *stop* kenderaan dari melanggari dia kerana dia sudah jatuh.

Baru-baru seminggu lalu, hidung ditetak, jatuh, jahit tangan semua. Sudah seminit, saya tau. Cukup membayangi kepada kita bahawa *gangsterism* ini kena bersama-sama bagi kita, Kerajaan Pulau Pinang bersama-sama mengatasinya. Dan saya minta lebih lagi sumber manusia pihak Polis dari Kementerian Dalam Negeri hantar lebih anggota Polis ke Pulau Pinang untuk membantu kita. Saya ambil peluang ini selain daripada mengucapkan terima kasih kepada pihak Polis di Pulau Pinang yang tungkus lumus kerja kuat membantu saya, di kawasan saya. Saya juga kadang-kadang bersimpati dengan pihak Polis yang kerja kadang-kadang tak ada masa rehat juga. Saya tengok sendiri kerana saya pergi banyak kali ke Pejabat Polis kadang-kadang mereka kena tidur di pejabat juga kerana tak ada masa untuk rehat.

Ada orang yang cadangkan, ada orang kampung yang cadangkan supaya orang memelihara anjing pengawal di kampung-kampung. Tempat saya ada banyak kampung, Kg. Paper Estate, Mount Erskine, Kg. Air Terjun banyak lagi tempat-tempat kecil di dalam hutan, di dalam *villagers*. Tetapi malangnya aduan dari orang kampung kepada saya adalah anjing pengawal banyak sudah dirampas. Saya tak boleh kata apa-apa. Tapi memang isu *gangsterism* termasuk *gangsterism* dari luar negara, kumpulan warga asing juga serius. Saya ada CCTV, klip-klip CCTV. Lain kali jikalau kita ada TV di dalam, YB. Dato' Speakar di dalam Dewan ini saya akan tayangkan. Tapi datang dengan senjata yang panjang, masuk rumah semua, 150 orang banyak lagi. Sampai pihak Polis *deny* kena pergi dengan senjata-senjata sendiri, sekumpulan mereka dengan sistem mereka sendiri. Jadi ini baru *last week* dan *gangster* yang datang ada datang dari kumpulan tempatan, kumpulan dari Kulim, ada dari Sungai Petani, ada dari Ipoh, ada dari mungkin Selangor, Kajang dan banyak tempat lagi dan cari pasal. Dan kita juga ada masalah dadah.

Bila buat gotong-royong pun boleh dapat cari benda *drugs*, dadah di kawasan saya, dan kawasan saya banyak kubur, tempat perkuburan. Ada orang yang kata ini ADUN Kubur. Padang Tembak ada kubur, Mount Erskine ada kubur, Fettes Park ada kubur, Ladang Lada ada kubur, banyak lagi. Ada, *even* Elsidel ada kubur. Semua tempat ada kubur tetapi di kawasan kubur-kubur ini, saya juga harap pasukan keselamatan boleh ambil tindakan dan juga tuannya tanah juga kena mengawal kawasan. Saya tahu, kawasan ini besar, beratus-ratus ekar tetapi sebagai Kerajaan Pulau Pinang, kita kena responsif, reaktif atau pun dengan tuan tanah dan pihak Polis untuk mengawal kawasan ini. Saya sebagai ADUN saya kena cakap mengenai isu ini. Warga asing yang menjadi gangsters, atau pun penyamun atau pun *robbers*, ...(dengan izin), dia macam *footballers*, dia ada *players* tempatan dan dia ada *players* warga asing. Kadang-kadang bekerjasama. Saya ternampak di CCTV, kerjasama. Macam-macam saya tidak boleh *cam*, pasti ada ternampak macam orang yang bukan *Malaysian*. Pendek kata, komuniti kita terancam dan saya harap tumpuan bukan sahaja tumpuan bajet dan juga tumpuan *administration* dan tumpuan polisi boleh dibuat atas cadangan saya ini. Ya, silakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan. Sebenarnya semalam apabila saya balik, tak selesa sikit tentang keadaan di DUN, Yang di-Pertua kerana apabila saya rasa jika ahli-ahli keluarga atau pun mangsa yang telah pun kehilangan kaki. Kalau langsung tidak ada hidung ditetak melihat kami ketawa mengenai situasi mereka di DUN sebenarnya adalah tidak sesuai. Walaupun apabila diceritakan, satu cerita *fact fiction* sahaja tetapi oleh disebabkan ia memang adalah sebenarnya hakikat kehidupan di kawasan-kawasan Kebun Bunga iaitu sempadan Pulau Tikus, saya rasa memang patut diambil berat. Bagi dan untuk makluman semua, mangsa yang ditetak hidung, yang hilang kaki mereka bukan jahat, mereka bukan salah satu geng, kedua-dua ini mereka dalam perjalanan balik ke rumah waktu malam terserempak dengan geng-geng yang ambil parang dan menjadi mangsa. Yang hilang kaki tersebut, dahulunya dia ada kerja tetap tetapi sekarang dia tidak boleh buat kerja dia lagi kerana perlu bergantung kepada kerusi roda. Dan semasa waktu Deepavali ada beberapa malam bersusulan yang berlakunya jenayah. Salah satu malam itu, kerana ia bersusulan, saya berada di sebuah balai Polis semasa panggilan tiba berkenaan dengan jenayah yang satu lagi. Pada masa itu, memang anggota dalam balai Polis tersebut tidak mencukupi untuk menangani situasi itu. So apa yang diceritakan oleh YB. Kebun Bunga itu adalah amat serius dan amatlah perlu diberi perhatian kerana yang

memegang parang itu bukan sahaja di kawasan awam, mereka sampai guna parang untuk, sudah makan dadah, jadi guna parang untuk mengetuk pintu orang awam, satu-satu rumah. So jadi jika anda tinggal di kawasan itu tiba-tiba orang nak merempuh, ketuk-ketuk, sampai pintu depan anda pecah, ada kerosakan, yang itu adalah amat serius. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan. Saya mencadangkan bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Kebun Bunga bahawanya tulis satu surat secara rasmi kepada CPO Negeri Pulau Pinang kerana ini apabila kita dalam Dewan ini mendengar bahawa nampaknya Ahli Yang Berhormat ada itu bukti-bukti yang kukuh dan jikanya pihak Polis tidak ambil tindakan, kami akan merayu kepada IGP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Sungai Puyu dan YB. Pulau Tikus. Mengenai surat, saya sentiasa berhubung dengan pihak Polis dan memang saya akan tulis surat juga. Yang saya sedar adalah mungkin sumber manusia atau sumber keanggotaan di dalam pasukan Polis ataupun mungkin tidak cukup atau pun *not enough* shiftkah saya tidak pasti. Tetapi kita sedang berusaha dan saya akan tulis surat itu juga.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau sentiasa ada berhubung dengan pihak Polis secara lisan atau secara bertulis? Jika secara bertulis saya merayu bahawa surat itu diberi kepada saya supaya saya boleh bangkit ini dalam Mesyuarat Keselamatan Negeri.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Maaf. Saya hendak bagitahu, bukan sahaja bilangan anggota Polis tetapi SOP mereka juga kerana maklum balas Polis adalah mereka semua bawa parang, apa yang boleh kami buat? So saya tidak pasti SOP berkenaan dengan situasi keganasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

...(dengan izin), Yang Berhormat Dato' Speaker, *to be fair to the Police*, ada yang, ini bukan Balai Polis yang samalah, yang dibilang oleh Pulau Tikus adalah cawangan yang kecil. Balai Polis yang saya sebut adalah di Jalan Patani. Mungkin dia tidak sama.

YB. Dato' Speaker, isu yang kedua yang saya akan bincang adalah mengenai isu penuaan masyarakat, ...(dengan izin), *aging community*, Dato' Speaker. KADUN Kebun Bunga dengan keseluruhannya YB. Dato' Speaker, di Padang Tembak, Ladang Lada, Batu Gantung, Mount Erskine, Fettes Park khususnya di kawasan Padang Tembak terdapat

kepadatan tinggi, *high density*, kepadatan tinggi warga emas. Contohnya, contoh boleh diambil di kawasan ini ada lebih kurang 3,699 unit pangsapuri yang lebih kecil daripada 400 kaki persegi, unit yang lebih kecil daripada 400 kaki persegi dan ini ada 3,699 unit. Di kawasan yang beberapa ekar ini, ...(dengan izin), *high density* ini, ditinggal, didiami oleh banyak orang warga emas atau pun orang umur bersara, uzur atau pun OKU, banyak. Dia datang dari seluruh Pulau Pinang ada pun dari Kedah. Pendek kata kawasan Padang Tembak ini bangunan pun uzur dan bangunan ini merupakan bangunan yang terlama. Ini isu *aging community* YB. Dato' Speaker, bangunan lama, komuniti ini juga lama, atau pun tua atau pun berumur, uzur dan komuniti ini ...(dengan izin), *keyword* dia, dia tersangkut, terperangkap di dalam satu *time capsule*, ...(dengan izin), YB. Dato' Speaker, orang yang berdiam di dalam susah hendak keluar. Yang boleh keluar dari komuniti Padang Tembak ataupun *inner city*, jikalau nama yang tidak baik, ...(dengan izin), *inner city rot* ini, orang tak boleh keluar kerana mereka telah uzur, mungkin kurang upaya fizikal ataupun mental, ataupun sakit, ataupun ditinggalkan oleh keluarga, ataupun *displace people*, ...(dengan izin) kerana kes banjir, kes api terbakar, atau apa-apa lagi ataupun keluarga bermasalah. Saya bukan hendak menghinakan siapa-siapa tetapi ada masalah, tetapi semua dikumpulkan di kawasan saya kerana sewa pangsapuri ini murah.

Isu YB. Dato' Speaker, isu yang saya hendak bawa ke Dewan yang mulia ini adalah dengan masyarakat ataupun komuniti yang cukup *aging* itu, yang sukar bagi mereka yang tinggal di kawasan ini untuk *sustain*, untuk menyokong komuniti sendiri. Jadi banyak yang tinggal dengan keadaan sengsara, *problem*, mental, fizikal dan memang ada komuniti yang cukup baik, cukup berniat baik, datang dari seluruh Pulau Pinang, jikalau bukan datang dari seluruh Malaysia, datang bantu, kebajikan, *benevolent society*, ...(dengan izin), banyak datang bantu tetapi dengan secara keseluruhannya, ini kes macam memberi ikan dan tidak memberi hak, *teach them how to fish*, ...(dengan izin), *empower*, *give capacity*, ...(dengan izin), kepada masyarakat saya dan saya terperangkap kerana saya ada dua (2) masalah. Satu (1) adalah masalah fizikal ataupun kawasan itu memang merosot.

YB. Dato' Speaker, pangsapuri Padang Tembak adalah pangsapuri yang terlama di Malaysia. Salah satu terlama di Malaysia. Dibina pada tahun 50-an, 60-an. Lebih lama dari Free School Flat, flat di Free School itu dan seringkali saya membawa isu mengenai *upgrading* atau pun membina semula Padang Tembak ini dan kajian dan pertandingan mengenai *revitalized*, ...(dengan izin), membina semula kawasan ini telah dibuat. Kes pertandingan antarabangsa juga dibuat dan juga terdapat cadangan yang cukup baik untuk mengubahsuai dan *rejuvenated*, ...(dengan izin), membuat baik semula, memperbaharui Padang Tembak. Sudah ada, semua ada dan tetapi tidak ada tindakan sampai sekarang. Ini sakit hati kepada saya tengok orang tua, orang kurang upaya dan orang kurang suara di masyarakat Pulau Pinang ini. Tiap-tiap hari mengalami keadaan yang cukup buruk itu. Satu contoh saya kena bawa dan saya sudah bawa tiga (3) tahun kepada Kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan saya sentiasa bawa, saya minta maaf kepada semua yang sudah dengar 10 kali, 20 kali yang saya bincangkan adalah dinding, *the wall* bangunan jatuh, bukan jatuh, dia batu bata di tingkat 16 jatuh. Kadang-kadang jikalau tidak *accident* dia boleh hentam orang dari 16 tingkat atau 12 tingkat. Momentum dia, ini macam peluru jatuh dari tempat tinggi tetapi jawapan dari agensi kerajaan kepada saya adalah satu (1), kita tidak ada bajet atau pun dua (2), kita sedang kaji atau pun tiga (3), kita sedang mengemaskini atau pun ubah suai tetapi ambil masa tetapi satu hari demi satu (1) hari, satu (1) tahun demi satu (1) tahun kemudiannya tak ada

penyelesaian. Banyak lagi, saya tidak mahu bincang tetapi ...(dengan izin), *to cut the story short*, pendekkan kata, saya kena ada dapat tindakan dari Kerajaan. Saya kena, saya akan buat sesuatu yang lebih luar biasa jikalau diperlukan. Saya akan buat sesuatu, saya tidak tahu apa lagi...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanjong Bunga hendak ajar macam mana buat.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih Yang di-Pertua. Sebenarnya saya juga hendak bangkitkan isu dalam perbahasan saya tetapi tidak sempat kerana makan masa yang panjang untuk isu lain. Saya fikir isu ini memang perlu diambil perhatian bukan sahaja saya fikir Kebun Bunga dan juga Berapit juga ada dalam perbahasan membangkitkan isu *aging* ini terutamanya satu fenomena abad ke-21. Dengan 1.7 juta di Pulau Pinang ini, dengan i-Sejahtera mungkin kita sudah akan sampai ke tahap isu penuaan di mana definisi isu penuaan apabila peratusan penduduk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15% daripada jumlah penduduklah. Jadi saya fikir, negeri kita juga akan menjadi satu tahap yang dekat dan dijangkakan oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) 2009 pada masa itu Malaysia akan menjadi satu negara tua pada tahun 2030.

Jadi soalnya, apakah komitmen Kerajaan Negeri boleh buat untuk mewujudkan warga emas atau yang isu penuaan ini yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesederhanaan hidup dan pembangunan negeri dan supaya dipromosikan sebagai satu aset. Apakah aktiviti promosi boleh diadakan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit saja. Saya pagi ini agak mengantuk juga kerana balik pukul 11 tadi, dan bangun awal pagi tetapi bila dengar Kebun Bunga di sebelah kanan dan Tanjong Bunga di sebelah kiri, saya pun tersedar. Tanjong Bunga dan Kebun Bunga, memberi persepsi seolah-olah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengabaikan warga emas. Memang EXCO akan memberi penjelasan ini. Saya fikir selepas 2008, kita telah menunjukkan keprihatinan kepada warga emas, malahan kita yang mula-mula mempelopori pemberian RM100 kepada warga emas. RM100 itu tidak banyak, tapi ini adalah untuk menghargai warga emas. Kalau Tanjong Bunga kelmarin, saya tak ada di sini masa diperbahas, tapi laluan pun tak diberikan, senantiasanya ingin menyarankan supaya tempoh berkhidmat Ketua Menteri dihadkan dua (2) kali, tiga (3) kali, dua (2) kali...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, apa yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berbalik kepada isu ini, hari ini Tanjong Bunga mencadangkan seolah-olah bahawa kita tak memberi perhatian kepada warga emas. Kita memberi perhatian kepada warga emas. Kalau terdapat apa-apa masalah di kawasan tertentu, bangunan yang usang, saya sedar YB. Kebun Bunga ini memang prihatin, tapi saya fikir kita boleh mengadakan satu perbincangan secara sulit dengan Yang Berhormat EXCO, mengemukakan permintaan-permintaan dan banyak kali perkara-perkara ini telah dilaksanakan di kawasan saya. Jadi saya rasa kemungkinan Tanjong Bunga dan Kebun Bunga ini perlu menangani cara-cara lainlah untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di kawasan itu. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya cuma nak memperingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan, mungkin ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang akan berhujah tidak bersama dengan pandangan Yang Berhormat tetapi itu semua perlu dihormati selagi Speaker memberi laluan dan terima dan tidaklah saya rasa tidaklah elok untuk meminta ataupun merayu kepada seseorang Yang Berhormat supaya tidak berbangkit apa-apa masalah dalam Dewan ini. Dengan itu, sila Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Minta laluan, nanti nak tanya boleh..(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang berkaitan sahaja...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Yang berkaitan memang berkaitan. Yang berkaitan apa yang dinasihatkan Yang di-Pertua, itu ada satu pandangan yang *open minded*, *open politics* saya terima. Apa-apa yang disebutkan, tak apa itu tak apa itu terpulang kepada Dewan ini dan juga terpulang kepada rakyat di luar sana untuk membuat keputusan. Terima kasih

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Minta laluan..(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Tikus dulu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Okey, saya nak mencadangkan agar Jabatan Perumahan bersama dengan Jabatan Kebajikan sama ada kami boleh berusaha agar dua (2) orang pekerja sosial, *social worker* boleh ditempatkan di setiap perumahan yang bermasalah misalnya Rifle

Range atau pun bermula dengan perumahan-perumahan yang ada tunggakan penyelenggaraan yang tinggi kerana tunggakan penyelenggaraan yang tinggi mungkin adalah simptom masalah sosial. *Social worker*, pekerja sosial ini bolehlah mengenal pasti keluarga-keluarga yang mungkin menghadapi masalah termasuk juga menjaga kebajikan warga emas di sana dan kemudahan *community center* memang adalah satu yang biasa dilihat di kawasan perumahan tempat-tempat lain. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Empat butir, terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya nak mengatakan bahawa YB. Dato' Speaker cukup arif mengenai demokrasi Dewan itu. Yang kedua saya mengucapkan terima kasih kepada Pulau Tikus kerana mencadangkan solusi *welfare*, kebajikan, ini bagus tetapi *point* saya ...(dengan izin) bukan mengenai kebajikan sahaja. Memang kebajikan kita kena ambil tindakan tetapi isu saya adalah keuzuran atau pun *the old aged of the building*, ...(dengan izin), *this is what I'm getting at* ...(dengan izin), *sorry*. Ketiga kepada Seri Delima, saya ambil dengan hati terbuka mengenai pandangan Seri Delima, tetapi peluang dan hak saya bersuara bagi kawasan saya, bagi pengundi-pengundi saya adalah amat-amat faham tau, penting dan jikalau saya tidak boleh suara di Dewan yang mulia ini untuk kebajikan dan kepentingan saya kerana Seri Delima berhentikan saya berucap ini memang menjadi satu *problem*.. (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, minta laluan, minta penjelasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Satu *problem* yang amat besar bagi kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan sikit, ini bukan batu api.. (gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Dua (2) minit, dua (2) minit.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Apa dua (2) minit? Itu bukan ditentu oleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya tertariklah dengan ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat saya nak sokong ingatan itu, kita di kawasan kita, kita saja taHu *problem*. Jangan jaga tepi kain orang nanti nampak benda susah. Saya mohon menyokong ucapan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nak minta penjelasan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya cuma nak ingat dalam Dewan ini sememangnya kita bagi ruang yang cukup, tetapi juga masa tolong jaga.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nak minta penjelasan.. .(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

EXCO boleh gulung nanti.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanjong Bunga pun cukuplah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Susah nak ada sedikit tambahan..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya ingin nak bagi...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tolong pandang ke sini dan yang lain tolong duduk dulu, Tanjong Bunga pun cukuplah untuk bab *aging society* sudah hampir setengah jam dah, mana ada Dewan dalam Malaysia ini bahas satu tajuk saja begitu lama lagi. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jaga masa, saya hadkan dalam sepuluh minit sahaja

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, saya jaga masa. Terima kasih Yang Berhormat, Yang Arif, YB. Dato' Speaker. Saya hanya akan pendekkan apa yang sebenarnya banyak lagi maklumat tapi, saya rasa dua (2) minggu lalu saya rasa amat gembira kerana saya kan tak bawa surat khabar ini kerana kucing saya sudah. Saya tak bawa surat khabar adalah mengenai pembaharui

pangsapuri atau taman, kemungkinan Taman Free School atau pun cadangan dari pihak swasta ke untuk mengubahsuai ataupun *upgrade* ataupun membina semula Taman Free School, dan apabila saya tengok laporan surat khabar ini yang dua tiga minggu lalu, saya berasa amat gembira kerana saya rasa ini satu (1) ...(dengan izin) *new hope*, satu harapan baru bagi saya di Padang Tembak kerana dah tiga (3) tahun tak henti-henti menyeru kepada Kerajaan kita untuk cari peluang untuk membina semula Padang Tembak. Soalan ataupun jawapan, *sorry* jawapan yang diberi sentiasa adalah mengubahsuai memang lebih daripada RM1.0 juta ataupun RM2.0 juta angka dia, saya tak boleh ingat satu dua juta telah dilabur atas kawasan pangsapuri Padang Tembak tetapi, jikalau YB. Dato' Speaker datang ke Padang Tembak dan tengok dengan mata sendiri, YB. Dato' Speaker saya pasti akan juga ambil pandangan sama dengan saya bahawa bangunan, sembilan (9) bangunan yang uzur ini kena dibina balik di kawasan atau pun di kawasan sebelah yang masih Kerajaan Pulau Pinang dan Kerajaan Tempatan masih ada tanah di sebelah Padang Tembak. Pendek kata, kunjungan ataupun perhatian polisi dan bajet dan juga tindakan sesuatu kerajaan kena ditumpukan dikawasan di mana bukan sahaja kita bina kondo-kondo yang cukup canggih misalnya, di Pulau Tikus. Tinggi 36 tingkat, sini 50 tingkat, 53 tingkat, 60 tingkat canggih kita boleh dapat pelawat, pelabur, pelancong apa lagi ke Pulau Pinang. Tetapi, tengok balik di kebun bunga di belakang rumah kita ini, kita ternampak bukan selain daripada monyet dan juga pandangan yang tak semestinya kita suka. Pemandangan yang tak semestinya kita suka.

Saya rasa adalah penting saya *acknowledge* atau pun menjawab balik kepada Seri Delima tadi saya rasa penting mengenai satu isu yang bila Seri Delima mengatakan seolah-olah saya Kebun Bunga tidak merasai kegemaran, keperihatinan Kerajaan Pulau Pinang terhadap orang yang kurang upaya ataupun warga emas...nanti-nanti...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak sokong sahaja.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, terima kasih, saya nak beritahu oleh dengan secara positif oleh kerana kita yang memberi keperihatinan kepada OKU, warga emas oleh kerana itulah kita, saya sebagai saya dan Tanjong Bunga dan ke semua ahli-ahli termasuk pembangkang ambil masa buat kajian, ambil masa menyuarakan di sini, ambil masa berdiri, ambil masa malam kerja, pergi kawasan untuk menyuara bagi yang tidak bersuara.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kebun Bunga, lima (5) minit lagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kenapa Seri Delima kenapa jadi putih?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, saya minta..(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Nanti boleh gulung.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya nak *cast* sebelum saya gulung.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker jika...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kalau boleh saya nak beri penjelasan...(gangguan)

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Jikalau boleh saya masih ada masa...(gangguan). Ini menjejaskan suara-suara orang saya. *I mean* pengundi saya...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Empat (4) minit sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kalau boleh saya nak beri penjelasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Please EXCO, YB. Datok Keramat,

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tinggal tiga (3) minit sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Please, very short, Dato'.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya teruskan Dato' Speaker, kita *policy maker* 40 orang di dalam ADUN didalam Dewan ini *policy maker*, pembuat dasar kita dipilih oleh rakyat sebagai pemegang amanah bagi Negeri Pulau Pinang sebelum itu ada orang yang lain mereka.....(dengan izin) *mess out* Pulau Pinang ...(dengan izin) kita dah ambil alih dah tujuh (7) tahun dahulu

kita diberi amanah YB. Dato' Speaker untuk buat lebih baik tanya kepada kita semua kita buat bertungkus lumus kita buat banyak tanya kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Lim Guan Eng yang bawa kita memimpin kita bersama-sama kita buat kerja demi rakyat. Ini kita buat. Ini bukan satu *attack* terhadap kerajaan kita. Saya salah seorang ahli di dalam kerajaan, memang saya tidak akan kritik macam itu, tapi apa saya nak kata dan ...(dengan izin) *remind myself* adalah amanah diberi kepada kita. Saya bukan berdiri di sini kerana saya syok sendiri ...(dengan izin). Saya berdiri di sini kerana diberi amanah. Contoh kita ambil contoh, tak mau ambil contoh lagilah tak cukup masa.

Kesimpulan YB. Dato' Speaker, ya sekejap saya gulungkan. YB. Dato' Speaker, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga iaitu di dalam tahun ini dahulu YB. Dato' Speaker ada arahkan supaya Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan mengemukakan laporan ini perkara penting, ini yang *last* sekali. Mengemukakan satu laporan iaitu laporan yang sekarang merupakan laporan inilah yang nipis 10 muka surat, 10 muka surat supaya Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan mengemukakan laporan projek jalan-jalan utama dan terowong Pulau Pinang di Dewan yang mulia ini. Laporan ini telah di serahkan kepada ADUN-ADUN termasuk saya sendiri tujuh (7) hari sebelum mesyuarat ataupun beberapa hari lebih kurang sebelum mesyuarat ini dalam kedua penggal. Pendek kata, saya rasa amat kecewa saya nak memang ini akan dirakamkan. Saya rasa amat kecewa dan saya menyatakan begitu kerana saya rasa jikalau saya suarakan ini mungkin akan membantu *standard* operasi kita. *Standard* kita saya rasa kecewa kerana beberapa sebab laporan ini diarah YB. Dato' Speaker, yang pertama.

Kedua untuk kepentingan dan amanah Negeri Pulau Pinang laporan ini perlu dibuat kerana ini memantau, mengkaji kemudiannya lapor balik kepada Dewan 40 ADUN di sini, ini kedua. Fakta ketiga, laporan berkaitan dengan, dengar baik-baik, lebih kurang nilai ataupun nilai tanah yang berkeluasan beratus ekar. Pendek kata maksud saya laporan ini berkaitan dengan tanah Pulau Pinang, tanah Pulau Pinang tanah Rakyat Pulau Pinang apa-apa *alienation*, pengagihan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Perkara ini saya telah pun buat *ruling*, saya rasa di situlah telah pun akan berpeluang jawatankuasa ini bermesyuarat dan laporan itu pun juga dikira sebagai penyata kepada Dewan ini juga .

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, bebarapa ayat lagi sahaja YB. Dato' Speaker. Saya buat cadangan tadi yang saya tidak sempat selesaikan ini saya khuatir kerana jikalau laporan dikembalikan di dalam sesi yang akan datang ini tanpa peringatan saya ini mungkin tapi tidak apa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga saya rasa Jawatankuasa Kira-kira faham macam mana hendak buat laporan yang boleh diterima oleh Dewan dari masa kesemasa. Isu yang lain?

Ahli kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya hanya akan merakamkan bahawa saya cuba, saya cubalah membantu menyempurnakan laporan ini. Isu yang lain ialah yang *last* sekali YB. Dato' Speaker adalah mengenai industri perfileman yang sedang bukan sahaja ditubuhkan diperkuatkan tapi dengan sukacitanya saya juga hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini ada lebih kurang 10 sampai 15 filem dibuat di Pulau Pinang tahun ini dan pelaburan wang yang masuk ke Pulau Pinang ke daerah ataupun kawasan swasta atau syarikat swasta adalah lebih dari tahun yang lalu lebih kurang RM145 juta. Jikalau kira jumlah produksi wang yang diambil di dalam filem itu misalnya satu saja, Operasi Mekong yang saya sudah selain diambil dari EXCO Pelancongan Batu Lintang saya dah beberapa bulan berkerja sama dengan syarikat produksi filem Operasi Mekong yang berkait dengan filem *star* utama Louis Khoo dan Eddie Peng Yu Yuen ...(dengan izin) dan mungkin ...(dengan izin) yang dibuat di Pulau Pinang sekarang masih *shooting* di Pulau Pinang dengan menggunakan beberapa tempat. Kita berusaha sebagai ahli di dalam Jawatankuasa Kecil Filem Perindustrian di bawah MMK Perindustrian, Dato' Rashid kita berusaha dan saya sentiasa berhubung dengan pihak perfileman antarabangsa dan kali ini filem ini mengenai Operasi Mekong yang dibuat di Malaysia Pulau Pinang ini pelaburannya adalah RM40 juta. Walaupun wang ini bukan masuk ke dalam *copper* ataupun *treasurer* Negeri Pulau Pinang tapi dia masuk ke swasta jadi dengan ini saya mengucapkan terima kasih kerana sudi mendengar suara pengundi saya Kebun Bunga dan saya memohon menyokong, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. YB. Sungai Aceh, silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Sehati Sejiwa. YB. Dato' Speaker dan seluruh rakan-rakan ahli mesyuarat. Yang pertama YB. Dato' Speaker saya nak mengambil kesempatan pada pagi, pada tengah hari ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anak, cucu dan keluarga yang telah berjaya dalam peperiksaan keputusan UPSR kelmarin. Mengikut rekod dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun ini yang mendapat *straight A* adalah seramai 2,430 orang 10.8% berbanding dengan 2014, 2,335 10.03%. Manakala di kawasan SPS pula seramai 294 orang 10.54%. Tahniah, tahniah dan terima kasih kepada guru yang mendidik anak cucu kita.

YB. Dato' Speaker, pertama saya nak rujuk kepada soalan bertulis saya No. 30 saya bacakan. Soalan saya berbunyi "Apakah tindakan serta langkah pencegahan yang diambil oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam menangani isu berkaitan keramat, khurafat dan kadang-kadang ada Khatib yang membaca khutbah di masjid di mana isi kandungannya boleh memecahbelahkan anak qariah. Jika ada tindakan yang telah diambil, sila nyatakan qariah tersebut dan nyatakan apakah tindakan yang telah diambil?"

Jawapannya, saya masuk para yang kedua. Dia ada para pertama ini berkait dengan khurafat. Para kedua Majlis Agama Islam Pulau Pinang juga mengambil perhatian terhadap Khatib jemputan yang berkhotbah Jumaat yang membawa fahaman

politik sehingga boleh memecah belah perpaduan umat Islam. Dalam tempoh 2010 hingga Oktober 2015 Jabatan Hal Agama Pulau Pinang telah menerima enam (6) aduan rasmi berkenaan Khatib jemputan yang membaca Khutbah di Masjid Padang Menora, SPU, Masjid Bandar Perda, SPT, Masjid Lama Sungai Bakap, SPS, Masjid Seberang Jaya, SPT, Masjid Sungai Tiram, DBD dan Masjid Sembilang, SPT siasatan dan perbincangan telah dibuat dengan pihak masjid dan juga Khatib.

YB. Dato' Speaker sebagai mana kita sedia maklum, khususnya orang-orang Islam setiap masjid sekurang-kurangnya ada dua (2) Imam yang diberi elaun oleh kerajaan setiap bulan. Iman ini juga adalah merupakan Khatib yang diberikan tauliah untuk membaca khutbah tapi mengapa pula dibenarkan Khatib jemputan untuk baca khutbah? Adakah setiap jemputan mempunyai tauliah? Sebagaimana dimaklum, ada juga Khatib membaca khutbah yang boleh memecah belahkan anak qariah. Saya *highlight* kan perkara ini. Bukankah pihak Jabatan Agama atau pun Pejabat Mufti telah menyediakan teks khutbah sebagaimana lazimnya dan kenapa pula Khatib ini tidak menggunakan teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama dan Pejabat Mufti? Isu ini sebenarnya YB. Dato' Speaker telah banyak kali dibawa di Dewan ini. Saya pohon jasa baik pihak jabatan yang bertanggungjawab supaya dapat selesaikan segera lebih-lebih lagi tindakan kepada amalan yang telah dibuat oleh beberapa masjid ini.

Yang kedua YB. Dato' Speaker, berkaitan dengan soalan bertulis berkait dengan soalan bertulis No. 23 "Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia adalah satu simbol nasionalisma dan perpaduan rakyat Malaysia. Tidak sepatutnya isu ini dipolitikkan oleh mana-mana pihak. Tema Hari Kemerdekaan pula adalah simbol penyatuan rakyat dan jati diri negara bangsa. Mengapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mahu menggunakan tema Hari Kebangsaan yang sama dengan tema yang digunakan di seluruh negara? Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menggunakan tema yang sama diputuskan oleh Kerajaan Pusat?"

Jawapannya "Kerajaan Negeri tidak menggunakan tema Hari Kebangsaan yang sama dengan Kerajaan Persekutuan memandangkan Kerajaan Negeri berpandangan bahawa tema-tema yang digunakan oleh Kerajaan Pusat mempunyai sensitiviti politik yang ini telah menggunakan tema Hari Kebangsaan berbeza mulai tahun 2010 hingga 2014. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009, 2008, 2005 Kerajaan Negeri telah menggunakan tema yang sama dan selari dengan Kerajaan Pusat".

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih Ahli Kawasan Sungai Aceh. Saya hendak tanya Ahli Kawasan Sungai Aceh jawapan yang diberi bahawa ia mempunyai kaitan politik? "Sehati Sejiwa". Saya nak tanya YB. Dato' Speaker dan Ahli Dewan, "Sehati Sejiwa" adakah itu politik? Kitakan semua nakkan kita semua supaya bersatu padu kita kasih mengasihani antara kita sayangkan negara, patriotisme. "Sehati Sejiwa" itu cukup murni dan cukup indah dan tidak ada isu politik dalam kata-kata itu. Jadi kenapa mempunyai prasangka? Setiap yang ada yang dibuat oleh Kerajaan Pusat itu semua ada hal politik. Saya ingat sambutan Hari Kebangsaan hendaklah ...(dengan izin) *over and above politics*. Meleпасi sempadan politik kerana kita semua "Sehati Sejiwa" menyayangi negara, hormati antara kita dan inginkan perpaduan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak minta penjelasan, mungkin YB. Sungai Aceh boleh jelaskan sekali. Penjelasan. Apakah yang begitu salah dengan “Bersih, Cekap dan Amanah”? Saya ingin minta YB. Sungai Aceh menjelaskan bukannya “Bersih, Cekap dan Amanah” ini sesuatu yang telah diperkenalkan oleh Mantan Perdana Menteri dan apakah begitu salah dengan slogan “Bersih, Cekap dan Amanah”? Bolehkan YB. Sungai Aceh beri penjelasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, hebat YB. Seri Delima ni. Kelmarin kata tak mahu datang dah mai hari ni. Mai juga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sayang dekat Ahli Kawasan Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, “Sehati Sejiwa”. Saya sebut dah tadi “Sehati Sejiwa”. Maksudnya dengan YB. Seri Delima saya sama kita “Sehati Sejiwa”. Walaupun berbeza dengan YB. Tanjung Bunga dan YB. Kebun Bunga. Itu berbeza pandangan.

Sebenarnya YB. Dato' Speaker, Negara kita ini, saya nak nyanyi lagu lama negara kita Negara Malaysia. Negeri kita Negeri Pulau Pinang atau Pulau Mutiara bukan Delima, Mutiara. Pulau Pinang salah sebuah negeri di bawah Negara Malaysia. Ibu Negara kita Kuala Lumpur. Okey, YB. Seri Delima dah setuju dia angguk, dia setujulah. Setiap tahun tanggal 31 Ogos kita sambut Hari Kebangsaan dengan penuh kebanggaan sebagai warga Malaysia. Dan setiap kali sambutan ada temanya. Tetapi kenapa Pulau Pinang tidak ikut tema yang ditentukan? Bukankah kita “Sehati Sejiwa”? Kita warganegara Malaysia kita cintakan Malaysia. Satu lagi kita sambut Hari Kebangsaan Malaysia bukan kita sambut Hari Kebangsaan Pulau Pinang yang perlu ada temanya sendiri.

Ahli Kawasan Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Penjelasan YB. Sungai Aceh. Betul, penjelasan kerana saya tertarik dengan ucapan Ahli Kawasan Sungai Aceh dan saya pun ada perhati YB. Sungai Aceh sudah banyak kali tak datang kepada Hari Kemerdekaan di sambut di Pulau Pinang. Sudah banyak kali tidak datang. Tahun lalu tak datang tahun ini tidak datang. Adakah sambut di rumah sahaja?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Perangai Air Itam macam itulah. Sebab itu dia nama Air Itam. *Floor* saya. Setiap tahun memang di kawasan kita buat sendiri dan kebetulan memang ada tiga (3) pada hari itu seolah-olah macam kami sudah pergi itu pun setelah negeri setuju untuk ubah selepas itu. Betul? Kena jelas perkara ini. YB. Dato' Speaker perkara seterusnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Sungai Aceh masih belum beri penjelasan terhadap perkara yang saya minta.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Kalau YB. Seri Delima setuju nak jawapan boleh berhubung dengan bekas Mantan Perdana Menteri, betullah. YB. Dato' Speaker, ini berkaitan dengan JKK. "Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Komuniti dalam Negeri Pulau Pinang nak membangunkan projek itu dan senaraikan projek yang telah disalurkan?" Disebut di sini Timur Laut, Barat Daya, Utara, Tengah, Selatan saya sebut Selatan RM1,200,000.00. Maklumat terperinci jumlah berkaitan peruntukan mengikut daerah dan KADUN seperti di Lampiran. So kalau ikut di sini mengikut Daerah Seberang Perai Selatan, RM1,200,000.00, Jawi RM300,000.00. Ahli Kawasan Jawi tahu tak mereka beri dekat JKK RM300,000 peruntukan? Tidak tahu macam mana ketepikan Wakil Rakyat ni? Ahli Kawasan Jawi RM300,000 tak tahulah ini rekod. Bukan nak maklum, kesian dekat dia. Tak ambil berat dekat dia. Pinggirkan YB. Jawi macam mana. Kesian YB. Jawi itulah. Kemudian Sungai Bakap RM300,000, Bukit Tambun, Dato' RM300,000. JKK kawasan Dato' kan? Sungai Aceh RM100,000. Itu saya hairan macam mana kata C.A.T ini. Cekap Telus dan Akauntabiliti.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):

Tolong *check* fakta itu nanti silap, bahaya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak silap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):

Tengok betul-betul lagi sekali.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak silap, tak silap. RM100,000. Dato' Speaker, saya pun cemburu juga dengan Bukit Tambun dapat RM300,000. Kemudian yang menarik itu dia bagi dekat Parlimen RM200,000 yang itu kot tarik terus. Pasal Dato' Mansor PKR RM200,000. Barisan Nasional RM100,000. Mereka dok *complain* kata *federal* anak tiri rupanya berlaku.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Pohon laluan Ahli Kawasan Sungai Aceh. Sungai Aceh, pohon laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tolonglah, anakanda gulung.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tak bagi nak tanya juga *federal* beri berapa?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Betul Dato', saya cakap betulkan. Suruh duduk betul la kan? *Floor* saya. Saya macam YB. Sungai Dua sebut kelmarin lah bayar cukai banyak juga la. Cukai pintu di sana, taman pun banyak. Tetapi dapat RM100,000 tak pa lah. Nak buat macam mana dianaktiri. Kepala Batas tanya berapa? Kepala Batas banyak la kot. Tak apa saya sebut pa lah. Sebutlah dah permintaan. Nanti saya beritahu lah.

YB. Dato' Speaker, cuma saya nak tanya apakah pembangunan yang dibuat oleh JKK dari peruntukan tersebut? Katalah pergi Sungai Aceh RM100,000 JKK. Apa dia bentuk pembangunan? Istilah pembangunan yang telah dibuat di KADUN Sungai Aceh RM100,000.00 saya nak tanya contoh dan JKK lain. Kemudian YB. Dato' Speaker, kaitan dengan pelantikan JKK. Saya bertanya YB. Pantai Jerejak dah jawab, nampak jawab pun macam tak lancar kelmarin. Katanya saya tanya betul tak sekarang ini buat pemutihan beransur politik? Saya difahamkan Ahli-ahli PAS yang jadi Ahli JKK dibuang sekiranya tidak turut sama dalam parti baru? Ini telah dimaklum oleh YB. Pantai Jerejak secara tidak langsung pada tanggal 16/11/2015. Kemudian pada tarikh 16/11/2015 juga, YB. Perai kata peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil tidak beransur politik. Mengambarkan Kerajaan Negeri ini begitu Cekap, Telus dan Akauntabiliti. Kemudian 17 hari bulan, YB. Batu Maung pula sebut pelantikan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam tidak kira parti kata Batu Maung. Bila tanya nama tidak boleh, sulit, rahsia. Yang saya tanya nama saya minta maaf kalau saya terkasar. Saya nak beritahu kat YB. Batu Maung kalau nak bisik secara sulit saya tidak mahu macam YB. Seri Delima kata cara sulit dengan YB. Datok Keramat. Kalau saya buat sulit nanti kata kita dua pakat dua (2) orang pula. YB. Batu Maung nak masukkan dalam ni lah pula. Ini saya ceritalah, saya cerita sebenarnya begini ini ikhlas cakap tidak ada niat mana-mana. Ada kawan-kawan saya ini kebetulan kawan-kawan YB. Batu Maung. Kami geng Ketua Pemuda zaman Pak Sheikh. Suruh dia nafi kata bukan. Kami bersama-sama menyokong Pak Sheikh tanya dia. Kalau dia nafi, cakap tang sini. Jadi kawan-kawan tanya betul ke YB. Dato' Haji Abdul Malik nak jadi Yang di-Pertua Majlis Agama Islam dia nak sangat-sangat. Saya kata mana boleh? Sebab YB. Dato' Haji Abdul Malik bukan sifatnya itu masa zaman dulu. Dia tidak tamak kepada jawatan. Saya mesti bela. Betul. Lepas itu ada kawan yang lain pula kata baguslah. Kalau YB. Batu Maung jadi Yang di-Pertua Majlis, lepas ini peruntukan zakat mudah lah *back to school* ka apa boleh dapat. Banyak depa kata. *Back to school* ada program di sini Yang Berhormat. Ini ikhlas saya bukan Akta Hasutan tetapi nak cerita. Itu yang saya nak timbul saya takut YB. Rayer timbul kata hasutan. Tapi saya pun sedia dah buku ini.

Okey, kemudian berkait kepada tiga (3) kenyataan tadi. Kenyataan YB. Pantai Jerejak memang dah jawab, Pantai Jerejak jawab tadi memang dia berbau politik cerita JKK elok kena ikut kerana tak ikut parti- baru baru, nak buang. Kemudian YB. Perai kata

tidak berbau politik, YB. Batu Maung kata berbau politik. Jadi YB. Dato' Speaker, mereka duduk sebaris Timbalan Ketua Menteri I, Timbalan Ketua Menteri II, YB. Batu Maung langkah YB. Padang Kota kelmarin lewat masuk. Duduk sebaris mereka tidak Sehati Sejiwa. Dengan pendapat yang berbeza. Yang dua (2) kata bukan politik yang satu (1) kata politik. Kacau bilau macam ini. Ahli Kawasan Pulau Betong faham tak saya cakap ni. Habis?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang saya kurang faham ini kenapa YB. Permatang Pasir seringkali mengasingkan diri? Dia tidak kelihatan di sini kelmarin pun tak nampak. Hari ini pun tak nampak. Apa yang berlaku pada dia? Adakah kerusi panas atau atas sebab-sebab tertentu YB. Sungai Aceh, mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Sebenarnya. Sebenarnya, banyak kali dah berunding dengan YB. Permatang Pasir termasuklah YB. Penanti pun dah hampir-hampir nak setuju dah. Tanyalah Pinang Tunggal kelmarin. Dato' Speaker, ingat...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tiada berlaku apa-apa ya...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh bab ini pendekkan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Jadi apa yang saya sebutkan tadi nampaknya berbeza pandanganlah. Kalau kita betul tak mahu politik tak usah politikla. Kita tak boleh tipu sama orang Islam ini, orang Islam cakap macam mana esok akhirat jumpa la ni, dia tipu dalam ini kalau takat Dato' Speaker dia boleh bohong lah itu nak pesan sama-sama. Kalau pegang EXCO Agama lagi kuat bebannya.

Okey Dato' Speaker. Ini berkaitan dengan soalan bertulis nombor 8, "Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri telah salurkan kepada Persatuan Belia serta NGO dan senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan mengikut Persatuan Belia dan NGO bagi tahun 2014 dan 2015"?

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri jawab, melalui MMK Belia Sukan salur peruntukan kepada Persatuan Belia dan NGO berdasarkan program. Okey. Dia lebih kurang RM81,542 dengan program RM45,000 saya tak boleh tangkap lah. Tapi mesej yang nak tengok senarai Dato' Speaker, saya tak nampak peruntukan yang diberi kepada Majlis Belia Negeri. YB. Dato' Speaker, tuan-tuan, walaupun Dato' Jahara dah bawa, tapi saya ulang kebaikan, okey. Majlis Belia Negeri Pulau Pinang ini merupakan gabungan Persatuan Belia dalam Negeri Pulau Pinang. Kawan-kawan, geng Belia kata, nampak macam Kerajaan Negeri tak iktiraf Majlis Belia Negeri. Dok ada 24 gabungan di Peringkat

Negeri, bila mai Peringkat Daerah pula hampir 400 lebih dan ahli persatuannya yang berumur 15 ke 40 tahun hampir-hampir 200,000 dan MBN ini, Majlis Belia Negeri ini YB. Dato' Speaker, bukan pakai kita pilih lantik siapa-siapa, ditentukan dalam Mesyuarat Agung secara penuh demokrasi. Maka mereka ini wakil belia-belia dalam Negeri Pulau Pinang termasuk di peringkat akar umbi. Jadi kalau ikut rekod YB. Dato' Speaker, kita pernah bagi Kerajaan Negeri bagi *start* 1987 dengan RM10,000 dan berakhir 2014 RM300,000. Ni bagi ni. Bagi tujuannya satu pengiktirafan kepada Institusi Belia ini kerana dia nak jaga gabungan-gabungan dia dengan melakukan pelbagai aktiviti yang berasaskan kepada selera dan kehendak belia di samping sedikit sebanyak digunakan untuk pentadbiran Majlis Belia Negeri. Jadi saya harap timbanglah semula supaya peruntukan ini kembali kepada MBN. Memang saya tahu duit ini sekarang diserahkan kepada PYDC.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, soalan bertulis yang berkait dengan ini, nombor 3. "Sila nyatakan peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja pembaikan masjid di seluruh Pulau Pinang bagi tahun 2015 dan jumlah tersebut berapakah projek telah laksanakan?". Jawabannya setakat 30 September, RM6,480,000.00 kerja-kerja pembaikan melibatkan jumlah 36 projek. Bila saya tengok dalam 36 projek ini, tiada langsung Dato' Speaker di Parlimen Nibong Tebal. Atas EXCO ada satu di Bukit Tambun perbaik tandas RM5,000.00. Lebih-lebih lagi di KADUN Sungai Aceh tiada. Parlimen Nibong Tebal dikawal, dikepalai oleh Ahli Parlimen Dato' Mansor, PKR yang memang dia berada dalam Pakatan Harapan. Adakah ada sentimen lain tak bagi peruntukan itu. Saya tanya buat soalan. Saya tidak tuduh dan termasuk Sungai Aceh. Jadi saya nak mencadangkan supaya direkodkan saya ingat ini bawah Pantai Jerejak atau Batu Maung. Surau dalam KADUN saya ini ada dua (2) surau. Yang bumbung bocor masa saya pergi terawih bulan puasa dahulu. Sama Surau Datok Keramat, Jalan Besar bukan Datok Keramat sini, Dato' Keramat Jalan Besar. Kemudian satu lagi surau Jalan Baru Sungai Aceh. Saya pohonlah supaya bulan puasa bila sembahyang terawih tak bocor saya bagitahu kata Batu Maung bantu. Kalau bocor juga saya habaq dan maklum Batu Maung dia tak bantu.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Selesai...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Lulus. Nampak. Siapa kata Batu Maung...(gangguan). Kawan lama sepejuangan. Satu perjuangan, Sehati Sejiwa. Satu lagi Dato', saya nak minta tolong Pantai Jerejak. Pantai Jerejak ini kerap pergi Masjid saya. Masjid Putih atau pun Masjid Seri Ampangan. Kubur tak selesai lagi. Dato' Pantai Jerejak banyak kali pergi. Dan anak cucu saya dok bagi tahu Dato' Timbalan Ketua Menteri mai, kenapa pasai apa Wan tak pergi ni Timbalan Ketua Menteri mai. Dia marah. Jadi cucu saya pun taruh harapan supaya masjid tu cantik lah kan. Jadi kalau elok Pantai Jerejak bantulah. Saya nak balik bercerita malam ni sembahyang jemaah ni saya nak habaq cakap Pantai Jerejak dia setuju dah. Kalau boleh perbaik semua karpet-karpet, sakit dahi. Kemudian kubur baru dapat tanah sikit. Kubur ni Batu Maung dok lama nak wartakan tapi tak apa ok dah warta cuma peruntukan tanah, tanah merah sebelah tu...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Karpet di bawah kariah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Karpet tak boleh. Yang itu patut utama dia bila sujud pahala lebih. Kalau Pantai Jerejak pergi, Batu Maung bantu, dia sejuk, pahala Batu Maung tinggi. Tapi sujud-sujud sakit dahi...(gangguan). *No no no*. kurang pahalalah Batu Maung. Terima kasih semua pakat catit dah.

Berikutnya nombor 6, okey. "Mohon Kerajaan Negeri mengumumkan Dewan ini jika adanya pengambilan tanah persendirian secara besar-besaran dibuat. Jika ada sila nyatakan punca dana dan apakah tujuan pengambilan".

"Sejak tahun 2008 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan tanah ke atas jumlah 242 lot tanah persendirian untuk tujuan sebagaimana yang diluluskan mesyuarat Kerajaan Negeri. Perincian pengambilan tanah bagi setiap Daerah di Pulau Pinang mulai 2008 hingga 2015 serta maklumat seperti lampiran". Saya tengok, tengok Dato', sekali lagi tempat saya pun kurang. Yang pertama saya baca Dato', pelebaran surau Sungai Baung kawasan Dato' Timbalan Speaker, betul lah. Kemudian Pusat Kegiatan Ekonomi Dan Sosial JKKK, Padang Lalang kawasan Timbalan Speaker juga Dato'. Bukit Tambun tak pergi lagi. Had Timbalan dapat lebih. Kemudian tapak penguburan Islam Sungai Duri, Sungai Bakap juga Dato', Sungai Bakap tiga (3) dah. Banyak macam mana cara tak tahu. Kemudian, yang ini tanah perkuburan berpusat tertanggung. Yang di bawah idea Batu Maung, tertanggung pasai apa tak tahulah. Sat lagi Batu Maung jawablah. Saya hairan tertanggung. Ni lama ni sejak mula-mula saya jadi wakil rakyat yang tu dok bercakap nak buat berpusat, berpusat, pusat di mana pun tak tau lagilah. Kemudian ada satu Dato' di kawasan saya, Pusat Kegiatan Masyarakat Kampung Sungai Setar. Tapi dukacita diisytiharkan ditanggung, dicatit dalam ini. Pasal apa tanggung tak tahulah.

Jadi Dato' Speaker, ada lagi, saya baca juga *for record*. Tambahan tanah perkuburan Islam masjid lama Sungai Bakap, Sungai Bakap lagi. Naik taraf sistem saliran Taman Aman Sungai Bakap. Sungai Bakap lagi. Perancangan tebatan banjir Valdor naik taraf sistem pengairan Taman Aman Sungai Bakap. Sungai Bakap lagi... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak adillah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya tak tahulah. Tal apa Lepas ni bagi sanalah. Bagi adil. Okey Dato' Speaker... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penanti tak ada?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Penanti...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan. Speaker, cakap tentang kubur ya, ada sebuah kubur yang ditinggalkan. Di panggil kubur Tok Yan. Tok Yan tu bukan ibu arwah Tok Yan ya. Ibu Dato' Seri Anwar. Bukan dia. Tok Yan pewakaf asalnya. Kubur Tok Yan ni di kawasan saya dia sudah termasuk di dalam kawasan TUDM dan dipagarkan. Saya nak mintalah sebab keperluan untuk perkuburan ni meruncing kerana semua kawasan-kawasan di dalam DUN Telok Ayer Tawar ini kubur begitu kecil, sempit dan bertindih-tindih. Saya nak minta Majlis Agama Islam memohon kegunaan dan membuka balik kubur Tok Yan itu, memohon kebenaran daripada pihak TUDM, pagarkan balik, buka balik *gate* tu untuk digunakan untuk kemudahan penduduk di sekitar lah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, dalam Bajet Pembangunan, Maksud Pembangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dengan Pejabat SUK. Butiran Projek 01 di bawah item Pengambilan Tanah. 2014 perbelanjaan sebenar RM2.0 juta, yang anggarankan 16 token. Nasib baik ada token juga. Yang kelmarin tiada. Okey. Saya harap YB. Dato' Speaker, pengambilan tanah ini kena ambil serius juga untuk nak bantu khususnya di masjid dan surau. Ada setengah surau, ada setengah masjid Dato' Speaker, yang kadang-kadang depa wakaf yang tidak daftar. Jadi bila mai anak cucu lepas ini dia tuntutan dari segi adat, undang-undang tanah depa berhak untuk ambil balik. Jadi eloklah Batu Maung atau Pantai Jerejak bantu minta Pejabat Agama Daerah untuk dapatkan maklumat ini, so kita buat pengambilan. Kita buat pengambilan untuk masa depan, ini penting. Jadi yang seterusnya saya cuma nak dapat maklumat daripada Bagan Jermal, EXCO JKR, Bagan Jermal la no. Nanti jawab. Saya nak tanya ja dulu. Saya tak tahu projek Titi Tanjung Berembang, dah masuk seksyen 4 ka, seksyen 8 atau pun dah buat pengambilan belum diwartakan. Kalau tiada pasai apa tak masuk dalam bajet ini. Ini duit nak pi mana. Ini saya nak balik cerita kata nak buat dah. Tak payah jawab lagi, gulung esok. Kata hari itu masuk seksyen 4 dah, seksyen 8, tak tahu tiada. Tak tau tiada... (gangguan). Duit nak ambil macam mana? Pastu esok marah kat Pusat pula kata Pusat tak mahu bantu, nak ikut tema tak mahu ikut Pusat tapi nak duit ikut Pusat.

Kemudian YB. Dato' Speaker, saya hendak minta tolong yang ini di bawah Ketua Menteri, bukan di bawah Jabatan Saliran. Jadi begini, Dato' Speaker saya tunjuk rumah. Projek ban rapat tepi rumah, ha, sebelah rumah. Saya hendak jelaskan, jangan marah kepada JD dan anak buah dia, depa baik tapi saya kena bawa benda ini, saya tak mahu macam Yusuf juga, jangan marah kat Penghulu. Jangan marah depa baik. Cerita dia, nampak, banyak gambar saya ambil...(gangguan). Saya ambil lah. Yang tu sat lagi, Seri Delima tanya kacau pula....(gangguan). Tak apa saya melawat. Ni tak payah naik bukit, naik tanah rata. Yang ini YB. Dato' Speaker, di Simpang 9, Lot 1797 yang mereka buat ban ini di bawah peruntukan Negeri, saya hendak tanya, tujuan buat ban ini sebagai

akses untuk laluan. Asal hendak buat, saya bagi bayangan di sini, ini dipanggil saluran air, asal dia hendak buat di sebelah sana ban untuk laluan tebatan banjir *for future*. Lepas itu buat sebelah sini, sebenarnya kronologi dia tali air itu, Dato', tanah orang, pengambilan telah dibuat, proses duit itu disimpan di Pemegang Amanah kerana masalah keluarga tidak selesai. Lepas itu, mengikut kontraktor yang pergi *survey* dan sukat berkata memang mereka hendak ambil rumah ini, tiba-tiba mungkin JKPTG *federal* kata mereka tak mampu jadi, mereka tak jadi ambil. Tuan rumah pula ingat mereka nak ambil dia benar buat ban tang ni tetapi malangnya bila buat, tengok rumah ni retak habis pulak. Ini surat perintah pengambilan tanah. Kasihanlah yang duduk dalam rumah ini YB. Dato' Speaker, warga emas yang perlu dibela, warga emas ini yang bila nak bergerak hendak bergerak pun pakai kereta sorong. Sedih, mereka dapat bantuan kebajikan RM300.00 sebulan. Orang tua, la ni retak rumah(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Isu berkaitan YB. Dato' Yang di-Pertua. Dalam kes Sungai Aceh rumah naik dulu lepas itu ban. Oleh kerana tuan rumah ingat akan dibuat pengambilan tapak rumah dia. Di kawasan saya ban naik dulu rumah naik kemudian, selalu tepi ban ada laluan yang disediakan untuk lori, untuk jentolak masuk. Oleh sebab kawalan yang tidak dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan, rumah-rumah dibiarkan dibina sampai ke jalan ban, jalan tepi ban. Ini tentu sekali menyebabkan masalah nanti bila penyelenggaraan ban, kenderaan berat nak masuk dah diganggu oleh binaan-binaan rumah dan sambungan-sambungannya sampai ke jalan penyelenggaraan ban. Jadi ini kita minta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal, memastikan supaya perkara ini tidak berlaku dan yang sudah berlaku perlu ambil tindakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Dato'. Okey.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Boleh, boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Boleh tanya tak mengenai pembinaan rumah-rumah di ban ini, sebab saya menghadapi masalah yang sama di Sungai Ara. JKR, JPS telah buat ban yang cantik dan besarkan sungai tetapi bila sudah cantik lepas tu orang binakan rumah. Saya hendak tahu dari segi perundangan, adakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan boleh cuba menghalang sebab saya dah bawa MPSP, dah bawa JPS dan pegawai-pegawai saya dah pergi berjumpa dengan tuan rumah tetapi macam tak boleh nak paksa sebab ini mengundang seperti yang disebut oleh YB. Telok Ayer Tawar. Iya memang, kita sudah nampak sebab Sungai Ara tu, bila air banjir turun dari Berapit, pecah semua *gate-gate* rumah, longkang-longkang konkrit yang ada pecah, begitu kuatnya *volume* air yang turun. Jadi kalau rumah dibina atas itu, memang kita sudah nampak nanti akan ada

kematian, kita juga yang susah. Saya tidak tahu kenapa tidak ada apa-apa perundangan atau akta atau prosedur yang boleh diguna pakai supaya tuan tanah tidak boleh membina rumah di situ. Saya mohon pihak Kerajaan untuk menjawab semasa penggulungan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Oleh itu YB. Dato' Speaker, saya pohon jasa baik pihak Kerajaan Negeri supaya segerakan pengambilan tanah ini sebahagian dari Lot 1797, saya pohon lah kita selesaikan masalah sebab selepas ini kontraktor tebatan banjir pun hendak masuk buat pintu air di situ. Kalau boleh kita selesaikan. Terima kasih. Berikut Dato' Speaker, soalan ketujuh, “Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap kawasan jelapang padi? Adakah kawasan jelapang padi tersebut telah dizonkan dan berapakah keluasan yang terlibat?”

Jawapannya, “Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap kawasan jelapang padi ialah mengekalkan kawasan jelapang padi melalui pewartaan di dalam Warta Tali Air dan pengezonan kawasan sebagai kawasan pertanian di dalam Rancangan Struktur Negeri 2020. Pengekalan ini penting ke arah hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai tahap sara diri menjelang 2020. Selain itu, Kerajaan Negeri memandangkan serius jumlah perbelanjaan bagi penyediaan tali air di sekitar kawasan jelapang padi sama ada oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian ditegaskan lagi kawasan jelapang padi perlu dipelihara dan dilindungi.”

YB. Speaker, ini tempat saya, jelapang padi. Jelapang padi yang masih aktif, tengok rumah pula begitu tinggi, rumah tinggi tak apa yang penting kita hendak jaga, dari padi jadi beras, beras adalah makanan utama orang kita. YB. Dato' Speaker mesti tahu kerana pernah jadi EXCO Pertanian, beras pun kita import dari luar negara, betul? Janganlah kita jadi seperti tidak serupa bikin, kalau ikut cakap di sini hebat sekali, dasar Kerajaan Negeri hendak kawal jelapang padi, biar mai macam mana pun tentang habis-habisan, tetapi sudah masuk kawasan saya. Sila ambil perhatian.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ada lagi? Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya tertarik dengan isu ini sebab isu ini saya juga yang pernah bangkitkan mengenai tambakan tanah sawah. Cuma sekarang tanah sawah di bawah Warta Tali Air dan grednya *first grade*, kadang tanah *first grade* memang tuan tanah mungkin ada hak cuma syaratnya kalau 100 ekar mungkin boleh buat satu pertiga. Kalau boleh dalam kawasan pengairan, sistem pengairan tali air ini kita jangan benarkan langsung. Bila sudah mula masuk dia akan masuk lagi untuk buat tanah lot dan sebagainya. Satu lagi agensi yang terlibat kalau boleh kita perkemaskan. Bila kita pergi ke Pejabat Daerah, Pejabat Daerah kata pihak MPSP, MPSP dah beri kebenaran untuk masuk, tidak ada

halangan untuk tambun bila permohonan dibuat. Ini yang jadi masalah. Kalau boleh saya minta pihak yang terlibat berikan satu penekanan yang keras, perlu pinda syarat enakmen dan sebagainya untuk pastikan tanah sawah ini terus dikekalkan untuk memberi SSL kepada masyarakat rakyat Pulau Pinang 100%. Sekarang ini baru 75:80% kita masih import lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Sungai Acheh. EXCO dulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, kerana semalam isu ini telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat di mana secara umum dikatakan ada bendang-bendang sawah di mana padi aktif telah ditambun dengan tanah dan sebagainya dan dibina dengan rumah dan sebagainya. Sepertimana yang dinyatakan, polisi kita *clear* kalau ia padi aktif kita tidak akan benar. *So instead of secara* umum, kalau boleh maklum lot *number* tersebut supaya saya boleh ambil tindakan selanjutnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Sungai Acheh. Pandangan daripada YB. Datok Keramat saya bersetuju juga tetapi bagi saya lebih baik bila tambun baru ambil tindakan, kalau boleh sebelum tambun itu diberi amaran. Sebab itulah penting saya katakan RSN kita, Pelan Tempatan kita perlu yang ini. Sebab masyarakat tahu di mana kawasan ini sebab yang saya tahu di kawasan Balik Pulau banyak tanah yang *first grade*, bukan pertanian, ini yang saya minta supaya perhatian khusus diberi kepada tanah-tanah bendang ini supaya tidak dikeluarkan atau dikekalkan *zoning* sebagai zon padi dan sebagainya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Here is as pointer to Pulau Betong. Kita pun dapati ada kes-kes di mana ada tambunan tanah di atas sawah padi aktif dan apabila ia sampai kepada kita mereka sudah tambun tanah lepas itu datang ke SPC minta untuk disahkan, dihalalkan. *So* kita kata tak boleh dan sepertimana Pulau Betong kata, *we should prevent rather than take measures* lepas, *so* saya tanya kepada DO-DO di kawasan yang berkenaan mereka kata untuk tambun tanah satu malam boleh buat. *That is the problem*, ia tidak mengambil masa yang begitu lama, satu malam boleh buat, jadi kita nak pantau bagaimana? *That's the issue*, sekarang *what we can do is enforce*, kita boleh buat penguatkuasaan. Jadi kalau ada kes-kes tertentu, bagi lot nombor tersebut. Mungkin kita ambil tindakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sedikit lagi Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Datok Keramat, sebab itu kalau boleh lebih banyak *signboard* kawasan ini Zon Pertanian dan sebagainya diletakkan di situ. Sebab ada Pejabat Daerah ada pasang tetapi dah jatuh, tumbang dah. *So* kita minta perbanyakkan lagi *signboard-signboard* ini yang menyatakan ini kawasan bendang, tidak dibenarkan penambunan dan sebagainya dan tidak akan meluluskan dan sebagainya. Banyakkan yang itu sebab kita boleh nampak, kalau hendak suruh pegawai

pusing tak mungkin. Binakan banyak dan *make known to public* ini adalah kawasan pertanian dan Kerajaan Negeri memang serius tidak akan meluluskan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jaga masa.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Okey, dua (2) saja. Pendek kata. Yang berikut isu, baru ini saya dikunjungi oleh dua syarikat, yang satu konsultan dan satu Digi. Depa datang maklum, kata nak memutihkan Menara Telco. Maklum, maklum ini serupa dapat restu, tapi maklum buat apakan? Yang ni menara dah buat lama difahamkan depa nak buat pemutihan. Tak tahu lah ADUN lain terima dak? Yang menariknya Dato', wakil Digi mai ini dia habaq ada, saya minta dia tunjuk tempat dia tidak tahu. Saya bawa dia pi tunjuk tempat itu, dok KL, tak apa, tapi mesejnya dia kata hendak buat pemutihan, saya yakin tentulah PBT yang salah satu pengeluar lesen berkaitan kan. Jadi walaupun hendak buat pemutihan tetapi berhati-hati, jangan tak ikut undang-undang. Makna Akta Perancang dia kena ada, paling mudahnya YB. Dato' Speaker, dia kena *refer* kejiranan berapa meter daripada menara ini dia kena *refer*, jangan terus lulus sebab bimbang, Dato'. Betul bila saya sebut soal takut dia sangkut dengan dia punya kesan, radio aktif jauh depa kata Tok Mud dok pakai *handphone* lagi teruk dia katakan. Tapi itu tak apa Dato'. Bimbang nanti kalau tumbangnya menara itu atas rumah orang masa itu baru kita nak fikir. Jadi minta lah kelulusan pemutihan ini mesti dapat ulasan dan pandangan daripada jiran seperti mana peraturan biasa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Sungai Aceh. Saya tak faham. Pemutihan dijalankan oleh pihak Digi atau Kerajaan Negeri? Saya difahamkan PDC Telco saja dibenarkan untuk memasang apa ini menara tapi saya dapat pemutihan daripada pihak Digi ini tiada kena mengena dengan Kerajaan Negeri dan kalau benda ini ada, saya minta kepastian daripada EXCO. Apa yang sepatutnya dibuat? Adakah pemutihan dari Kerajaan Negeri ataupun kita menurut kepada apa yang di buat oleh pihak Digi dan sebagainya? Nanti kita minta EXCO tolong jelaskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Saya punya andaian. Saya tahu EXCO dah angguk dah. Dalam pengetahuan EXCO. Saya punya andaian, mungkin pihak atasan, pihak manakah kena maklum kat wakil rakyat dulu supaya kita tahu esok tak kacau dah kot. Tak apa, ini EXCO jawab. Jadi pohon yang itu saya ulang sekali lagi YB. Dato' Speaker minta lah ikut peraturan biasa walaupun nak halal kan tapi ikut peraturan biasa supaya jiran-jiran juga dapat memberi pandangan sebagai hak dia duduk di sekitar situ.

Akhir sekali YB. Dato' Speaker, saya hendak mengambil kesempatan. Nak ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua pegawai-pegawai kerajaan yang telah membantu saya untuk kepentingan masyarakat. Maaf, saya tak dapat nak sebut nama satu persatu. Sebagai contoh YB. Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih pegawai-pegawai di Unit DUN semalam. Layan kami bagus. Makanan tak ada roti kering dia bagi dekat kami. Bagus tahniah. Betul. Betulkan Shariful? Angguk la. Dia bagi kami roti kering semalam kan. Sedap. Itu budi bahasa seorang pegawai penjawat awam. Salah seorang pegawai yang saya hendak sebut di sini YB. Dato' iaitu salah seorang pegawai yang saya sangat ingat. Yang berjasa dekat saya. Dia adalah merupakan bekas majikan saya iaitu Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS). Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kat dia kerana dia nak bersara. Dia nak bersara tak lama lagi. Nak bersara. Dia dah lama berkhidmat di kawasan saya. Had lain pun tolong lah. Jangan silap. Sat lagi kata saya puji dia kerap kerana majikan saya. Salah satu, dia bantu wujudkan rumah PPRT Indra Timbalan bersama PERDA. Rumah 100 di Chenaam. Jangan lah orang baru dok mai habaq dia buat dah. Tapi saya bersama dia juga YB. Dato' Speaker.

Oleh itu, kerana dia dah nak bersara, sebagai wakil rakyat sekarang, nak mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak yang boleh buat keputusan. Anugerah lah pingat Dato' kepada dia sebagai tanda penghargaan nilai seorang Pegawai Daerah yang berkhidmat lama di sini. Jangan kiralah berlatar belakang mana. Yang penting khidmatnya kepada Kerajaan Negeri. Hajah Rohani Hassan. Dia datang atau tidak hari ini? Belakang ini. Saya tidak pakat dengan dia tapi saya bagi tahu terus terang, jadi sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Acheh. Saya rasa kita perlu menangguhkan untuk makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Assalamualaikum wbt, dan salam sejahtera. Saya punya ucapan ni, Ketua Menteri ada dalam Dewan, semangat sikit. Saya amat tertarik kepada perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Ucapan Bajet Tahun 2016 dan juga perbahasan yang telah berlangsung sepanjang dua (2) hari yang lepas. Nampaknya kita tidak dapat berpisah

dengan perkara-perkara utama seperti *Penang Transport Master Plan* (PTMP), tebus guna laut dan isu-isu perumahan dan juga ada antara agenda-agenda utama Kerajaan Negeri yang saling berkaitan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya berpendapat dari kalangan kita yang prihatin mengenai isu alam sekitar dan kepentingan rakyat secara umumnya. Adalah amat perlu untuk Kerajaan Negeri membuat kemas kini kepada perkembangan PTMP dan aktiviti tebus guna yang sedang dalam proses perancangan dan kajian. Program tebus guna laut ini akan dijalankan oleh syarikat-syarikat dilantik dan terdapat syarikat-syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian dan membuat laporan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya. Persoalannya, saya berpendapat adakah satu badan pakar yang bebas dibentuk untuk menasihati Kerajaan Negeri mengenai perkara ini atau keputusan akan dibuat 100% di atas laporan dibuat oleh pihak *consultant* dan syarikat-syarikat yang dilantik.

Saya juga sekali lagi ingin menekankan perlunya ada satu (1) badan pakar bebas dari pelbagai bidang untuk mengkaji laporan-laporan untuk program tebus guna laut, meneliti kesan-kesan dari pelbagai aspek-aspeknya. Saya pernah menyatakan dalam perbahasan sidang yang lepas bahawa bagaimana risiko dan kesan terhadap alam sekitar dan ekonomi nelayan-nelayan persisir pantai akan terjejas ekoran tambakan atau tebus guna laut ini. Saya juga telah menyatakan kerisauan projek *middle bank* dan pandangan rakyat bahawa Kerajaan Negeri bersedia mengorbankan kepentingan rakyat demi pulangan ekonomi untuk merealisasikan projek yang dijangka menelan belanja hampir RM27 billion. Sekali lagi, saya ingin mengutarakan soalan-soalan yang masih belum mendapat respon daripada Kerajaan Negeri. Apakah bentuk pembangunan perumahan yang bakal dilaksanakan di atas tanah yang di tebus guna ini? Sebagai contoh, Kerajaan Barisan Nasional telah mensyaratkan membina kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai dalam RM42,000 sehingga RM72,000 sebanyak 5,500 unit kepada IJM dan E&O hampir 2,000 unit buah rumah dan ini saya mohon EXCO Perumahan beri status projek-projek ini dan pengesahan kenyataan saya ini. Adakah ianya bakal menjadi tempat penginapan elit sahaja atau satu pembangunan bercampur seperti yang di lakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional, seperti mewujudkan kawasan Bayan Lepas ...(dengan izin) *engine of growth and economic* negeri semenjak tahun 70-an. Sebagai contoh, Motorola, Hewlett-Packard, National Semiconductor dan banyak lagi antara yang terawal membuka kilang di Bayan Lepas. Lebih 40 tahun memberi sumbangan kepada ekonomi negeri dan pusat sehingga mendapat *nickname Silicon Valley*. Memberi peluang pekerjaan kepada sekurang-kurangnya dua (2) generasi rakyat Pulau Pinang sehingga kini yang berjawatan seperti Pengarah Urusan, *MD, Operation Director, Engineering Director, HR Director* hinggalah ke peringkat *Supervisor*, hasil daripada projek tebus guna Barisan Nasional. Antara kilang-kilang tempatan yang diwujudkan hasil daripada kehadiran syarikat-syarikat *multinational* ini, wujudlah kilang-kilang seperti Eng Hardware, Eng Technology Tooling & Precision, Atlan Industries, Public Packaging, Shinca, syarikat *forwarding* seperti Tanjung Express, Lorry Swee Chan Enterprise dan banyak lagi syarikat yang wujud hasil dan masuknya syarikat *multinational* di Pulau Pinang ini.

Ada juga syarikat-syarikat ini diurusniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur, anak tempatan. Ini adalah di antara hasil di atas rancangan yang rapi, teliti, tersusun, berobjektifkan menaikkan taraf hidup rakyat yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan

Nasional dulu dan sekarang, terpulunglah kepada Kerajaan Campuran di antara DAP dan PR. Tepuklah dada, tanyalah selera. Berapakah nilai harga pasaran yang dijangka untuk rumah-rumah yang bakal dibina di sana? Adakah lambakan hartanah yang bernilai jutaan ringgit akan secara langsung meningkatkan peningkatan pemilikan asing di negeri ini. Secara puratanya, pendapatan rakyat Pulau Pinang masih di bawah pendapatan nasional iaitu KDNK per kapita sebanyak RM42,251 berbanding dengan KDNK nasional sebanyak RM48,300. Tambahan pula kita dibebani kos sara hidup yang tertinggi di Malaysia ini. Ini petikan daripada Sinar dan sudah tentulah rakyat Pulau Pinang gagal untuk menduduki rumah-rumah mewah ini.

Apakah persediaan Kerajaan Negeri di sebalik kemusnahan yang bakal di alami oleh kawasan rumpai laut yang menjadi penyumbang kepada eko sistem marin di kawasan ini? Adakah Kerajaan Negeri sedar akan kesan kepada nasib dan kebajikan hampir 10,000 nelayan pantai, kira-kira 50% darinya secara sepenuh masa. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mereka ini? Kerana ini adalah satu industri, sebagai alternatif kepada sebahagian besar rakyat Pulau Pinang di masa berlakunya kemerosotan ekonomi dan satu persoalan lagi, apakah rasionalnya *Sky Cab* yang dimasukkan dalam TMP? Walaupun Y.A.B. Ketua Menteri telah menjelaskan ianya bukanlah sebagai mod pengangkutan alternatif tetapi lebih berfungsi sebagai daya tarikan pelancong. Adakah mengikut congakan pihak Kerajaan Negeri, *significant* kah ROI nya dari projek *Sky Cab* ini? Adakah Kerajaan Negeri juga telah bersedia untuk berhadapan dan menangani kesan daripada kenaikan nilai hartanah selari dengan pelaksanaan *Integrated Transport Masterplan* yang disebutkan tadi. Adakah nanti Pulau Pinang akan menjadi tempat yang amat mahal untuk didiami?

Kerajaan Negeri haruslah bermentalitikan subsidi kepada *developer* dan tidak mengenakan kos-kos tambahan dan saya ingin petik daripada *Chairman REHDA*, Datuk Jerry Chan ...(dengan izin) *the association was appealing to the government, local authority, agencies to understand challenges developers face in economic uncertain time, and maintain construction costs by not imposing further new or increasing contributions and charges. Developers have been dealing with the tripling of development charges since 2010. We have yet to deal with huge escalations in contributions for low-cost and low-medium cost homes where we are unable to build.* Ini adalah di antara dilema-dilema *developer*.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan sumbangan sektor perkhidmatan sebanyak 48.3% telah mengatasi sektor pembuatan sebanyak 46% pada KDNK pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, ucapan Y.A.B. Ketua Menteri tidak menyatakan sebab kepada kedudukan tersebut. Keadaan ini agak menggusarkan saya kerana Y.A.B. Ketua Menteri sendiri menyatakan bahawa peningkatan pelaburan sehingga 93% untuk tempoh masa 2008 sehingga 2014 sedangkan sumbangan kepada KDNK untuk tahun 2014 pula menurun. Apakah sebenarnya yang berlaku untuk tahun 2014? Adakah sumbangan dari sektor perkhidmatan kepada KDNK menjadi lebih tinggi disebabkan penurunan sumbangan dari sektor pembuatan? Saya mohon Y.A.B. Ketua Menteri menjelaskan secara lebih terperinci akan status kedua-duanya berhubung dengan sumbangan kepada KDNK.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Memang ini kawan, saya nak umumkan sedikit maklumat. Tentu saya rasa Yang Berhormat ada timbulkan satu perkara yang kalau kita tidak memperincikannya, mudah untuk kita buat kesilapan iaitu kerana sumbangan perkhidmatan kepada KDNK telah meningkat, maka ini dengan sendirinya bermakna bahawa sektor pembuatan telah berkurangan. Tetapi kita kena lihat dari segi *absolute figure* iaitu bilangan hakiki. *Look at the absolute figure, real figure*, kerana kalau kita lihat sekiranya KDNK adalah sama, itu setiap tahun ia tidak bertambah. Maka apa yang disebut oleh YB. Telok Bahang memang benar. Tapi kita pun kena ingat bahawa KDNK untuk Pulau Pinang telah meningkat daripada RM65 billion untuk tahun lepas dijangka akan meningkat kepada RM71 billion untuk tahun ini. Saya rasa itu menunjukkan bahawa sungguhpun dari segi sumbangan berkurangan, tetapi dari segi jumlahnya masih bertambah. Tapi kerana pertumbuhan di sektor perkhidmatan adalah jauh lebih tinggi daripada sektor pembuatan, maka sumbangan kepada KDNK tentu adalah lebih atau berlebihan kalau berbanding dengan sektor pembuatan. So saya harap perkara ini dapat menjelaskan atau mencahayakan keadaan sebenar kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya akan campur balik semua, dan saya akan cari *figure* ini sebab cari tak ada dalam kita punya bajet. Sebab tu kita tak boleh *extract* keluar. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, apabila berlakunya penggabungan dan pengambilalihan, *merger and acquisition* ...(dengan izin), kecenderungan untuk berlakunya pemberhentian pekerja adalah benar. Berapa ramaikah yang telah dan bakal terjejas dengan MNA ini? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perincian bagi kategori pekerjaan dan jawatan yang terbabit, bilangan jurutera sebagai contoh, juruteknik sebagai contoh, kakitangan sokongan sebagai contoh dan ianya tersebar di media termasuk media-media sosial. Syarikat-syarikat seperti AMD, Western Digital, HGST, Amphenol, Motorola, Blaupunkt dan Fairchild telah atau akan membuat keputusan sama ada melakukan JV atau MNA, memindah operasi ke negeri-negeri lain atau menutup operasi mereka. Untuk Fairchild dan Motorola kita dah tahu dijangka menjejaskan kira-kira 2,000 orang pekerja. Bagaimana pula dengan kes-kes yang lain? Adakah Kerajaan Negeri mendapat maklumat yang lebih awal mengenai kemungkinan-kemungkinan ini dan saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan Negeri apabila ini berlaku?

Saya tidak mencadangkan Kerajaan Negeri untuk mencampuri urusan dalaman syarikat-syarikat berkenaan. Cuma pada hemat saya, ada kemungkinan syarikat-syarikat berkenaan yang boleh diselamatkan operasinya di Pulau Pinang. Sekurang-kurangnya bagi kes yang berpindah operasi ke negeri lain. Saya amat terkejut apabila HGST memilih ke Negeri Johor. Saya amat berharaplah supaya perkara-perkara ini tidak berlaku. Berlaku dalam negara. Ia keluar dari Pulau Pinang, ia pergi Johor. Saya haraplah pada masa akan datang, kita kena lebih sedar dan sensitif tentang perkara-perkara ini. Apa kurangnya Pulau Pinang dengan Johor? Dan kita mempunyai infra yang lebih baik dan sebagainya dan kita lebih awal dalam industri ini daripada mereka dan kita kena ambil soal selidik ataupun mendapat maklumat-maklumat ataupun *feedback* yang betul-betul kenapa supaya kita boleh justifikasikan. Kalau kekurangan, kita tambahkan. Kalau ada kelemahan, kita perbaiki. Itulah niat dan harapan saya.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya juga mohon, banyak untuk Yang Amat Berhormat ya. Sebab Yang Amat Berhormat akan memberi jawapan. Saya mohon Yang Amat Berhormat memperincikan kenyataan bahawa Negeri Pulau Pinang masih memerlukan kekurangan hampir 20,000 pekerja dan peluang pekerjaan yang boleh atau dijanakan sebanyak 13,199 peluang hasil daripada 67 projek yang telah diluluskan. Apa yang menarik, apakah jawatan-jawatan baru yang diwujudkan oleh projek-projek ini? Dan adakah bilangan pekerja yang diberhentikan akan berupaya diserapkan melalui kekosongan yang sedia ada atau yang peluang pekerjaan baru tersebut. Adalah tidak munasabah untuk mengandaikan bahawa tidak ada kesan besar dari pemberhentian kerja dengan hanya melihat nombor-nombor sahaja tanpa meneliti kekosongan jawatan baru sama ada tenaga kerja yang diberhentikan boleh diserap atau mampu memegang jawatan yang baru diwujudkan.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, begitu juga dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri ada menyatakan bahawa kejatuhan nilai ringgit disebabkan faktor luaran seperti 1MDB. Secara teknikalnya, tidak menjadikan Pulau Pinang sebuah ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun ini kerana penanda aras telah meningkat daripada 50,000 KDNK per kapita berbanding dengan 40,841 KDNK per kapita. Sebenarnya, dan saya tahu Yang Amat Berhormat graduan daripada Monash University, bidang ekonomi dan seorang *Chartered Accountant*, sebab itulah sebenarnya kejatuhan nilai ringgit ini terdiri adalah disebabkan faktor nilai komoditi dan harga minyak dunia dan polisi Kerajaan Amerika Syarikat dan juga pengstabilan Yuen Negara China yang menurunkan nilainya. Malah banyak lagi negara-negara lain yang jatuh nilai matawangnya. Jika dibuat perbandingan antara mata wang negara lain dengan USD, sepanjang tempoh 1 Februari 2014 sehingga 25 Mac 2015, didapati bukan sahaja nilai ringgit yang jatuh, malahan Yuen, Yen Jepun jatuh sebanyak 13.2%, Euro jatuh sebanyak 17%. Yuen China jatuh sebanyak 1.1%, Pound Great Britain jatuh sebanyak 10.3%, Dolar Australia jatuh sebanyak 15.7%, Dolar Singapura jiran kita jatuh sebanyak 8.6%, Won, Korea jatuh sebanyak 7.9%, Bath Filipina, Rupie India semuanya jatuh. Indonesia 9.6%, Dolar Taiwan 4% dan Malaysia juga merosot. Yang menariknya 1MDB tiada di negara-negara ini tetapi kenapa nilai mata wang negara ini masih jatuh? Sabar sikit, sikit saja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya berdiri, saya berdiri tak apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ganggu saya Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak mengapa. Saya berdiri saja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya ingin petik satu ucapan, satu pakar yang komen *about this*. "We don't rate 1MDB so we don't know it is going to reform is that or not. But if you look at the skill of it that. You would be not represent a systemic track to the financial system. Firstly, we think

the bank is exposure are collateral so if the worst case narrow happen the lost will probably limited and they will take collateral by moody Vice President and senior credit officer for financial institution remark”.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ingin mencahayakan untuk Yang Berhormat, yang oertama tentang nilai mata wang ringgit. Betul bahawa ada *currency* atau pun mata wang asing lain yang turut jatuh tapi sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan angka yang lengkap. Yang Berhormat akan perhatikan bahawa nilai mata wang ini turun dengan paling besar sekali berbanding dengan semua nilai mata wang yang di sebut tadi. Dan di sini kita lihat bahawa kalau berbanding dengan *currency* lain di Asia, Malaysia paling teruk. Turun ialah lebih 20%, sekarang hari ini RM4.40 untuk setiap Dolars Amerika Syarikat. Ya, turun semua pun turun seperti yang saya sebut tadi tapi mengapa Malaysia yang mempunyai pertumbuhan ekonomi dengan kadar 6% tahun lepas. Sekarang 4.7% untuk *third quarter* tetapi nilai mata wang ringgit turun dengan lebih teruk berbanding dengan Negara Thailand di mana pertumbuhan ekonominya kurang daripada Malaysia, kurang 20%. Thai Bath kurang kalau saya tidak silap 15%, Malaysia lebih 20%. Ini adalah usaha berpunca daripada 1MDB. Sekiranya Bajet 2016 begitu baik ini Persekutuan. Mengapa nilai mata wang ringgit tak gerak langsung? Turut jatuh menjunam. Saya harap sungguhpun saya rasa ada retorik politik itu biasa lah Yang Berhormat tapi kita harus lihat dengan kaca mata ekonomi. Tidak boleh lari daripada hakikat bahawa selagi skandal 1MDB tidak diselesaikan maka nilai mata wang ringgit tidak boleh pulih kembali. Ini yang pertama.

Kedua, tentang apa yang disebut tadi syarikat-syarikat kerana MNA dan sebagainya. Saya ingin menyatakan bahawa dari segi pengurangan pekerja kita masih kurang 20,000 orang. Kalau sekiranya Yang Berhormat boleh cari 20,000 orang saya ingin ucapkan terima kasih dan kita sedia menerimanya sekarang. Kalau boleh cari 20,000 orang tentu mereka mesti ada itu kelayakan dan sedia bekerja kita boleh tempatkannya dalam kilang-kilang yang sedia ada. Dan tentang syarikat-syarikat yang terlibat dalam MNA. Saya harap Yang Berhormat boleh faham bahawa ini adalah satu proses semula jadi dalam industri elektronik. Kalau kita lihat dalam sektor pembuatan ada *focus on the product* dan *focus on the proses*. Saya rasa Yang Berhormat sedar. So dari segi pengurusan kedua-dua ini sama penting. Inovasi bukan saja melibatkan produk tetapi proses, proses pengilangan dijalankan. Ini adalah sebahagian daripada MNA yang dijalankan oleh industri elektronik. Apabila kita lihat proses MNA dari segi jangka masa panjang ia bukan sesuatu yang buruk kerana ia boleh mencetuskan inovasi dan juga teknologi tinggi serta suntikan dana wang ke dalam industri tersebut. Tentu ada beberapa syarikat yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat memang *ignore* dia ada tutup tapi bukan semua kilang dia tutup sebahagian saja yang melibatkan 150 pekerja tapi 800 pekerja masih ada dan 150 pekerja yang dihentikan kerja tidak ada masalah. Kita memang dapat menampung mereka. Kita ada kekosongan 20,000 orang tidak jadi isu.

Blaupunkt ia bankrap. Tadi Yang Berhormat tidak sebut saya sebut untuk Yang Berhormat. *Blaupunkt* bankrap tapi sungguhpun dia meminta diletakkan di bawah penerimaan iaitu *receiver ship*. Ia telah pun dibeli oleh syarikat lain dan ini bermakna bahawa syarikat lama diambilalih dan dibeli oleh syarikat lain masih akan kekal di Pulau

Pinang tidak ada perubahan. So kita melihat bahawa ini adalah proses semula jadi di Pulau Pinang dan saya rasa secara holistiknya tidak ada kesan negatif yang kita patut bimbang. Sebaiknya jangan masa panjang saya rasa ia mungkin adalah sesuatu yang baik seperti yang saya sebut tadi dari segi teknologi tinggi, proses yang lebih efisien dan juga suntikan dan wang yang amat penting untuk jangka masa panjang. Pekerjaan jangan bimbang kalau ada mana-mana yang cari kerja jumpa saya atau pun kita ada CAT Center di mana kita cuba jodohkan di antara kilang yang hendak pekerja dengan rakyat yang hendak cari kerja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Terima kasih kepada respon Yang Amat Berhormat. Sebenarnya Yang Amat Berhormat, 1MDB kalau kita hendak cakap skandal pun kita belum boleh cakap skandal sebab kita hendak kata skandal sebab kita masih tunggu laporan PAC. *Must be fair about this*. Kita tidak boleh bangun kata kamu pencuri, kamu penyamun dan ketika CEO buat penerangan saya harap sekurang-kurangnya daripada *Opposition* kita daripada Kerajaan Negeri hantar wakil untuk bertanya soalan kepada Arul pun tiada yang pergi. YB. Tony Pua yang ajak *challenge* pun tidak boleh pergi. Kita tidak boleh *create perceptive* sama juga konsep dia. Dia ada aset kalau hendak cakap serba sikit dia ada aset dia ada harta dia ada hutang sama juga dengan PBA. PBA hutang berapa banyak kepada Kerajaan Pusat. Yang Berhormat lupuskan hutang dia pajak kepada kementerian kewangan dan bayar setahun RM14 juta selama 45 tahun dan kita kena bayar hutang. Kalau 1MDB lupuskan semua hutang dia untung. Modal itu lebih baik dan kita bayar RM14 juta kalau kita hendak surcaj rakyat yang bayar dan untuk menuduh sesuatu perkara yang belum kita pasti sebagai profesional Ketua Menteri saya ingat Yang Amat Berhormat *reserved* perkara itu. Kita tunggu, kita tunggu PAC punya keputusan dan kita dengar di Parlimen, baru kita komen. Kita *give some reserve* kita patut ada kreadibiliti diri untuk benda itu.

Saya tidak pernah menuduh Yang Amat Berhormat yang bukan-bukan sebab tidak adil untuk saya untuk menuduh Yang Amat Berhormat sekiranya tidak ada *prove* yang nyata. Kita juga tahu KDNK kita tahu Malaysia memang modul KDNK tidak ambil bidang pelacuran, tidak kira dalam pendapatan negara, begitu juga dengan perjudian tidak kira. Thailand campur semua pelacuran pun dia kira masuk dalam KDNK, perjudian pun dia kira masuk dalam KDNK. *Philippine* pun sama dan Malaysia modul itu tidak ada so kita tahu sedikit sebanyak..(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Genting ada, Genting ada. Magnum ada.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Nanti. Oh, sabar. Semangat semua. Asasnya kalau *overall* tidak mengapa saya akan *confirm* balik maklumat ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Balik *confirm*. Itu adalah pasaran hitam tidak boleh masuk kira tapi kalau kita sebut perjudian, Yang Berhormat. Perjudian Genting ada so jangan cakap tidak ada tapi itu peringkat Pusat bukan peringkat Negeri.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Saya akan bawa *confirmation* perkara itu. Kalau kita tengok dalam kita punya polisi sepatutnya tidak ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada. Mana tak ada, cukai pun masuk. Mana cakap tidak ada. Tak apa lah, saya tidak mahu tekan Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh rujuk balik dan boleh semak semula. Semua kawan. Tidak boleh nanti kita pun hendak berbahas tapi satu perkara saya hendak sebut tentang itu PBA berbanding dengan 1MDB. PBA punya hutang dilupuskan dan dibayar seperti yang disebut selama 45 tahun tapi ini berdasarkan keupayaan untuk kita menjana pulangan. Kita ada pendapatan bukan macam 1MDB. 1MDB tidak ada pendapatan, tidak ada. IPP pun sudah lingkup. Dia nak buat itu, nanti saya habis dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Saya punya floor.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tahu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Ini *autocratic*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta. Okey lah baik saya minta.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Santun lah sikit Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta okey. Kalau kita lihat tentang 1MDB dia tidak ada punca pendapatan. Yang dia untung iaitu profit, berdasarkan penilaian semula asetnya yang semua adalah satu *exercise revaluation* dan ini yang dia pandai sangat. Itu sebab akauntan semua kena pecat kerana akauntan tidak boleh tahan. Punca keuntungan datang daripada menaikkan nilai aset-asetnya. So kalau sebelum ini beli RM10 juta dia buat penilaian tahun kemudian, oh sudah RM15 juta itu di angkat anggap sebagai keuntungan. So dari segi *operating profit* dia rugi. Itu perbezaan di antara PBA. PBA memang ada keuntungan

hasil daripada perniagaan yang dijalankan dan juga *efficiency* pengurusan yang dijalankan. So itu lah perbezaan. Bukan macam 1MDB dan satu perkara yang kita kena ingat *revaluation exercise* ini bahaya kerana pada masa nilai hartanah boleh naik bila keadaan ekonomi tidak mengizinkan ia boleh turun kembali tetapi ia tidak di *value*, tak dinilai semula berdasarkan kadar yang lebih rendah. Itu lah sebabnya bila kita sebut bahawa 1MDB sebenarnya kalau kita lihat apakah *net tangible* aset sebenarnya bukan RM50 bilion yang diuar-uarkan lebih kurang daripada 50%. Inilah bahayanya apabila perkara ini jadi *fire sale* 50% pun tidak ada. Itu lah sebabnya dari segi pelabur luar asing mereka tidak yakin langsung yang menyebabkan sama ada kita suka tak suka sama ada kita rela tak rela sedikit sebanyak telah menyebabkan nilai mata ringgit tidak pulih kembali.

Saya harap Yang Berhormat boleh faham perkara ini. Jangan, saya seorang *accountant*. Ada satu istilah *creative accounting*. Tolong bayangkan mengapa sehingga sekarang ada tiga (3) syarikat perakaunan untuk 1MDB? Tiga (3) syarikat perakaunan sampai kita baca kenyataan dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri hendak cari Johor pun tidak dapat cari, dia sudah hilang. Lima (5) orang dia hendak cari Polis tidak dapat kesan mengapa tidak boleh cari semua lari lintang pukang, semua lari lintang pukang kerana mereka telah buat sesuatu yang salah. Ini sebabnya kita sebut... (gangguan)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Okey, Yang Amat Berhormat, tidak mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya habis satu ayat saja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Saya kasihan ni. Yang Amat Berhormat ini ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak mengapa. Jangan kasihan. Kita lebih kasihan nilai mata wang ringgit jatuh itu yang penting.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Yang Amat Berhormat, sebab apa yang Yang Amat Berhormat cakap.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Satu ayat, satu ayat, bahawa itu sebabnya kerana mereka yang terlibat lari lintang-pukang tidak dapat jawapan yang menyeluruh dan juga bahawa dari aspek pulangan dan pembayaran hutang ini kita tidak tahu macam mana mereka boleh bayar kecuali di tanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan inilah isu perkara pokok. Sekian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Laluan. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Yang Amat Berhormat, saya amat tertarik apa Yang Amat Berhormat Air Putih sentuh pasal 1MDB ini. Kita di dalam akhbar-akhbar di dalam alam *cyber* dan sebagainya lah segala maklumat yang kita dapat dan kita faham Yang Berbahagia Saudara Arul Kanda CEO, nak bagi penerangan kepada semua rakyat lah nak bagi faham, dan kita ada satu ketika YB. Tony Phua ajak Arul Kanda ini berdebat dan saudara Arul Kanda sanggup UNTUK berdebat tapi akhirnya YB. Tony Phua tak berani berdebat dengan Arul Kanda, tak berdebat. Boleh kalau nak berdebat, jadi saya nak mencadangkan dalam Dewan untuk kita di Pulau Pinang apabila timbulnya isu ini Y.A.B. Ketua Menteri sebutkan berulang kali pasal 1MDB. Ada juga wakil rakyat yang lain sebut juga, dalam Dewan yang mulia ini kita jemput Arul Kanda untuk datang ke Pulau Pinang dan bagi taklimat kepada kita semua. Kita jemput dia ke Pulau Pinang dan kita berdepan dengan dia, saya pun nak berdepan dengan dia, saya pun ada soalan-soalan nak tanya dia. Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-Ahli EXCO yang lain atau Ketua Jabatan nak hadir sama kita berdepan dengan dia, kita suruh dia bagi taklimat, kita soal dia apa yang sepatut ditanya, supaya permasalahan ini boleh selesai, jadi saya mencadangkan supaya kita jemput melalui Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih, YB. Pinang Tunggal. Yang Berhormat kalau kita nak bercakap tanpa kita dapat keputusan, saya rasa kita kena *reserved* dahulu, kita cakap Jho Low dan sebagainya, ni kita tak ada maklumat dan saya sahut apa yang dikata oleh YB. Dato' Roslan supaya kita boleh ambil pendekatan yang macam tu, *let's face it and ask him* kalau kita nak kebenaran, kebenera boleh ada, Y.A.B. Ketua Menteri sebagai akauntan tapi jangan lupa, bukan seorang pakar ekonomi ...(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat Telok Bahang, minta laluan. Saya nak....(gangguan) sikit saja... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak habis, saya bagi....(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya nak bagitau makluman pada Ahli Dewan semua...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Sat lagi saya bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB .Dr. Afif Bin Bahardin):

Selepas Arul Kanda...(gangguan) Yang Berhormat Ahli Parlimen Pandan Rafizi telah menawarkan diri untuk berdebat dengan Arul Kanda...(gangguan) tapi Arul Kanda tak nak pula. So saya nak betulkan ada perkembangan terbaru selepas itu, lepas Tony Phua tak boleh berdebat dengan Arul Kanda, kita tawarkan Yang Berhormat Ahli Parlimen Pandan untuk berdebat dengan Arul Kanda, tapi Arul Kanda pula tak mau, jadi kita berhenti sekarang tergantung di situlah, jadi saya setuju dengan cadangan Pinang Tunggal tadi jemput datang ke Pulau Pinang tapi kita panggil *chairman* dia, jangan panggil Arul Kanda, kita panggil Perdana Menteri datang untuk *explain* tentang 1MDB. kita panggil dia, orang tak mempersoalkan Arul Kanda, debat dengan Arul Kanda tak guna, kita nak debat dengan Perdana Menteri....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Kalau PBA ada isu, takkan nak panggil Ketua Menteri panggil presiden...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Apa salahnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kita bukan untuk berdebat, kita minta dia bagi taklimat, dia bagi penjelasan tentang 1MDB....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk...(gangguan), YB. Seberang Jaya, YB. Pinggal Tunggal...(gangguan) sila duduk, YB. Seberang Jaya,....(gangguan). Sila duduk YB. Seberang Jaya, YB. Pinang Tunggal ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Tegak benang basah tak guna....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk!...(gangguan) sila teruskan Yang Berhormat Telok Bahang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Bukan kita sahaja nak penjelasan ini, seluruh rakyat, saya ambil kira dan kalau nak panggil Perdana Menteri...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk YB. Pinang Tunggal!, sila duduk...(gangguan) teruskan YB. Teluk Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak sentuh saja, sikit ja, sikit ja, sikit ja, kita yang panggil Yang Berhormat Tony Phua...yang debat tu, kalau dia dah PAC tak boleh, dia *resign, take the challenge, be a man*,...(gangguan) apa yang kata *you* pi, *you* ada masalah, hantar orang lain pi,..(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita minta Najib letak jawatan dulu lah!

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Apa kena mengena dengan Najib?, (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Minta Najib letak jawatan dulu, *explain* kepada rakyat. Tak pun ambil cuti, ambil cuti,..(gangguan) yang minta, Tun Mahathir minta,....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tak faham, yang ini isu dia CEO, CEO punya isu ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tun Razaleigh minta...(gangguan) Muhyiddin Yassin minta, bukan kita minta, (gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sorang-sorang cakap,..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Ni duk emosi pasai apa?...(gangguan), dia ada masalah apa? Nak jadi Timbalan Ketua Menteri? Kalau nak jadi Timbalan Ketua Menteri kena *impress* Y.A.B. Ketua Menteri dulu, tak payah macam itu...(gangguan) tak macam YB. Seri Delima, YB. Seri Delima lawan tapi tak harap jawatan! Yang Berhormat ni.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Seri Delima dengar cakap, bersopan sungguh...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Pinang Tunggal...(gangguan) Yang Berhormat Pinang Tunggal...(gangguan). Yang Berhormat Pinang Tunggal...(gangguan),..duduk! Sila teruskan topik lain, kalau tidak, saya jemput orang lain memberi perbincangan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kalau Y.A.B. Ketua Menteri tak ada, semua senyap, tak dengar pun...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa, teruskan...(ketawa).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tapi bila Y.A.B. Ketua Menteri ada, kecoh (gangguan)... pening betul lah..

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sabar, sabar, saya yakin saya percaya Telok Bahang *confirm* ada apa-apa ni? *Confirm*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Jek lebih sangat, ingat, jek lebih, tengok saya punya *point* dah hilang kat mana nak cari dah,..(ketawa) kacau betul, nak jek tunggu diluar lah jek...(ketawa), koman betul, sat lagi jangan duk tekan lagi, tunggu sat. Bercakap mengenai nilai mata wang,...tengok semua dah lari.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ubah tajuk lain.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tak boleh, bercakap mengenai nilai mata wang yang jatuh punya Kerajaan Negeri tidak mencapai sasaran KDNK bagaimana pula dengan negeri-negeri seperti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Labuan dan Sarawak, di mana walaupun kejatuhan nilai ringgit, KDNK negeri-negeri berikut meningkat Kuala Lumpur RM91,000; Labuan RM56,000; Sarawak RM44,000. Oleh sebab itu kita perlu melihat dan mencari jalan bagi memperbaiki kelemahan sendiri sebelum menyalah faktor luaran...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mencari alasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Bukan mencari alasan. Wah, YB. Farid kira *follow* saya punya ucapan. Kita boleh bincang. Saya ingin menarik Dewan yang mulia ini, bahawa pendekatan meletakkan ketidakupayaan Kerajaan Negeri selalunya dipindah kepada Kerajaan Pusat sehingga status ekonomi negeri pun seolah-olah menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat. Bagi

maksud ini, apakah sasaran Kerajaan Negeri untuk 2016? Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri peningkatan 45% kedatangan pelancong ke Pulau Pinang amatlah telah memberangsangkan dan usaha-usaha untuk membangunkan industri pelancong hendaklah dipertingkatkan.

Walau bagaimanapun kita dikejutkan dengan keputusan pihak kapal persiaran Star Cruise untuk menghentikan operasi kapal Star Cruise Libra di Pulau Pinang, maka tiada lagi tarikan pelancong utama di Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri masih menyebut mengenai kapal persiaran Star Cruise sebagai contoh produk pelancongan Muslim, seolah-olah Y.A.B. Ketua Menteri masih mengharap pengurusan Star Cruise untuk kembali ke Pulau Pinang. Saya difahamkan kapal Star Cruise Libra ini mempunyai restoran halal dan disahkan oleh pihak JAKIM. Ianya juga satu tarikan untuk *Islamic Tourism* di Pulau Pinang dan kehadiran kapal Star Cruise ini telah berjaya merencanakan kehadiran pelancongan domestik dan juga *inbound*. Mengikut kenyataan akhbar oleh Kementerian Pengangkutan dan ini saya nak sedikit *reply* ataupun kenyataan daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Mengikut kenyataan akhbar oleh Kementerian Pengangkutan keperluan untuk membesarkan pelabuhan telah disuarakan oleh Kementerian Pengangkutan dan Swettenham Pier Cruise Terminal SP City sejak 2010, tetapi adanya kekangan tanah untuk meluaskan terminal. Permohonan yang telah dibuat bagaimanapun tidak mendapat kerjasama dan kelulusan pihak Kerajaan Negeri.

Sehubungan ini saya ingin mengambil sedikit masa untuk bawa kenyataan akhbar oleh Kementerian Pengangkutan berhubung denan perkara ini. Kenyataan akhbar oleh pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan merujuk satu kenyataan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri Lim Guan Eng baru-baru ini, Ketua Menteri Pulau Pinang menuduh Kementerian Pengangkutan mensabotaj industri pelancongan Pulau Pinang berhubung dengan penamatan Star Cruise dari Pulau Pinang. Kementerian Pengangkutan ingin menyatakan dengan jelas fakta-fakta berikut:

Merujuk kepada laporan berita-berita baru pengendali pelancongan telah menyatakan dengan jelas bahawa keputusan untuk memindahkan kapal pelancongan mereka ke pelabuhan Xiamen, China adalah urusan perniagaan semata-mata dan mereka juga dan mengkaji untuk melayari pelayaran Asia Pasifik. Keputusan ini adalah sebahagian usaha syarikat untuk mengoptimumkan kapasiti Armada dan memenuhi permintaan bermusim pasaran, oleh itu jelas dakwaan kekurangan insentif daripada Kementerian Pengangkutan serta mempersalahkan sepenuhnya adalah tidak berasas. Sebenarnya MOT telah mengecualikan kapal persiaran dari polisi sabotaj di mana, kapal persiaran tidak dikehendaki untuk memohon lesen perkapalan tempatan ketika berulang alik antara dua (2) atau lebih pelabuhan di Malaysia. Ini merupakan satu lagi usaha yang jelas oleh Kementerian untuk menggalakkan pelancongan perairan. Apa yang perlu ditekankan adalah hakikatnya bahawa Swettenham Pier Cruise Terminal SP City memang perlu dinaiktarafkan.

Meletakkan dua (2) buah pelayaran besar pada waktu yang serentak di SP City yang dermaganya berluasan 400 meter adalah sukar, memandangkan kekangan keluasan ruang dan ini memberi kesan secara tidak langsung di pelabuhan SP City. Bagi menampung lebih kapal dan kapal lebih besar keperluan untuk besarkan pelabuhan tersebut perlu dilakukan dengan kadar segera. Walau bagaimanapun, sekatan dari segi keluasan tanah adalah punca halangan. Sejak tahun 2010 apabila SP City bermula

operasi, Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah memohon untuk hakmilik tanah dikeluarkan bagi meluaskan terminal perairan. Keengganan Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan geran tanah telah menghalang usaha kami, bukan usaha saya usaha kementerian bagi meningkat dan menaikkan taraf kemudahan yang selaras dengan wawasan kami yang mana ia bukan saja mengekalkan kapal persiaran yang sedia ada tapi juga menarik syarikat lain menjadikan Pulau Pinang sebagai pengkalan mereka, juga sebagai pelabuhan persinggahan. Kementerian berminat untuk membangunkan terminal, bagaimanapun jelas sekali ia bukan usaha satu (1) pihak sahaja dan kami perlukan kerjasama dari Kerajaan Negeri. Oleh itu tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap kementerian adalah tidak benar. Kementerian ingin menggesakan semua pihak untuk mendapatkan penjelasan sebelum membuat kenyataan dan di dalam kes ini dengan jelas sengaja mewujudkan kekeliruan di kalangan orang ramai dan juga pelabur, itu kenyataan. Berhubung kenyataan oleh Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kementerian Pengangkutan ini, saya mohon respon daripada Y.A.B. Air Putih. Saya juga ingin memohon jika Kerajaan Negeri mempunyai anggaran kerugian konteks pulangan yang terlepas akibat keputusan Star Cruise menghentikan laluan dan operasi Star Cruise Libra di Pulau Pinang...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat hanya baca kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai. Saya rasa apa yang disebut ini tentulah hanya satu pihak saja. Bila kita sebut tentang pembesaran, Yang Berhormat kena faham kenapa Kerajaan Negeri masih mahu mengekalkan hakmilik tanah ke atas tapak tersebut kerana pengalaman pihak Kerajaan Negeri apabila ia diserahkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan bukanlah sesuatu yang positif. Contohnya Tanjung City Marina satu projek yang telah dibelanjakan dengan kos pembiayaan RM40 lebih juta. Ia sekarang tenggelam di bawah dasar laut. Inilah bila semua tanah diserahkan, kita nak cuba selamatkan tak boleh dan tidak ada *respond* daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang kerana ada masalah dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Adakah YB. Telok Bahang tahu bahawa sekarang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tak ada Pengerusi? Perdana Menteri mahu lantik satu orang, Menteri Pengangkutan tak mahu *sign*. Sekarang tak ada Pengerusi, ini masalah dalaman parti, parti tertentu tapi bukan UMNO lah, parti tertentu...(ketawa). Dua kali lima saja, dan saya habis...(ketawa) saya habis, saya habis...(ketawa).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tarik balik,..dua kali lima, tak suka cakap macam ini,..(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tarik balik apa?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tarik balik apa dua kali lima. Tariklah balik, sakit hati...(ketawa). Saya kata tadi UMNO baik, Y.A.B. Ketua Menteri kata dua kali lima ..(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa maksudnya?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya suka tanya dalam Dewan yang mulia ini, yang kata GST jahat lah, itu siapa cakap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya cakap.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Itu dia, saya pun sakit hati juga...(gangguan) yang tadi tu sakit hati, yang sebentar tadi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya cakap 2 X 5...(gangguan). Yang macam mana? Saya tak faham (gangguan). Yang Berhormat tadi sebut bahawa UMNO baik dan saya cakap 2 X 5 saja..(gangguan). Itu terpulang kepada tafsiran masing-masinglah, tapi yang saya nak sebut balik pada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tarik balik 2 X 5 bukan susah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Macam mana 2 X 5 jadi isu? 2 X 2...(ketawa).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya kecil hati ni...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat sendiri timbulkan perasaan sakit hati.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Nak timbulkan buat apa? Cakplah, kalau saya katakan yang pihak sana pun dua kali lima macam mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Cakplah

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Haa..pihak sana pun 2 X 5 lah..(ketawa)...(gangguan). Sebelah sana pun 2 X 5 lah macam tu, okey.... (gangguan).

Y.AB. Ketua Menteri:

Berbalik kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, sekarang tidak ada Pengerusi. Macam mana Suruhanjaya Pulau Pinang boleh bertugas atau boleh menjalankan tugas kalau tak ada Pengerusi dan telah kosong hampir satu (1) tahun. Apa yang berlaku ini? Bolehkah kita dapat satu pencerahan dalam aspek ini. Kerana ini isu penting. Sekiranya tak ada Pengerusi, macam mana kita boleh pastikan semua tugas-tugas dan fungsi-fungsi dapat berjalan dengan baik. Saya rasa ini adalah salah satu sebab utama di mana kita lihat Tanjung City Marina tenggelam bawah dasar laut, RM40 juta pun tenggelam. Siapa yang *accountable*. Saya harap perkara ini boleh dilihat dengan serius. Janganlah kerana masalah politik dalaman ada calon masing-masing ia tidak boleh diberikan kerana semua projek yang kita bincang selama ini, semua sangkut kerana kekosongan jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pulau Pinang. Takkan Yang Berhormat tak tahu ada masalah dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Yang Berhormat, apa yang penting...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya tanya satu (1) saja. Saya minta maaf kerana lewat terpaksa pergi ke Mahkamah seketika. Yang Berhormat, sebelum saya teruskan adakah Yang Berhormat ingin tahu sama ada kesan atau impak daripada krisis 1MDB itu memberi apa-apa kesan. Bolehkah saya memberi penjelasan. Kalau tidak, saya tidak akan meneruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Bukan, sebab Timbalan Yang di-Pertua tak bagi dah, suruh ubah topik lain. Sat lagi cari idea lain, topik lain tanya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau nak saya beri penjelasan, saya boleh beri (gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang, sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tak payah, Yang Berhormat pun bukan pakar ekonomi. Kalau kes undang-undang sivil saya cari Yang Berhormat. Ketua Menteri pun tak boleh *convince* saya sebab dia akauntan saja, dia bukan pakar. Saya memohon pihak Kerajaan Negeri lebih proaktif dengan menjalankan kajian dan mengambil kira keluasan pelabuhan sedia ada dan keperluan untuk menaik taraf SPCT untuk membentuk rancangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi kapal persiaran. Isu pemberhentian operasi kapal *star cruise* ini adalah satu kerugian pada Negeri Pulau Pinang dan ini boleh diperbetulkan di dalam projek Kerajaan Negeri dengan visi yang lebih jelas dan menjadikan Pulau Pinang sebagai hub untuk pelayaran kapal persiaran. Itu hasrat saya. Bagaimana Yang Amat Berhormat nak pi kautim kah, nak pi kuntau, kungfu kah, Yang Amat Berhormat pandai-pandai. Yang Amat Berhormat selalu mesyuarat dengan Y.A.B. Perdana Menteri. Bincang dengan Y.A.B. Perdana Menteri. Itu taraf Yang Amat Berhormat. Bincang dengan Y.A.B. Perdana Menteri lah. Yang Berhormat Amat kawan apa. Saya tengok di Parlimen minum sekali dua orang. Saya pergi ke kantin duduk sebelah, sebelah melawak lagi, cucuk perut lagi...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini saya kena minta tarik balik lah. Mana ada cucuk perut ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya cakap perut siapa?

Y.AB. Ketua Menteri:

Ini dahsyat...(gangguan). Tak ada, tak ada, ini jangan main-main dekat sini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya cakap perut siapa? Yang Berhormat, kalau tak mau pergi ke Perdana Menteri, pergi ke Kementerian Pelancongan. Peluk lagi.

Y.AB. Ketua Menteri:

Ini saya akui lah...(gangguan). Itu sebab pada hari Sabtu ini, tentu dari segi Kementerian Pelancongan dengan Lai Tiong Lai saya terus terang cakap tak ngam, itu dengan Menteri Pengangkutan tak ngam. Sampai Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sehingga hari ini pun tak ada. Hampir setahun, apa dah jadi ni. Tapi kerana nasib baiknya atas usahasama dan juga kerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kita dapat buat sesuatu dan hari Sabtu ini, 21 November 2015 kita akan mengalu-alukan satu (1) kapal. Ada satu (1) kapal layar, saya sudah lupa namanya. Tapi, di mana ada itu satu *cruise* yang baru dan saya ingin menjemput semua ADUN-ADUN untuk hadir bersama pada pukul 11.00 pagi, hari Sabtu ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tak boleh pergi *Europe*.

Y.AB. Ketua Menteri:

Bukan 1MDB punya wang...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini tidak adil. Y.A.B. Ketua Menteri sebut 1MDB diam. Rayer sebut marah, saya nak cakap suruh berhenti. Ini tidak adil. Tengok suruh saya duduk lagi...(gangguan). Ini tidak adil, memang saya rasa tidak adil.

Y.AB. Ketua Menteri:

So, saya menjemput Yang Berhormat untuk hadirilah. Kalau ada masa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dia nak jek lagi tak habis-habis. Y.A.B. Ketua Menteri dah tahu. YB. Dato' Rashid masih bertenaga. Tempat itu masih penuh. Sabar, sabar. Orang muda sabar, sabar. EXCO Pelancongan, saya nak ucap tahniah tapi bila Y.A.B. Ketua Menteri tanya kapal apa *you* tak tau. Tahniah ini bukan untuk *you* na. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas usaha untuk membentuk modul pemandu pelancong muslim.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Ini bila sentuh pasai EXCO Pelancongan saya ada sikit nak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti boleh cakap dalam masa YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Seminit saja...(gangguan). Seminit saja pun.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk. Nanti cakap dalam masa YB. Pinang Tunggal. Tak apa saya amalkan cara yang macam itu. Silakan, teruskan YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau panggil rasmi pasal mercedes...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Ulang balik. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas usaha membentuk modul pemandu pelancong Muslim. Saya ingin menarik perhatian Dewan, menurut satu kajian oleh *crescent rating* saya sengau sikit hari ini, sebuah badan pakar dalam pelancongan Islam, *crescent rating* apa-apa la... (gangguan). Sengau, sengau. Yang Amat Berhormat, saya nak habaq kat Yang Amat Berhormat (tak jelas) *actually* Yang Amat Berhormat, saya memang tidur pukul 10.30 tiap-tiap malam. Tapi bila terlebih pukul 11 lebih, 12 saya jadi *migraine*. Suara jadi sengau. Ini salah Yang Amat Berhormat. Badan pakar dalam pelancongan Islam yang disiarkan oleh New Straits Times, Singapura. Malaysia telah mendahului negara-negara seperti UAE, Turki, Indonesia dan Arab Saudi dalam halal..(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Minta maaf, Singapura bukan dalam *New Straits Times, The Straits Times*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

The Straits Times. Tengok, kita *gentleman*. Tegur, terus terima. Yang Berhormat, bila tegur muka masam...(gangguan). Bila kita tanya sikit *date* ini pergi mana, saya mahu sebut sekolah Tamil pun saya jadi takut. Nanti, Yang Berhormat ingat saya ini *racist*... (gangguan). Saya mahu cakap tanya kenapa sekolah Tamil lebih dari Sekolah Agama, saya pun diam saja. Apa ini *racist, racist*. Tengok, Yang Berhormat tegur saya. Okey, *taken*.

Timbalan Ketua Menteri II:

Bila saya ada sebut *racist*? Bila?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Hai, sudah lupa ka. *First time*, kali pertama saya masuk. Buka hansard balik, buka balik. Nanti saya *print* keluar tunjuk. Ini adalah perkembangan yang menarik kerana setakat ini Pulau Pinang masih belum mendapat pengiktirafan, susah la, sengau betul, sebagai destinasi pelancongan muslim. Mungkin juga perlu diadakan program khas untuk menarik pelancong dari negara Islam dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai...(gangguan).

Y.AB. Ketua Menteri:

Hari Sabtu, hari Sabtu, itu halal. Ini atas usahasama dengan Kementerian Pelancongan bersama dengan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Yang Berhormat sedar tak kita Barisan Nasional, kalau bagus kita kata bagus. *Gentleman* lah.

Y.AB. Ketua Menteri:

Ini terpaksa kerana melibatkan Kementerian Pelancongan saja.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sekejap. Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Boleh, apa salahnya.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Boleh cakap ye, takut tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti kita potong terus.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Janganlah. Kita nak tunjuk kita bagus bukan dengan Kementerian Pelancongan sahaja. Kementerian Belia dan Sukan pun, YB. Padang Lalang. Di Kepala Batas, Kompleks Sukan Kepala Batas, stadium hoki rosak, tak boleh guna langsung. Saya buat surat kepada YB. Khairi Jamaludin, Menteri Belia dan Sukan, so dia dah lulus dah untuk pengetahuan YB. Padang Lalang. Lulus dah. So, ada kemajuan la. Bukan Kementerian Pelancongan saja, Kementerian Belia dan Sukan juga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan dengan siapa ni, jangan, tolong la beradab sikit..(ganguan). Kalau nak, minta. Saya belum bangun Yang Berhormat dah bangun. Terasa hati. Saya tunggu dua hari tau nak berucap.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya duduk okey, sekarang bangun lagi. Okey. Boleh?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat nak kata apa ni?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nak minta jalan, nak minta jalan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Sepatutnya Yang Berhormat, bagi *chance* lah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey, terima kasih. Jadi, sangat terima kasih kepada YB. Pinang Tunggal dan akan ucap lebih banyak terima kasih apabila ia sudah diselesaikan. Ia sudah dibuatlah kerana ini memang pada tahun dahulu, saya nampak saya berjumpa dengan Menteri juga di *office* dia kerana dijemput untuk buat mesyuarat dengan semua EXCO-EXCO Belia dan Sukan. Saya pun sudah minta, dia pun okey, okey, dia pun cakap okey. Apabila tahun depan kalau ada peruntukan, dia akan bagi. Jadi dia sudah janji kepada Yang Berhormat pun cakap okey kepada saya, jadi kita tunggu la bila ya. Tahun ini bolehkah?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya cuba kalau boleh kalau nak besok. Esok, kalau boleh saya nak suruh buat besok juga. Saya janji dengan YB. Padang Lalang. Jadi, masa-masa depan jangan hentam lagi la, Persekutuan jangan hentam lagi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kalau ada buat bagus, kita akan puji.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

YB. Padang Lalang, saya nampak keikhlasan dalam YB. Padang Lalang tidak seperti orang muda yang cepat nak cepat naik. YB. Padang Lalang tertib.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah lebih satu jam. Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):

Saya memahami hasrat untuk menarik pelancong ke Pulau Pinang mengikut segmen pasaran tertentu. Maka dengan itu diadakan acara-acara *Penang Hot Air Ballon Festival*, *Penang Anime Matsuri Summer Party* dan sebagainya. Untuk tujuan pelancongan Islamik, acara-acara tahunan kalender pelancongan Kerajaan Negeri masih tidak menunjukkan tanda-tanda Kerajaan Negeri mempunyai visi terhadap pelancongan islamik. *Penang Tourism Calender 2015* tidak menyenaraikan satu pun aktiviti khusus menarik pelancong dari negara-negara Islam atau negara lain yang berminat untuk mengalami pelancongan muslim. Saya berharap untuk tahun 2016 Kerajaan Negeri khususnya *Penang Global Tourism* (PGT) akan beri tumpuan dan kewangan untuk memasarkan dengan agresif produk perkhidmatan dan membangunkan pelan untuk menarik pelancong-pelancong dari negara-negara Islam khususnya. Pulau Pinang telah memenangi banyak anugerah dan pengiktirafan antarabangsa. Mungkin sudah sampai masanya Pulau Pinang menjadi destinasi pelancongan Muslim pula. Negara Jepun adalah negara yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk pelancongan Muslim

terutamanya dalam usaha mempersiapkan negara mereka untuk menyambut ketibaan ahli-ahli sukan dari negara-negara Islam menjelang Sukan Olimpik 2020. Pulau Pinang sudah tentu mempunyai laluan jauh lebih mudah dan lebih berkeupayaan untuk bersedia ke destinasi pelancongan Muslim.

Bercakap mengenai sukan, hilang kertas tu, golf mempunyai pengikut yang tersendiri di Pulau Pinang. Terdapat beberapa lapangan golf yang terbaik salah satunya adalah Golf Bukit Jawi. Agak sayang kerana ciri-ciri yang menjadikan Bukit Jawi Golf Resort sebagai tarikan sering diperlekehkan dengan kehadiran lalat daripada aktiviti penternakan ayam di ladang-ladang yang berhampiran. Kita boleh bayangkan betapa malunya kita apabila membawa tetamu ke Bukit Jawi Golf Resort. Saya membayangkan semua peminat golf yang biasa ke Bukit Jawi Golf Resort akan bercakap mengenainya yang ianya adalah sesuatu yang negatif dan dari aspek tarikan pelancongan. Saya menyeru Kerajaan Negeri melihat perkara ini dan membetulkannya.

Ini bukanlah soal memajukan perniagaan sebuah *golf resort* Bukit Jawi tetapi peraturan dan kaedah yang harus diguna pakai yang patut dipatuhi oleh pemilik-pemilik ladang ternakan ayam yang telah menjejaskan tarikan pelancongan dan kesejahteraan hidup rakyat Negeri Pulau Pinang. Masalah lalat ini bukan saja tertumpu saja di Bukit Jawi Golf Resort. Ia menjejaskan kehidupan seharian penduduk tempatan, restoran, majlis kenduri-kendara, jamuan makan, acara kenduri doa selamat dan sebagainya dan meningkat kesan akibat pergerakan lalat yang tidak dapat dikawal langsung. Untuk memberi gambaran betapa seriusnya perkara ini, saya akan membaca sedikit maklumat data mengenai industri penternakan ayam di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai Selatan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya nak mendapat maklumat daripada Ahli Kawasan Telok Bahang. Terima kasih lah sebut soal Jawi ini. Tapi tahukah Dato' YB. Telok Bahang, Jawi itu berada dalam KADUN mana?

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebenarnya bilangan reban di seluruh Negeri Pulau Pinang...(gangguan). Itupun kawan saya juga.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

KADUN Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Itupun kawan saya juga. Tak apa nanti YB. Dato' Speaker bisik pada Y.A.B. Ketua Menteri. Malu saya nak sebut nama YB. Dato' Speaker saya segan. Saya hairan tidak boleh *imagine*, lalat berjuta. Tengok dengar nasihat. Setiap ladang bilangan reban di seluruh Negeri Pulau Pinang kita ada sebanyak 380 orang penternak ayam di seluruh Negeri Pulau Pinang berdasarkan jumlah ladang ternakan ayam sebenarnya mempunyai saiz reban yang berbeza, mengikut sistem yang berbeza, mengikut sistem penternakan

yang berbeza, kapasiti yang berbeza dan tidak ada *standard* yang sama. Jumlah ayam di Pulau Pinang sebanyak 12.4 juta ekor ayam. Bilangan ayam reban, saya spesifikkan di daerah Nibong Tebal berjumlah 178 penternak sejumlah 7.1 juta ekor ayam. Sistem dan kaedah penternakan ayam menggunakan racun, alat perangkap dan macam-macam. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk *short cut* tidak mahu ambil masa yang panjang. Saya mintalah supaya menetapkan satu kaedah dengan pihak Veterinar, Pejabat Haiwan dan sebagainya bagaimanakah satu kaedah yang boleh kita kawal perkara ini. Sekarang ini kaedah-kaedah yang diguna bermacam-macam dan kita dapati kaedah yang terbaik ini ialah kaedah mengawal lalat dengan menggunakan sistem reban tertutup. Malangnya, kaedah reban tertutup ini banyak digunakan di negeri-negeri jiran seperti di Perak dan Kedah. Kita selalu ambil contoh yang di luar tapi di depan mata kita ada contoh terbaik kita terlupa dan menyebabkan kita ada permasalahan ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Telok Bahang, boleh jawab terus tak?

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tak boleh tunggu gulung...(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Soalan jawapan mudah, tak sebut 1MDB..(gangguan). Sebut reban ayam tertutup.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Telah terguris perasaan saya, duduk...(gangguan). Ini hasil perjuangan UMNO jadi macam ini. Masalah kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Hasil perjuangan UMNO yang mana?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya bercakap dengan siapa ni?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang teruskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Respond la, saya bertanya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dalam sukan tanah air, kita dianugerahkan bintang ternama seperti Dato' Lee Chong Wei, badminton, Dato' Nicol David, *squash* dan gimrama, tarian apa tu? Wushu, kita jadi juara dunia, orang Pulau Pinang. Tahniah, Wong Che Wee. Pada tahun 2016 pasukan bola sepak Pulau Pinang akan kembali ke Liga Super setelah lima (5) tahun di liga *premier*. Tahniah, sebagai sukan nombor satu (1) negara peminat dan penyokong setia telah lama merindui kegemilangan bola sepak Pulau Pinang di zaman 70an yang telah melahirkan banyak jaguh bintang bola sepak negara. Saya berpendapat kebangkitan Johor Darul Takzim sebagai kuasa bola sepak di negara kita yang di peringkat Asia telah memberi inspirasi kepada pengurusan bola sepak negeri-negeri lain di Malaysia untuk membentuk pasukan dan pengurusan bola sepak yang lebih profesional dan bersistem.

Justeru itu, sehubungan ini juga saya mencadangkan supaya Persatuan Bola sepak FAP diberi peluang untuk mengambil alih pengurusan Stadium Bandaraya Pulau Pinang dengan kadar pajakan minima untuk tempoh bersesuaian. FAP boleh menjadikan Stadium Bandaraya Pulau Pinang sebagai *home stadium* dan saya mencadangkan juga Padang Brown sebagai *home training ground* untuk pasukan *The Panthers* ini. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini banyak kerja-kerja perancangan, pelaksanaan di antaranya dari segi penajaan, pemasaran, pelesenan, kemudahan dan infrastruktur akan dapat dipermudahkan. Setakat ini hanya pasukan JDT mempunyai pengurusan seperti ini.

Di Dewan yang mulia ini hari ini saya membangkitkan beberapa pandangan utama yang memerlukan perhatian yang serius dari pihak Kerajaan Negeri. Saya juga berharap apa yang diutarakan ini akan mendapat perhatian dan tindakan Kerajaan Negeri dan saya juga nak minta EXCO Batu Maung, saya nak rekod Mahkamah Syariah di kawasan Balik Pulau, *aircond* ada masalah, kebocoran dan sebagainya minta ambil tindakan. Sehubungan dengan itu dengan semua yang saya cakap ini saya mohon untuk tidak menyokong bajet tahun ini. Sekian, terima kasih. Sokong? Dia sokong, saya tak sokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih YB. Dato' Speaker yang memberi kesempatan kepada saya sekali lagi untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016. Yang Amat Berhormat Air Putih nak pi mana. Yang Amat Berhormat dia buat dengar tak dengar. Dia tau kita nak boh dia kot, tak apalah. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan terima kasih. Saya terus kepada apa yang nak saya nak sebut pasal isu pembangunan. Tambak laut YB. Dato' Speaker, ramai kawan-kawan saya dah sebut dan saya nak sebut lagi bagi saya amat penting. Saya dapat video Yang Amat Berhormat menjawab pelbagai soalan tentang tambak laut ini. Yang Amat Berhormat Air Putih kata Kerajaan Pakatan Harapan ini hanya tambak laut dalam 60 ekar akan tetapi YB. Padang Kota keluarkan kenyataan dalam majalah *The Edge* kalau tidak silap saya, kalau silap saya minta maaf. Dah ada persetujuan nak tambak laut lebih kurang 1,500, 1,600 ekar. Jadi ini nampak celaru sikit kat situ.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Apa yang dikatakan oleh YB. Pinang Tunggal, satu memetik Ketua Menteri itu yang diluluskan. Satu yang memetik saya, itu dicadangkan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih. Makna kata ada cadangan baru oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan akan ada tambak laut 1,600 ekar lagi. Jadi pembangunan akan lebih nampak.. (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan lagi. Itu pun kenyataan bukan dibuat oleh saya tapi anggaran penulis sendiri.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Jadi walau macam mana pun saya ucap syabas, tahniahlah sebab ada usaha Kerajaan Pakatan Harapan sekarang ini nak buat penambakan laut, makna kata jauh lebih hebat daripada apa yang Kerajaan Barisan Nasional buat dulu, maksud saya begitu. Tetapi perlu ingat suka saya sebut dalam Dewan yang mulia ini kita kena dengar juga luahan perasaan nelayan-nelayan dan dalam masa yang sama juga mungkin tidak akan berlaku dalam sedikit masa, mungkin bertahun-tahun ke hadapan, kalau penambakan laut ini di buat berhampiran dengan Pelabuhan kita. Apa akan jadi dengan Pelabuhan kita? Mungkin bukan dalam masa lima (5) tahun, sepuluh tahun tapi dalam masa depan. Kalau kita buat jambatan pertama Pulau Pinang pun bila ada sedikit tambakan dah terbentuknya pulau-pulau di banyak tempat apatah lagi kalau penggunaan kawasan laut yang luas di buat tambakan bagaimana laluan feri, bagaimana kedudukan dan keadaan pelabuhan kita pada masa itu. Kena ambil kira pasal ini. Itu pasal tambak laut lah. Yang lainnya sudah ada dalam perancangan saya difahamkan akan ada kalau dulunya PORR Lingkaran Luar di sebelah Seberang sudah ada BORR, Lingkaran Luar Butterworth. Dulu masa Kerajaan Barisan Nasional sudah ada cadangan Lingkaran Luar di belah Pulau Pinang ini. Dulu, tetapi pada masa itu mendapat tentangan yang cukup hebat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sekarang ini memegang jawatan di pihak Kerajaan. Tetapi hari ini kita dengar balik perkara yang sama nak diwujudkan, mungkin berubah dari segi nama ataupun dari segi laluan tetapi benda itu akan tetap dilaksanakan, katanya. Jadi bagaimana kedudukan dan keadaan ini yang dulunya ditentang dan sekarang ini hendak dibuat semula. Okey. Tak apa. Satu lagi pasal Kelab Lumba Kuda.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Pinang Tunggal, saya juga ingin nak tahu, setahu saya perjanjian dengan Rayston telah pun luput, telah pun tamat. Adakah itu benar ataupun disambung semula perjanjian dengan Rayston yang telah membuat BORR itu? Kalau kata lebih kurang terowong di sebelah pulau ini akan bermula dari Jalan Gottlieb ataupun dekat Gurney Drive tapi di seberang itu akan timbul, akan keluar dari bahagian mana? Mungkin nanti YB. Padang Kota boleh jelaskan kepada kami. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Pulau Betong nak saya jawab ke?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tahu jawab ke?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya tahu nak jawab boleh jawab biar kita beri EXCO jawab. Nanti malu pula EXCO depa. Jadi pasal Kelab Lumba Kuda ini, saya masih ingat lagi pada satu masa dulu Kerajaan Barisan Nasional juga cadangkan, ada cadangan untuk membangunkan kawasan Kelab Lumba Kuda di sebelah Pulau ini. Mempunyai keluasan tanah sekian, sekian, cukup luas tetapi pada masa yang sama mendapat tentangan juga sebelah sana tetapi hari ini saya dengar khabar Kerajaan Pakatan Harapan ini dah ada cadangan pula YB. Dato' Speaker, nak bangunkan balik dah kenal pasti di kawasan belah Seberang Perai Selatan sana, sekian, sekian tempat di Batu Kawan sebagai ganti tempat. Jadi bagi saya, dulu tentang hebat itu tiga (3) empat (4) perkara dari segi pembangunan di Pulau Pinang kita ini tetapi bagi saya, saya tidak ada masalah kalau nak buat pembangunan buatlah saya tiada masalah. Rakyat boleh tumpang nanti tetapi apa yang saya nak sebut dalam Dewan yang mulia ini dengan adanya pembangunan yang pesat nanti jangan sekali-kali mengabaikan hak penduduk rakyat di Negeri Pulau Pinang sebab saya kata sedemikian kerana saya tak mahu ada konsultan daripada luar, daripada Singapura daripada China ambil kesempatan ini. Anak Pulau Pinang ada bagi saya tidak ada masalah daripada kaum India ke, kaum Cina ke atau kaum Melayu sendiri pun asalkan rakyat Negeri Pulau Pinang ini diberi tempat diberi peluang bagi merebut dan melaksanakan kerja ini. Itu menjadi hasrat saya. Dan dalam masa yang sama juga saya sebut dalam Dewan yang mulia ini kalau itu cadangan daripada Barisan Nasional dulu sekarang di bawa pula oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang pada satu ketika menentang habis-habisan saya suka cadangkan dalam Dewan yang mulia ini kalau boleh lah, kalau boleh YB. Dato' Speaker panggil balik Y.Bhg. Tan Sri Koh Tsu Koon itu jadi *consultant* ke, jadi penasihat tak apa bagus juga, Seri Delima bagilah, bagi dia jadi penasihat ka, apa bagus jadi itu berkenaan dengan isu-isu pembangunan lah.

Suka juga saya sebut walaupun kawan-kawan saya dah sebut banyak pasal isu tebang, potong bukit ini hingga botak kalau daripada atas Jambatan Pulau Pinang kita dapat lihat, saya dah tanya soalan mengenai kelulusan dan sebagainya apa yang sepatutnya dibuat oleh pemaju sekian, sekian dan jawapan kepada saya punya panjang lebar dari segi peraturan, dari segi kelulusan, dari segi syarat, dari segi itu, dari segi ini, macam-macam kalau saya nak baca sampai malam saya ingat tak habis. Akan tetapi orang kata bukit-bukit di Negeri Pulau Pinang ini sampai hari ini kita lihat seolah-olah tidak ada kerajaan yang mengambil tau, yang mengambil tahu, yang mengurus tadbir dia, sampai ke satu peringkat ketika saya terima video yang di viralkan oleh kawan saya air terjun turun, YB. Dato' Speaker kereta dua (2) tiga (3) biji di bawah tu kalau saya belum buka *volume* dia, saya ingatkan berlaku di India kah berlaku di US ka, tapi dak, bila buka *volume* itu dengar suara orang Melayu, suara orang India duk bercakap, maka kata di Malaysia maka saya kenal pasti tempat adalah di Pulau Pinang. Jadi cuba bayangkan betapa sengsaranya rakyat kita apabila pembangunan yang orang kata apa

dibuat oleh syarikat-syarikat yang besar ini yang tidak mementingkan kedudukan rakyat kita, fikirkan pasal keuntungan semata-mata, akhirnya rakyat kita yang terima padah.

YB. Dato' Speaker, juga saya nak sentuh dalam sesi perbahasan saya ini iaitu berkenaan dengan proses pemilihan kariah ini. Walaupun Batu Maung tak mendengar tapi saya harap dia boleh menjawab nanti kenapa ambil masa yang begitu lama, sampai lapan (8) bulan proses dia. Dalam proses nak orang kata ada pemilihan pertandingan, apa semua itu ini. Dulu tak pernah berlaku macam ini, amat malang bagi kita orang-orang Melayu, Umat Islam di Pulau Pinang ini bila berlaku kedudukan dan keadaan yang macam ini. Di Masjid perlu ada pertandingan, lapan (8) bulan masa lama dia nak kena ada pemilihan, hang kempen sana, aku kempen sini, YB. Dato' Speaker, akhirnya hasrat kita nak mengimarahkan masjid tak tercapailah tetapi saya cakap sikit, YB. Dato' Speaker faham banyak, sebab saya bukan mengaji bab agama, YB. Dato' Speaker mengaji bab agama lebih tahu, lebih maklum. Cuba bayangkan apa berlaku di sana. Persoalan saya adakah ini hasrat pihak-pihak tertentu nak melihat, nak melihat porak-peranda, nak melihat perpecahan, nak melihat persengketaan sesama kita. Di Negeri Pulau Pinang ini perlu ada kesedaran, perlu ada kesedaran ini. Saya nak tanya kepada Pantai Jerejak, saya nak tanya kepada Batu Maung, saya nak tanya kepada Seberang Jaya, apakah peranan tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam EXCO. Bukan baru dua (2) hari, bukan baru dua (2) bulan dah lebih daripada tiga (3) tahun, adakah nak biar macam ni sahaja? Adakah nak buat macam tak mau faham saja? Adakah nak bagi kita lihat muka Pantai Jerejak saja? Terpampang di sepanduk-sepanduk, poster-poster di *highway* di simpang-simpang? Memang kita tahu Pantai Jerejak *handsome*. Tetapi kena ingat perbalahan kita umat Melayu beragama Islam. Oleh kerana ada pemilihan ini, nak bertanding di dalam PRU pun kita hanya memerlukan masa beberapa hari sahaja. Tetapi amat malang bagi kita di Pulau Pinang ini, tolong, kita dah ternyata kalau dulunya Pakatan Rakyat PAS, hebat, Permatang Pauh, Permatang Pasir tak ada, PAS menyokong bagai nak rak, hari ini apa jadi dengan PAS? Kawan-kawan saya di kawasan saya telefon jumpa rumah kenduri, suruh tanya suruh hentam habis-habis Permatang Pasir, tapi saya *cool*, saya kata itu kawan baik saya tak mahulah, cukup lah Pulau Betong dah belasah sudahlah. Tak mahu dah kawan saya, ikut nak bubuh jauh lebih banyak daripada Pulau Betong bubuh...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, saya bukan membelasah saya minta mendapat kepastian, kedudukan dia dalam Dewan ini, itu saja, saya tak belasah dia, saya mahu yang sepatutnya berlaku di sini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya ingat Permatang Pasir tidak ada di sini jadi kita biarkan, saya sarankanlah, saya sakit hatilah, saya mintalah kepada Pinang Tunggal supaya teruskan memandangkan Permatang Pasir pun tak hadir dalam Dewan ini, tak eloklah kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya setuju dengan Seri Delima, lain kali sokong saya macam itulah jangan ganggu, jangan kacau saya. Terima kasih dan saya sebut belasa ini mudah bagi orang faham, Pulau Betong. Mudah nak bagi orang faham, itu sahaja sebab apa yang tapi tok sah sebut dah la dah Seri Delima kata tak payah sebut, tak payah sebut lah, faham-faham jugalah apa yang berlaku dengan Permatang Pasir. Jadi tok sah sebutlah kesian. So jadi orang-orang PAS, semalam di Kepala Batas semalam, kepimpinan PAS dah buat kenyataan mengarahkan semua JKK depa letak jawatan habis semua. Saya amat simpati, so jadi porak-peranda habis JKK, kariah. Pantai Jerejak, Pantai Jerejak jangan buat main-main, dulu Timbalan Ketua Menteri I saya tempik lagu ini lepas tu tak berapa hari tukar orang lain tau, Pantai Jerejak kena ambil perhatian dalam perkara yang amat serius untuk umat Melayu beragama Islam ini di Pulau Pinang, jadi Batu Maung pun duk gila juga tempat ini daripada dulu, jadi dia tak ada tak apalah dia duk dengar tu. Terima kasih

YB. Dato' Speaker saya teruskan, jadi YB. Pantai Jerejak, Batu Maung, Seberang Jaya duduk dalam EXCO jangan duduk saja tolong pantau, tolong tengok kita tak mahu berlaku ini perpecahan saya sebut tadi PAS dulu, macam mana kedudukan PAS sekarang dengan Parti Amanahnya dengan PAS yang berpecah, siapa dia? Umat Melayu, agama Islam ini dikariah pula, siapa dia? Umat Melayu agama Islam. Gamak tak boleh duk tang tu, bagi kami duk, jadi tolong tengok bukan main-main punya ini. Kena faham betul-betul, so jadi saya pun tak mau lah lebih-lebih cuma ada. Saya rasa cukuplah kot setakat tu yang penting bagi saya hari ini saya nak manfaatkan bagi betul-betul walaupun ucapan saya ini ringkas, saya nak manfaatkan sungguh-sungguh perbahasan saya ini kepada Pantai Jerejak, kepada Batu Maung, kepada Seberang Jaya supaya ambil perhatian sungguh-sungguh dalam bab ini bab perpecahan di kalangan kita saya tak mau nak sembunyi-sembunyi benda ini, tolong ambil perhatian sungguh-sungguh sebab berlaku perpecahan di kalangan siapa di kalangan kita umat Melayu, umat Melayu agama Islam. So jadi tolong ambil perhatian. Jadi saya kena harap ambil manfaat sungguh-sungguh. Saya akhiri, saya mohon maaf salah silap disudahi dengan tidak menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya akan mulakan perbahasan saya berhubung dengan masalah banjir. Walaupun perkara ini saya telah berulang kali, ini kali yang ketiga tetapi kerana kawasan Bayan Lepas ini merupakan satu kawasan yang sering berlaku masalah banjir. *Alhamdulillah*, terima kasih, sehari sebelum menyambut perayaan Hari Raya Korban berlaku satu banjir yang besar dan Yang Amat Berhormat Air Putih telah pun membuat lawatan dan *Alhamdulillah* telah berjanji sebanyak RM3.0 juta untuk nak menyelesaikan masalah itu, tetapi saya tengok peruntukan yang ada ini sama ada dah masuk atau pun tidak, jadi saya berharap benda itu ada sekali. Terima kasih kepada pihak JPS. Hari ini saya tengok dah pun mula mengorek kuala, bukan kuala sungai yang berhampiran dengan kuala tetapi ada masalahnya. Masalahnya adalah tuan

tanah di satu (1) dua (2) tiga (3) tempat, tuan tanah tak membenarkan, jadi saya nak minta kerjasama antara pihak Kerajaan Negeri, pihak Pejabat Daerah mencari jalan bahawa ini adalah untuk kepentingan rakyat. Kita mesti ada satu (1) undang-undang, satu (1) peraturan yang membolehkan perkara ini dilaksanakan. Carilah kaedah yang macam mana kalau sepanjang 200 meter 300 meter yang kita korek tetapi ada 50 meter yang tak korek dia akan menyebabkan akan menyusahkan aliran air ini. Ini harus diberi perhatian kerana masalah banjir ini menyebabkan kerosakkan yang sangat besar, penderitaan kepada keluarga yang menerimanya saban tahun, empat (4) lima (5) kali mereka ini menerima hasil daripada banjir walaupun banjir ini disebabkan oleh masalah fenomena yang berlaku hari ini, kita tak dapat nak menolak dari segi jumlah jawapan-jawapan yang bagi kerana jumlah kapasiti air hujan tetapi dari segi kebolehan manusia mesti kita kena mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Jadi yang pertamanya kita sekarang, kalau dilihat dalam peruntukan, yang ada hari ini RM3.0 juta lebih RM3.1 juta untuk membaiki, mendalam sungai-sungai dan saya tengok dalam jawapan yang diberi kepada saya ini, keseluruhannya adalah di kawasan Seberang Perai, kawasan Bayan Lepas yang terdapat tiga (3) empat (4) sungai yang besar-besar yang sering berlaku, apakah tidak diberi perhatian. Jadi di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kawasan ini dilihat dengan teliti, kerana ini kali yang ketiga saya cakap. Saya berharap bahawa sungai-sungai yang ada Sungai Teluk Kumbar, Sungai Batu, Sungai Bayan Lepas, Sungai Binjal haruslah dilihat daripada hulunya bagaimana arah alirannya. Sekarang kawasan Bayan Lepas masalah pembinaan rumah-rumah dipinggir bukit, pembinaan rumah-rumah di atas bukit, air yang mengalir sepatutnya masuk ke dalam sungai sudah tak masuk ke dalam sungai kerana berlaku kecekakkan akibat lumpur dan sebagainya tetapi ini tidak diberi perhatian. Saya berharap JPS telah pun ada perancangan katanya, tetapi juga tak termasuk dalam kawasan Bayan Lepas di mana melihat dengan teliti kawasan-kawasan sungai. Dan kawasan-kawasan sungai ini mesti dilihat juga dalam kawasan anak-anak sungai. Hari ini anak-anak sungai telahpun terkambus, anak-anak sungai sudah tidak ada lagi kerana masalah-masalah berhubung dengan pembinaan projek-projek pembangunan terutamanya projek-projek perumahan. Dalam jawapan yang diberikan, saya dapati bahawa Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk melihat perkara ini dan mengadakan peraturan kepada pemaju-pemaju perumahan. Tetapi bila akan dilaksanakan bentuk dan bagaimana? Kerana mereka-mereka ini langsung tidak rasa perikemanusiaan, membina rumah-rumah mewah tetapi yang menanggung akibatnya mereka-mereka yang berpendapatan lemah, rumah-rumah yang telah lama yang usang dan sebagainya. Saban tahun akan menukar perabot dan sebagainya, mereka tidak langsung turun untuk melihat bertanya khabar, malah kita panggil pun waktu dia nak melaksanakan projek datang kepada kita bagi pandangan dan sebagainya tetapi bila berlaku bencana, sila YB. Farid.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Bayan Lepas. Setujukah YB. Bayan Lepas bahawasanya jika sekiranya pihak Kerajaan Negeri mengambil pendekatan setiap kali nak membina menara telekom mesti mendapat persetujuan dan makluman kepada Yang Berhormat di kawasan? Mengapa tidak di *enforce* kan begitu juga kepada pemaju supaya setiap kali mereka ataupun Kerajaan Negeri sendiri ataupun setiap kali mereka nak meluluskan sebarang pembangunan baru di kawasan itu, mesti juga merujuk dan memaklumkan

kepada ADUN berkenaan walaupun kami di pihak pembangkang di sini tetapi kami juga ada hak untuk mengetahui pembangunan di situ kerana apa saja yang berlaku selepas dari tarikh ianya dibangunkan kesannya kami yang menanggung so saya berharap kepada pertimbangan pihak Kerajaan Negeri apa juga pembangunan yang diluluskan mestilah dirujuk terlebih dahulu kepada ADUN-ADUN di kawasan tidak kira pembangkang ataupun *backbenchers* bagi membolehkan kami tahu dan juga memberi pandangan akan kesan-kesan yang mungkin timbul hasil daripada pembangunan kawasan tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Saya amat bersetuju lah perkara ini. Dan memang banyak pemaju-pemaju yang masuk ke tempat kita ini datang mengharap satu projek yang besar umpamanya berharga RM1.2 juta lebih, masuk jumpa dan bagi tahu kata dia nak melaksanakan. Kita dah bagi tahu kepada dia bahawa projek yang dia akan melaksanakan adalah satu projek yang akan terpaksa mengorek, mengubah suai tanah-tanah tinggi dan kawasan itu dulu satu ketika saya pernah membawa seorang kawan untuk nak menjual tanah, tanah merah tapi Pejabat Daerah kata waktu kawasan tu kawasan tadahan air tak boleh nak dikorek, tanah itu nak dijual. Tak boleh jual tanah merah itu. Akhirnya Hamba Allah ni jual tanah dia kepada syarikat ini. Boleh pula syarikat ni membina dan mengorek daripada atas dan hari ini saya minta lah Pejabat Daerah Barat Daya dan Majlis Bandaran Pulau Pinang tolong pi tengok. Baru ini dah banjir, yang cuci Majlis Bandaran, bukan syarikat itu turun nak cuci, tidak. Tak turun pun. Tapi Majlis Bandaran, malam, kelam, tengah malam dan sebagainya turun lah pekerja-pekerja Majlis Bandaran, cuci bagi pihak syarikat tersebut. Bukan sahaja jalan raya tetapi habis rumah. Satu sen pun, kita panggil dia tak turun. Jadi saya berharap pada EXCO Perumahan bahawa benda-benda ni, inilah nasib rakyat yang menanggung hal ni. Saya tak tahu lah di kawasan lain tetapi saya memperkatakan urusan kawasan saya. Hari ni banyak tanah-tanah di kawasan Bayan Lepas telah pun dihakis, dikorek, dipinda dan sebagainya. Anak-anak sungai sudah tidak ada. Kawasan-kawasan takungan air sudah habis. Kawasan bendang, kawasan paya dan sebagainya sudah dikambus dengan projek-projek ini. Di mana air-air limpahan air ini hendak pergi apabila hujan yang mencapai satu (1) tahap hanya setengah jam sahaja, telah berlaku banjir. Saya bila berlaku hujan saja saya tidur tak lena, kena turun.

Saya juga berharap. Tolong kepada JKPK. Had 'P' itu pun sama had 'M' pun sama. Hak 'P' tak pa kita *control*, hak 'M' turun sama-sama. Saya sekadar bagi bantuan makanan *Alhamdulillah* tetapi kita lihat Kerajaan Negeri harus bertanggungjawab memberikan sumbangan ganti rugi dan sebagainya. Kita ada 300 permohonan, *report* balai terus minta supaya saya membayar pampasan. Saya sedang berusaha dengan agensi dan kementerian untuk bagi sikit sumbangan.

Jadi dalam hal ini Kerajaan Negeri harus mengadakan satu (1) peruntukan untuk membantu menyelesaikan sekurang-kurangnya sedikit pun jadilah. 10%, 20% daripada kerugian yang mereka alami. Itu boleh sekurang-kurangnya meredakan rasa kemarahan bila berlaku kerosakan, dia marah, dia tak kira siapa dah dan turun di waktu yang kena turun. Pegawai-pegawai kena turun waktu berlaku banjir, bukan turun waktu air dah kering. Waktu itu kita dapat lihat di mana masalahnya. Tapi had di Barat Daya saya terima kasih pada JPS dia kerana sentiasa bersama saya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Sejak akhir-akhir ini, Bayan Lepas mungkin setuju dan yang lain-lain di mana kawasan yang berlakunya banjir yang teruk macam ini, kalau dahulu memang ada kawasan-kawasan yang tradisinya banjir bila hujan. Tapi sekarang kita dapati bila hujan lebat, banyak kawasan-kawasan yang belum pernah banjir jadi banjir teruk sampai turun macam mencurah-mencurah macam *Niagara Falls*. *Niagara Falls* seperti air teh, teh tarik. Jadi ini membuktikan ada banyak perkara yang tidak betul. Pertamanya perancangan. Nombor dua penguatkuasaan. Dan dua kelemahan ini menyebabkan rakyat menderita. Bila rakyat menderita sepertimana Bayan Lepas sebut tadi minta peruntukan untuk bantuan, beri bantuan memang perlu diberi bantuan sebab mereka kehilangan segalanya, segala perabut, segala pakaian dan sebagainya. Kita sepatutnya menumpukan peruntukan yang sedikit untuk mengatasi banjir, sekarang nak kena bagi bantuan kepada mereka yang menjadi terjejas disebabkan banjir.

Jadi saya rasa Kerajaan Negeri tak secepat seperti mana yang diheboh-hebohkan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Penjelasan sikit. Saya nak sebut sikit, sebenarnya setiap kali banjir sememangnya ada bantuan yang diberikan Tabung T.Y.T. Setiap kali memang kita turun. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih. Dalam masalah bantuan ini pun kita kena lihat juga, JKMM ini minta maaf, ini berlaku. Kalau kita nak bagi, kita bagi semua sekali. Jangan datang, A dapat, B tak dapat. Ini berlaku. Jadi saya berharaplah jadi kalau dulu kita boleh kerjasama, sahabat saya daripada Pantai Jerejak, kita ada senarai dekat kita, kita boleh duduk sekali lihat macamana bagaimana bantuan yang dapat kita berikan secara saksama dan adil. Jadi yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan. Saya telah menarik bahawa satu kenyataan yang kata ada yang dapat dan ada yang tidak dapat. Saya mintalah bagi laporan itu bila masa dia ada banjir dan ada orang yang dapat, siapa yang dapat dan siapa yang tidak dapat. Kerana sepanjang pengetahuan saya, bila saya semak SOP banjir daripada zaman Barisan Nasional, dia kena sentuh lebih empat jam baru terdapat banjir. Tetapi hari ini telah ubah jadi dua jam. Pada masa yang dulu dalam SOP tidak sentuh pun bagi makan nasi atau apa-apa. Tetapi hari ini ada, oleh demikian, jikanya kenyataan dari YB. Bayan Lepas di mana mengatakan pilih kasih ada orang yang dapat, ada orang yang tidak dapat. Saya merayu panjangkan kepada saya, saya janji untuk siasat. Jika ianya benar, saya akan mengambil tindakan. Jika tidak benar, masing-masing kubur masing-masing jawab.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih. Jadi ini saya nak minta kerjasama kepada yang pertamanya untuk projek-projek baru perumahan supaya sebelum kerja-kerja pembersihan tanah, kerja-kerja pembinaan rumah dan sebagainya pastikan parit-parit di sekeliling kawasan itu telah pun siap terlaksana. Jangan guna parit yang kecil itu. Dia orang buat projek di atas guna parit yang lama, yang lebih kurang satu kaki dalam satu kaki lebar. Guna parit itu juga air akan turun. Kemudian kolam-kolam tadahan air tak dibuat secara yang dikehendaki. Jadi pegawai-pegawai yang ada, saya berharap, saya berharap sungguh-sungguh supaya benda ini dapat diberi perhatian kerana bukan masalah, ini masalah rakyat. Kita sebagai pemerintah harus melihat perkara ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bayan Lepas, setujukah YB. Bayan Lepas bahawasanya pihak MBPP atau pun MPSP harus memberi penekanan bahawa sebelum kerja-kerja penambakan dibuat, perparitan mesti diselesaikan dahulu kerana ini adalah punca apabila mereka membuat penambakan tanah dan sebagainya mengabaikan perparitan apabila hujan turun itulah yang mengakibatkan banjir. So saya berharap pihak MBPP dan MPSP memberi penekanan serta pembangunan mesti dimulakan dengan memastikan sistem perparitan di kawasan itu mesti diselesaikan terlebih dahulu sebelum membuat kerja-kerja yang lain. Setujukah YB. Bayan Lepas?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Setuju, setuju amat bersetuju. Jadi inilah saya lihat, yang telah kenal pasti apa yang berlaku banyak kali. Dan pihak JKR, parit-parit yang ada ditepi jalan dah lama dah. Sama juga keluasannya tak sampai dua (2) kaki. Kalau waktu hujan lebat sekarang ini air hujan tu dah tak masuk sebab saya katakan tadi sungainya cetek, tak ada anak sungai. Semuanya jadi limpahan kepada kawasan-kawasan jalan dan jalan ini selagi dia curam dia akan turun. Kadang-kadang kawasan yang tak sepatutnya banjir pun akan banjir kerana air-air ini tidak masuk dalam parit-parit yang ada di kiri kanan jalan.

Jadi dalam hal ni juga pihak JKR harus turun melihat kawasan-kawasan terutamanya kawasan-kawasan yang berlakunya pembinaan projek-projek perumahan. Saya ada satu Kampung Paya, tak pernah berlaku pun, didepan yang berlaku di Kampung Paya ni dekat dalam tepi sungai. Tapi sekarang di tepi jalan saja berlaku. Bila kita lihat ada satu projek perumahan dia tak buat parit pun. Air yang bukit yang dia tarah air tu terus turun bawa tanah merah. Kita tak boleh nak pergi korek, bagi duit korek serta merta. Sebab itu tanah orang walaupun kita ada, kita boleh minta sewa *back hold* tapi kita tak boleh laksanakan. Menjadi satu (1) kesalahan. Saya berharap benda-benda yang boleh kita lakukan dengan segera tapi dari segi undang-undang kita tak mampu.

Jadi benda ini saya juga berharap supaya pihak JPS dan juga JKR, Majlis Bandaran tolonglah bagi kerjasama untuk kita mengurangkan, menimbang mungkin masalah banjir. Begitu juga dengan masalah-masalah banjir kilat pun sama juga. Adalah masalah-masalah yang sekarang ini kita tak dapat. Bukan sahaja di kawasan Bayan Lepas tapi di lain-lain kawasan yang saya lihat dalam jawapan yang diberikan. Kawasan saya ini lebih tumpu kepada kawasan-kawasan bandar takut banjir kilat, tengelam dalam

kawasan Komtar dan sebagainya. Tetapi masalah orang kampung harus diberi perhatian juga selain daripada kawasan bandar. Jadi saya berharap perkara ini, di hari ini pada musim depan saya tak akan bercakap dah masalah banjir dan peruntukan RM3.0 juta itu saya difahamkan mengambil masa yang panjang untuk nak reka bentuk masalah kuala sungai. Ini juga saya berharap bahawa Jurutera dapat melihat dipercepatkan proses mereka bentuk makan masa enam (6) bulan terlalu makan masa yang panjang. Saya berharap pakar-pakar yang ada dapat turun melihat bagaimana benda ni dapat diselesaikan secepat yang mungkin kerana sekarang musim tengkujuh dia sudah masalah air hujan yang banyak dan sebagainya, fenomena-fenomena cuaca yang tak menentu akan menyebabkan berlaku banjir-banjir kilat.

Saya juga berharap bahawa ada satu kompaun yang mesti diberikan kepada projek-projek perumahan ini yang tidak mahu melaksanakan kerja-kerja sosial, pembersihan dan sebagainya. Kalau diperhatikan, mereka memang kecuai terhadap mereka. Saya rasa hari ini tak ada kot peraturan untuk kompaun dan sebagainya. Jadi duit kompaun ini mungkin boleh dibayar kepada mereka yang menerima musibah ini.

Yang keduanya, masalah tebus guna tanah. Walaupun kawan-kawan saya telah banyak bercerita berhubung dengan penebus guna tanah ini. Tetapi saya nak menumpukan kepada nasib nelayan-nelayan. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, bahawa kawasan-kawasan Jelutong, kawasan Pantai Jerejak, kawasan Sea Gate kemudian sekarang saya difahamkan telah pun akan berlaku di kawasan Permatang Damar Laut, kemudian akan berlaku juga di kawasan Teluk Kumbar dan sebagainya kerana kerja-kerja menyukat tanah ni sedang giat dilakukan sekarang.

Saya difahamkan bahawa 1.8 kilo meter di mana 800 meter daripada gigi air sudah pun disukat dan daripada gigi air ke laut 1 kilo meter bererti 1.8 km kawasan-kawasan ini masih lagi tak dapat jawapan. Walaupun ditanya oleh pihak persatuan pengguna untuk apa kerja-kerja ini. Jadi kita berharap bahawa satu kajian yang menyeluruh yang mengambil kira eko sistem kemusnahan kerana sekarang ini di Pulau Pinang nelayan-nelayan yang menangkap udang. Kalau dahulu mereka boleh berpendapatan sehari RM300.00 ke RM400.00 sehari, hari ini tinggal RM200.00 pun nak dapat sakit. Untuk nelayan dia kena dapat RM300.00 baru dia boleh dapat RM50.00 ke RM60.00 sehari ataupun kurang daripada itu. Dia mesti dapat RM300.00 ke atas baru dia boleh *survive* dengan kehidupan dia. Tapi hari ini udang-udang dah pun habis sebab kawasan untuk udang-udang ini bertelur adalah kawasan tepi pantai, kawasan-kawasan paya bakau. Hari ini dah tak ada paya bakau sebab itu kalau kita tengok sudah tak ada ikan sembilang. Kawasan di Batu Feringghi kawasan yang kita buat pembinaan sudah tidak ada ikan-ikan ini dan sekarang merebak ke kawasan kuala sungai di Batu Maung dan sebagainya. Ikan-ikan ini juga semakin berkurangan sedangkan ini adalah ikan-ikan yang mendatangkan pendapatan yang lumayan. Ugang juga sudah berkurangan dan apabila musim tengkujuh yang tidak menentu, kawasan-kawasan eko-sistem pembiakan udang, ikan dan sebagainya sudah habis.

Dulunya Pulau Pinang menjadi antara kawasan pengeluaran hasil laut tetapi hari ini, kita hanya mengharap kepada ternakan. Ternakan udang, udang itu tidak begitu sedap. Tidak boleh lawan udang besar yang memang kita tangkap tiap-tiap hari. Nelayan juga menghadapi masalah apabila tambakan laut ini, kalau dulu orang Jelutong, dia boleh keluar pusat Jelutong, dekat sahaja. Tetapi hari ini dia terpaksa pergi ke Pulau Kendi. Jumlah keupayaan dia untuk tangkap sudah sikit, kena pergi jauh pula, bererti dia

kena belanja lebih, pukut dia dan sebagainya. Kerana tambakan laut dan sebagainya, dibawa oleh arus dan merosakkan pukut-pukut dan sebagainya. Sebab itu saya sarankan kepada Kerajaan Negeri jangan bagi dua (2) baneh, sekarang ini Kerajaan Negeri bagi dua (2) baneh, bagi lima (5) atau enam (6) baneh, mereka boleh buat satu labuh. Itu baru kita dapat menolong mereka secara yang lagi proaktif. Kalau dua (2) baneh ini, dia hanya tampung-tampung sahaja. Saya berharaplah. Ini dizahirkan oleh nelayan. Nelayan kata dua (2) baneh ini tidak cukup, bagi kepada sesiapa pun dua (2) baneh sekali setahun, bagi lima (5) baneh depa boleh tangkap makan masa satu (1) tahun kalau pukut itu tidak rosak. Kalau pukut udang memang rosak, cepat rosak tetapi kalau pukut ikan boleh tahan sampai dua (2) tahun. Saya tahulah sebab saya pun turun ke laut juga. Jadi masalah ini, saya berharap lah supaya untuk menambak laut ini perlu kepada satu kajian yang teliti, semua pihak, alam sekitarnya, dari segi kemanusiaannya, dari segi semua mereka harus duduk dan lihat. Memang kita tahu tambak laut ini akan untung. Kalau dulu kita kata Kerajaan yang lampau, kita kata tidak bagus, sekarang ni kita tambak lagi sebab kita tahu, kita satu (1) meter persegi, kita dah dapat kita tambak RM80.00, kita boleh jual RM200.00 RM300.00. Kita untung. Dan pembinaan rumah juga akan jadi pembinaan rumah-rumah mewah. Tidak akan dibuat rumah-rumah yang akan menyebabkan harga itu akan rendah. Mesti harga tinggi dan dalam masalah penambakan laut juga kita lihat bahawa tempoh untuk melakukan pembinaan amat singkat. Saya tidak tahu jabatan mana yang memperakukan kebolehan tanah ini menampung dan sebagainya tetapi perkara ini kerana belum jadi musibah dan sebagainya. Jadi kena ada lah satu jawatankuasa yang menentukan, jangan lepas tambun sahaja, akan ada pembinaan rumah. Ini untuk kesejahteraan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya tertarik dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Lepas, tetapi dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak kata ada beberapa orang yang tidak hak sekali untuk menyoal cara atau *sea reclamation*. Nombor satu (1), Telok Ayer Tawar, kedua Pulau Betong kerana pada masa saya jadi seorang ADUN dalam Dewan ini, di mana saya menunjuk bukti-bukti *sea bed mining* untuk tambakan laut di Bagan Ajam. Bukti yang kukuh, nama kapal, tunjuk di mana, tetapi kedua-dua dah senyap. Di manakah prinsip bila *you* buat boleh, orang lain buat, tidak boleh. *Where is your principal especially*, khasnya sudah beberapa hari saya hanya diam, cakap *you* cakap tetapi sampai sekarang bila kata nelayan-nelayan, *inshore fisherman*, tangkapannya sudah kurang, itu juga alasan yang saya bagi pada masa itu. Saya sudah kata di mana jika *sea reclamation* datang dari mana dia punya pasir, cara macam mana, tidak boleh *sea bed mining* korek dia punya pasir daripada Bagan Ajam, korek dari Kuala Muda, letak di Dermaga NBCT. Masih ingatkah atau sudah nyanyuk?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Hj. Muhamad Farid Bin Hj. Saad):

Terima kasih Sungai Puyu. Saya membuat usul, saya sedar saya berada di Dewan ini saya taat atau pun tidak, tidak pernah sekali pun yang saya menyokong sepenuhnya. Kita duduk di BN pun walaupun kita ramai Yang Berhormat satu ataupun dua orang, kita *very vocal*. Teguran tetap kita buat kepada benda yang salah. Tidak pernah macam hari ini semua sokong, tidak. Kami dulu pun tetap menentang segala perkara yang mana yang bertentangan atau pun yang tidak sesuai. Kami melontarkan pandangan dan hari ini pun bagi saya Pulau Betong yang sama juga. Kalau yang salah, tetap saya tegur, kalau yang betul, tetap saya terima.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya hendak minta penjelasan. Pada masa itu, bila saya duduk di sana sebagai Ketua Pembangkang, bila saya bawa masuk soalan ini, isu ini dalam Dewan, saya tidak pernah dengar Pulau Betong bagi sokongan kepada saya walaupun pada masa itu sudah tunjuk bukti, cara itu tidak betul. Saya tidak ada sokongan daripada Telok Ayer Tawar, saya telah tunjuk bukti bahawa *sea bed mining* itu, nelayan telah bagi bukti, gambar, laporan Polis dan lain-lain. Tidak ada satu pun suara pun pada masa itu, senyap sahaja. Itulah keadaannya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sungai Puyu sebut Telok Ayer Tawar dua (2) kali, okey.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Hj. Muhamad Farid Bin Hj. Saad):

Tiga (3) kali, empat (4) kali, lima (5) kali pun tak apa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak apa, saya hendak cakap Sungai Puyu, yang kata korek dari mana, Bagan Ajam pergi ke NBCT? Korek apa?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pasir, *sea bed mining*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mana ada *sea bed mining* di Bagan Ajam itu semua. Memang tidak ada pasir pun.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kapal pun ada di sana, laporan Polis pun ada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Seingat-ingat saya, kita membuat bantahan besar berkenaan dan teguran juga berkenaan dengan *dredging*, bukan *sea bed mining*. *Dredging* adalah untuk membuang selut, bukan ambil pasir. Ini yang dari ingatan saya. *Dredging* dilakukan untuk mendalamkan NBCT. Laluan kapal. Kita menegur syarikat yang mendapat kontrak untuk membuang selut yang dikorek itu ke kawasan yang jauh tetapi kita dapati bahawa kapal yang membawa selut itu dia lepas selut itu pelan-pelan separuh jalan, dia patah balik dan bila dia lepas selut itu, selut itu timbul, dibawa arus ke Balik Pulau kena, Bagan Ajam kena, Telok Air Tawar kena. Kita bantah dan kita buat teguran dan kita minta diambil tindakan. Itu seingat saya dan tidak ada korek pasir sebab kalau korek pasir bukan dari Bagan Ajam.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dia atas nama, projek untuk mendalamkan *North Chanel* di mana semua selut-selut hendak diberi kepada satu *focus point* di 7 kilometer daripada *North Chanel*, 6 kilometer daripada Muka Head. Itulah *focus point* di sana. Tetapi atas nama kata dia sedang buat *dredging* tetapi telah buat *dredging* dan juga telah ada ditahan di Kuala Muda, bahagian Kedah, pun kena ada satu kes, di mana mereka tunjuk bukti bahawa kapal yang buat urusan itu terlibat dengan keadaan ini. Saya sudah minta dalam Dewan yang mulia ini tunjuk bukti, mana kapal pasir yang diguna untuk di NBCT, *show us* di mana dia bayar royalti. Dia tidak ada, di mana dan mana pejabat daerah yang urus atau import daripada Indonesia. Semua tiada. Pada masa itu, memang Ahli Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar sebagai seorang EXCO langsung senyap. Yang menjawab saya adalah daripada Padang Kota sahaja di mana mereka kata, tiada Yang Berhormat, *you silap*, ini kontrak untuk mendalamkan *North Chanel*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat kedua-dua pihak sudah berhujah. Kita teruskan dengan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Saya cuma hendak maklumkan, saya pun sedar, masa perbincangan antara kedua-dua Telok Ayer Tawar, Pulau Betong dan Sungai Puyu, saya masih belum berada di dalam Dewan. Tetapi cuma saya hendak tanya Sungai Puyu sama ada, pandangan, pegangan, kepercayaan Sungai Puyu berkenaan dengan *reclamation*, *sea bed* dan sebagainya pada masa Sungai Puyu menjadi Ketua Pembangkang, adakah sentimen tersebut masih kekal sampai hari ini apabila telah menjadi EXCO? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ribut dan angin, tidak tukar kerana saya kata saya, *I am against sea bed mining, sea bed dredging*, saya tetap macam ni, saya tidak terima.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sea bed mining, sea bed dredging, tidak sama dengan *sea reclamation*. Jangan alihkan isunya. Kita sekarang menyuarakan bantahan ke atas penambakkan. *Sea bed dredging* terpaksa dijalankan untuk mendalamkan laluan kapal di NBCT dan di kualakuala sungai...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pada masa itu, saya tidak dengar bahawa ada bantahan daripada Telok Ayer Tawar seorang EXCO kepada *sea reclamation*. Tidak ada tetapi bila saya persoalkan *sea bed mining, sea bed dredging*, tidak dengar langsung apa-apa bantahan daripada ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Bayan Lepas teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Macam mana orang boleh lindung dosa mereka. Tuhan yang akan buka rahsia anda dengan cara yang *you* tidak sangka.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sungai Puyu juga jangan mengalihkan perhatian daripada pengorekkan untuk mendalamkan pelabuhan kepada isu yang panas sekarang iaitu menambak laut.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, sudah faham. Teruskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih. Timbalan Yang di-Pertua. Jadi seperti yang saya menyatakan bahawa harus kita lihat perkara ini semula kerana banyak tempat lagi yang akan dicadangkan untuk penambakan laut. Jadi kita harus melihat dari segi, yang pertamanya dari segi punca pendapatan nelayan-nelayan. Ini yang harus kita lihat. Yang keduanya, kita juga harus melihat satu kajian yang menyeluruh kerana di kawasan Permatang Damar Laut, apabila ditambah laut sahaja, masalah akan berlaku, apakah nasib yang akan berlaku kepada mereka-mereka yang tinggal di tanah-tanah TOL dan sekarang hanya tinggal di 10 ke 25 tahun. Adakah mereka ini akan dipindahkan dan sebagainya, ini juga harus dilihat bahawa bukan sahaja di Permatang Damar Laut, tetapi kalau lihat sekarang kerja-kerja yang ada, sekarang ini masih berjalan, dicadangkan untuk kerja-kerja untuk menyukat tanah ni untuk ditambah dan sebagainya, maka kawasan Telok Kumbar, kawasan Sungai Batu, juga kawasan-kawasan ini akan menyebabkan masalah sosial yang lain. Dari segi bantahan, dari segi rakyat dan sebagainya, ini harus diberi perhatian. Kemudian, berlakunya tambakan, sebab kita tidak ada teluk, teluk tidak ada, mustahaknya teluk ini adalah untuk nelayan-nelayan dia masuk ke kawasan-kawasan teluk, supaya sekiranya berlaku ribut, mereka ini tau akan selamat. Tetapi jikalau sudah tidak ada teluk, semuanya tempat yang terbuka, ribut yang berlaku setiap tahun, tiga (3) atau empat (4) kali yang besar-besar, ini juga akan menyebabkan kemusnahan kepada perahu-perahu. Ribut selatan, barat, yang selalu berlaku. Sekarang ini mereka lari ke kuala-kuala. Sekarang ini kalau sekarang berlaku tambakan, sudah tidak ada kuala-kuala. Ini harus dilihat.

Saya berharap bahawa Jabatan Perikanan dengan persatuan nelayan dapat duduk sekali melihat benda-benda ini dan memberikan komen-komen kepada Kerajaan Negeri kerana apabila nelayan sudah tidak berfungsi, kita tidak ada hasil laut. Kita tidak akan dapat lagi menikmati hasil laut seperti yang kita alami sekarang. Tuan-tuan lihat sekarang, dulu ikan temenung, ikan kembung, kita boleh makan tiap-tiap hari dapat tangkapan yang banyak. Tapi untuk tahun ini, jumlah tangkapannya sekarang sudah dekat tiga (3) empat (4) bulan sudah tidak ada jumlah tangkapan yang banyak. Apa

sebab dan kenapa ini juga harus dilihat, Jabatan laut melalui Unit Kaji Selidik kena lihat benda-benda ini, ketam kita panggil ketam batu, ketam nyiur. So, tak ada hal kita hanya nak kena beli di Juru dan sebagainya dan Juru pun masalah sekarang nak bela kerang pun tak boleh. Pencemaran air, dahla pencemaran air kita tambun lagi. Air-air ini akan menyebabkan kelodak dan sebagainya, tak boleh. Cengkerang dah tak ada, siput dah tak ada jadi banyak faktor menyebabkan benda-benda ini harus diberi perhatian. Terutama Jabatan Alam Sekitar kena turun sama melihat, beri pandangan supaya kita dapat mengkaji semula berhubung dengan tambakan laut. Tetapi saya nak balik tadi pasal kita janganlah bila berlakunya apa nama runtuh rumah-rumah yang dibuat berjuta-juta ringgit tiba-tiba berlaku bencana pada waktu itu kita nak salahkan pada siapa? Satu benda yang singkat di Singapura, saya difahamkan sekurang-kurang lima (5) ke sepuluh tahun tambakan laut itu baru boleh dibuat pembangunan. Tetapi tempat kita tak berlaku seperti itu, jadi ini juga kalau dah berlaku bencana dan sebagainya kita saling menyalahkan jadi ada orang yang pada waktu ini harus kita pertimbangkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan bagaimana keadaan Pulau Mutiara kita ini sekarang. Kalau kita imbas kembali semasa saya dulu-dulu la kecil-kecil Dato' Mahmud, ada cengkerang *sea shells* di tepi pantai, orang boleh menangguk udang kepal untuk buat belacan misalnya, udang untuk buat belacan. Ikan-ikan melompat-lompat di tepi laut, ikan belacak dan sebagainya. Sekarang itu semua dah hilang, bahkan banyak spesies kehidupan telah pupus. Ikan terubuk tempatan dah tak ada, hanya berharap kepada Thailand, Myanmar dan tadi Bayan Lepas sebut ikan kembung yang biasa kita dok makan hari-hari pun dah begitu terancam dah amat kurang, kalau dahulu hanya RM3.00 sekilo, sekarang dah jadi RM2.00 sekilo kerana *supply* penawarannya dah amat kurang dan kita dari segi *food security*, ...(dengan izin) keselamatan makanan penawaran kita, tangkapan hasil pendapatan nelayan amat berkurangan dan ini adalah satu perkara yang seharusnya diberi perhatian berat. Kos kepada pembangunan menyebabkan banyak kos kepada kehidupan rakyat dan *ecology* dan alam sekitar. Jadi kita perlu imbangi ini untuk memastikan bahawa kecemerlangan, keindahan Pulau Pinang tidak akan terhapus oleh kerana kita ghairah dengan pembangunan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Yang ketiganya, saya ingin membawa masalah keamanan dan kesejahteraan rakyat. Kita dapati bahawa, semakin hari kegoyahan perhubungan antara kaum semakin ke tahap yang agak membimbangkan. Kita berharap bahawa dalam bajet yang ada, tidak banyak menyentuh tentang program-program kemasyarakatan berhubung antara kaum. Jalinan antara kaum ini, amat harus kita beri perhatian kerana inilah sahaja yang ada. Kaya macam mana negara pun, hebat macam mana negara pun tetapi kalau kita tak menjaga hati antara penduduk, dia akan merosakkan. Kita lihat sahaja di Syria hanya ada bangsa Arab tapi ada dua (2) ideologi, hancur lebur. Kita ada berbagai-bagai bangsa, berbagai-bagai agama yang hidup dalam keadaan yang toleransi, yang saling merasa kasih sayang antara satu (1) dengan lain. Tadi menceritakan bagaimana ada *gangster-gangster*. Apa sebabnya berlaku *gangster*, masalah kemiskinan dan sebagainya. Perkara ini mesti kita cari jalan supaya *gangster* ini tidak hidup, supaya tidak ada *gangster* supaya tidak ada kelompok-kelompok yang menjadi orang yang kuat dalam

kaumnya, sebab itu kita mesti menjaga hati. Kalau saya tidak menjaga hati orang Cina, orang Cina ada *geng* dia akan hentam saya, kalau saya tidak menjaga hati orang India, orang India akan ada *geng* dia akan menyebabkan rasa sakit hati saya keluar saya dihentam. Jadi kita perkara-perkara macam ini harus kita pertingkatkan, satu peruntukan yang harus kita beri perhatian yang serius kerana sekarang ini kalau tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat melihat bahawa kita di selatan Thailand, langsung tak selamat. Tidak boleh duduk tiga (3) orang pun, tidak boleh duduk sembang dekat luar bukan kata dia nak sembang ja tuan-tuan, ini pengalaman saya pergi ke Pattani. Bila saya ajak depa sembang lebih kurang antara jarak saya dengan Tuan Yang di-Pertua sahaja, tidak berani. Nak sembang, sembang dalam rumah. Mereka kata kalau sembang luar, nanti ada orang mai lalu tembak. Tuan mai dari Pulau Pinang, saya kata pasal apa jadi macam itu, kami pun tak faham kami pun tak tahu sebab apa. Dan kadang-kadang orang tidak berdosa, kesilapan *gangster* dia nampak muka macam muka saya dia nak tapi tiba-tiba ada orang lain, dia datang hentam orang itu jadi nyalah. Saya tidak sebut...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya, ulasan sikit jiran ada tak *gangster* itu macam YB. Rayer?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan, saya memang tertarik dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat, dan saya ingin merakamkan di sini kepujian yang tertinggi kepada Yang Berhormat. Dalam Barisan Pembangkang yang semua yang telah berbahas dua tiga hari ini, saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat cukup tepat sekali dan saya sendiri pun telah mengatakan perkara yang sama. Seperti titah Sultan Johor yang meminta rakyat Johor bersatu padu, tidak membenarkan sebarang elemen *racisme* menggugat perpaduan rakyat di Johor. Kalau Yang Berhormat masih ingat saya masa berbahas, telah minta rakyat Pulau Pinang bersatu padu, orang Melayu, orang Cina, orang India bersatu padu. Jangan membenarkan sebarang *racisme* masuk, dan saya minta Yang Berhormat kalau saranan yang boleh dibuat pada hari ini, dibuat kepada ahli-ahli parti sendiri yang mengadakan Perarakan Baju Merah di Kuala Lumpur. Terima kasih. Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi kepujian kepada YB. Bayan Lepas dan saya terima saranan tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih, sebenarnya kita yang dah berlaku kita biarkan berlalu. Jangan kita unkit lagi, kalau kita nak unkit banyak baju kuning ada baju hijau ada, mengapa disalahkan baju merah saja?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sikit saja. Baju kuning itu Yang Berhormat, orang Melayu ada, orang India ada, orang Cina ada, orang Dayak ada, orang Benggali pun ada maaf bukan Benggali, Punjabi pun ada. Semua ada, tapi perarakan baju merah hanya terdiri daripada golongan daripada Parti tertentu. Saya gunakan perkataan, bukan orang melayu tapi Parti tertentu sahaja yang ada di situ. Orang-orang PAS ketika itu, orang-orang daripada PKR dan Amanah tidak ada di situ, orang-orang Parti tertentu dan pemimpin tertinggi

daripada Parti tersebut juga ada Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat, tepatlah boleh menjadi pensyarah memberi syarahan ini kepada semua ahli daripada Parti tertentu supaya jangan mengulangi perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan, Yang Berhormat. Saya sebenarnya turut bersetuju dengan pandangan YB. Bayan Lepas, YB. Nordin mengatakan bahawa perpaduan di kalangan kaum adalah merupakan tunjang sesuatu kemakmuran negara cuma saya kurang bersetuju kalau kita menyalahkan satu pihak sahaja apabila apa yang berlaku hari ini kita tengok bibit-bibit perpecahan itu ada. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa dari usia bayi itu dilahirkan sampailah berusia enam (6) tahun, setiap bayi akan berada di bawah ibu dan bapa dijaga dan dibelai. Apabila memasuki darjah satu (1), sepatutnya setiap pelajar ini diletakkan dibawah satu (1) sekolah satu (1) aliran. Supaya anak Cina, anak Melayu, anak India boleh duduk di dalam satu (1) kelas, tidak perlu ada sekolah-sekolah yang berbilang bangsa. Ini adalah pandangan, yang telah diberi oleh ramai cendekiawan tetapi pandangan-pandangan ini tidak diterima. Sebab itu, saya minta supaya di dalam Dewan ini difikirkan, bukan sahaja kita menguar-uarkan perpaduan kaum tanpa kita mencari satu (1) penyelesaian. Saya tidak nafikan saya berasal daripada Sekolah Kebangsaan, tetapi dulu kalau di Kepala Batas anak Cina, anak India, semua masuk satu (1) sekolah. Gong Xi Fa Chai, kami ramai-ramai pergi ke rumah anak-anak Cina. Raya Deepavali, cikgu-cikgu India menjemput kami makan tosai dan sebagainya. Hormat saling hormat menghormati sampai macam itu, tetapi hari ini kita tengok anak-anak Cina tidak ramai yang mendaftar masuk ke Sekolah Kebangsaan, kurang sangat. Saya adalah Pengerusi PIBG Bertam Indah, baru-baru ini semalam saya masuk lewat keputusan UPSR diumumkan, saya mengumumkan keputusan. Anak India cuma seorang daripada 140 pelajar, anak Cina tidak mendaftar pun masuk. Jadi macam mana, usia 7 tahun sampai 12 tahun tidak pernah pun berkawan dengan bangsa-bangsa lain. Dan ini harus kita fikirkan sedalam-dalamnya. Jangan kita melaungkan didalam dewan tentang perpaduan kaum, cuma ingin saya nyatakan bahawa walaupun bibit itu ada, tetapi perkauman di dalam Malaysia bukanlah satu perkara yang terlalu besar. Cuma diuar-uarkan di kalangan kita orang politik.

Hari ini kita pergi makan di dalam Dewan sana, saya percaya *caterernya* Umi Sekha orang Melayu, tapi saya percaya juga *fish ball* nya dibeli daripada kedai Ah Chong, atau pun rempahnya dibeli daripada Muthusamy dan sebagainya. Sebenarnya tidak ada masalah pun, dan hari ini sekalipun di dalam Dewan saya asyik mendengar *racisme-racisme*, tapi apabila keluar di tempat makan kita boleh duduk sebelah menyebelahi, begitu rapat. Jadi saya minta walaupun benda ini disebut berulang kali dan benda ini menjadi tunjang kepada kemakmuran sesebuah negara, ke mana kita pergi pun kita tetap Rakyat Malaysia, saya minta kita satu mencari satu (1) penyelesaian yang baik bukan sekadar melaung-laungkan tentang kita kena sehati dan sejiwa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bayan Lepas, sikit saja, Saya nak memuji, Bayan Lepas...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya bila dengar hujah-hujah daripada Bertam dan rakan-rakan termasuk Rayer, saya cukup gembira ke arah perpaduan, dan YB. Bertam telah memulakan, mula lahirnya seorang insan sehingga besar dan bila cukup umur enam atau tujuh tahun patut belajar di satu sekolah. Setuju tak YB. Bertam, saya nak cadangkan supaya Dewan yang mulia ini membuat satu usul supaya kerajaan wujud satu sekolah satu aliran....(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan, Saya ingin, Bayan Lepas...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya rasa YB. Pulau Betong tak akan menyokong usul itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Hj. Muhamad Farid Bin Hj. Saad):

Saya akan menyokong usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain sila duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Bayan Lepas, tadi saya terdengar bahawa baju merah, baju kuning. Bayan Lepas mengatakan *what ever* yang sudah lepas bagi dia lepas. Saya tak setuju kerana, dalam masa baju kuning tak ada masalah tapi baju merah ia ada bawa isu perkauman. Memang kita mahu semua kaum.. (gangguan)

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Baju merah ia bawa isu perkauman. Itu sepanduk yang tulis musnahkan SRJK (C), itu bukan bawa isu perkauman? Itu memang bawa isu perkauman itu. Tapi sampai hari ini. Setujukah tindakan sebegitu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jawi telah panjangkan Jawi. Duduklah Jawi duduklah Jawi..

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk Jawi, sila duduk Jawi. Bayan Lepas sila teruskan. Hampir satu (1) jam.. (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan-peraturan... (gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peraturan apa?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan, sebagai seorang pengamal undang-undang, saya sedia maklum tentang cadangan Yang Berhormat daripada Sungai Acheh, tetapi maklum Dewan ini bila perkara yang sama dinyatakan oleh seorang Ahli Parlimen Mark Kording, di Parlimen pada tahun 1978. Bila laporan polis dibuat walaupun niat pada masa itu adalah untuk menggabungkan aliran sekolah, tindakan telah diambil terhadap Mark Kording dan beliau disabitkan di mahkamah kerana mempersoalkan sesuatu hak di bawah perlembagaan. Jadi saya ingin menegur walaupun cadangan Yang Berhormat daripada Sungai Acheh itu, mempunyai niat ikhlas tetapi saya rasa perkara itu tidak boleh diteruskan kerana mungkin disalahtafsirkan. Terdapat insiden untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dalam kes Mark Kording. Perkara ini telah dicadangkan dan telah dibuat laporan polis oleh seorang wakil MIC dan MCA dan beliau telah disabitkan di mahkamah...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan Bayan Lepas. Yang lain boleh duduk, sekejap lagi cakap dalam bahagian kita. Bayan Lepas seterusnya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih. Jadi saya balik kepada benda yang sebab kalau kita nak cerita merah biru dan sebagainya kita masing-masing ada alasan...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Di bawah tajuk lain...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Tapi kita masih lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bayan Lepas saya minta sedikit .. (gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Tak apa, tak terima kasih. Jadi saya berharaplah supaya ...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Kita berharaplah supaya perpaduan ini yang kita uar-uarkan yang kita laksanakan sejauhmanakah kita lihat bahawa berjaya atau tidaknya semua agensi-agensi yang ada. Jangan ada langsung rasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat setuju Biro Tatanegara dimansuhkan? Setuju tak?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan Bayan Lepas. Sila duduk Seri Delima.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Tuan-tuan dan puan-puan, jadi kita lihat bahawa perkara yang saya katakan ini bukan untuk saya, tapi untuk anak-anak saya, untuk cucu-cucu saya dan anak-anak tuan-tuan dan sebagainya. Masa depan kita masih jauh, kita hanya tinggal beberapa hari lagi tetapi kalau perkara ini kita masih lagi pandang ringan dan sebagainya kita tunggulah musibahnya. Musibah itu hampir-hampir sekarang ini, dengan IS telah wujud di negara kita bila dan bagaimana nasib siapa yang akan menerimanya. Kita tidak tahu dia tidak mengenal siapa, dia tidak mengenal dia Orang Islam kah, dia tidak mengenal dia Orang Cina, India dan sebagainya hentam sama saja. Jadi kita harap perkara ini tidak berlaku jadi di Dewan yang mulia ini saya berharap ada satu peruntukan dan kesungguhan untuk mewujudkan program-program yang sedemikian rupa dan saya juga ingin...(gangguan) saya nak habis dan sikit sahaja.

Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan. Saya bukan bangun untuk tenggelam sesiapa, saya mahu puji sahaja, Boleh? Bolehlah YB. Bayan Lepas orang baik, Bayan Lepas mesti bagi. Terima kasih YB. Bayan Lepas apa. Yang Berhormat Dato' Speaker saya sebenarnya bangun saya mahu puji YB. Bayan Lepas tapi cuma saya rasa saya faham dia parti yang salah itu sahaja(gangguan) terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta laluan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk-duduk. Bayan Lepas bagi kebebasan kah ni? Tak padam lagi lampu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Bagi balikkah, kesian.

Ahli Kawasan Macang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, Bayan Lepas. Saya tertarik kepada perbincangan tadi kerana saya rasa tadi YB. Bertam pun menyatakan dan YB. Sungai Acheh pun mengeluarkan satu pandangan yang saya rasa perlunya diperbetulkan di mana satu gambaran telah diberi kepada Dewan ini seolah-olah sekolah-sekolah aliran yang berlainan ini telah menyebabkan ketidaksatunya atau berpecahnya kaum-kaum di Malaysia saya rasa itu adalah satu gambaran yang tidak betul dan kita kena tengok ada kenapa berlakunya perpecahan kaum itu kita kena tahu dasar dia bukan sekadar tidur atau berhidup dalam satu *compound* atau satu persekitaran yang sama. Kita semua di sini pun pelbagai kaum tetapi pandangan dan ideologi memang ada yang berbeza-beza. Kanak-kanak kita paksa mereka untuk hidup di dalam satu *compound* yang sama tidak semestinya boleh bersatu padu.

Tadi YB. Bayan Lepas pun menyatakan bahawa di Negara Syria guna satu bahasa, satu agama pun berperang macam itu. So adakah mereka tidak bersekolah dalam satu sekolah aliran yang sama saya rasa itu bukan sebabnya. So saya berharap Dewan yang ini tidak perlu dikelirukan dengan seolah-olah menyalahkan sekolah yang beraliran berlainan sebagai satu asas yang menyebabkan perpecahan kaum. Saya berharap itu perlu diperbetulkan. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Jadi saya ingin bercerita sikit bagaimana tentang keharmonian kaum di tempat satu ketika dahulu. Dulu di tempat saya ada main Wayang Cina. Dalam kampung saya dan Kampung Melayu ada 10 rumah Cina dan ada Tokong Cina, tiap-tiap tahun ada main wayang Cina dan Orang Melayu turut serta kutip duit sama-sama untuk hendak tengok cerita Siti Zubaidah, Hikayat Siti Zubaidah, 1001 Malam. Orang boleh duduk boleh tahu ceritanya sedangkan wayang Cina itu datang daripada Negeri Cina waktu itu dia bukan dari Negeri Siam tapi dari Negeri Cina. Kita, kanak-kanak duduk sekali dan sebagainya. Tetapi mengapa hari ini saya bertanya apakah masalah pembesar suara azan ini mengganggu siapa? Saya tanya masalahnya sekarang wayang Cina masih main lagi, tapi tak ada diambil Orang Melayu dah tidak ada dah. Anak-anak Melayu pun dah tidak ambil tahu dah. Dulu kalau nak pergi wayang Cina anak-anak Melayu pun seronok. Sekarang ini bila ada sahaja menyatakan bahawa azan ini tidak boleh, telah ada orang yang telah jumpa dengan pengerusi kariah minta supaya Orang Cina yang dok ada sekarang ini mesti *start* pada pukul 8.30. Kalau dahulu pukul 7.00, 7.30 *start* sekarang minta pukul 8.30 dan habis pada pukul 10.00 malam. Sebab dia kata pasai apa azan kita tidak boleh. Walaupun benda itu sikit dan walaupun benda tu tercapak sikit tetapi mendatangkan benda-benda kita tidak tahu. Jadi ini lah yang harus kita elakkan supaya bagaiman masyarakat majmuk dahulu boleh duduk dan menikmati apa-apa sahaja tentang kebudayaan lain tetapi hari ini tidak boleh. Kenapa boleh jadi macam itu? Ini harus dilihat tak kira siapa pun lah pemerintah tertinggi negeri dan sebagainya dan kita dalam keluarga sendiri bagaimana cara kita mendidik anak-anak kita

Dalam keluarga sendiri, keluarga orang Cina, orang India, orang Melayu bagaimana mereka mendidik kalau ada rumah kita. Rumah saya dekat dengan rumah orang Cina. Saya selalu keluar masuk dan menjadi satu (1) keluarga. Kita kenal ramai yang cakap fasih Bahasa Melayu ada satu (1) dua (2) yang masuk Islam dan sebagainya tetapi ini merupakan satu (1) benda yang berlaku pada waktu dahulu tapi hari ini tidak jadi saya berharap ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid bin Haji Saad):

Saya nak berkongsi dalam Dewan ini...(gangguan) bagi, sedikit sahaja. Satu (1), kedudukan Pulau Pinang hari ini lebih kurang dalam 9% adalah orang India dan kedudukan orang Melayu dan Cina lebih kurang seimbang sekarang ini ia lebih kurang sama banyak. Ini bermakna, kalau kita beri contoh kepada negeri lain ianya bermula daripada Pulau Pinang kerana keseimbangan dari segi kaum Melayu dan Cina ini. Yang kedua, baharu-baharu ini saya ada pergi untuk memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah yang yang mengambil UPSR di seluruh Balik Pulau saya mendapati di Sekolah Cina ada lebih kurang 20% ada 30% penuntut-penuntut Melayu. Apa yang saya cadangkan apa yang kita buat hari ini adalah penting untuk masa hadapan dan bukan untuk kita lagi untuk anak cucu kita. So kita kena berfikir apakah yang paling terbaik sekali masing-masing di antara kaum ini orang Cina ada sekolah Melayu pun ada orang Melayu masuk Sekolah Cina pun ada juga kerana ini sebenarnya akan mewujudkan satu kerharmonian perpaduan di kalangan kita. Saya bersekolah di Sekolah St. George, ada Cina, ada India dan Melayu. Saya pergi ke UiTM semua Melayu, saya pergi ke United Kingdom ada pelbagai kaum. Anak saya ada di Sekolah Melayu pun ada Sekolah Cina pun ada kerana apa? Kenapa saya nak tahu apa sebenarnya yang perlu ada dalam kehidupan kita yang penting untuk kesejahteraan Malaysia dan masa hadapan, perpaduan kaum keharmonian hormat menghormati mesti ada mesti wujud dan saya rasa kita boleh berbangga di Pulau Pinang kerana daripada segi nisbah kaum itu adalah yang menunjukkan satu (1) jumlah yang boleh diterjemahkan kepada *the real harmony the real* perpaduan Sehati Sejiwa Bangsa Malaysia.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Bayan Lepas, satu (1) saja, terima kasih. Saya ingin merakamkan kepujian kepada semua pemimpin Barisan di sini kerana kita lihat di dalam liputan-liputan akhbar kecuali yang dipanggil Zainal Panjang yang hadir, yang lain tidak hadir...(gangguan). Saya puji...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Speaker, Seri Delima kata Permatang Pasir tadi tak ada kita cakap dia marah...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, sila duduk, sila duduk semua...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat menyebut nama Zainal Panjang menyakitkan hati saya, mana boleh...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk semua. Silakan teruskan Yang Berhormat Bayan Lepas...(gangguan). Orang tak ada jangan disebut.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Tak apa kita balik kepada fakta asalnya cara untuk kita menyelesaikan kerana benda ini akan semakin hari semakin apa nama akan mendatangkan makin memudarat kepada negara kita dalam keadaan keharmonian yang semakin gundah gulana ini. Jadi sekali lagi lah saya berharap semua agensi yang berhubung dengan perpaduan meningkatkan kegiatan-kegiatan ke arah menjalin apa nama mempertingkatkan supaya ada satu jalinan kemesraan di kalangan bangsa di Negara kita. Dan pada masa yang sama saya juga ingin meminta supaya saya baharu sahaja terima apa nama ini saya bertanya larangan pembesar suara ini untuk laungan azan dan sebagainya sama ada turut terpakai atau tidak untuk program-program rasmi Kerajaan. Jadi saya berharaplah supaya fatwa yang telah diputuskan pada 1 haribulan Julai telah disahkan dan pada 23 dan 24 memutuskan bahawa penggunaan pembesar suara diluar masjid dan surau hanya dibenarkan bagi kegunaan azan dan lqamat sahaja. Bererti kalau sekiranya kita membuat program-program di peringkat negeri dan sebagainya dan rasmi bererti pembesar suara yang diluar tidak boleh digunakan. Jadi saya harap fatwa ini janganlah dihantar untuk disahkan. Kalau sekiranya disahkan ini bermakna ia telah menjadi satu (1) undang-undang dan undang-undang ini diguna pakai...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak perlu tambah-tambah, ini nak tutup dah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak minta penjelasan YB. Bayan Lepas. Sebab YB. Batu Maung berkata ini *contradict*, ini tidak *contradict* saya bertanya, jangan salah faham Batu Maung... (gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bayan Lepas sila teruskan. Tunggu saja EXCO gulung.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Ini jawapan yang saya terima. Jadi saya berharap supaya fatwa ini tidak diteruskan untuk diwartakan. Itu saya minta kerana sekarang saya nak beritahu yang terbaharu kita baharu sahaja bermesyuarat di Kariah Masjid Telok Kumbar nak panggil Ustaz Azhar Idrus.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seorang saja yang bercakap.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Kalau dia datang ramai yang lain jadi sekarang dalam mesyuarat itu ada yang bertanya sebab kita nak guna pembesar suara itu di luar sedangkan dah satu (1) arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam supaya benda ini kena maklum

balik bahawa saya kata minta kebenaran tanya pendapat mereka kalau kata tidak boleh kita kata tak bolehlah kita buat dalam masjid lah. Tidak boleh bawa pembesar suara itu keluar kerana ini, saya berharap supaya benda ini pihak Majlis Agama Islam hantar balik pekeliling ini supaya fatwa ini tidak dilaksanakan dan boleh berjalan seperti biasa. Jadi dalam majlis ini saya berterima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan, *Bismillahirrahman Nirrahim, Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa. Sekali lagi terima kasih YB. Dato" Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Bajet 2016 oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 di Dewan yang mulia ini pada 6 November 2015.

Tajuk pembentangan bajet tersebut mempunyai tajuk iaitu Pulau Pinang Pertumbuhan Inklusif dan Pembangunan Mampan. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah membentangkan Bajet 2016 yang pertama bagi Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang. Sebelum ini sejak 2013 apabila saya dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Penaga saya juga berpeluang mendengar Ucapan Bajet bagi tahun 2014 dan 2015 di dalam Dewan yang mulia ini. Saya percaya pembentangan bajet kali ini pun ditunggu-tunggu oleh rakyat Pulau Pinang. Dan saya merasa amat bertuah kerana diberi peluang untuk berucap dalam bajet ini dan juga berpeluang untuk mendengar perbahasan. Selama berapa hari dah? Hari yang ketiga saya rasa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Dan dari perbahasan kita dapati setiap Ahli Dewan Undangan Negeri ini mempunyai pendapat masing-masing mengenai bajet yang telah dibentangkan. Bajet keseluruhan yang dicadangkan bagi tahun 2016 sebanyak RM1,165,000,000, merupakan pertambahan sebanyak RM112.83 juta ataupun 36% berbanding dengan bajet keseluruhan sebanyak RM992.82 juta bagi tahun 2015. Dan anggaran Bajet Mengurus sebanyak RM979.53 juta telah meningkat sebanyak RM92.29 juta jika dibanding dengan Bajet Mengurus tahun 2015. Cadangan Bajet Pembangunan sebanyak RM346.12 juta juga merupakan peningkatan sebanyak RM120.54 juta jika dibandingkan dengan jumlah Bajet Pembangunan sebanyak RM225.58 juta pada tahun 2015.

Anggaran hasil yang boleh dikutip mengikut ucapan Y.A.B. Ketua Menteri dalam tahun 2016 berjumlah RM687,396,910 juta iaitu pertambahan sebanyak RM30.47 juta berbanding anggaran hasil tahun semasa iaitu 2015 sebanyak RM656.93 juta. Dan bajet yang dibentangkan kali ini merupakan Bajet Defisit sebanyak RM292.13 juta. Apa yang dikatakan ataupun apa yang dinyatakan dalam ucapan bajet tersebut iaitu Kerajaan Negeri sejak 2008 selama tujuh (7) tahun berturut-turut telah mencadangkan Bajet Defisit tetapi akhirnya dapat mengakhiri setiap tahun kewangan dengan lebihan atau *surplus* dilaporkan juga rizab Kerajaan Negeri berjumlah RM880.75 juta pada akhir tahun 2014.

YB. Timbalan Yang di-Pertua umum ketahui bahawa kejayaan Negeri Pulau Pinang bukanlah disebabkan usaha Kerajaan Negeri semata-mata. Tanpa bantuan dan kerjasama Kerajaan Pusat ekonomi Pulau Pinang tidak akan mencatat pertumbuhan seperti dilaporkan. Kita harus berterima kasih kepada Kerajaan Pusat dalam membangun dan memaju ekonomi Negeri Pulau Pinang. Pada 16 haribulan yang lalu YB. Telok Ayer Tawar Ketua Pembangkang dalam Ucapan Perbahasan Bajet 2015 telah menjelaskan dengan terperinci bagaimana Kerajaan Pusat membantu dan memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Termasuklah dengan contoh-contoh dari segi peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri melalui pelbagai projek termasuklah pembinaan Empangan Mengkuang berjumlah RM1.2 bilion. Selain daripada itu kita pun tahu bahawa Kerajaan Pusat sejak 2012 dalam Bajet menyediakan peruntukan untuk memberi kepada pelajar-pelajar, murid-murid sekolah bantuan sekolah sebanyak RM100 setiap pelajar. Untuk pelajar-pelajar atau anak-anak kita di Pulau Pinang selain daripada itu BR1M dan sebagainya maka jika kita ingin mengatakan bahawa Kerajaan Pusat menganaktirikan Kerajaan Negeri pada kali ini saya rasa itu bukanlah satu kenyataan yang betul. Mungkin tahun ini kita kurang mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat tetapi sebelum ini kita mendapat pelbagai peruntukan termasuklah pembinaan Jambatan Kedua kalau tidak salah saya bernilai RM4.0 bilion lebih. Jadi kita seharusnya berterima kasih dan Kerajaan Negeri khususnya sepatutnya berterima kasih dan menunjukkan penghargaan kepada Kerajaan Pusat dalam membantu rakyat Pulau Pinang demi untuk menjaga kesejahteraan rakyat Pulau Pinang tidak diabaikan.

Pulau Pinang memang terkenal dengan industri pelancongan. Peranan MIDA seperti yang disebut oleh YB. Telok Ayer Tawar dalam ucapan perbahasan memang betul. Saya pernah menanya soalan kepada Kerajaan Negeri apakah peranan MIDA dalam membantu Pulau Pinang iaitu pada bulan April yang lalu. Dan jawapan yang diberi iaitu pada ketika itu pada 30 April 2015 jumlah pelaburan asing dan tempatan yang telah melabur di Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2014 diluluskan oleh pihak MIDA bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut. Ada senarai pada saya yang menunjukkan apa-apa projek sama ada dibawa oleh pelabur-pelabur asing atau pelabur-pelabur domestik perlu mendapat kelulusan daripada MIDA untuk melaburkan di Negeri Pulau Pinang. Jadi daripada angka yang saya ada setakat 2014, RM8.0 bilion iaitu jumlah keseluruhannya yang dilaburkan oleh pelabur domestik dan juga pelabur asing dan dari pelaburan tersebut peluang pekerjaan yang diperolehi ataupun diwujudkan di Pulau Pinang berjumlah 109,000 lebih. Banyak lagi contoh-contoh ataupun perkara-perkara yang boleh kita tunjuk sebagai bukti untuk membuktikan bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan Pulau Pinang.

Saya berpendapat selain daripada faktor-faktor dan usaha-usaha Kerajaan Negeri dan usaha-usaha kerjasama Kerajaan Pusat untuk meningkatkan ekonomi Pulau Pinang iaitu dari segi infrastruktur, pelaburan dan sebagainya. Perkara yang amat penting bagi saya kenapa Pulau Pinang boleh menjadi sebuah negeri yang maju ialah disebabkan wujudnya keamanan di Pulau Pinang. Jika keamanan wujud di Pulau Pinang maka itu boleh menarik pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga untuk membuka perniagaan di Pulau Pinang. Maka sumbangan pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan dan ketenteraman di Negeri Pulau Pinang sepatutnya diberi penghargaan setiap tahun kerana setiap tahun bajet ini dibentangkan dalam Dewan untuk diluluskan untuk dibahaskan. Tetapi kadang-kadang perkhidmatan dan sumbangan pengorbanan yang

diberikan oleh pasukan keselamatan khususnya pasukan Polis Diraja Malaysia kebanyakan kita lupa mengenai jasa dan pengorbanan mereka yang membolehkan kita hidup dengan aman dan damai dan juga untuk menarik pelabur-pelabur datang ke Pulau Pinang. Itulah sebab bagi saya, apa yang dibangkitkan atau disebut oleh YB. Bayan Lepas mengenai perpaduan kaum memanglah tepat sekali dan bagi saya rakyat Pulau Pinang sama ada Cina, Melayu, India dan pelbagai kaum di sini sepatutnya mengeneppikan soal-soal ataupun perkara-perkara sensitif yang boleh membangkitkan kemarahan kaum terhadap kaum yang satu lagi. Kerana jika kita tidak menjaga keharmonian kaum di Negeri Pulau Pinang di mana seperti yang disebutkan oleh YB. Pulau Betong iaitu dari segi komposisi penduduk di sini penduduk kaum Melayu dan Cina lebih kurang sama dan kaum India sedikit. Jadi kaum-kaum yang berada di Pulau Pinang ini perpaduan di antara kaum amatlah penting dan kita dalam Dewan ini, Ahli Dewan ini hendaklah menghindarkan diri daripada membangkit-bangkitkan isu-isu yang boleh menimbulkan kemarahan kaum. Kita tidak mahu perkara-perkara yang lepas yang pernah berlaku di dalam Dewan ini berulang lagi. Itulah bagi saya apa yang disarankan, apa yang disebutkan oleh rakan saya daripada Bayan Lepas, perlu disokong dan jika usul perlu dibawa saya pun akan menyokongnya. Bagi saya, saya pun ada contoh juga. Anak saya baru sahaja *graduate* mendapat ijazah dalam bidang *dentistry*, bulan sudah, dari Universiti Malaya. Sejak beliau bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Senangan yang saya difahamkan pada tahun ini mendapat keputusan yang cemerlang, nombor 1 di Pulau Pinang. Di dalam kawasan Yang Berhormat ADUN Telok Ayer Tawar. Kalau di luar saya dah suruh tepuk pun. Dalam ucapan macam ini. Tetapi dalam Dewan ini saya tak...(gangguan).

Apa yang saya ingin katakan bahawa Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Senangan adalah sebuah sekolah di mana pelbagai kaum, ibu bapa dari pelbagai kaum menghantar anak mereka belajar di sekolah tersebut. Termasuklah saya semasa saya tinggal di Telok Ayer Tawar. Ketika itu anak saya ingin memasuki darjah 1 di sekolah itu, dan sejak di bangku sekolah darjah 1 sehinggalah sekarang, kawan rapat anak saya adalah salah satunya adalah anak Punjabi. Okey dua (2) orang lagi *twin*, anak Cina dan seorang lagi anak India lain-lain anak melayu. Ke semua mereka kecuali *the twin* tu anak Cina, dua (2) orang tu, seorang jadi doktor juga, seorang ambil *statistic something...*(tak jelas). Yang lain *become doctor except* anak saya. Anak saya suka *dentistry*. Sekarang mereka semua dah *graduate* menjadi doktor. *And the thing is that* anak saya cerita pada saya, anak saya pakai tudung. Semasa di Universiti Malaya memang beliau beritahu pada saya, dalam kelas beliau, dalam kelas *dentistry*, seramai 70 pelajar separuh daripada pelajar adalah bangsa Cina dan seorang India lain daripada itu adalah Melayu. Di situ mereka tidak mesra di antara pelajar-pelajar. Apabila satu hari yang berlaku anak saya cerita, beliau berjumpa dengan kawan beliau yang rapat bernama Teng. Yang saya katakan sejak kecil. Memang dari kecil sampai sekarang memang depa rapat. Anak-anak Cina pernah datang tidur rumah saya. Mereka berpeluk di depan kawan-kawan mereka yang lain, anak-anak Cina yang lain. Selepas itu, anak-anak Cina yang lain datang jumpa anak saya bertanya. Bagaimana mereka terlalu *close*, terlalu rapat sehingga boleh peluk-peluk. Bagi saya, saya nampak, bagi anak saya perkara itu perkara biasa. Berpeluk dengan kawan Cina berpeluk, biasa. Tapi bukan semua Cina atau Melayu melihat atau boleh memeluk kaum lain. Itu *is a fact*.

Saya selalu cerita kisah ini apabila saya pergi ke sekolah Cina memberi bantuan di kawasan saya. Di kawasan saya ada sebuah sekolah, sekolah Cina sekolah rendah, separuh daripada pelajar-pelajar di situ adalah berbangsa Melayu, dan saya amat gembira sekali melihat kemesraan pelajar-pelajar tersebut dan ibu bapa sekali datang semasa diadakan majlis dan saya dapati dengan pengalaman daripada kecil seperti yang disebutkan oleh YB. Bertam tadi, kemesraan daripada kecil, pergaulan daripada kecil, interaksinya ini akan menyenangkan proses untuk mengenali di antara satu sama lain. Dan bagi saya ia adalah satu perkara yang perlu betul-betul difikirkan jika kita mahu pelbagai bangsa di dalam negara kita khususnya di Pulau Pinang untuk menjadikan perpaduan satu agenda yang penting. Itulah sebab bagi saya cadangan, ada cadangan-cadangan dahulu di mana semua kaum ataupun semua sekolah diletakkan di bawah satu bumbung, Sekolah Wawasan dan sebagainya. Bagi saya itu adalah satu (1) cara yang terbaik.

Yang kedua, pengalaman saya sendiri. Semasa saya bersekolah pun, sekolah saya bukanlah hanya murid-murid daripada orang Melayu sahaja, tak semacam setengah sekolah di Penaga, saya cakap terus terang. Setengah sekolah di Penaga saya cakap terang-terang, sekolah kebangsaan semua Melayu. Saya tak suka sebenarnya macam itu. Kenapa sebab interaksi itu tiada. Sebab saya bersekolah masa sekolah di Sekolah Rendah di Kepala Batas. Memang Kepala Batas pelbagai kaum akan ada dalam kelas. Itulah bagi saya, saya amat menyokong sekalilah sekiranya kalau kita boleh memikirkan cara bagaimana untuk merealisasikan hasrat kita semua supaya perpaduan antara kaum wujud di negeri ini. Saya nak meneruskan. Memang saya *be passionate when we talk about this*. Sorry la.

Isu yang kedua saya ingin sentuh di sini ialah mengenai pelancongan. Pelancongan adalah industri yang penting bagi Negeri Pulau Pinang. Tidak boleh dinafikan sumbangan dari sektor Pulau Pinang kepada KDNK Pulau Pinang, Negeri Pulau Pinang adalah berjumlah yang banyak, dan apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah berkaitan dengan sebenarnya saya amat kesal sebab bajet 2016 ini tidak memberi peruntukan atau perhatian kepada pembangunan pelancongan di kawasan Seberang Perai. Saya masih teringat selepas pilihan raya dalam mesyuarat yang lepas, ataupun yang pertama dinyatakan dalam ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 2 Julai 2013, di mana saya sebut di sini di para 25, T.Y.T. menyebut "Selain George Town kawasan Seberang Perai juga mempunyai pelbagai potensi untuk menjadi tumpuan pelancongan. Tarikan semula jadi di Seberang Perai seperti Pulau Aman, kelip-kepik Kampung Sanglang, Seberang Perai Selatan dan Kuala Muda, Pulau Pinang perlu dimanfaatkan supaya agihan kunjungan pelancong bukan sahaja tertumpu di kawasan George Town tetapi juga di kawasan Seberang Perai". Saya rasa pada masa itu dia ini daripada Jawi. Kami pada masa itu amat gembira sekali dengan kenyataan yang terdapat dalam ucapan T.Y.T. dan bagi saya, saya sehingga hari ini menunggu produk-produk yang boleh dibawa ke kawasan saya. Saya berterima kasih kepada EXCO Pelancongan yang telah membuat satu program *homestay* di Kota Aur tahun ini, tahun lepas, masa berlalu begitu pantas. Saya hadir dalam program tersebut dan saya mahu melihat supaya Kuala Muda khususnya seperti yang disebutkan oleh T.Y.T. dalam ucapan beliau diberi perhatian, dan begitu juga kawasan-kawasan lain yang disebutkan di sini diberi perhatian. Kita tidak mahu hanya George Town sahaja ditonjolkan sebagai tempat tarikan pelancongan. Kita mempunyai kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang ini. Jadi saya rasa sudah sampai masanyalah saya menunggu-menunggu sejak 2013

sehingga sekarang 2015 nak masuk 2016, saya harap kalau tahun ini kita tidak boleh membuat sesuatu, saya harap tahun depan Kerajaan Negeri kena adakan satu (1) projek untuk Kuala Muda dan kawasan-kawasan yang disebutkan di dalam ucapan T.Y.T. pada 2013 itu.

Berkaitan dengan pelancongan juga, saya telah bertanya soalan, soalan bertulis yang berbunyi, "Sila nyatakan jumlah dan lokasi hotel, motel dan asrama berlesen dan tanpa lesen yang beroperasi di Pulau Pinang sekarang. Berapa jumlah kutipan hasil *fee* yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013, 2014, 2015 dan jumlah yang tertunggak?". Yang menariknya jawapan yang diberikan kepada saya ialah terdapat sebanyak 173 hotel dan empat (4) buah motel menjadi jumlah keseluruhannya berlesen ialah 177. *Okay that fine*. Manakala 186 premis iaitu 171 buah hotel, tujuh (7) buah motel dan lapan (8) buah rumah penginapan tanpa lesen yang beroperasi di seluruh Pulau Pinang. Isunya, saya faham sebab soalan yang sama pernah bertanya pada tahun yang lalu dan pada masa itu jawapan yang diberikan kepada saya sehingga April. Ini soalan bertulis saya pada 19 Mei 2014. Jawapan yang diberikan oleh EXCO, sehingga April 2014 sejumlah 135 premis telah menjalankan aktiviti perniagaan hotel, tumpangan dalam kawasan MPPP tanpa lesen. Kawasan MPPP, MPSP terdapat 21 yang tiada lesen. Jadi dari segi jumlahnya saya nampak ada peningkatan pada April 2014, jumlah premis ataupun hotel, motel dan sebagainya yang tanpa lesen ialah berjumlah 135.

Pada tahun ini sehingga November iaitu 19 Mei mengikut jawapan yang diberikan kepada saya, jumlah hotel, motel dan sebagainya yang tidak mempunyai lesen ialah 186. Ini bermakna ada pertambahan 51. Isu yang bagi saya perlu diambil kira ialah hotel atau motel ini sebenarnya digunakan oleh pelancong-pelancong sama ada pelancong domestik atau pelancong antarabangsa. Sekiranya mereka tidak mempunyai lesen, ini bermakna mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Apa akan jadi sekiranya berlaku insiden-insiden yang tidak diingini seperti kebakaran contohnya kepada bangunan tersebut. Padahal sejak setahun yang lepas pemutihan sepatutnya dilakukan enam (6) bulan yang lalu, pada tahun yang lepas sehingga hari ini masih lagi terdapat dah bertambah pula jumlah hotel-hotel dan motel-motel yang beroperasi tanpa lesen. Maka saya berharap dan bercadang supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang tegas terhadap operator-operator tersebut supaya kita tidak mahu perkara-perkara yang tidak elok sebab pelancongan ini kadang-kadang boleh terjejas jika ada cerita yang tidak elok berkaitan dengan sesuatu tempat. Jadi itulah sebab bagi saya kita perlu tegas terhadap operator-operator tersebut supaya hotel-hotel dan premis-premis itu berlesen. Kita tidak mahu apa-apa yang berlaku satu hari nanti akan menjejaskan imej Pulau Pinang, akan mengurangkan pelancong-pelancong datang ke Negeri Pulau Pinang kerana ini boleh menjadikan satu cerita, satu berita yang tidak elok untuk Negeri Pulau Pinang.

Jadi bagi saya kita perlu menjaga imej Pulau Pinang dan kita tidak mahu pelancong-pelancong balik. Saya rasa pelancong-pelancong yang tinggal di hotel-hotel tersebut, saya rasa mereka tidak tahu bangunan tersebut tidak mempunyai lesen. Saya percaya kalau kita sendiri pun kita pergi kita pun tak tahu. Jadi itulah harapan saya dan harap pihak Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang segera untuk mengatasi masalah ini.

Selain daripada itu, saya nampak daripada jawapan yang diberikan kepada saya, jumlah kutipan fee sejak ia berkuat kuasa Julai 2014 sehingga September 2015 yang dilaporkan di sini, memang saya rasa saya nampak jumlahnya tinggi. Sebagai contoh Majlis Bandaraya Pulau Pinang sejak tahun lepas sehingga tahun 2015 jumlahnya yang dikutip RM9,462,192.00, itu banyak. Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai pula jumlah keseluruhan berjumlah RM1,223,263.00 menjadi keseluruhannya RM10,685,455.00. Saya ingin bertanya setakat hari ini, berapa banyak jumlah yang dikutip dan yang dibelanjakan balik untuk pelancongan. Semasa pembentangan dahulu, dalam usul yang dibuat untuk mengutip kutipan *fee* Kerajaan Tempatan, tujuannya ialah untuk menggunakan *fee* ini yang dikutip daripada operator hotel-hotel untuk pembangunan dan memajukan industri pelancongan. Jadi saya ingin tahu berapa banyak telah dibelanjakan dan adakah bayaran-bayaran tertunggak sehingga hari ini daripada operator-operator hotel di dalam Negeri Pulau Pinang yang sepatutnya membayar *fee* yang dikenakan. Satu lagi perkara yang saya rasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan. Minta laluan. Berkenaan dengan tabung Kerajaan Tempatan, *levi* yang dikutip dari penginap hotel, saya hendak tahu bagaimanakah cara atau proses untuk memohon mendapatkan memohon untuk projek contoh sebab saya ada memohon untuk membantu nelayan separuh masa dan orang-orang kampung untuk membangunkan *floating homestay* atau *boathouse*. Sebab saya ingin tahu dan apa yang saya diberitahu ialah hanya duit *levi* tabung ini hanya boleh digunakan untuk promosi di luar negara, tidak boleh digunakan untuk, sebagai contoh, *create* satu *fund* kepada supaya orang-orang kampung dapat membangunkan *industry homestay* ataupun *industry floating homestay*. Itu soalan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa soalan itu saya serahkan kepada EXCO Pelancongan, dalam penggulangan nanti minta tolong jawab soalan tersebut. Saya nak kena jawab? Saya sudah serah kepada EXCO Pelancongan, kalau tidak saya pergi duduk situ lah.

Saya ada lagi soalan saya ingin tanya, adakah operator tanpa lesen yang saya sebutkan tadi hotel-hotel ataupun motel-motel, premis-premis yang sepatutnya berlesen tetapi tidak mempunyai lesen dan menjalankan perniagaan? Adakah mereka juga perlu mengutip kutipan *fee* Kerajaan Tempatan, bagi yang tanpa lesen ini? Saya nak ia dijawab lah, kerana pertama, kita tahu mereka tanpa lesen, kita benarkan, makna dia haram, kita halalkan benda yang haram, sekarang kita hendak kutip pula *levi* daripada perniagaan haram. Saya kurang faham dari segi ini dan saya minta penjelasan. Sila jawab lah kemudian.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Timbalan Yang di-Pertua, boleh saya tanya satu (1) lagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah. Sila teruskan YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Nak cuba habiskan sebelum pukul 6.00. Tadi sebelum bangun dia tak tahu apa nak cakap, sekarang jadi banyak pula nak cakap, tadi rasa 10 minit saja nak cakap. Okey, satu lagi dalam Ucapan Bajet disebut bahawa di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan karbon, ini berkaitan dengan alam sekitar dan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau. Jadi antara langkah yang dibuat ialah mewujudkan bas shuttle, *Bridge Express Shuttle Transit* iaitu BEST. Saya telah bertanya soalan berkaitan dengan BEST ini. Saya terbaca dalam surat khabar, setahu saya sebelum ini perkhidmatan yang diberi ada dua (2) jenis iaitu BEST KOMTAR, satu dan BEST FIZ satu. Sebelum ini untuk mengurangkan kereta masuk ke pulau daripada Seberang Perai, langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dengan memperkenalkan Free Shuttle inilah, bas percuma, tetapi baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar bahawa Kerajaan Negeri telah mengenakan bayaran untuk perkhidmatan. Sebagai contoh disebutkan di sini, saya tanya “Kenapa perkhidmatan bas tersebut dikurangkan penumpang dan penumpang dikenakan bayaran RM50.00 sebulan berkuatkuasa 20 Julai 2015”. Jawapan yang diberi kepada saya, “Ada dua kategori, untuk BEST FIZ RM50.00 tetapi BEST KOMTAR RM25.00 sebulan”. Alasan yang diberi kenapa perlu dikutip bayaran ialah “Caj yang dikenakan kepada setiap penumpang adalah sebagai komitmen agar penumpang menggunakan perkhidmatan BEST FIZ setiap hari. Hasil kutipan bayaran RM50.00 setiap penumpang membolehkan Kerajaan Negeri memperolehi data yang lebih tepat mengenai jumlah penumpang yang sebenar yang mengguna perkhidmatan BEST FIZ”.

Timbalan Yang di-Pertua, kita bermula program ini secara percuma. Dalam keadaan ekonomi yang kurang baik pada masa ini, kita sepatutnya mencari jalan meringankan beban kepada rakyat terutama sekali kepada penjawat awam yang bekerja di KOMTAR. Penjawat awam dikenakan bayaran RM25.00 sebulan. Walaupun RM25.00 sebulan, mungkin pada Yang Berhormat-Yang Berhormat di hadapan saya tidak ada masalah, tetapi ada setengah orang RM25.00 ini memang satu jumlah yang besar terutama sekali apabila mereka menghadapi masalah kewangan. Jadi di samping kita memperkenalkan sistem bas ini untuk menggalakkan pengurangan karbon, pengurangan kenderaan masuk ke Pulau, kita seharusnya lebih komited ke arah itu dan cuba membantu penumpang-penumpang supaya diberi secara percuma. Walaupun cuma RM25.00 atau RM50.00 itu mungkin pada sesetengah orang adalah jumlah yang kecil tetapi pada setengah orang itu adalah satu jumlah yang besar. Saya minta Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula caj yang dikenakan ini supaya ia dapat membantu khususnya penjawat-penjawat awam yang bertugas di Pulau Pinang daripada Seberang Perai.

Satu lagi berkaitan dengan warisan. Saya tidak tahulah sama ada betul atau tidak, saya minta EXCO Pelancongan menjawabnya dalam penggulungan mengenai keratan akhbar yang menyatakan tapak warisan milik orang dilaporkan pada 9 November 2015. Lebih daripada 100 unit bangunan di tapak Warisan Dunia UNESCO dekat sini dimiliki warga asing. Setahu kita status tapak Warisan Dunia UNESCO ini sebenarnya di perolehi daripada Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang memerintah Pulau Pinang. Jadi sekiranya usaha keras yang diusahakan sebelum ini hanya dipandang remeh, maka ia amat mengecewakan. Jadi saya harap, pihak yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan yang perlu.

Berkaitan dengan denggi, wabak denggi. Sedikit saja saya nak sebut. Saya pun amat terkejut sekali lah apabila saya baca dalam surat khabar pada 9 November. Ada info di sini. Statistik yang disebut yang diberi dalam akhbar Berita Harian. Dalam statistik ini, menunjukkan bahawa Pulau Pinang menduduki tempat kelima. Kes denggi bagi Januari 6 hari bulan, bagi Januari hingga 6 November 2015 berjumlah 4,641 dan kematian berjumlah 15 orang. Pada tahun yang sama, tahun sudah. Jumlah nya adalah. Jumlah kes adalah 1,958, kematian hanya 5 orang. Peningkatan yang tinggi yang kematian yang menyebabkan kes denggi ini amat mengeri menakutkan dan saya rasa sesuatu perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara-perkara begini tidak berulang lagi di masa hadapan. Jika perlu memperuntukkan sejumlah wang yang besar, buatlah. Bagi saya keselamatan dan kesihatan rakyat Pulau Pinang perlu di hargai dan diberi keutamaan. Sikit lagi. Sikit lagi saya nak sentuh. Sikit lagi.

Saya rasa kalau saya tak sentuh isu berkaitan dengan masjid. Pemilihan Jawatankuasa Masjid yang akan berlangsung tak lama lagi tak kena. Tadi saya telah mendengar sahabat saya, bos saya daripada Pinang Tunggal. Iyalah dia tiga (3) penggal. Pinang Tunggal di antara lain membangkitkan isu berkaitan dengan Pemilihan Jawatankuasa Masjid yang akan berlangsung dan sekarang bermula pendaftaran keahlian, kalau saya, kalau tak salah saya bermula daripada 17 Oktober 2015 tarikh mula pendaftaran dan akhir pendaftaran ialah 11.12.2015. Mesyuarat Agung Pemilihan bermula 2 Januari 2016, berakhir tempoh dia lebih kurang sebulan lebih 29 Febuari 2016. Memang betul saya bersetuju sangatlah apa yang dikatakan oleh YB. Pinang Tunggal. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid ini mendatangkan masalah di kawasan di kawasan di mana majoriti nya orang Melayu. Saya pernah membawa contoh yang berlaku di kawasan saya, tahun sudah. Tahun inilah pada persidangan yang lepas. Di mana saya memberitahu apa yang berlaku di Masjid Bakar Kapor, di KADUN Penaga dan saya pada ketika itu memberi orang kata apa membahaskan isu itu dengan teliti dengan secara *detail* menunjukkan jumlah undi yang di perolehi setiap jawatan bermula dengan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan sebagainya dengan cara yang demokratik. Mesyuarat diadakan secara adil dengan dihadirkan, dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Agama Islam. Selepas keputusan diperolehi, sebulan kemudian, ditukar. Majlis Agama Islam menggunakan peruntukan dalam Tatacara Pemilihan Jawatankuasa Kariah. Di mana di bawah Perkara 9 Majlis Agama Islam mempunyai budi bicara, untuk menukar orang-orang yang menang atau menggantikan orang yang kalah menjadi menang. Ini yang berlaku di Bakar Kapor. Jadi saya harap sangat pada kali ini, jangan lah berulang lagi kes-kes yang demikian.

Saya masih ingat apabila saya membangkitkan isu itu. Batu Maung saya tanya apa sebab Majlis Agama Islam menggunakan kuasa di bawah Peruntukan 9, di bawah Peruntukan Tatacara Pemilihan Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang menukar orang selepas keputusan dibuat. Saya nak tahu sebab dia tapi sehingga hari ini pun saya belum lagi dapat jawapannya dan pada ketika itu saya masih ingat Batu Maung kata dekat saya perlahan-lahan yang dia akan bagi pada saya secara bertulis. Sampai hari ini saya belum dapat lagi. Betul tak YB. Batu Maung? YB. Batu Maung ada menjanjikan kepada saya dalam Dewan ini, akan memberi jawapan secara bertulis. Kenapa keputusan itu digantung dan kenapa orang yang menang digantikan dengan orang yang kalah. Jadi saya sampai hari ini pun menunggu-nunggu lah YB, berkaitan dengan perkara ini dengan jawapan sebab bagi saya ini amat penting sekali. Sekarang kita akan mengadakan pemilihan ini sekali lagi. Saya harap perkara-perkara begini tidak akan

berlaku lagi dalam Pemilihan Masjid di Negeri Pulau Pinang ini supaya demokrasi wujud dan keadilan pun wujud. Yang lebih penting bagi saya sebagai orang Islam kita kena tahu lah apabila kita berjanji kita mesti tunaikan janji kita dan sebagai. Saya pun pernah menyebut hari itu, apabila kita menggunakan budi bicara kita perlu menggunakan secara seadil-adilnya sebab dari segi undang-undang walaupun budi bicara diberikan kepada mana-mana pihak, budi bicara tersebut perlulah digunakan ataupun di *exercise* kan, *your discussion must be* cara betul. Betul tak peguam? Yang Berhormat ni peguam. Saya tau. Dia bersetuju dengan saya. Saya banyak peguam dalam ini. Jadi jadi saya dalam pergulungan saya, harap lah saya dapat jawapan lah sekurang-kurangnya saya puas hatilah sebelum pemilihan akan datang. Saya dah bangkitkan isu ini sejak 2013 lagi selepas pilihanraya, ya? Jadi saya harap saya dapat orang kata apa jawapan dan tengok apa habis dah.

Last sekali, sebelum saya nak mengundur diri saya nak sentuh berkaitan dengan nelayan. Saya mengucapkan terima kasih lah kepada Kerajaan Negeri kerana dalam ucapan bajet ada menyentuh tentang nelayan di mana bantuan pukut pesisir pantai dua (2) kali setahun akan diteruskan. Peruntukan berjumlah RM1.6 Billion, eh RM6.0 billion, minta maaf. RM1.6 juta diperuntukkan. Juga untuk petani usahawan tani. Mikro Kredit juga disediakan, diteruskan, dikekalkan. Berkaitan dengan nelayan, saya mohon supaya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan selain daripada memberi pukut dua (2) kali setahun. Berilah bantuan lain dalam bentuk tunai kepada mereka. Mungkin RM100 kah? RM200 kah? Sebulan. RM1,000 kah? Kalau boleh sebab Kerajaan Pusat telah pun menaikkan elaun mereka setiap bulan daripada RM200 kepada RM300. Selain daripada insentif-insentif lain yang diberikan kepada mereka dan saya rasa golongan nelayan patut di bela dan mereka kadang-kadang pendapatan mereka terjejas. Contohnya, semasa jerebu baru-baru ini. Ramai yang tak dapat pergi ke laut. Bayangkanlah, jika tidak dapat pergi ke laut, pendapatan tak ada makanan di rumah perlu disediakan kepada keluarga, anak-anak perlu pergi ke sekolah tetapi mereka tidak dapat pergi ke laut disebabkan jerebu yang tebal pada masa itu. Jadi ramai jugalah yang datang berjumpa dengan saya dan minta bantuan. Itu adalah satu insiden yang berlaku tapi ada kala-kalanya, perkara-perkara lain yang boleh berlaku di mana mereka tidak dapat pergi ke laut.

Jadi saya harap sangat Kerajaan Negeri untuk menghargai pengorbanan mereka yang banyak menyumbang kepada industri makanan kepada rakyat Pulau Pinang. Mempertimbangkan. Saya harap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan, memberi elaun lah ya sebanyak RM100 ataupun RM200 sebulan kepada setiap nelayan yang berdaftar. Yang jumlahnya lebih kurang 1,200 lebih lah. Saya ada itu. Jadi itu saja yang saya ingin sampaikan dan saya sekali lagi tapi sebelum saya undur saya ingin mengambil kesempatan di sini, untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang sama ada dari Kerajaan Negeri ataupun Pusat yang telah banyak membantu saya dalam menjalankan tugas saya sebagai Ahli Dewan Undangan di Kawasan Penaga dan kepada pelajar-pelajar juga ibu bapa dan guru-guru di mana murid-murid yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR, saya mengucapkan tahniah dan bagi saya setiap kejayaan itu bukanlah disebabkan sumbangan kita sendiri, ia akan ada orang lain juga yang membantu seperti juga kejayaan ekonomi Pulau Pinang. Sendiri tidak boleh. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada setiap teguran yang di buat oleh Ahli-ahli Dewan dalam perbahasan dan saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong. Tetap menyokong. Itu saja sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Timbalan Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2016. Bajet 2016 ini tidak kiralah sama ada di peringkat Kerajaan Pusat ataupun di Negeri Pulau Pinang memanglah menjadi tumpuan rakyat kerana keadaan ekonomi di Malaysia sekarang ini agak malap, lesu dan kurang berseri. Malah rakyat mengharapkan sesuatu dalam bajet, supaya dapatlah bajet yang dibentangkan ni dapatlah memberi ransangan kepada ekonomi Malaysia secara umum dan khasnya di Pulau Pinang supaya lebih banyak aktiviti ekonomi agar rakyat jelata dapat sekurang-kurangnya mengekalkan sumber pendapatan mereka pada tahun depan. Berdasarkan latar belakang ini, Y.A.B. Ketua Menteri telah membentangkan Bajet 2016 yang sejumlah RM1.3 billion yang mengandungi Anggaran Mengurus sebanyak RM979.53 juta dan Anggaran Pembangunan sebanyak RM346.12 juta.

Walaupun Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 telah meningkat daripada RM225.58 juta bagi tahun 2015 kepada RM346.12 juta pada tahun depan, akan tetapi ia anggaran pembangunan hanya merangkumi 1/4 iaitu lebih kurang 65, atau pun, minta maaf lebih kurang 26 peratus daripada keseluruhan bajet 2016. Ini bermakna hampir 75% bajet 2016 itu adalah untuk tujuan perbelanjaan dan tanggungan Kerajaan Negeri sendiri dan ia masih kurang untuk kita berbelanja untuk rakyat. Prestasi pengurusan kewangan yang baik, teratur, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membawa kepada penambahan rizab Kerajaan Negeri sebanyak RM135.75, peratus dalam tempoh tujuh (7) tahun iaitu iaitu daripada RM373.59 juta pada akhir tahun 2007 kepada RM880.75 juta, nampaknya duit banyak tetapi kalau berbanding dengan RM2.6 billion itu rizab Kerajaan Negeri masih kurang, masih jauh ketinggalan. Betullah RM880 juta sahaja, kalau berbanding dengan RM2.6 billion, rizab Kerajaan Negeri masih kurang, masih jauh ketinggalan, penambahan rizab ini memanglah sebenarnya membolehkan Kerajaan Negeri menggunakan lebih banyak rizab untuk tujuan pembangunan terutamanya dalam keadaan ekonomi yang lesu sekarang. Bajet Pembangunan 2016 seharusnya lebih fokus ataupun lebih memberi tumpuan kepada usaha jangka masa pendek bagi meringankan beban rakyat dan juga melaksanakan lebih banyak projek / program yang boleh membantu rakyat bagi menjanakan pendapatan mereka. Dalam konteks ini, bagi pendapat saya skim mikro kredit dan juga bantuan peralatan bukan sahaja perlu diteruskan, malahan perlu ditambah jumlah peruntukannya supaya lebih ramai pemohon boleh mendapat pinjaman mikro kredit dan juga bantuan peralatan. Dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat telah menyentuh bahawa bantuan pukot nelayan pantai, tabung usahawan tani muda akan diteruskan tetapi tidak dinyatakan jumlah peruntukannya, dan saya berharap bukan sahaja jumlah peruntukan itu adalah sama dengan tahun ini tetapi dapat diperbanyakkan begitu juga skim mikro kredit, untuk peniaga-peniaga kecil yang diuruskan oleh PDC.

Ekoran daripada keadaan ekonomi yang lesu, saya percaya beban kehidupan rakyat meningkat dan tentulah berasa tekanan hidup meningkat, jadi keselesaan tempat tinggal juga amat penting supaya bila mereka selepas kerja, balik rumah mereka dapat selesa, sekurang-kurangnya mengurangkan tekanan hidup mereka. Maka, di sini saya ingin menarik perhatian pada Dewan ini berhubung dengan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan Rumah Kos Rendah atau pun Rumah Kos Sederhana Rendah untuk tahun 2016 adalah dinyatakan bahawa sebanyak RM2.8 juta, telah diperuntukkan untuk tujuan pembiayaan bersama Kerajaan Negeri dan RM3.0 juta untuk di bawah Program HAPPY. Di sini saya ingin menyatakan bahawa memandangkan pembiayaan bersama 80%, 20% merupakan program di bawah Kerajaan Negeri, di mana Kerajaan Negeri lah yang meluluskan permohonan-permohonan tersebut, manakala kalau kita banding dengan pembiayaan Program HAPPY, iaitu ia bergantung kepada keputusan Kerajaan Persekutuan di bawah peruntukan TB1Malaysia, maka saya rasa ia lebih sesuai kalau pembiayaan 80:20 ini, peruntukannya lebih banyak daripada peruntukan di bawah Program HAPPY kerana Program HAPPY kita bergantung kepada Kerajaan Persekutuan yang sekarang kita tahu memang kita masih tunggu lagi tetapi program untuk pembiayaan untuk 80:20 ini adalah di bawah Kerajaan Negeri, dan ia adalah lebih sesuai kita pertingkatkan peruntukan di bawah program tersebut supaya penyelenggaraan rumah kos rendah atau pun kos sederhana rendah swasta ini dapatlah peruntukan tersebut tanpa menunggu, tidak tahulah bila jawapan daripada program ini HAPPY 1Malaysia tersebut. Silakan KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Minta laluan. Adakah Yang Berhormat Bukit Tengah setuju yang Program HAPPY itu sekarang tidak *happy* lagi kerana Kerajaan Pusat tidak bagi peruntukan, so 80:20 itu boleh dicadangkan sebagai Program lagi HAPPY lah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Kalau Kerajaan Persekutuan meluluskan permohonan itu memang semua pun *happy* lah. Baik, seterusnya saya amat tertarik dengan dasar atau pun cadangan di mana Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pemberian pengecualian cukai pintu untuk tahun depan kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah, saya memang mengalu-alukan langkah ini di mana jumlah cukai pintu daripada kos rendah dan kos sederhana rendah adalah dianggar bagi Majlis Bandaraya Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM6.0 juta dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah sebanyak RM5.0 juta dan keseluruhannya adalah lebih kurang RM11 juta. Di sini saya ingin menyatakan bahawa memandangkan pengecualian kos sederhana, kos pengecualian cukai pintu kepada rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah ini, saya percaya ia akan memberi impak dan kesan kepada kepada kewangan kedua-dua PBT kerana merekalah kurang pendapatan untuk MBPP dan kurang RM6 juta dan MPSP telah kurang lebih kurang RM5.0 juta. Jadi di sini sama ada Kerajaan Negeri ada bercadang untuk menampung kekurangan pendapatan akibat pengecualian cukai pintu tersebut untuk membantu kedua-dua PBT.

Seterusnya dalam Ucapan Bajet 2016, juga menyentuh bahawa Kerajaan Negeri telah melalui MPSP memperuntukkan RM5.13 juta bagi tujuan penyelenggaraan infrastruktur terutamanya pasar awam dan juga kompleks makanan. Di sini saya ingin

menyatakan bahawa jelasnya saya percaya RM5.13 juta ini adalah bajet di bawah MPSP dan bukannya bajet di bawah Kerajaan Negeri dan di sini pula saya ingin menyeru supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan sebilangan wang selain daripada RM5.13 juta ini bagi tujuan yang sama supaya lebih banyak kompleks makanan dan juga pasar awam, pusat peniaga penjaja dapat dibina kerana dalam keadaan ekonomi yang meleset ini saya percaya ramai akan bertukar kerja menjadi penjaja dan isunya adalah penjaja tanpa lesen itu mungkin bertambah. Dengan itu, kita kalau boleh kita mengorak langkah yang terlebih dahulu dengan membina lebih banyak kompleks makanan atau pusat penjaja untuk kita menampung penjaja-penjaja yang mungkin bertambah banyak.

Baik, seterusnya saya YB. Timbalan di-Pertua Dewan Undangan Negeri, dalam Ucapan Bajet 2016 juga dinyatakan bahawa bagi meningkatkan akses dan menaik taraf jalan-jalan kampung Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM2.0 juta di samping pemberian di bawah peruntukan MARRIS, iaitu di samping RM5.0 juta di bawah peruntukan MARRIS dan juga dinyatakan bahawa pada tahun ini Kerajaan Negeri telah mengagihkan peruntukan sejumlah RM1.0 juta untuk kerja menaik taraf jalan kampung dan RM3.0 juta untuk pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung. Persoalan saya ialah kalau ikut kira-kira ini untuk tahun 2015, sebanyak RM4 juta untuk tujuan menaik taraf dan penyelenggaraan jalan kampung dan untuk tahun depan hanya RM2.0 juta, kalau ikut cara pemahaman ini dan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada EXCO berkenaan tentang peruntukan untuk tujuan menaik taraf dan penyelenggaraan jalan kampung sama ada ia kurang atau sebenarnya ia bertambah. Baik, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap apa yang telah saya baca dan saya ingin mendapat penjelasan daripada laporan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas laporan mengenai projek jalan utama dan terowong di Pulau Pinang ini. Terdapat ada tiga (3) persoalan, yang pertama dalam muka surat lampiran F, muka surat 11, adalah dinyatakan bahawa sebagai bayaran kepada pihak CZBUCG Kerajaan Negeri telah memberi milikan tanah kepada Syarikat Edwin Zenith Sdn. Bhd, tetapi saya difahamkan bahawa kontrak adalah ditandatangani oleh Kerajaan dan juga pihak CZBUCG dan bukannya Syarikat Edwin Zenith Sdn. Bhd., walaupun dia dipohon oleh pihak CZBUCG tersebut tetapi apalah rasional berbuat demikian.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya jawab sekarang supaya kita selesaikan perkara ini.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Saya ada tiga (3) persoalan, ini persoalan pertama. Persoalan kedua, mengikut tempoh kontrak pihak Konsortium Zenith tersebut perlu melaksanakan kajian kebolehlaksanaan reka bentuk terperinci dan Kerajaan Negeri melantik perunding untuk melaksanakan kajian impak alam sekitar EIA atau pun DEIA dan tempoh pelaksanaan kesemua kajian adalah selama 30 bulan bermula 1 November 2013 dan tamat pada 30 April 2016. Kalau ikut lampiran E, ke semua EIA atau pun DEIA belum dimulakan setakat 30 September 2015, maksudnya tempoh pelaksanaan adalah sampai 30 April tahun depan dan sekarang tinggal lebih kurang setengah tahun sahaja sama ada ia boleh selesai terutamanya EIA ini, ini persoalan kedua. Yang seterusnya adalah persoalan ketiga adalah di sini telah dinyatakan muka surat 10 dan 11 telah dinyatakan bahawa

Kerajaan Negeri telah membuat bayaran bahawa membuat bayaran, satu adalah pemberimilikan tanah bernilai RM135 juta kepada Syarikat Edwin dan tuntutan bayaran sebanyak RM138 juta oleh pihak konsortium tetapi untuk kaedah pembiayaan di belakang pula saya cuma nampak angka RM135 juta dan tiba-tiba pula ada satu lagi nilai Lot 371 yang bernilai RM157 juta dan itulah saya kurang faham. Berapakah setakat ini Kerajaan Negeri telah membayar kepada konsortium sama ada secara pemberimilikan tanah atau pun sebagainya? Inilah tiga (3) persoalan yang saya perlu mendapat jawapan daripada barisan EXCO.

Dan akhir sekali YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit komen tentang proses perbincangan bajet ini. Saya berdiri di sini di dalam Dewan ini telah pernah melalui perbincangan bajet sebanyak inilah kali ke-8 tetapi sebenarnya apabila kita cuba menyediakan untuk berbincang, apa maklumat yang kita ada adalah tiga (3) buku ini saja Bajet Mengurus Dan Pembangunan, bajet berkenaan Perjanjian Program dan sekurang-kurangnya Penyataan Kewangan, tiga (3) sahaja dan sebenarnya apa yang terkandung dalam Bajet Mengurus Dan Pembangunan ini semua adalah begitu umum. Saya memetik sebagai contoh, kalau kita kata di bawah, bagi Maksud Pembangunan Di Bawah Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pertama, pengambilan tanah telah dianggar sebagai perbelanjaan sekian-sekian untuk tahun hadapan tiada, okey. Persoalan saya, sekiranya terdapat anggaran untuk tujuan pengambilan tanah apakah tanah yang kita, untuk pengambilan tanah tersebut adalah untuk tujuan projek yang mana, kita sebenarnya tidak tahu. Jadi, kalau kita nak membincang itu kita sebenarnya, kita bergantung kepada ucapan bajet dan kadangkala ucapan bajet tidak dapat mengandungi keseluruhan butir-butir, maka kita tidak dapat lah membincang sama ada bajet ini sesuai ataupun kurang sesuai. Jadi saya berharap lah, dengan ini saya bercadang bahawa Dewan ini dapat menubuhkan satu jawatankuasa pilihan kewangan atau pun bajet yang secara *detail* itu boleh meneliti secara *detail* keseluruhan bajet tersebut sebelum kita dapat meluluskan bajet berkenaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya mohon penjelasan kerana saya rasa bajet ini telah pun diteliti oleh pihak MMK. Maka soalan saya apakah perbezaan satu jawatankuasa meneliti bajet ini bersama dengan pihak MMK meneliti bajet ini dan mengapa pula tidak lebih terbuka kepada lebih banyak *backbenchers* untuk mewujudkan satu peringkat sebelum kami masuk ke DUN untuk *backbenchers* lebih berpeluang untuk meneliti butiran bajet tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada lima (5) minit sahaja lagi untuk YB. Bukit Tengah nak buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta Laluan, saya ada persoalan, kita duduk dalam 9 MMK ke, tetapi saya tidak pernah nampak, saya tidak pernah nampak dalam MMK untuk Bajet 2016, selalunya bajetnya hanya untuk tahun sekarang. Saya minta penjelasan kalau ada sebab selama ini tidak pernah nampak lagi dalam mesyuarat MMK.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Saya sebenarnya sama ada untuk satu jawatankuasa pilihan atau pun kepada semua back venture dan sebagainya yang, point saya adalah perlulah satu mekanisme sebelum kita dapat membolehkan kita mendapat lebih banyak butir butiran bagi kita membahar bajet tersebut, sama ada secara jawatankuasa pilihan atau pun mekanisme lain, itu adalah penting.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Penjelasan? Nak habis dah. Dengan ini saya mohon menyokong

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan berhenti berehat dan akan bersambung semula malam ini jam 7.45 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

Dewan disambung semula pada jam 7.45 malam.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan disambung dengan sesi perbahasan . Sila Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mengambil bahagian di dalam sesi perdebatan bajet ini dan saya mula dengan topik satu (1) isu yang amat penting bukan sahaja untuk Malaysia tetapi juga Pulau Pinang kerana isu ini bakal mengubah susunan dan juga ekonomi dunia, iaitu isu *The Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) dan *One Belt One Road*. Walaupun ada kawan-kawan Dewan yang menyatakan tentang isu TPPA, tapi saya berpandangan ia bukan isu di Parlimen sahaja, ia akan *affect all the states*. Khasnya untuk Pulau Pinang kerana banyak syarikat *multinational* yang melabur di Pulau Pinang. *Multinational company* seperti *Intel*, *Altera*, *Dell* dan *Motorola* dan *multinational* lain sama ada dari Amerika ataupun Eropah menawarkan puluhan ribuan peluang pekerjaan kepada Pulau Pinang. Oleh itu kita perlu melihat TPPA dari aspek positif dan implikasinya terhadap Malaysia dan Pulau Pinang. Saya telah membaca material-material yang berkenaan, TPPA *agreement* itu sendiri 6,000 muka surat, buku ini hanya 500 muka surat. 6,000 muka surat begitu tebal dia

punya dokumen tapi kita susah nak *digest* ke semua itu kerana meliputi pelbagai aspek yang begitu penting dan saya juga membaca bahawa terdapat 12 negara telah *indicate* ingin menandatangani TPPA. South Korea, Taiwan, Filipina, Columbia, Thailand, Laos, Indonesia, Cambodia, Bangladesh dan India. Saya kluatir kalau kita tidak menyertai TPPA, apa akan terjadi? Kerana sekiranya kita sebahagian daripada TPPA, produk yang hendak dihantar, dieksport ke Amerika Syarikat atau pun negara-negara yang menjadi *seniortory* kepada TPPA ini bakal mendapat pengecualian cukai atau levi. Sekiranya kita, Malaysia tidak menjadi ahli pula, maka produk-produk pembuatan dibuat di Pulau Pinang nanti mungkin nanti dikenakan cukai. Oleh itu saya dah rasa ini boleh menjadi satu faktor penentu yang begitu penting sama ada pelabur asing akan terus masuk ke Pulau Pinang. Sama ada saya kluatir jika tidak dan sekiranya tidak memasuki TPPA dan negara-negara Asia Pasifik lain menyertai TPPA, daya saingan Pulau Pinang akan turun. Perindustrian kita akan terhakis dan menghadapi risiko kehilangan dan pemindahan keluar pelabur-pelabur dari syarikat antarabangsa, Amerika Syarikat dan juga negara-negara *seniortory* kepada TPPA. TPPA satu belah ialah *One Belt One Road*. TPPA tak ada Negara China, China kata *One Belt One Road*.

Oleh itu sebagai sebuah Negara Malaysia dan sebuah Negeri Pulau Pinang, saya dapati kita perlu bijak dan *smart* dalam menangani isu-isu yang boleh *affect our economy*. Kerana TPPA ditaja oleh Amerika, *One Belt One Road* oleh Negara China. *We cannot afford pun either of this*. Sama ada TPPA atau *One Belt One Road*. So saya rasa kita tak ada kerana saya kata dokumennya 6,000 muka surat. Saya meminta Kerajaan Negeri melalui *Penang Institute* supaya mengkaji sedalamnya tentang implikasi TPPA terhadap pembangunan ekonomi, perindustrian dan juga peluang pekerjaan di Pulau Pinang. *Penang Institute* kena *digest all these document*, memberitahu kita Dewan Undangan Negeri apakah implikasi terhadap perindustrian dan peluang pekerjaan di Pulau Pinang. Dan saya faham juga Batu Uban *concern about the* perubahan, tentang ubat-ubat under TPPA dan sebagainya. Banyak isu yang terlibat. Saya juga meminta Kerajaan Negeri mengkaji peluang *One Belt One Road* dan *position* Pulau Pinang untuk mendapat kebaikan daripada kedua-dua inisiatif TPPA dan juga *One Belt One Road*. Dan saya ingin mengingatkan Parlimen dan juga kerana isu ini terlalu penting sehingga sepatutnya ada satu sesi khas di Parlimen, khas untuk membincangkan isu TPPA sahaja. Kerana dia akan *affect* mempunyai implikasi amat besar terhadap ekonomi kita. Untuk negeri-negeri *state assembly*, saya cadangkan juga dengan maklumat-maklumat yang perlu di *digest or* perlu ada perbincangan khas juga di peringkat *state assembly* kerana *Penang State Asembly* berbeza dengan *Kelantan State Assembly*, berbeza dengan *Terengganu State Assembly*. Kerana mereka mempunyai, negeri-negeri lain mempunyai perikanan, pertanian, isu tanah dan sebagainya tapi Pulau Pinang mempunyai perindustrian, ekonomi dan sebagainya. Oleh itu kita mempunyai perspektif yang berbeza. Oleh itu adalah baiknya bukan sahaja di Parlimen kita bincang isu TPPA, di peringkat *state assembly* juga boleh kita mengkaji dengan lebih mendalam kerana ia akan mempengaruhi daya saingan Pulau Pinang sebagai sebuah hub elektronik di Malaysia.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya juga ingin memberitahu Dewan ini kerana pagi ini saya dengar ramai kawan-kawan UMNO kita yang menyatakan tentang isu perikanan. Kawasan saya tak ada industri perikanan, kawasan saya juga tak ada nelayan, tak ada pantai. Tetapi yang saya rasa perikanan adalah juga turut penting seperti kawan-kawan UMNO, ADUN-ADUN dari Barisan Nasional yang sebut. Saya baca

dalam surat khabar bahawa Negeri Kedah berhasrat untuk melancarkan projek terminal perikanan bersepadu kedah. Projek Terminal Perikanan Bersepadu Kedah (KIFT) di Kuala Tebengau, Kuala Kedah. Projek ini dianggarkan bernilai lebih daripada RM3.0 bilion *or joint venture* dengan sebuah syarikat dari Negara China. Saya tertarik dengan berita ini, bukan kita cemburu terhadap apa-apa pengumuman dari Kedah. Projek mega terminal perikanan di Kedah telah dilaporkan di dalam Utusan bahawa dia akan bekerjasama dengan sebuah syarikat di Negara China untuk mengadakan projek mega terminal perikanan khasnya *tuna port* di Negeri Kedah.

Saya bangkitkan isu ini kerana di Pulau Pinang juga pada satu masa lalu ada inisiatif untuk *tuna port*. Saya nak menanyakan apakah telah terjadi dengan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang. Nama *tuna port* ada tetapi tiada satu pun kapal tuna beroperasi di Batu Maung, nama *tuna port*. Jawatankuasa Kira-kira (PAC) Parlimen telah membuat siasatan *tuna port* di Batu Maung. Pelabuhan tuna di bawah syarikat konsensi *Malaysia International Tuna Port Sdn. Bhd.* (MITP) dan *Bindforce Sdn. Bhd.* di mana 40% saham syarikat dimiliki oleh Lembaga kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan 60% oleh *Bindforce Sdn. Bhd.* bertujuan untuk membangunkan Batu Maung sebagai *tuna port* bernilai RM243 juta. Projek *Malaysia International Tuna Port Sdn. Bhd.* (MITP) diluluskan tahun 2004, sekarang hanya ada dua (2) bangunan kecil dibina dalam tanah seluas 25 ekar daripada perjanjian konsensi 32 tahun. Tetapi sampai sekarang tiada pun satu kapal tuna yang menggunakan ataupun fasiliti di Batu Maung. Dato' Speaker memang tahu tentang perkara ini ataupun Dato' Speaker pernah bercakap tentang perkara ini kerana sekarang kita lihat MITP di Batu Maung tak ada pun, sudah terbiar begitu sahaja. Dan saya rasa kita sepatutnya kita mempunyai perkhidmatan sokongan dan pelbagai *downstream aktiviti* yang boleh memberi satu lonjakan peningkatan kepada perindustrian perikanan di Pulau Pinang. *So it a lost opportunity*, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia merancang satu *tuna port* di Batu Maung tetapi gagal, bukan sahaja gagal tetapi wang yang dilaburkan pun tak ada pulangan. Wang rakyat hilang begitu sahaja.

Oleh itu saya rasa kita perlu satu jawapan daripada LKIM, mungkin EXCO berkenaan boleh bantu saya jawab kerana PAC Parlimen membuat kesimpulan projek Batu Maung *viable* kerana lokasi pelabuhan dan infrastruktur sokongan sekitarnya tetapi projek itu gagal untuk *take off* kerana *management* LKIM dan *Bindforce Sdn. Bhd.* Projek ini ada tiga (3) fasa, tapi dua (2) fasa telah dibatalkan. Di mana wang berjuta-juta telah dibelanjakan, MITP di Batu Maung bila satu skandal seperti Port Klang Free Zone (PKFZ), kerana ia melibatkan *guarantee letter* yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional. *So* kita ada perancangan di *tuna port* di Batu Maung, terbengkalai dan gagal untuk *take off*, sekarang Kedah pula nak buat satu *tuna port*. Kalau yang *tuna port* di Batu Maung berjaya pada masa itu, sepuluh (10) tahun itu, kawan-kawan kita di Barisan Nasional sebelah sana, mereka tidak akan mengadu pada hari ni bahawa industri perikanan menghadapi masalah semua dan sebagainya. Itu bukan salah satu projek Barisan Nasional yang gagal sahaja. Saya bangkitkan penggal lalu *Tanjung City Marina*. *Tanjung City Marina* yang sepatutnya menjadi satu tempat yang begitu cantik, tetapi yang untuk perhentian bot-bot ada juga gagal dan juga terbiar begitu sahaja. *So* saya rasa kita *is a lost opportunity* kerana industri tuna mempunyai pasaran antara terbesar di antarabangsa.

Saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya berpandangan ada lebih kos efektif untuk kita menghidupkan semula *tuna port* di Batu Maung. Daripada membelanjakan wang berbilion-bilion ringgit untuk dirikan satu lagi *tuna port* di Kuala Tebengau, Kuala Kedah. Pulau Pinang mempunyai sokongan logistik yang baik, yang *top class tuna*, perlu sejuk segera dan dihantar melalui kapal terbang dalam masa terdekat. Mungkin Negara Jepun dan juga negara-negara lain. Kita boleh juga mendirikan kilang pemprosesan untuk dieksport ke negara luar dan tempatan. Kenapa kita tidak menghidup semula *tuna port* di Batu Maung? Seajar juga dengan rangka kerja laluan *Sutera Maritime, One Belt One Road*.

Oleh itu saya minta LKIM melalui EXCO Perikanan, Pertanian, memberikan penjelasan terhadap skandal MITP dan apakah perancangan kita seterusnya? Dan kawan-kawan UMNO sampai sekarang belum masuk, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Pagi ini kawan-kawan ADUN UMNO ada yang lewat masuk sampai saya boleh kira-kira enam (6) soalan tidak dijawab. Enam (6) soalan *skip* kerana kawan ADUN-ADUN pembangkang sana tak hadir, tak sempat datang, giliran sampai soalan sampai mereka, soalan *skip*. Ketua pembangkang pun, soalan nombor satu (1) datang lewat dan kemudian lepas itu dia mengadu, bahawa biasalah soalan tak jawab, Sekarang peluang diberi kepada mereka mengemukakan soalan lisan, tak ambil peluang dan tak serius dalam kerjanya, tak serius dalam kerjanya. Sila.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya nak tanya Air Itam berhubung dengan MITP ini kerana bila sebut Batu Maung saya terpaksa bangun. MITP ini adalah satu projek yang begitu *viable* kerana pihak *investor* daripada Taiwan. Sekarang ini sudah pun terlepas, ini kita punya bekas EXCO Pertanian, sudah terlepas kepada Phuket dan dia punya strategik *location just one kilometer or less kilometer away* daripada *airport*. Tetapi apa yang telah jadi, apabila pelan itu, MITP dan tanah besar sebelahnya untuk dibangunkan satu industri tuna, tapi sekarang ini apa sudah jadi tanah itu pihak kementerian sudah bagi kepada orang lain, *developer* lain tinggal hanya itu *port*. Dan saya nak tanya YB. Air Itam. Apakah kemungkinan yang akan jadi kepada *port* ini oleh sebab nelayan-nelayan tempatan yang menggunakan *port* itu tidak dapat sokongan daripada pihak kerajaan oleh sebab *port* itu adalah dalam keadaan yang sangat daif. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya setuju dengan Batu Maung kerana ia sangat strategik *location* itu. Oleh itu saya berasa dukacita terhadap ADUN-ADUN Barisan Nasional. Pagi tak hadir, malam pun tak hadir. Dan mengadu tentang perikanan, ini projek *tuna port so viable*. Wang sudah dia *earmark*, sudah labur *contact* semua ada tetapi terbengkalai. *Fail to take off* dan saya rasa oleh itu susahlah kalau ADUN-ADUN Barisan Nasional nak membela nasib-nasib nelayan. Tetapi pada hal ini, *tuna port* tak berjaya. Lagi satu skandal yang *another* Port Klang Free Zone (PKFZ), *another* Pusat Feedloc Nasional (NFC), *another* Tanjung City Marina dan banyak lagi projek-projek Barisan Nasional yang gagal. Yang kononnya nak buat itu, buat ini tetapi gagal dalam semua aspek dan datang pula ke Dewan ini kata nak membela nasib nelayan. Itu lah *double standard* mereka. Dan saya rasa kita mungkin EXCO Pertanian bersama dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

(LKIM) dari Persekutuan, *revisit this area*, dapatkan lebih maklumat berkenaan tanah-tanah yang terbiar ini. Lihat balik bagaimana kita dapat menghidup sesuatu. Kerana kalau Negeri Kedah berjaya dalam dia punya projek perikanan bersepadu Kedah bernilai RM3.0 bilion di Kuala Tebengau, Kuala Kedah, bekerjasama dengan laluan *Sutera Maritime One Belt One Road* Negara China, maka satu tamparan hebat kepada kegagalan LKIM ini. Saya minta supaya satu siasatan, satu audit PAC Negeri lihat balik. PAC Negeri tak semestinya audit, agensi-agensi negeri, untuk Ahli-ahli PAC. PAC negeri tak semestinya audit untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sahaja. PAC Negeri boleh audit juga, agensi-agensi Persekutuan, projek-projek Persekutuan kerana ia berada di tanah Pulau Pinang. Dia begitu penting kepada ekonomi, kepada industri perikanan di Pulau Pinang. Saya juga melihat dan menjemput PAC Negeri, Dewan Undangan Negeri untuk membuat *follow up* dengan laporan PAC Parlimen dan lihat kembali laporan-laporan tersebut, dapatkan siasatan lanjut apa terjadi, apa sudah terjadi dengan projek *tuna port* sehinggakan projek kita terbang pergi ke Kuala Kedah. Sepatutnya ada tetapi terbang pergi Kuala Kedah. Itu permintaan saya.

YB. Dato' Speaker, saya membaca *budget speech* dan juga mendapati bahawa inisiatif Kerajaan Negeri tentang *free Wi-Fi*. Saya ingin menyatakan bahawa usaha Kerajaan Negeri berkenaan *free Wi-Fi* adalah usaha yang positif. Saya menyatakan bahawa juga strategi digital kita sepatutnya tidak terhad kepada *free Wi-Fi* sahaja. Dia ada banyak komponen kita. Apakah *digital network roadmap* kita? Kerana kita mempunyai *Transport Master Plan* yang ada pelbagai cadangan lebuh raya, *tunnel*, *sky cab* dan sebagainya. Apakah strategi digital *network roadmap* kita? Apakah *Plan Penang fiber optic plan* kita? Yang menyeluruh seluruh Pulau Pinang apakah perancangan kita? *What is our readiness* terhadap cabaran digital, ekonomi digital. Saya bangkitkan isu ini Dato' Speaker kerana ada satu hari saya duduk di kedai Air Itam. Minum kopi, saya minum kopi ada seorang *uncle* duduk di sebelah saya, dia beritahu saya, dia tanya saya. Yang Berhormat, saya ada satu masalah. Saya jawab *uncle* apa masalah *you*? Dia kata di kawasan-kawasan perumahan yang tempat dia dekat duduk di kawasan Air Itam, tak ada *high speed network*. Kemudian saya kata, kita ada *free Wi-Fi*, *high speed free Wi-Fi*, *you know of course* itu tidak mencukupi. Saya tanya *uncle* umur warga emas melebihi 60 tahun, apakah keperluan *you*? Tapi dia kata bukan keperluan dia, keperluan anak-anak dia, cucu-cucu dia. Warga emas mungkin kurang fasih dengan digital *high speed network* semua. Anak-anak dan cucunya yang selalu *complaint* yang *network* dia punya *broadband slow*, mahal. So apakah perancangan kerana ramai orang muda sekarang, kesesakan jalan kerana ramai orang muda di kawasan Air Itam, di kawasan-kawasan di seluruh Pulau Pinang, mereka tidak lagi setiap hari pergi kerja. Mereka tak diperlukan untuk pergi kerja, pergi pejabat, pergi kilang setiap hari. Mereka boleh duduk di dalam rumah untuk buat kerja. Boleh duduk rumah *conferencing* dengan Amerika, dengan Eropah, dengan Japan. Mereka memerlukan *broadband network* yang *reliable* dan juga *affordable* dengan murah.

Oleh itu saya ingin EXCO berkenaan memberitahu kita apakah *digital network master plan* kita. Kerana *fiber optic* memang ada, *fiber optic* ada tetapi tiada perkhidmatan *last mile* oleh *service provider*. Ini mula-mula tahun ini saya sudah banyak *feedback* berkenaan dengan *broadband service high speed network* dan saya rasa tidak ada keperluan yang lebih bukan sahaja *free Wi-Fi*, ini bukan sosial sahaja, kita main *Facebook*, *whatsapp*, itu cukup tetapi untuk kerja-kerja yang serius, untuk kerja-kerja

telekomunikasi yang serius, *downloading and uploading yang heavy graphic contents*, mempunyai perlu *broadband* dan juga *high speed network yang reliable*, dan juga yang murah dan boleh sampai bukan sahaja ke kilang-kilang tetapi sampai ke sekolah, sampai kepada taman-taman perumahan, sampai kepada flat. Apakah perancangan kita? Saya minta supaya EXCO berkenaan berkongsi apakah *digital network roadmap* yang ada pada Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker, seterusnya, kelmarin Seri Delima masuk surat khabar. Tentang yang ini, *handsome Seri Delima, The People's Paper, The Star, more cash booth, please. Increase one counter from one at least three for motorist convenience, says Rayer*. Seri Delima menyatakan bahawa tak cukup kaunter tunai tol di *Penang Bridge*. Apabila saya baca berita ini, saya juga ingin berkongsi pengalaman saya, yang saya rasa penting kerana dan ramai kita *travelling here and there* dan sejak dulu memang tahu bahawa kutipan tol dijalankan secara automatik di Pulau Pinang sejak 9 September 2015. Semua *Touch N Go*, semua guna *tag* dan sebagainya, tak ada *cash counter*. Saya sendiri sejak itu, 9 September 2015 sampai sekarang, saya ada satu insiden yang saya ingin berkongsi dengan rakan-rakan dan perlu EXCO berkenaan mencari penyelesaian. Saya nyatakan bahawa saya menghadapi masalah pada 30 Oktober tahun ini di tol Kubang Semang. Hari itu saya masih ingat saya *travel* dari Pejabat Daerah Kepala Batas kemudian pergi ke Bukit Mertajam melalui tol Kubang Semang. Apabila saya menghampiri tol Kubang Semang, saya kereta keempat sebelum tol. Kemudian tiba-tiba *system down* di tol Kubang Semang. Kedua-dua belah di sebelah sini dan sebelah sana *system down* di Kubang Semang, dua-dua belah. Saya pun sabar, duduk dalam kereta, tunggu-tunggu sampai berapa lama, setengah jam duduk dalam kereta, kereta keempat, *system down* setengah jam. Belakang sekurang-kurangnya 200 kereta. Sebelah sana 200 kereta lagi. Saya pun *hot*, saya panggil pemberita, saya *cal upl and said this is important issue coverage*, saya nak hentam. Kemudian tapi setengah jam baru saya boleh lepasi, bagaimana lepasi sistem masih lagi *down*, apabila saya lepas tol itu. Lepas lebih kurang 25 minit, ada staf keluar ambil *card reader. Manual system card reader* kemudian *scan* satu persatu, *you nak lalu, you lalu. Is a Touch N Go guna card reader system, you* lepas, lepas, buka dua (2) kaunter untuk *manual card reader system*. Kemudian kerana saya sudah *call reporter, reporter* sudah datang *cover*, kemudian setengah jam saya sudah lepas, belakang lagi beratus-ratus kereta. Kemudian saya *call balik reporter* dan *reporter* memberitahu saya jem itu, *long queue* itu apabila dia *slowly manual system*, satu setengah jam. Baru tak ada *queue*. Satu setengah jam sistem masih belum *up*, masih *down* lagi apabila pemberita meninggalkan tol itu, satu setengah jam masih *down* lagi. Pukul 10:00 *system down*, saya sudah melepasi 10:30 baru lepasi tol, pemberita 11:30 dia sudah *cover the news*, dia balik, masih lagi *long queue*. Satu setengah jam insiden tol di Kubang Semang. Saya nak bangkitkan di Dewan ini bukan nak cerita pengalaman saya, saya nak cakap ini kerana ini perkara yang serius. *When you have a fully automated toll system, tak ada contingency plan, you don't have contingency plan. Imagine my friend, saudara* semua melalui Jambatan Pulau Pinang *in the rush hour, morning rush hour*, kalau *system down can you imagine* kawan-kawan kita dari seberang, kita pergi ke *Penang Bridge* kalau *system down*. Kalau *system down* tak ada *contingency plan*, beribu-ribu kereta dan *Penang Bridge* akan menjadi *car park* yang paling besar sekali di Malaysia, semua orang tunggu sahaja.

Oleh itu saya minta EXCO berkenaan saya tahu ini bukan di bawah bidang kuasa EXCO Kerja Raya. Saya tau ini bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya nak minta EXCO berkenaan untuk bermesyuarat dengan syarikat konsesi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Belum, belum. Saya akan beri peluang, bagi saya habis cerita dulu. Saya kata begini kerana ini jelas syarikat konsesi jelas tidak mempunyai *contingency plan* dalam keadaan sedemikian. Dia akan tunggu, tunggu, tunggu sampai sistem *up*. Ada pun ambil *card reader*. Saya kuaratir perkara ini berulang waktu *peak hour*, bukan sahaja di Kubang Semang, Sungai Nyiur, Jambatan Pulau Pinang. Saya rasa, saya mencadangkan sekiranya *fully automated toll system* ini, kalau *down* dan tidak dapat dihidupkan dalam masa tiga (3) minit, bagi dia *chance* tiga (3) minit, kalau tak boleh hidup dalam masa tiga (3) minit, *gate* bertol perlu buka semua bagi kereta lalu. *You can't wait for the manual system. I think the staff* pergi cari *card reader*, tengah kelam kabut semua, *you just lifted the gate up*, semua tiga (3) minit melepasi tiada *jammed*. So saya boleh kata itu tidak akan menimbulkan apa-apa *jammed*. Saya kata pembayaran tol tidak harus dikenakan atas satu sistem atau perkhidmatan yang sistem *down, lousy system*. Adalah tidak adil kerana kita sebagai pengguna jalan raya, kita tunggu dalam kereta setengah jam. Ada yang belakang saya kena tunggu satu (1) jam kerana melepasi tol sahaja. Jadi saya minta, bukan tanggungjawab EXCO Kerja Raya tapi minta fikir dan ikhtiar supaya syarikat-syarikat konsesi sama ada Jambatan Pulau Pinang ataupun *highway* lain mempunyai *contingency plan*. Adakah EXCO JKR setuju dengan saya? Tiga (3) minit tak *up, gate* kena buka. Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. Terima kasih YB. Air Itam. Terima kasih kepada Yang di-Pertua. Selepas saya terima aduan daripada YB. Air Itam, saya ada menghubungi LLM dan selepas itu, LLM telah menjalankan siasatan dan mereka memberitahu saya, ini bukan kerana *computer down*, tetapi oleh kerana TNB tak ada *supply*, TNB *supply down*. Jadi mereka kena tunggu sehingga *electricity* dari TNB pulih baru sistem boleh bermula berfungsi. Selepas itu saya ada menanya kepada LLM kerana LLM adalah suatu badan yang kawal selia konsesi lebuhraya, dan mereka memberitahu saya bahawa mulai sekarang mereka akan meminta syarikat konsesi untuk membina *backup generator*. Di seluruh Malaysia ini ada 12 tempat, ada 12 pusat tol yang dikatakan telah 100% *electronic toll system* dan kita haraplah selepas ini perkara atau insiden ini tidak akan berlaku dan saya setuju kepada cadangan YB. Air Itam, sekiranya masih ada perkara sebegini berlaku maka *gate* kena buka dan diberi kepada pengguna-pengguna jalan lepas dengan bebas sahaja. Terima kasih Dato'.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih YB. Bagan Jermal kerana mengambil perhatian terhadap aduan saya kerana duduk dalam kereta setengah jam, kalau ia tidak diberikan perhatian serius oleh syarikat konsesi ini, insiden-insiden akan berulang dan sebagainya. Dan saya berharap

perkara ini dilaporkan juga di media massa supaya memberikan tekanan kepada syarikat konsesi sedemikian bahawa ada aduan serius di Dewan Undangan Negeri dan mereka berjanji. Saya dengar tadi. Nak buat *backup system, computer system* dan sebagainya. Saya pun hairan, sepatutnya perkara ini sudah terfikir oleh mereka. Mereka kutip tol begitu ghairah. Sepatutnya mereka sudah terfikir terhadap senario-senario sedemikian. *Computer system down, power down*, hujan, banjir dan sebagainya. Kena fikir *all the scenario*. Kenapa ada berlaku baru terfikir nak buat ini nak buat itu. *I think* perlu memberikan tekanan kepada syarikat konsesi, *In all kind of situation*. Kalau hari ini saya beritahu bahawa bekalan elektrik *down*, esok banjir, bagaimana? Kalau banjir, ia punya elektrik *short circuit*, bagaimana ia punya keadaan? *So all kind of scenario*. Saya rasa mereka tidak terfikir. Itu masalah kita, kita tidak terfikir terhadap *all kind of scenario*.

Itu membawa saya juga kepada isu ini kerana tak ada usul khas berkenaan laporan SS (Suruhanjaya Siasatan) mengenai kegagalan infrastruktur awam di Negeri Pulau Pinang. Tak ada usul khas, so saya terpaksa juga bawa semasa *debate budget speech* kerana walaupun ia tidak berkenaan dengan bajet. Saya baca, saya ingin ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya Siasatan dan *5 men committee appointed by state government*. Setiap helai, setiap perkataan saya baca. Saya dapati bahawa, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri dah ada laporan SS (Suruhanjaya Siasatan) dan *of course UMNO Building Civil structure* yang berlaku adalah, saya tertarik dengan satu mesej Arahan 20. Arahan 20 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara mengkategorikan bencana sedemikian seperti Menara UMNO dikategorikan di bawah bencana tahap satu (1) yang biasanya dipanggil bencana dalaman. Saya juga membaca bahawa kegagalan Pegawai Daerah dalam melaksanakan tugasnya seperti yang dinyatakan Arahan 20. Saya ingin menyatakan Dewan ini bahawa Malaysia adalah negara yang selesa. Kita tak ada gempa bumi, kita tak ada gunung berapi, kita tak ada taufan, kita tak ada angin taufan, banjir pun beberapa kaki kita sudah keriau, Sungai Pinang. YB. Sungai Pinang tak ada. Beberapa kaki kita sudah terkejut macam sangat besar. Kita tak biasa tengok bencana. Kecil-kecil sudah kita ingat besar.

Saya meminta Kerajaan Negeri seperti dalam laporan ini ada membuat satu cadangan, saya rasa yang amat bagus sekali. Melalui Sungai Puyu, muka surat 190, YB. Sungai Puyu telah menggariskan lapan (8) strategi menghadapi bencana. Tapi, saya rasa ini perlu ada implimentasi sepenuhnya kerana kalau saya baca, saya teringat beberapa insiden sebelum ini berlaku pada tahun-tahun lalu, ketidakcekapan anggota-anggota perkhidmatan awam dalam menangani bencana. Saya masih ingat, Green Garden, Paya Terubong. Apabila dia punya takungan air pecah, batu besar pecah mengalir keluar ke Jalan Paya Terubong. Dalam masa satu (1) jam, YB. Sungai Puyu sampai, YB. Air Itam sampai, YB. Paya Terubong sampai. Tiga (3) YB. sampai. Satu (1) jam kita sampai terima maklumat, begitu besar insiden tapi saya macam tak nampak DO pun. Tak nampak pegawai-pegawai daripada Pejabat Daerah. DO lamalah mungkin. Insiden *dragon boat* di Pengkalan Kota dulu, kita juga wakil rakyat rajin, YB. Pengkalan Kota rajin turun, YB. Tanjung rajin turun, tapi sokongan daripada pegawai-pegawai awam kurang memuaskan. Oleh itu, apabila saya terbaca saya terlintas kerana ini, seperti saya kAta kerana kita selesa tidak ada bencana jadi kita tak pernah fikir perkara ini boleh berlaku dan tak ada *contingency plan*. Saya rasa perlu ada satu *top down approach* daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, daripada EXCO sampai Wakil Rakyat sampai Pejabat Daerah sampai Penjaga Sekuriti. Semua orang perlu ada satu (1) kursus untuk menghadapi, berfikir apa berlaku, apa itu *reaction plan* apabila ada *disaster*. *Disaster*

boleh datang dari pelbagai bentuk. Empangan pecah, empangan boleh pecah. Berlaku juga di Cameron Highland. Insiden *Karak Highway*, insiden banjir besar di Kelantan dan sebagainya. Janganlah kita hanya *react* secara *ad-hoc* apabila sudah ada berlaku bala petaka atau bencana. Sepatutnya kita sudah ada. Macam orang Jepun, budak-budak Jepun dari kecil sudah terlatih ada gempa bumi, bagaimana mereka *react*, bagaimana mereka berlindung di dalam kelas, bagaimana mereka, mereka *steady*, sudah dilatih dari kecil bagaimana *react to all this* bencana.

Oleh itu saya minta supaya perkara ini, buku ini dibaca dan juga *task force* khas. Kita kena bentuk dari semua peringkat. Perkhidmatan awam perlu dilatih mempunyai satu (1) daya untuk menghadapi bencana. Janganlah hanya *react* apabila berlakunya insiden. Saya rasa kita mungkin saya cadangkan, satu (1) tahun tetapkan satu (1) hari untuk *Disaster Management Day*. Orang-orang yang jaga empangan, dia kena fikir, kena ada SOP. Kalau empangan bagaimana air alir berlaku bencana. Saya berasa kluatir apabila Green Garden insiden itu kerana waktu itu saya kluatir kerana kalau air takungan itu pecah, struktur bangunan akan terancam. Pada malam itu, beribu penduduk atas bangunan itu perlu berpindah. Bila mereka berpindah, bagaimana mereka nak duduk mana, semua perkara itu. Oleh itu kerisauan kita menyebabkan kita sampai tempat itu begitu awal. Kita kena fikir itu semua. Tetapi fikiran sebegini tak sampai kepada pegawai-pegawai kita. Saya rasa itu *we look at our disaster management plan* kerana bukan sahaja insiden empangan pecah, banjir besar dan juga *you know* berbagai insiden.. (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin YB. Dato' Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh YB. Air Itam, saya sepenuh sokong dan sebenarnya ini merupakan satu syor oleh Suruhanjaya Siasatan yang memerlukan kita kaji semula Arahan 20 di bawah Majlis Keselamatan Negara ini dan berdasarkan dan selaras dengan syor tersebut, Yang Berhormat Air Itam, sebenarnya satu jawatankuasa khas telah pun ditubuhkan yang dipengerusikan saya dan dianggotai oleh YB. Sungai Puyu dan juga Bagan Jermal dan SUK dan juga Pegawai Penasihat Undang-Undang dan kita pun telah bermesyuarat kali pertama dan kita haraplah dapat melaksanakan syor ini seberapa cepat mungkin.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih YB. Datok Keramat dan YB. Sungai Puyu yang *list* cadangan-cadangan tersebut dan saya rasa saya juga boleh *offer myself* kerana saya juga pernah menghadiri satu (1) kursus di Jeju, Korea Selatan tentang *Disaster Recovery and Management Plan*. Di kursus itu, diberi senario kalau taufan berlaku, senario yang diberi kalau Taufan Haiyan berlaku, Taufan Haiyan ia membunuh beribu-ribu orang di Tacloban, di Filipina, beribu-ribu orang terbunuh, beribu-ribu rumah binasa, apakah *reaction plan? To increase the resilience of city*, bagaimana *to increase resilience of city* untuk menghadapi cabaran-cabaran *disaster* itu? Kerana kalau terputusnya bekalan air, terputusnya bekalan elektrik terhadap bandar itu, *what is your reaction plan? You know. I mean thing like this, I can go on.*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tambahan. Yang itu Jawatankuasa khas ini juga terlibat ADUN di Batu Maung. Dia ada dan sekiranya YB. Air Itam ambil minat bahawa ada lagi *technical committee* di mana kita telah bermesyuarat kali pertama dengan semua Pegawai-pegawai Daerah kita akan jemput YB. Air Itam untuk ambil bahagian siap sedia semua urusan ini. Kita telah diberi masa yang terhad supaya semua laporan bersiap sedia.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit saja. Saya juga ingin mengambil bahagian. Kalau boleh Seri Delima akan juga menawarkan perkhidmatan untuk turut serta kerana untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat pada bulan Mei berlaku satu kejadian satu pokok besar jatuh di atas Jalan Yap Chor Ee melibatkan dua kenderaan dan saya bangga untuk mengatakan saya dengan Ahli-ahli JKKK telah pergi ke tempat tersebut untuk menyelamatkan dua kenderaan. Salah satunya di mana penumpang masih tersepit di dalam kenderaan. Memang ketika itu kecuali kepada Penghulu Nasrizal yang sampai pada masa memang kakitangan-kakitangan lain dan Dr. Jayabalan pun boleh mengesahkan Penghulu Nasrizal telah sampai tepat pada masa. Memang kakitangan-kakitangan lain tidak kelihatan di situ. Jadi saya ingin mencadangkan kalau saya dengan Dr. Jayabalan boleh mempunyai yang *first hand experience*. Pokok yang begitu besar timpa atas jalan bersama-sama dalam pasukan ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Boleh diterima.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Saya setuju masuk dalam *committee*. Saya sokong.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya bantu Sungai Puyu untuk rekrut lebih banyak. Saya rasa ini penting kerana laporan ini sangat bersiap sekarang *our readiness* terhadap bencana-bencana sedemikian kerana memang kita selesa seperti tadi tol itu. *Implement sistem* baru fikir tidak ada *backup electric system* untuk *computer system*. *I think we have to proactive* so kita harap dapat Arahan 20 dan juga jawatankuasa ini lihat kembali dengan laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai kegagalan struktur awam di Negeri Pulau Pinang. Saya teruskan dengan topik lain.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap permintaan oleh Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Mahathir berkenaan permintaan Kedah dalam surat khabar disiarkan sebanyak RM10 juta terhadap bayaran perjanjian antara Kedah dengan British untuk kawasan Wilayah Seberang Perai. Baca dalam surat khabar dia kata hendak minta RM10 juta. Dia minta dari Kerajaan Persekutuan bukan minta dari kita. Saya menggunakan kesempatan Dewan ini sebagai wakil rakyat Negeri Pulau Pinang saya meminta Menteri Besar Kedah jangan lah membuat tuntutan-tuntutan yang tidak berasas terhadap Pulau Pinang untuk mendapatkan *political mileage*. Dia memang membuat

demikian untuk mendapatkan *credit political mileage nya* sendiri. Saya menyatakan demikian kerana pada masa-masa lalu di Dewan ini saya juga membongkarkan muslihat beliau. Bukan kali pertama Menteri Besar Kedah. YB. Berapit tengok saya kenapa? Dia biasa duduk Kedah tapi dia wakil rakyat Pulau Pinang. Dia sama kita. Pada Julai 2013, dua (2) tahun lalu saya berdebat di Dewan ini mengkritik Kerajaan Negeri Kedah kerana Menteri Besar menuntut terhadap Kerajaan Pulau Pinang berkenaan sumber air mentah dari Sungai Muda. Dia kata Sungai Muda membekalkan air mentah kepada Pulau Pinang kena *charge us*. *Charge* mengutip *charge* terhadap sumber air mentah. Pada waktu itu, saya menyatakan bahawa Sungai Muda merupakan sempadan Kedah Pulau Pinang dan undang-undang antarabangsa dan *common law* sumber air sungai yang merupakan sempadan Kedah Pulau Pinang adalah hak bersama jiran-jiran. Oleh itu, tiada asas untuk Kedah menuntut wang itu. Dua (2) tahun kemudian, dia tidak cakap apa pun dia cakap hendak menuntut selepas dua (2) tahun *nothing happen*. Tidak ada dengar apa berita pun. Saya ingat dia sudah *drop* dia punya *request*. Saya boleh *interpret* bahawa dia sudah tidak minat lagi tetapi pada Mei 2015 saya berdebat di Dewan ini juga. Saya turut mengkritik Kerajaan Negeri Kedah yang ingin mengutip *conservation charges* terhadap Pulau Pinang kononnya untuk melindungi hutan di Utara Kedah. Dia kata dia hendak lindung hutan di Utara Kedah kerana hutan itu ialah untuk *conservation* untuk *is water reserve area of* air akan mengalir dari hutan utara kemudian akan alir Sungai Muda. Oleh itu, dia kata penting untuk *conserve forest* di Utara Kedah. Dia kata hendak kutip *conservation charges* terhadap Pulau Pinang. Pada waktu itu saya menyatakan pada Dewan ini Negeri Kedah perlu minta dari Persekutuan kerana Jelapang Padi Kedah membekalkan padi kepada seluruh Persekutuan dan bukan kepada Pulau Pinang sahaja. Dua (2) kali dan kali ini kali ketiga beliau hendak buat tuntutan-tuntutan terhadap Pulau Pinang. Kali ketiga ini kata Perjanjian British dengan Kedah Seberang Perai diuruskan oleh British oleh itu wujudnya satu perjanjian kemudian hendak kutip wang. Wang yang kutip itu terlalu kecil tapi kalau sampai masa ini dia sekarang patut kutip RM10 juta.

Oleh itu, dia hendak menuntut RM10 juta dari Kerajaan Persekutuan bukan dari kita tapi sebagai wakil rakyat sebagai *law maker* di Pulau Pinang saya menegaskan bahawa segala perjanjian kolonial antara British dengan Kedah sudah *expired* masa sudah berlalu. Sejarah sudah berlalu. Apabila Malaysia ditubuhkan 1957, kedudukan Pulau Pinang adalah sama tinggi dengan negeri-negeri lain. Semua negeri bertaraf sama rata 13 negeri bertaraf sama rata adalah mempunyai hak yang sama rata. Oleh itu, tidak timbul apabila Perjanjian Persekutuan tubuh, Pulau Pinang sebuah negeri dari Persekutuan kita hak sama rata usah tidak payah cakaplah masa sudah berlalu tentang perjanjian kolonial dengan penjajah waktu itu perlu bukan isu sebegini sebenarnya tidak patut timbul pada masa lalu selepas Merdeka 50 tahun baru dia hendak kata menuntut itu.

Saya kata Kerajaan Negeri jangan layan tuntutan-tuntutan sedemikian sama ada *charges* terhadap air mentah, *water conservation charges* untuk hutan Utara Kedah atau pun perjanjian British Kedah. Dia kata hendak kutip RM10 juta. Jangan layan. Memberitahu beliau bahawa jangan menggunakan Pulau Pinang sebagai *political mileage*. Kita ada negeri yang berjiran, kita ada negeri-negeri dalam Persekutuan usah mencipta tuntutan-tuntutan sedemikian. Saya tahu, dia ikut bapa dia. Bapa dia selalu membuat permintaan dengan Singapura tentang air, tentang jambatan dan sebagainya tapi orang Pulau Pinang kita tidak ada isu tapi jangan membuat tuntutan-tuntutan sedemikian yang tiada asas. Saya baca juga Bajet Kerajaan Persekutuan juga tidak

layan terhadap tuntutan beliau terhadap RM10 juta daripada Kerajaan Persekutuan tentang perjanjian British Kedah tapi Kerajaan Persekutuan juga tidak layan tidak layan terhadap tuntutan Menteri Besar Kedah.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya juga...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu (1) jam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ada satu(1), dua (2) isu sebelum saya buat kesimpulan ada satu (1), dua (2) isu. Apabila saya hendak juga guna peluang ini kerana tempoh hari saudara saya, kawan baik saya dari Tanjung Bunga telah menyatakan tentang contoh negara-negara Komanwel yang menghadkan tempoh Perdana Menteri dua (2) penggal. Hari itu saya tiada peluang untuk berkongsi maklumat hari ini saya berkongsi maklumat yang saya dapati kerana contoh-contoh yang dikemukakan Trinidad and Tobago yang di petik saya kata itu bukan satu contoh yang baik. Trinidad dan Tobago ada di *central* Amerika. Negara itu ada masalah. Saya cuma *google* di mana tempat itu. Kita tidak payah pergi melawat tempat itu sekadar *google* cukup. Saya *google* dapati Trinidad and Tobago ini diisytiharkan darurat pada tahun 2011. *Declared emergency state* maksud kalam-kabut, *political situation* kalam-kabut. *You can find it just google Trinidad Tobago emergency state*, oleh itu contoh Trinidad & Tobago bukan satu contoh yang baik kerana negara itu sendiri hadapi masalah.

Satu contoh lagi yang dikemukakan saya menghargai cadangan Tanjung Bunga dia kawan baik saya, saya menghargai cadangan dia. Dia menyatakan terhadap satu *Fixed Term Parliament Act*. Saya membaca muka surat satu sampai habis dia punya *Fixed Term Parliament Act 2011*. Saya juga kata itu bukan satu itu keadaan khas saya kata kerana itu adalah produk krisis politik di United Kingdom. Beberapa tahun lalu iaitu pada tahun 2011 apabila pilihan raya di United Kingdom berlaku Parlimen tergantung tiada parti yang memenangi pilihan raya. Tidak pernah berlaku dalam 200 tahun sejarah British tidak ada parti yang boleh menubuhkan majoriti. Ada tiga (3) parti *Liberal Democrat*, *Labours* dan juga *conservative*. Ketiga-tiga parti mempunyai *portion* masing-masing. Tidak ada satu (1) parti yang boleh membentuk kerajaan dengan sendiri pada masa itu. Lima (5) hari mereka *negotiate*, berbincang tidak pernah berlaku dalam sejarah United Kingdom. Lima (5) hari baru boleh bentuk kerajaan, *negotiate for five days* untuk bincang *collation agreement* sehinggakan ada perjanjian *collation* kerana tidak boleh percaya sama sendiri kena tulis satu perjanjian. Kena *pass* undang-undang *Fixed Term Parliament Act 2011* bahawa pilihan raya akan datang lima (5) tahun kemudian dia tetapkan pilihan raya pada 7 Mei 2015. Pilihan raya tidak boleh membentuk kerajaan dia *negotiate* dulu satu (1) undang-undang untuk tetapkan tarikh pilihan raya. Itu memang pertama kali dalam sistem ada satu tarikh *fix date for the general election*. Di Amerika memang ada *fix date* bulan November lebih kurang kalau saya tidak ingat. *Presidential election* Amerika memang ada *fix date* tapi di British Sistem, *Commonwealth System* memang tidak ada *fix date* dan Menteri akan menentukan bilakah pilihan raya sama ada empat (4) tahun, tiga (3) tahun, lima (5) tahun dan sebagainya tapi ada satu inovasi *Fixed Term Parliament Act* kerana menghadapi krisis politik yang lima (5) hari tidak dapat bentuk kerajaan.

Oleh itu saya berkongsi saya bukan mengatakan itu tidak baik saya berkongsi cerita ini kerana saya baca juga *Fix Term Parliament Act* yang menentukan tarikh pilihan raya *in advance* akan dikaji semula pada tahun 2020 kerana ia hanya satu *ad hoc*, satu *legislation* yang khas untuk menghadapi masalah pada masa itu akan dikaji semula pada tahun 2020 dan YB. Tanjung Bunga juga kawan saya mengemukakan contoh Thailand pula. Tapi Thailand bukan mengamalkan *Commonwealth System*. Pengetahuan umum sudah banyak kali Perlembagaan Thailand dibubarkan dan perlembagaan baru dibuat banyak jawatankuasa kajian perlembagaan sampai hari ini Thailand masih pemerintah tentera. Oleh itu saya kata bahawa contoh-contoh yang dikemukakan saya hargai *research work* yang dikemukakan oleh YB. Tanjung Bunga barang kali tidak semestinya boleh digunakan di Pulau Pinang. Tidak perlu kita lihat kerana apabila ada satu-satu keadaan berlaku perlu ada *solution* baru mereka ada tapi ia tidak seharusnya *stop us for looking of this*, untuk lihat bagaimana nak kita nak seperti YB. Tanjung Bunga kata reformasi *of state assembly* kita boleh lihat juga, bagaimana kita nak lihat menjadikan Dewan Undangan kita lebih *vibrant* lebih menyahut cabaran dan juga keperluan saman.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Penjelasan, terima kasih YB. Air Itam, Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya tertarik dengan perbincangan ini tapi disebabkan YB. Tanjung Bunga hari itu tak benarkan sesiapa untuk membincangkan menghadkan penggal untuk Ketua Menteri atau Perdana Menteri. Saya rasa cadangan itu walaupun ada kebaikan dan keburukannya tapi pada asasnya prinsip tersebut adalah untuk memperkuat sistem *check and balance* yang juga dikatakan *absolute power come with absolutely corrupt*. Saya rasa perkara ini adalah boleh kita tengok bagaimana sistem itu perlu ditegakkan dengan apa yang kita kata reformasi itu adalah kita nak tukarkan sistem, kita tahu perkara di mana seseorang pemimpin itu mungkin sangat berkualiti di Singapura pun sama, tetapi jika boleh ada satu (1) sistem yang ada menghadkan dua (2) penggal macam dalam sistem presiden bukan bersama dengan *Westminister* punya sistem, tetapi apa yang kita lihat sistem tersebut juga dapat mentadbir negara dengan baik dan saya rasa kita boleh kita untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang cadangan tersebut dan bukan kita sekarang kena buat apa-apa keputusan tetapi saya rasa cadangan itu boleh diperbincangkan atau dikaji dengan lebih lanjut untuk memastikan bahawa Negeri Pulau Pinang sentiasa memimpin *Penang Leads* dalam perkara reformasi pentadbiran dan juga reformasi pentadbiran sistem perundangan dalam negeri kita, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat, saya hari itu dah minta peluang juga tetapi tak diberikan oleh YB. Tanjung Bunga, terima kasih YB. Air Itam. Cadangan ini adalah cadangan yang baik tetapi saya berfikir ia lebih menuju kepada seseorang pemimpin di mana integritinya dipersoalkan. Sekiranya integriti seorang pemimpin itu menjadi persoalan maka terpaksa lah kita walaupun tidak ada sebarang sistem menurunkan pemimpin tersebut seperti biasa dalam pilihan raya tapi jika dibandingkan dengan Kerajaan Pulau Pinang, pemimpin-pemimpin daripada Pakatan Harapan saya rasa tidak menjadi isu dengan berkenaan dengan integriti pemimpin tersebut dan sekiranya rakyat masih lagi memberi sokongan dan mandat kepada seorang pemimpin saya percaya kita boleh meneruskan dengan pemimpin tersebut. Dan saya amat tidak bersetuju dengan YB.

Tanjung Bunga walaupun dia duduk di sebelah saya, bahawa cadangan ini merupakan cadangan yang tidak begitu baik, dia seolah-olah merampas peluang seorang pemimpin itu untuk terus memberi perkhidmatan kepada rakyat apatah lagi kalau pemimpin itu merupakan pemimpin yang masih muda dan memberi sumbangan, jadi saya kurang pasti mengapa Yang Berhormat daripada Tanjung Bunga, memang ia merupakan kebebasan beliau untuk memberi cadangan tersebut, saya menghormati kebebasan tersebut, tetapi saya rasa ini harus juga dilihat dengan lebih mendalam lagi apakah tujuan kita ingin menghadkan penggal seorang pemimpin yang begitu baik berjasa berintegriti, berbanding dengan seorang pemimpin yang mempunyai macam-macam skandal yang melibatkan penerimaan dana, terima sumbangan dan sebagainya, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB. Air Itam, sila sambung.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, *last point* saya juga hairan hari ini saya duduk tiga (3) hari di sini saya dengar ucapan-ucapan daripada ADUN-ADUN daripada kerajaan ataupun pembangkang. Saya hairan juga kenapa dengan pendekatan ataupun cara ADUN-ADUN Pembangkang kita *what is the position in the budget?* Nampaknya ada pecah belah dikalangan pembangkang, pecah belah dalam bajet direkodkan dalam *hansard*, pembangkang kelmarin hari pertama dan kedua menyokong bajet ini, beberapa orang menyokong bajet ini tiba-tiba pecah-belah, hari ini saya dengar dua (2) orang tak menyokong. So sama ada itu satu krisis kepimpinan ketua pembangkang berpecah belah. Saya utarakan soalan ini saya tak perlu jawapan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bagilah jawapan sikit, bagi laluan sikit.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya tak perlu jawapan, Ketua Pembangkang tak ada so saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya ada di sini, saya cuma nak menyatakan Air Itam, tidak ada krisis, so jangan risau rekodkan tidak ada krisis, Air Itam jangan risau, satu hati sejiwa pandai.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Tak ada krisis dan pecah belah. Ini saya *interpretation*, saya pemerhati politik

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Saya jawab lagi boleh? Kami bagi *freedom* kepada masing-masing kami tak pak turut macam *backbenchers* ikut. Setuju semua, kami tak bersuara atau tak kami terima... (ketawa).

Ahli Kawasan Air Itam (YB Wong Hon Wai):

Okey, okey, sudah jawab, YB. Pulau Betong sudah beri jawapan so saya tak mahu beri panjang tapikita akan kaji saya baca balik *hansard* yang pertama, (gangguan) hari cakap sokong mesti sokong, hari itu cakap tak sokong *you have to consistent*, sebab sebagai pemerhati....

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan sikit Yang Berhormat, terima kasih. Perkara ini penting kerana saya pun tadi ingin bangkitkan *standing order*, kalau kita tidak menyokong di atas perbahasan tersebut di atas bajet tersebut maka kita harus memberi pandangan yang mengkritik bajet tersebut tetapi ada di kalangan pemimpin-pemimpin di sebelah sana yang sebenarnya memberi pandangan yang menyokong tetapi pada akhirnya mendiamkan diri, dua (2) di antaranya menyokong dan tidak menyokong. Jadi persoalannya adalah adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada sebelah sana benar-benar memahami apa yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sama ada kita ada melaksanakan tanggungjawab yang diberikan rakyat di kawasan masing-masing. Kalau tidak mungkin pilihan raya akan datang kita boleh pergi berkempen di sebelah sana membawa isu ini kepada mereka memaklumkan mereka bahawa Yang Berhormat yang berkenan, tidak memberi buah fikiran ataupun tidak begitu memahami bajet bila membahaskan perkara ini, terima kasih.. (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya sebut sikit...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Nak minta penjelasan daripada YB. Air Itam ke?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya nak *point* sikit pada Seri Delima, tadi ada sebut tentang nak pergi kempen di kawasan kami, silakan! Saya jemput *anytime you can come.....*(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya sudah berapa kali pergi Penaga...(ketawa), bergurau saja lah. Saya pergi bukan berkempen di Penaga, saya pergi berjumpa dengan rakyat berkhidmat di Penaga kerana kita berkhidmat di SPU di SPT, jangan risau apabila nampak muka-muka kita di Penaga, Sungai Dua, bukan kempen kita berkhidmat.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penaga, pilihan raya akan datang Seri Delima akan turun...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima dan Penaga ini Dewan, nanti pula orang luar nak kata Ahli Yang Berhormat di sini tak reti apanya Dewan...(gangguan) sudah, sudah, YB. Air Itam, akhirlah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Seri Delima menyahut cabaran...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Jangan risau kawan-kawan saya, kerana kalau kita nampak selalu kita pergi ke kawasan anda bukan untuk memburuk-burukkan tetapi untuk memberikan perkhidmatan kerana bukan saja menjaga kawasan-kawasan tapi kita juga menjaga kawasan, semua 40 kawasan. Dan saya rasa bajet ini bagus dua (2) *point* yang sangat bagus ialah pengecualian terhadap *assessment*, cukai pintu terhadap *low cost, LMC* yang sangat inovatif, kerana sehingga dipuji oleh seorang ahli ekonomi. Ahli ekonomi dari Nanyang Siang Pau. Ahli ekonomi Prof Dr. Lian Hui Hui from *The USM School Of Economy* memuji terhadap bajet ini, dia kata menggunakan wang tapi melaburkan wang tetapi memberikan kesan yang begitu besar tetapi belanjawan Persekutuan tak ada *feel good factor* kerana cara bajet kita buat yang salur mengecualikan cukai pintu untuk dua (2) kategori dan juga *absorb the part of the GST I think* cara kita begini lebih efektif daripada *federal* bajet dan tujuh (7) *point* yang Profesor ekonomi ini mengatakan bahawa, *we are not looking in the next election* sahaja, yang kita bukan saja hadapi *not thinking about the next general election we are thinking next generation*. Generasi akan datang membuat pelaburan-pelaburan terhadap infrastruktur dengan pemikiran 30 tahun, 50 tahun dengan minggu lalu *International Science Fair* begitu ramai budak-budak datang *investing in the future*.

Pembangunan sebuah bandar satelit di Batu Kawan, dengan peluang peker jaan dengan kilang-kilang dengan rumah mampu milik, dengan koridor pembangunan Changkat, Bukit Minyak, sampai Batu Kawan, *the whole new paradigm, in the whole Seberang Perai in the island also* dalam pulau juga berbagai projek infrastruktur yang sangat *forward looking* dan saya harap sikap pendekatan kita yang selalu memikirkan terhadap pembangunan pada masa akan datang, saya pendekatan yang di ambil oleh Kerajaan Negeri saya harap perkara ini dapat diteruskan saya menyokong bajet ini, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Air Itam, Ahli-ahli Yang Berhormat ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari *backbencher* mahupun pembangkang di dalam sesi perbahasan yang keseluruhannya telah pun menggunakan sebanyak 24 jam 16 minit secara keseluruhannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah pun memberi pandangan atau input ataupun cadangan terhadap bajet ucapan yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan sekarang berada dalam Sesi Pengulungan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016. Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang ingin mengambil bahagian dalam sesi pengulungan. Sila YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, terima kasih, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih kepada ke semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Ucapan Belanjawan Perbahasan 2015 ini, terutamanya yang berkaitan dengan portfolio yang ditanggungjawabkan pada saya iaitu Pertanian, Asas Tani, Pembangunan Desa Dan Kesihatan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih semua agensi dan jabatan negeri yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan program yang telah dirancang untuk tahun 2015 dan seterusnya. Saya berharap jalinan kerjasama yang padu antara semua jabatan dan agensi dapat diteruskan untuk melancarkan lagi perjalanan program untuk tahun 2016 yang akan mendatang.

Memandangkan saya yang pertama menggulung, saya nak bacakan sedikit pantun.

Sepuluh sen pun tidak cukup,
Sudah betis mahukan peha,
Tamak jadikan panduan hidup,
Hidup berpaksikan wang dan harta.

Sudah betis mahukan peha,
Kerana tamak tak takut mati,
Hidup berpaksikan wang dan harta,
Jawat tugas tidak dipedulikan.

Kerana tamak tak takut mati,
Katanya rasuah adalah takdir,
Jawat tugas tidak dipedulikan,
Adil disorok zalim dipamer.

Katanya rasuah adalah takdir,
Gembira di dunia akhirat tak apa,
Adil disorok zalim dipamer,
Wang disembah Tuhan dilupa.

Gembira di dunia akhirat tak apa,
Tidak takut lepak di neraka,
Wang disembah Tuhan dilupa,
Makan rasuah berasa bangga.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Pantun, penjelasan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak balas pantun sikit.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Balas pantun. Okey sila...(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jalan raya di bawah JKR, Itulah perangai PKR....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Seri Delima, orang sedang bercakap. Patut tindakan diambil ke atas YB. Seri Delima.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah duduk, saya tak mahu pantun...(gangguan). Sila buat penggulungan atas ucapan bajet....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya nak bangkitkan peraturan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Dato' Speaker, saya tak tegur sapa-sapa pun. Peringatan saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta Pulau Betong tarik balik kenyataan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Tak perlu PKR pula...(gangguan). Tak *mention* nama pun, terasa kenapa?... (gangguan). YB. Seri Delima, siapa makan cili terasa pedasnya. Itu peribahasa. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di atas pemerintahan yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Kini Kerajaan Negeri

berada pada pertengahan penggal kedua mentadbir Pulau Pinang. *Domestic Direct Investment* dan *Foreign Direct Investment* terus mencatatkan pertumbuhan positif sepanjang hampir tujuh tahun pemerintahan di bawah Pakatan dengan peningkatan 93% atau sebanyak RM48.2 billion berbanding RM24.9 billion bagi tempoh tujuh (7) tahun terakhir pemerintahan Barisan Nasional di Pulau Pinang. Tidak dinafikan sumbangan Agensi-agensi Persekutuan yang ditubuhkan bagi tujuan ini contohnya MIDA, namun peranan Kerajaan Negeri sebagai pemudah cara urus tadbir yang bersih serta cekap dan konsistensi Kerajaan Negeri dalam membantu pelabur menarik minat DDI dan FDI ke Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas urus tadbir yang cekap Kerajaan Negeri telah merekodkan lebih bagi setiap tahun belanjawan. Rizab Kerajaan Negeri juga telah meningkat sebanyak RM500.7 juta bersamaan 135.75% dalam tempoh tujuh (7) tahun pentadbiran.

Walaupun pihak sebelah sana cuba menyanggah, namun kemantapan pengurusan kewangan, amalan perbelanjaan berhemat dan ketelusan dalam pemberian tender atau kontrak adalah tunjang utama kepada pencapaian ini. Saya juga meletakkan kepercayaan bahawa Kerajaan Negeri akan terus istiqamah dalam memastikan pentadbiran yang bersih ini dan mencapai lebih pada tahun yang mendatang. YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memang tertarik dengan petikan dari ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan Rang Undang-Undang Pembekalan dan Usul Anggaran Perbelanjaan 2016 berkenaan negeri keusahawanan. Dalam buku beliau karangan Profesor Mariana Marzukato iaitu Panel State menetapkan bahawa peranan kerajaan untuk melabur dalam sektor berisiko tinggi untuk memangkin perkembangan industri-industri ini. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani juga memandang serius bagi penciptaan kekayaan melalui keusahawanan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM13,564,000.00 untuk sektor asas tani negeri. Kerajaan Negeri juga bercadang melebar luaskan lagi prospek lebah kelulut yang semakin mendapat permintaan di pasaran domestik termasuklah seperti yang dibangkitkan oleh YB. Permatang Berangan. Selain itu juga Kerajaan Negeri buat tahun ketiga berturut-turut memperuntukkan peruntukan bagi skim mikro kredit tabung usahawan petani muda. Tabung ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Boleh saya tahu di manakah yang dikatakan proses kelulut yang diperoleh Kerajaan Negeri itu, lokasinya di mana?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita sekarang ni dah ada usahawan-usahawan yang mendapat latihan-latihan di Jabatan Pertanian terutamanya di Jabatan Pertanian Cherok Tok Kun. Dan memang ada lebih 1,000 lebih bekas tu. Ini cadangan yang kita tengah nak lihat. Kita belum ada tempat yang kita isytihar sebagai tempat lebah kelulut ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tadi disebutkan seolah-olah telah pun dilaksanakan. Itu saya tanya itu di mana? Ayat tadi mengatakan seolah-olah telah pun dilaksanakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Latihan telah dilaksanakan. Pusat Khidmat saya sendiri ada satu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Belum ada lagi. Satu sajala.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tak, yang saya punyalah. Jadi saya bagitau tadi benda ini kita akan lebar.. (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Akan laksanakan. Harapan akan dilaksanakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Betul. Dalam ucapan belanjawan ada.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itulah saya tanya tadi. Saya dengar seolah-olah telah dilaksanakan. Ini baru nak dilaksanakan la, belum dilaksanakan lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Masih belum tahu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, kalau YB. Seberang Jaya nak tengok kelulut, sila datang ke Sungai Aceh. Ada kelulut banyak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Yang Berhormat, tentang kelulut. Saya cuma nak nasihatkan ataupun nak beri pandangan. Kelulut ini satu industri yang dikatakan baru. Tapi, permintaannya tinggi. Pastikan dari segi usahawan yang nak memasar, memproses. Jangan kita buat saja, buat tapi tak ada usahawan. Kalau kata ada 90 hal contohnya mesti ada sorang usahawan yang memproses. Jangan kita hanya tumpu kepada pengeluaran tapi pemrosesannya tidak ada. Jadi, kita harap itu jadi satu...(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Penjelasan. YB. Sungai Dua, boleh? Adakah ini bermakna YB. Sungai Dua sebagai abang yang lebih senior memaklumkan kepada adinda kalau nak belajar berjumpa dan beri pandangan. Di mana YB. Sungai Dua sanggup berkongsi pengalaman dengan YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih YB. Pulau Betong. YB. Sungai Dua dengan saya memang selalu bertukar-tukar maklumat dan pandangan. Bukan berpakatlah tapi bila bincang bab pertanian memang banyak saya tanya pada dia. YB. Pulau Betong pun kadang saya tanya. YB. Sungai Aceh apatah lagi. Saya tanya juga pandangan. Tapi tentang isu kelulut ini, betul saya setuju produknya adalah produk yang baru. Banyak lagi yang kita perlu belajar tentang bagaimana nak memastikan pemprosesan itu berjalan dengan baik. Kita akan cuba pastikan bahawa projek-projek seperti ini tidaklah jadi seperti projek lembu dalam kondo semua itu. Kita pastikan itu tak berlaku. Kita pastikan lebah kelulut ini *confirm* untuk lebah kelulut saja. Tak nak gagal macam lembu dalam kondo. Saya tahu saya sebut contoh, contoh. Eh, tak tipu. Kita semua....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah, sudahlah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, boleh sambung. Bagi saya cakaplah. Bagi saya cakap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Penjelasan juga. Sila, sila, sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Seberang Jaya menyatakan tadi kita semua dengar macam projek lembu dalam kondo.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

lalah kita nak pastikan. Cuma tak nak...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tolong bagi bukti, tolong jelaskan di sini. Jangan tau buat saja pertuduhan yang

melulu, tak dak asas dan nak tunjuk pandai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Lembu dalam kondo. Duduk, duduk, duduk. Bukan tunjuk pandai. Kita sebut projek kalau kita nak buat satu projek mesti ada dana. Dana disediakan oleh kerajaan, Betul? Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan siapkan dana. *Soft loan* untuk buat projek-projek pertanian. Jadi kita pastikan kalau projek itu untuk madu kelulut, madu kelulut. Jangan projek itu kita guna untuk lembu beli kondo. Letak lembu dalam kondo. (gangguan). Saya bagi contoh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Minta buka handsard dengar. Ini sudah menipu dalam Dewan yang mulia ini... (gangguan). Buka hansard.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seberang Jaya jawab soalan sudahlah, jangan melalut...(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah, sudahlah...(gangguan). YB. Seberang Jaya, bagi penjelasan dan sambung.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya sudah bagi penjelasan. Betullah penjelasan saya. Tak reka pun... (gangguan). Saya bagitau benda yang betul. Marah betul. Kang baca balik pantun... (gangguan). Kita tahu. Temberang, temberang apa. Jelaskan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain jangan ganggu lah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tu la, temberang maksudnya cakap tak betul. Bila kata lembu dalam kondo macam...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau YB. Telok Ayer Tawar pun tak setuju lembu dalam kondo, sebab itu kalau projek bagi untuk bela lembu, bela lembu, jangan beli kondo. Jangan beli hotel... (gangguan). Betullah saya cakap. YB. Telok Ayer Tawar pun tak setuju.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sepatutnya YB. Seberang Jaya minta maaf.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Ayer Tawar sila duduk dulu. YB. Sungai Aceh duduk dulu. Sudah, sudah, sudah. YB. Seberang Jaya, *you* sambung dengan apa yang diminta jawab sudah. Cuma nanti saya nak pastikan madu kelulut ini untuk media *Chinese is ...*(dengan izin) *yin fong*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya nak terangkan takut. Itu madu kelulutlah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya teruskan tentang Tabung Usahawan Petani Muda. Tabung ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan golongan belia berusia 40 tahun ke bawah untuk menyertai bidang pertanian dan mewujudkan nilai tambah dari *output* pertanian. Tidak dinafikan program ini mengambil tempoh yang agak panjang untuk dilaksanakan dan direalisasikan. Ini bagi memastikan semua aspek perundangan dan peraturan yang diguna pakai dipatuhi. Itulah hakikat yang harus diterima sebagai negeri perintis dalam memperkenalkan program peningkatan keusahawanan. Sempena persidangan Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mempromosi Program Skim Mikro Kredit dan Tabung Usahawan Petani Muda ini kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dihebahkan kepada petani, peladang, penternak, dan juga mereka yang terlibat dalam projek perikanan di kawasan masing-masing untuk menyertai skim ini. Borang permohonan boleh didapati di Pejabat-pejabat Pertanian, Veterinar dan Perikanan Daerah.

Walaupun pinjaman ini dilihat kecil berjumlah RM5,000 untuk permulaan, namun program ini diharap dapat memberi impak besar kepada peningkatan usahawan pertanian di Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat, penyakit MOKO yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong atau dikenali sebagai penyakit layu bakteria pisang telah dikesan menyerang tanaman-tanaman pisang melibatkan kawasan 27.92 hektar di Seberang Perai Utara dan 153.44 hektar di Daerah Barat Daya. Bakteria *ralstonia solanacearum* yang disebar melalui aktiviti serangga, ladang-ladang yang tercemar atau sistem saliran yang tidak baik mengakibatkan penularan wabak ke kawasan berhampiran. YB. Pulau Betong telah memohon agar peruntukan tambahan diberikan bagi menangani masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM100,000 yang diperuntukkan itu meliputi sebanyak RM60,000 di Daerah Barat Daya dan RM40,000 di Daerah Seberang Perai Utara adalah sebagai permulaan. Di Barat Daya, peruntukan ini digunakan termasuk pembelian input pertanian, racun dan juga agen pereputan bagi kerja-kerja pemusnahan pokok pisang, pembelian peralatan dan bahan serta kos upah untuk lima petak pemerhatian dan percubaan. Pelan *booster effective microorganism* dan juga

stamp rod bagi kawalan penyakit layu bakteria atau MOKO. Pembelian anak benih pokok nangka di Titi Teras seluas lima hektar. Selain itu juga, program perintis pemulihan tanaman pisang diteruskan dengan menggantikan pokok pisang dengan tanaman kelapa pandan yang akan disampaikan tidak lama lagi kepada mereka yang berminat untuk menukar. Sekiranya program percubaan dan program perintis pemulihan tanaman pisang ini berjaya, dijangkakan kaedah ini akan diperluas ke kawasan yang dijangkiti MOKO pisang bagi tujuan tanaman semasa tempoh tanah dikuarantin. Kerajaan Negeri juga sedang dalam kajian kesesuaian untuk kerjasama atau *joint venture* dengan beberapa syarikat berstatus *bio-nexus* bagi tanaman herba yang lebih berdaya tahan terhadap serangan penyakit dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Seberang Jaya. Ubi kayu daun selasih, Thank you, terima kasih. Cuma saya memerhatikan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah merujuk kepada perbelanjaan tahun 2015. Tetapi apabila saya melihat kepada buku bajet tidak ada peruntukan khas yang diberikan kepada penyakit ini pada hal ianya dikenal pasti sebagai wabak yang menular dan membunuh hampir semua pokok-pokok pisang di sana. Hampir 200 lebih petani hilang pendapatan, dulu *averagenya* lebih kurang RM500.00 satu ekar, hari ini tiada pendapatan lagi. So apabila melihat tidak ada bajet di situ saya mencadangkan supaya diberikan bajet lebih kepada pertanian kepada YB. Seberang Jaya bagi membaik pulihkan tanah itu dan juga membuat penanaman semula dengan projek-projek tanaman lain yang lebih berkesan dan berdaya tahan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Pulau Betong. Saya merasakan kita ada sentimen yang sama tentang isu ini. Kita maklum bahawa Kerajaan Negeri telah mengaturkan beberapa program melalui Jabatan Pertanian itu dan beberapa peruntukan daripada Kerajaan Negeri akan disalurkan. Tapi untuk makluman YB. Pulau Betong, kemampuan kewangan Kerajaan Negeri ini tidaklah sebesar peruntukan yang dimiliki oleh Kementerian Pertanian. Pada Mac bermakna sejak awal tahun ini Mac 2015, satu laporan tindakan kawalan penyakit MOKO pisang termasuklah memusnahkan tanaman dan kuarantin kawasan ladang telah dimaklumkan kepada YB. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu. Kerajaan Negeri juga telah memohon bantuan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan semula kawasan terjejas ini dan memberi sedikit pampasan kepada petani terlibat. Malangnya mungkin kerana ada pertukaran Menteri sehingga kini, untuk makluman YB. Pulau Betong, maklum balas positif masih belum diterima. Jadi saya mohon YB. Pulau Betong turut sama bangkitkan perkara ini kepada YB. Menteri yang baru. Saya juga akan berhubung dengan beliau supaya kita boleh laksanakan bersama.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Untuk makluman YB. Seberang Jaya, saya juga telah pun menghantar laporan kepada pihak Menteri yang sebelum ini dan meminta peruntukan dengan beberapa pengiraan yang saya bagi *estimate* untuk projek itu. Itu telah pun saya usahakan cuma saya ingin melihat dalam bajet negeri ada peruntukan khas yang diberi kepada penyakit MOKO. Itu yang saya minta. Di peringkat pusat itu, insyaa-Allah saya akan bantu kerana ianya melibatkan kawasan saya juga dan kawasan-kawasan di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita, saya ucapkan terima kasih kepada YB. Pulau Betong dan sebab itu saya sebut *structure* atau pelan tindakan yang kita buat itu dah ada *layout* apa peranan negeri yang akan dibuat, tapi pada masa yang sama kita belum dapat lain daripada *federal*. Saya terus terang cakap, kita perlukan dana yang besar, untuk menyelesaikan masalah ini. Saya ucapkan terima kasih pada laporan yang YB. Pulau Betong telah sampaikan juga.

Seterusnya YB. Permatang Berangan, Sungai Acheh dan juga Sungai Dua membangkitkan isu penambakan tanah sawah secara berleluasa di Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian pemutihan lot sawah bagi Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Selatan telah selesai. Bagi Daerah Seberang Perai Utara dan Tengah masih lagi dipertingkatkan siasatan dan pengesanan data dan perbandingan data agensi *remote sensing* Malaysia. Ini bertujuan bagi memastikan rekod adalah tepat untuk dijadikan rujukan. Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui Jawatankausa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, memandang serius kes tukar guna tanah pertanian tanpa kebenaran. Rancangan Struktur Negeri 2020 dan Warta Taliair dengan jelas menyentuh bab ini. Kerajaan Negeri untuk mencapai tahap sara diri ...(gangguan). Sekejap. SSL pada 2020 juga sukar dicapai sekiranya aktiviti ini tidak dibendung. Selain itu peruntukan telah diberikan terutamanya bagi pengairan sawah padi telah menelan belanja yang besar. Semakan bersama Pejabat Daerah dan Tanah SPU terdapat sepuluh permohonan tukar guna tanah pertanian kepada pembangunan sepanjang pada 2009 sehingga 2014 melibatkan keluasan 11.85 hektar di seluruh SPU. Untuk tindakan jangka pendek kita mohon Yang Berhormat semua untuk memberikan lokasi atau nombor lot kepada Kerajaan Negeri bagi dimajukan kepada pihak berkenaan untuk siasatan dan tindakan segera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa MMK Pertanian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pencerobohan tanah pertanian yang mana ahli-ahlinya terdiri dari Pejabat-pejabat Daerah Tanah, Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan jabatan-jabatan penguatkuasa. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menggariskan perundangan yang jelas dan bidang kuasa setiap jabatan bagi setiap isu tukar guna tanah pertanian tanpa kelulusan. Antara kuasa perundangan yang dirujuk adalah seperti berikut:

- Seksyen 18 hingga 20 Akta Perancang Bandar dan Desa iaitu kesalahan menjalankan pembangunan tanpa kebenaran.
- Seksyen 70(a) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 merujuk kepada kesalahan menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Seksyen 125 hingga 129 Kanun Tanah Negara yang melibatkan tukar guna dan syarat tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Jawatankuasa MMK Pertanian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pencerobohan Tanah Pertanian ini dalam proses mengenal pasti peruntukan undang-undang yang lain sebelum kertas diangkat untuk pandangan perundangan dan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan. Silakan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Seberang Jaya. Cuma saya nak bangkitkan tentang cadangan saya dulu untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas. Cuma jawatankuasa ini perlu tindakan yang secara bersepadu tentang penambakan tanah perbincangan perlu diambil dan keputusan perlu dibuat secara bersepadu *Enforcement* di peringkat akar umbi. Wajib diberi satu kuasa yang lebih besar supaya AJK ini mudah untuk bertindak. Yang berlaku sekarang pihak JPS hantar ke Pejabat Tanah. Pejabat Tanah hantar ke MPSP dan sebagainya. Pihak MPSP memberikan kebenaran. Sebab kadang-kadang pemaju ini dapat keputusan untuk tambakan tanpa halangan daripada pihak MPSP. Adakah usaha itu sudah ditubuhkan? Apa pandangan Seberang Jaya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Dua. Untuk makluman YB. Sungai Dua banyak masalah yang kita hadapi adalah masalah berkenaan penambakkan haram. Permohonan apapun tak masuk. Itu yang salalu yang berlaku. Dan ada banyak lagi masalah-masalah birokrasi lain yang kita lihat melibatkan banyak agensi. Bukan sahaja agensi negeri bahkan agensi persekutuan kerana kita bincang soal jelapang padi ini, agensi persekutuan ada dana, agensi negeri pun ada beri dana. Dan kita melibatkan perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit mungkin kalau kita *calculate* betul-betul daripada awal dulu hingga sekarang mungkin dah billion dibelanjakan untuk sistem pengairan terutama di Pulau Pinang ini. Jadi saya ucap terima kasih pada YB. Sungai Dua kerana berkongsi pandangan yang baik dan saya harap dengan jawatankuasa ini nanti kita dapat mempercepatkan lagi proses-proses perundangan ini supaya satu (1) hukuman yang setimpal dan juga menggerunkan kepada pemaju-pemaju dan individu-individu agar tidak lagi sewenang-wenangnya menambak atau menambun kawasan padi ini. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Saya ingin bertanya adakah tanah-tanah yang ditambak, tanah-tanah sawah yang aktif ditambak tanpa mendapat kelulusan. Adakah tindakan-tindakan lain selain daripada denda dan sebagainya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau diikutkan dalam perundangan yang kita kaji, kita boleh arahkan individu atau syarikat itu buat semula, korek balik. Cuma itu perlu melalui proses mahkamah jadi sebab itu kalau saya boleh sebut *loop hole* di situ yang mana benda itu kita tidak boleh nak buat secara tegas dan cepat tentang perkara ini. Sebab itu saya tubuhkan jawatankuasa ini kita dapat lihat dari segi perundangan bagaimana kita nak mempercepatkan proses ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Seberang Jaya. Berkongsi sama. Saya cuma nak sebut soal tanah bendang ini yang tadi ni kalau kerja-kerja tanah secara haram. Tapi bagaimana pula kerja-kerja tanah yang halal. Yang halal ini permohonan permohonan *rezoning* semula. Kalau dalam hal ini YB. Dato' Speaker, pertanian kena menentang habis-habisan. Sama ada dalam SPC ke, dia kena tentang. Ini tanah bendang sebab kawasan saya ni memang dapat kelulusan atas permohonan *rezoning*. Saya mintalah EXCO Pertanian mempertahankan betul kerana dia sebut jawapan saya tanah bendang ini tidak diusik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Aceh. Saya teruskan dengan isu banjir lumpur di Kampung Sungai Lembu. YB. Ahli Penanti membangkitkan isu banjir lumpur di Kampung Sungai Lembu akibat pusat tanaman hiasan yang gagal menyediakan tanaman penutup bumi dan juga kolam tadahan. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat tujuh lot di Mukim 8, Kampung Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah yang terlibat dengan perusahaan tanaman hiasan secara tidak sah. Undang-undang Kecil MPSP 1992 tidak terpakai bagi kerja tanah bagi maksud pertanian. Sehubungan itu, MPSP telah mengambil tindakan pendakwaan bagi kesalahan menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran di bawah Seksyen 19 (i) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Notis borang F telah dikeluarkan pada 15 April 2015 dan di atas tapak semua lot-lot terlibat termasuk bahagian lot 355 telah dibersihkan untuk tujuan perusahaan yang mana YB. Penanti sebut tentang kebenaran itu. Memang tidak ada kebenaran dan kita telah keluaran notis kepada mereka ini. Untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Kalau dah keluaran notis dan sebagainya tu apa maknanya dari segi denda beratus ringgit ke RM7,000 apa benda tu, sebab saya bukan nak tutup, penggodolan telah berlaku jadi apa kita perlukan sekarang ini sebab JKR dah besarkan parit di situ, masalahnya selut-selut dari atas bukit turun menyebabkan banjir lumpur. Kalau nak tunggu masuk ke *court* itu semua dia tidak akan selesaikan masalah juga. Seperti yang berlaku di Vitra Kukuh, jadi saya nak kalau boleh senang saja boleh ke EXCO Seberang Jaya mengambil langkah supaya menyuruh walaupun haram tapi bertugas secara pemutihan ke atau apa ke, asalkan ia mengikut garis panduan dalam Urban Store Water Management Manual yang JPS suruh buat supaya tidak akan berlaku, kalau bulan Disember ini banjir banyak-banyak, hujan banyak, sekarang ini bukan zaman hujan pun dah jadi banjir.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, terima kasih YB. Penanti. Saya akan semak semula dengan pihak MPSP ditahap mana sekarang ini notis ini dan adakah mereka telah *response* di situ kita boleh *find the solution*, penyelesaian *mitigate* tentang isu ini. *Insha-Allah*. Menjawab permohonan YB. Permatang Pasir agar petani-petani sayur yang hilang pendapatan akibat cuaca diberi bantuan baja dan benih. Maklumat daripada Jabatan Pertanian isu yang sama telah berlaku dua (2) kali pada 2015. Pada awal tahun Jabatan Pertanian telah menyampaikan bantuan ihsan berupa input pertanian berupa baja dan Jabatan

Pertanian akan cuba pertimbangkan bentuk bantuan yang sama bagi kes kali kedua ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pertanian telah memperkenalkan program industri tanaman sayur-sayuran. Program ini memfokuskan kepada teknologi tinggi kepada petani dalam keluasan-keluasan yang kecil ini akan mampu mengeluarkan hasil yang lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan tanaman industri dalam skala yang lebih besar.

Selain daripada itu juga Jawatankuasa MMK Pertanian menggalakkan petani-petani untuk mengamalkan skim amalan pertanian baik Malaysia, myGAP dan myORGANIK. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah saya kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang kerana pada tahun ini Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah mendapat tempat ketiga terbaik dalam Pengurusan Sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia myGAP dan myORGANIK. Nombor tiga (3) terbaik selepas Negeri Selangor dan Negeri Johor. Bagi sebuah negeri yang kecil Pulau Pinang ini adalah satu (1) pencapaian yang cukup membanggakan.

YB. Sungai Dua mencadangkan agar Kerajaan Negeri melestarikan pertanian melalui pengenalan teknologi moden dan canggih agar hasil dapat dipertingkatkan dan berkualiti tinggi. Saya mengucapkan syabas di atas kesungguhan YB. Sungai Dua yang melihat pertanian sebagai satu sektor penting dalam kehidupan kita. Kerajaan Negeri amat komited ke arah *self sufficient living* SSL menjelang 2020. Sehubungan dengan itu usaha-usaha telah pun diambil untuk menyambut saranan YB. Sungai Dua di antaranya adalah Program Perkhidmatan Kejenteraan Pertanian di mana penggunaan jentera pertanian di dalam pelaksanaan projek-projek pertanian telah menjadi satu kemestian bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti bahan makanan yang dikeluarkan. Program ini diwujudkan sebagai satu usaha untuk menggalakkan mekanisasi sepenuhnya di dalam operasi ladang sebagai satu kaedah pengembangan di dalam menyalurkan teknologi kepada kumpulan sasaran. Program kedua Program Pembangunan Industri Tanaman Padi, program ini diwujudkan untuk membangunkan teras industri pertanian negara iaitu tanaman padi. Di bawah program ini beberapa projek yang berkaitan dengan industri penanaman padi disediakan. Sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti pengeluaran makanan negeri dengan pengamalan teknologi terkini dan peningkatan infrastruktur ladang.

Ketiga Program Pembangunan Industri Tanaman Buah-Buahan. Program ini memfokuskan kepada usaha dan pengamalan teknologi terkini kepada petani agar keluasan-keluasan yang kecil dapat mengeluarkan hasil lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain yang mengusahakan tanaman industri tanaman pula berskala yang lebih besar. Keempat Program Pembangunan Industri Tanaman Sayur-Sayuran. Program ini memfokuskan kepada usaha pengenalan tanaman teknologi tinggi kepada petani keluasan-keluasan yang kecil ini akan mampu mengeluarkan hasil lebih produktif dan berkualiti setanding dengan negeri-negeri lain dan mengusahakan tanaman industri tanaman tanah pada berskala yang lebih besar.

YB. Sungai Dua juga memohon agar permohonan penubuhan pasar tani di KADUN Sungai Dua dipertimbangkan semula. Jawatankuasa MMK Pertanian melihat pasar tani sebagai satu medium bagi petani menjual secara terus *output* pertanian dan sebagai sebahagian daripada jihad Menteri sebelum ini bagi memerangi orang tengah. Namun begitu dari aspek perundangan dan kesejahteraan masyarakat sekeliling harus

turut dititikberatkan. Semakan bersama pihak MPSP dari tiga (3) permohonan yang dimaksudkan dua (2) daripadanya tidak mengikut syarat-syarat perlesenan dan satu (1) ditolak akibat gangguan kepada lalu lintas. Saya menyeru FAMA bersama-sama Jabatan Pertanian dan mungkin YB. Sungai Dua untuk datang dan berbincang dengan saya untuk kita lihat kaedah penyelesaian terbaik dan saya bersedia menjadi *mediator* bagi mendapatkan keputusan menang-menang dalam hal ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri...(gangguan). Ya, Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Jadi yang pertamanya tentang pasar tani yang disebut tadi. Jadi di Tasek Gelugor kita baru satu (1), dua (2) pasar tani iaitu Pasar Tani wanita Pokok Sena dan juga Tasek Gelugor, dan kita melihat bahawa pasar tani ini adalah medan pertemuan pengeluar dan pengguna. Harganya ada (**gangguan audio**) lah lebih rendah berbanding dengan pasar biasa dan boleh memberi sumber pendapatan. Kalau boleh kita nak pihak kerajaan negeri dan PBT mempertimbangkan permohonan untuk mewujudkan Pasar Tani Baru di 2 tempat iaitu Permatang Buloh dan Pajak Song. Kita akan bincang dengan (gangguan audio) kosong (gangguan audio) JKK di situ...(gangguan audio). Tentang pertanian organik tadi saya bersama dengan Jabatan Pertanian turun ke merata tempat untuk memperkenalkan pertanian organik. Jadi kalau boleh kita kuatkuasakan dari segi pertanian organik sebab di negara maju dah gunakan organik ni sejak sekian lama, dan termasuklah EM untuk mengurangkan bau-bau oleh ternakan ayam dan sebagainya memang berkesan kalau kita gunakan EM. Jadi sepatutnya kita sediakan satu peruntukkan khas untuk kita memastikan yang pertanian menggunakan bahan-bahan organik dan juga menggunakan EM kepada penternak termasuk penternak ikan bagi menghasilkan yang lebih berkualiti kepada masyarakat di Negeri Pulau Pinang. Bagi kawasan yang kekurangan tanah, Pulau Pinang kurang tanah jadi kalau boleh kita buat saya sudah nampak kita buat secara cubaan di kawasan saya iaitu tanaman secara hektar *equivalent*. Saya sebut dah dulu setiap rumah kita bagi tanaman buah-buahan saya dah bagi di kawasan Sungai Dua dan Nyior Sebatang, pokok amra. Amra ini pokok kedondong dan pasarannya kita jual kepada Jeruk Pak Ali. Satu (1) rumah kita bagi 10 pokok kalau 30 rumah duk ada 300 pokok lebih kurang sama dengan sepuluh ekar begitu lah. Jadi hasil itu kita jualkan balik jadi ini boleh mendatangkan pendapatan sampingan kepada petani dengan kawasan tanaman yang kurang, yang sedikit kawasannya di Negeri Pulau Pinang. Dan tanaman lain seperti cendawan saya rasa juga boleh beri hasil yang lebih saya akan laksanakan dengan 30 orang di kawasan Sungai Dua 30 projek tanaman cendawan secara pinjaman dengan pihak TEKUN. TEKUN bagi RM5,000 untuk 30 orang dan 10 orang sebagai *anchor* yang akan *supply* bahan-bahan mentah dan juga beli balik cendawan dengan kaedah tersebut tapi syaratnya mesti ada satu syarikat *anchor* untuk beli. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua, kalau bangun saya peringatkan lagi. Minta penjelasan tentang apa?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan sekejap jer pasal. Okey. Saya nak minta penjelasan jika Pulau Pinang mempunyai garis panduan untuk furtegursi penanaman pokok furtegursi contohnya di SPU apa yang saya sedang cuba ialah dia *border*, so dekat juga dengan kita. Furtegursi pokok cili dua (2) ekar menggunakan *solar farm* di hutan darat. Saya nak tahu sebab masalahnya di Pulau Pinang kalau MPSP dia kata tak ada *guideline* tapi di Kedah ada *guideline* tapi tadi Yang Berhormat sebut pasal menggunakan teknologi tinggi jadi saya nak tau *whether* penanaman pokok itu cili di bawah *solar farm* ataupun apa-apa pokok di bawah *solar farm* terdapat *guideline* seperti di Kedah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih kepada dua-dua, Yang Berhormat Berapit, sila.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

YB. Seberang Jaya. Ingin tahu polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adakah mengambil pertanian sebagai satu projek yang jangka panjang untuk menentukan rakyat di Pulau Pinang di masa hadapan tak perlu bergantung pada luar negeri untuk mencari makanan, *food security* sebab *term* yang lalu kita punya Dato' Speaker sebagai EXCO Pertanian tak pernah *announce* kepada semua rakyat walaupun Pulau Pinang *less* dia yang menanam padi itu tak sebanyak seperti Negeri Kedah. Tetapi kuantiti yang tertinggi dalam negara kita. Saya harap di sini YB. Seberang Jaya menentukan akan menyambungkan perusahaan ini menentukan Negeri Pulau Pinang rakyatnya dapat sumber makanan daripada negeri sendiri sebab kalau dalam masa hadapan dalam ekonomi yang merosot ini rakyat Pulau Pinang perlu mendapat cukup makanan yang di *supply* oleh Negeri sendiri. Saya amat tertarik dengan YB. Sungai Dua yang berusaha dalam pertanian dan tadi YB. Pulau Betong ada cakap tentang kuman-kuman atau penyakit-penyakit pokok pisang. *Actually* di 2009 kita pernah melawat ke Thailand, Saraburi dan satu lagi *slump area* Kow Wak Tok, sebab kita ada bergabung dengan EM iaitu *founder* dia Dr. Trohiga, *effective micro organism from Okinawa* dan kita pernah ada satu projek yang besar-besaran iaitu pada *2009 of 8 of August* kita ada buat satu *million mud ball throw into the Gurney Drive* sampai hari ini kita nampak *effective* nya. Gurney Drive yang dulu kita terdapat banyak *complaint* daripada penduduk di sekeliling Gurney Drive saya ingin bagi Dewan ingat lagi yang penting itu sampai hari ini Gurney Drive tiada pencemaran lagi, laut itu dah dibersihkan Butterworth ke Pulau Pinang jambatan itu tak ada. Saya harap dari pertanian YB. Seberang Jaya terus usaha berkerjasama dengan EM ini dalam pertanian kita sebab di masa sekarang kebanyakan pertanian menggunakan *chemical* baja *chemical* dan merosakkan tanah kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Berapit. Saya faham YB. Berapit. Sudah tiga orang...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Saya mahu satu *list* pertanian di Negeri Pulau Pinang yang mana daerah terdapat banyak sekali tanah yang digunakan untuk pertanian sebab kalau di SPT macam kita punya kawasan KADUN Penanti atau Berapit kita masih ada tanah yang kosong boleh menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian seperti di SPU atau SPS dan saya juga minta pertolongan pada Seberang Jaya untuk memberi kita *guideline* dan saya harap dapat memberi peluang kepada penduduk Berapit berusaha dalam pertanian yang digalakkan oleh Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan sikit, dia bangkitkan tentang Gurney Drive tadi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Berapit. Saya nak gulung saya punya. Gurney Drive itu saya tak boleh nak jawab pun. Terima kasih YB. Sungai Dua, Penanti, Berapit, *sorry* Pulau Tikus. Saya terima kasih atas cadangan dan usaha yang ditunjukkan oleh YB. Sungai Dua, Penanti tentang isu-isu yang mana kita nak menggalakkan lagi aktiviti pertanian di Pulau Pinang. Menjawab soalan Berapit tadi, memang komitmen Kerajaan Negeri adalah kita ingin mencapai *self sufficient living state* pada tahun 2020 maknanya kita boleh *produce* kita punya *own food* tapi itu bukan satu usaha yang mudah 2020 pun saya sukar untuk kita capai tetapi ada beberapa produk yang memang kita telah *self sufficient* di Negeri Pulau Pinang contohnya ayam, kedua babi ini semua *self sufficient* kita tak perlu. Kita boleh eksport keluar tetapi tanaman memang kita tak cukup lagi yang paling *anchor* kita yang paling kuat pun mungkin buah-buahan, buah pala, padi kita kalau dibanding dengan Negeri-negeri lain dari segi produktiviti per hektar, memang boleh dibanggakan di Pulau Pinang perhektar dengan *at least* Selangor ataupun kalau Kedah itu memang kita jauh tinggalkan dari produktiviti perhektar di Pulau Pinang dan sebab itu untuk meningkatkan lagi selain daripada program-program YB. Sungai Dua telah laksanakan Kerajaan Negeri telah memulakan tahun ini program penanaman atau tanaman komuniti, perkebunan komuniti, terima kasih YB. Jawi kerana dia pengerusi jawatankuasa ini. YB. Jawi telah memperkerusi satu perkebunan komuniti di mana kita memberi peruntukan komuniti-komuniti untuk mula menanam sayur di kawasan persekitaran di taman mereka. Jadi kita beri dana mereka kita Jabatan Pertanian beri benih mereka tanam sendiri bahkan dengan cara itu mereka boleh buat beberapa aktiviti lain pertama *composting* di Permatang Nibong di kawasan saya contohnya MPSP usahakan mereka boleh hasilkan gas mereka sendiri dan keduanya dengan program yang ada ini mereka juga boleh menggunakan balik sayuran-sayuran itu sendiri.

Jadi saya teruskan pengulungan saya, untuk nelayan bagi menjaga kebajikan para nelayan Negeri Pulau Pinang melalui Bajet 2016 program pemberian pukut kepada nelayan persisir pantai akan diteruskan yang mana telah kita laksanakan sejak daripada tahun 2013 sehingga sekarang yang mana ini adalah merupakan janji manifesto Kerajaan Pakatan Rakyat pada tahun 2013. Sehingga sekarang kita telah memberikan sebanyak lima (5) kali kepada para nelayan persisir pantai bantuan pukut ini. Pembinaan tukun tiruan juga bagi menyediakan kawasan pembiakan kepada spesies ikan diharap

dapat membantu peningkatan hasil perikanan di Negeri Pulau Pinang. Dengan peruntukan sebanyak RM1.6 juta jika dibahagi kepada nelayan aktif di Pulau Pinang sekitar 3,200 orang sekitar RM500 setahun diperuntukkan bagi setiap nelayan aktif yang pada saya adalah satu jumlah yang besar jika dilihat kepada kapasiti kewangan Kerajaan Negeri.

YB. Penaga mencadangkan agar bantuan-bantuan nelayan ini ditambah baik termasuklah pemberian elaun sara hidup daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan murni ini namun perlu mengambil kira dari segi implikasi kewangan dan kaedah pelaksanaan. Implikasi kewangan bukan sahaja merujuk kepada jumlah bantuan bulanan tetapi juga dari segi implikasi dari pengurusan dan juga *staff*. Program yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan kini diurus sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, yang mempunyai kepakaran dan kakitangan khusus bagi tujuan ini. Kebolehlaksanaan bantuan ini banyak juga bergantung kepada perkhidmatan sedia ada dan jumlah caruman pusat kepada Kerajaan Negeri dan juga hasil sumbangan percukaian. Cuma saya nak bangkitkan di sini setiap kali saya turun berjumpa dengan nelayan ramai nelayan mengadu kat saya terutama mereka yang dikatakan rapat dan menyokong kami di bawah, mereka ini selalunya tak diberi lesen dan juga elaun sara hidup ini nelayan bagitahu saya, saya pun nak periksa tak boleh bahkan saya dimaklumkan setengah pegawai agensi, lesen-lesen ini akan hanya diberi bila menjelang pilihan raya dan akan digunakan sebagai modal kempen.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Speaker, mohon penjelasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dia orang lapor dekat saya, saya bagi tahu dekat Dewan, kejam-kejam... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan Yang Berhormat? Siapa dia tu?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, siapa bangkit dahulu?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bangkit dulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya kalau boleh saya nak minta YB. Seberang Jaya memberi nama orang dan pegawai yang kata diberi hanya pilihan raya sahaja. Saya nak tahu yang itu, sebab, sebab.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bahaya lah pegawai itu. Kesian pegawai itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebab setahu saya walaupun saya tahu orang itu orang PAS, orang PKR, orang DAP tak pernah sekali pun, saya tak sokong mereka untuk dipanjangkan tempoh pasal subsidi itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

lah, ini bagi nelayan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini satu tuduhan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bukan tuduhan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Satu tuduhan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya wakil jumpa dengan nelayan. Nelayan jumpa saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak tahu nelayan di mana?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu saya kata tadi saya nak semak dia pergi betul-betul ke laut, ke mana... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dato' Speaker, tak *generalize* dalam DUN ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya tak *generalize*, saya kata ini kita kena siasat. Itu saya nak minta, bagi saya habis dulu. Saya nak minta....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi habis.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya nak bagi habis. Bagi saya habis dulu. Saya nak minta sebelah sana untuk bantu saya juga, kechap Sungai Acheh. Bantu saya juga kerana masalahnya apa? Kita beri bantuan pukut ini kepada nelayan berlesen. Memang kita kekalkan dasar itu. Kechap dulu Telok Ayer Tawar, bagi saya bercakap Telok Ayer Tawar, duduk, duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan alih tajuk, minta Seberang Jaya jangan alih tajuk. Tajuk tadi belum selesai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

lalah sabar saya nak jelas. Bagilah saya jelas. Okey, kita nak bagi pukut, kita bagi pada nelayan berlesen. Itu dasar kita Kerajaan Negeri. Bila kita nak bagi pada nelayan berlesen, ramai nelayan datang jumpa saya. Saya rasa ramai nelayan, bukan nelayan, wakil rakyat yang di sini yang ada kawasan nelayan. Ada nelayan datang jumpa mereka maklumkan benda yang sama. Mereka tak boleh dapat bantuan pukut kami, kerana mereka tak ada lesen. Saya tanya kenapa tak dapat lesen, ini jawapan yang mereka beri. Saya nak kata apa? Itu saya minta kalau betul perkara ini berlaku, ini tak adillah. Kalau kita betul nak bela nelayan, nak bela rakyat di bawah kita sama-sama membantu. Itu yang saya bangkitkan. Saya bangkitkan benda ini, saya bukan nak bagi tuduhan tak tentu pasal. Kalau orang tak datang bangkitkan kepada saya, saya wakil rakyat. Saya EXCO Pertanian, saya berjumpa dengan nelayan. Sama juga YB. Sungai Dua, jumpa petani bangkit soal petani, tanya kepada saya, saya jawab. Benda yang sama berlaku kepada saya. Bukan saya tak jumpa nelayan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seberang Jaya, saya nak tahu dalam MMK Pertanian adakah Pengarah LKIM juga menjadi ahli?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ya, dia ahli.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dia ahli. Kenapa tak tanya dia?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita tanya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Apa dia kata?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

lalah. Itu saya sebut. Tak kan saya nak kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak tahu apa dia kata?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu saya cakap, benda ni kita dah bangkit. Kita dah tanya. Bila saya tanya apa keputusan? Keputusan mesti datang daripada Pusat. Nak bagi lesen apa semua. Macam mana? Orang-orang di bawah ini yang datang jumpa saya mesti tahu benda yang *genuine*. Kita jangan tipu diri kita....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita bukan tipu diri kita. Jangan tipu diri kita.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, sudahlah. Kita jangan tipu diri kita, benda ini berlaku, benda ini berlaku. Bukan tak berlaku. Tak apala, Bayan Lepas sudahlah. Saya sentuh benda ini sebab nelayan di bawah ini ada orang Melayu...(gangguan)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Seberang Jaya, kawasan nelayan. Ditempat saya ada 35 orang nelayan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Saya bantah perkataan ini, itu satu tuduhan, itu satu tuduhan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ini *floor* saya. Saya bangkitkan masalah yang berlaku. Saya tahu Yang Berhormat dalam ni semua setuju dengan saya bahawa tak kira apa pun latar belakang politik mereka, mereka ini bangsa apa sekali pun mereka layak dapat lesen, mereka layak dapat lesen. Betul atau tidak? Kita semua setuju jadi sebab itu kenapa pelaksanaan itu tidak berlaku begitu. Sehingga saya terpaksa memikirkan untuk bantuan pukut ini saya terpaksa minta pada JKKK berikan senarai nelayan-nelayan yang tak ada lesen ini untuk kita pertimbangkan, untuk kita beri bantuan pukut. Saya cakap terus terang sebab kita, kalau ikut rekod 3,121 nelayan persisir pantai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kejap-kejap saya nak beritahu 3,121 nelayan persisir pantai yang berlesen. Tapi saya percaya kita semua tahu tak mungkin seramai itu saja nelayan dalam Pulau Pinang. Pasti lebih daripada itu. Tapi mereka tak boleh nak dapat lesen, mereka tak boleh nak dapat elaun sara hidup ini, mereka tak boleh nak masuk nama dalam *list*, jadi kita susahlah. Saya minta itu saja. Saya minta kita perkemaskan senarai ini tak kira apa latar belakang politik, tak kira apa latar belakang kaum kita diberikan. Saya ingat kita semua boleh setuju tentang perkara ini. Saya minta itu saja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ya, Pulau Betong

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak minta kepada YB. Seberang Jaya *since* Pengarah LKIM itu berada di bawah MMK, saya nak kalau boleh beri laporan kepada kita. Saya pun nak tahu siapa yang tak dapat, kenapa tak dapat? Sebab *that way*, Yang Berhormat bagi saya habis dulu. Sebab saya pun dah berbelanjakan berjuta ringgit tujuan ini. Kami tak pernah pun menolak kalau orang PAS tak bagi, kalau kami nak buat macam itu ramai yang tak dapat sebab kami kenal mereka ini. Jadi mereka masih dapat. Jadi tuduhan sebegini saya rasa tak patut dibuat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Okey, kita akan kumpul. Saya bukan tuduh. Saya kata ini yang dilaporkan. Saya sebutkan ini daripada awal. Saya tidak pasti sama ada ini betul atau tidak berlaku. Sebab itu kita kata kita kumpul nama, kumpul nama, kita tunjuk selepas ini. Sungai Aceh duduk

dulu....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya, perkara ini bawa masuk balik MMK untuk mendapat penjelasan LKIM. Perkara ini sudah, Sungai Acheh....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Speaker, saya nak minta kalau boleh EXCO ajak Pengarah LKIM mai bincang dengan wakil rakyat kena dengar betul-betul. Jangan lapor saja. Kita duduk semeja kita bincang, tetapkan tarikh segera.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, Sungai Acheh sudah. Seberang Jaya teruskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tak ada masalah, tak ada masalah. Saya kumpul senarai lepas ni, kita akan buat hebahan luas-luas supaya nelayan-nelayan Pulau Pinang ini yang layak wajib diberi lesen. Setuju? Setuju? Okey, terima kasih. lalah saya sebutlah yang lain. lalah kalau dia jaga lembu, takkan kita nak bagi lesen nelayan, tak kena. Kita bagi dia lembu, betul? *Laa illahillAllah*, okey lah. Kambing, saya tukar kambing, kambing jaga kambing. Boleh? Okey.

Terima kasih YB. Penanti membangkitkan tentang isu ketiadaan jambatan di pintu air Ampang Jajar dan terdapat juga jambatan yang dibina tidak bersesuaian yang mengganggu perjalanan nelayan untuk ke laut. Ini juga saya ingat melibatkan kawasan Sungai Dua terutama mereka yang berada di Pengkalan Machang. Untuk makluman Yang Berhormat, Perai *Barrage* sini dibina pada tahun 1960an dan *barrage* ini dibina di bawah Sungai Perai *Drainage and Reclamation Project* yang mana fungsinya sebagai pintu pasang surut yang mengawal pasang surut air laut masuk hulu Sungai Perai.

Saya telah mengadakan lawatan baru-baru ini untuk melihat dua permasalahan. Pertama tentang isu pelepasan ikan keli dan juga isu jambatan ini. Makluman yang telah saya bangkitkan kepada pihak Pejabat Daerah dan JPS. Kita memang tengah mengkaji untuk menyelesaikan isu ini untuk termasuk pelupusan pintu air bagi memudahkan bot-bot itu supaya boleh lalu dan lepas dengan mudah selepas ini. Jadi beri kami masa kerana kita dah lihat, sudah lawat dan tengok. Memang perlu ada penambahbaikan untuk memudahkan nelayan-nelayan sungai di situ. Tentang...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta tambahan. Lagi satu jambatan dekat Kampung Terus itu pun dia rendah. Jadi kalau di pintu air memang tak ada langsung jambatan tapi di Kampung Terus tu ada yang jambatan JPS sedia ada itu dia rendah dan kena tunggu surut baru bot boleh lalu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Penanti. YB. Sungai Pinang menyentuh isu kemudahan Kompleks Pendaratan Ikan Jelutong dan cadangan menaikkan taraf. Untuk makluman Yang Berhormat, Kompleks Pendaratan Ikan Jelutong telah siap dibina dan diserahkan kepada LKIM selaku pemilik bangunan pada tahun 2007. Namun begitu nelayan enggan berpindah ke tempat yang disediakan. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang perihatin telah membuat beberapa siri dialog dan dengan kaedah temu tembung atau *engagement* bersama mereka yang terlibat dan berkepentingan. Perkara ini telah dipengerusikan sendiri oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I, *In Sha Allah* projek menaikkan taraf ini kini berada di fasa permohonan kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan. Elemen yang dimasukkan adalah membesarkan stor sedia ada mengikut spesifikasi yang dimohon nelayan sendiri. Membesarkan kompleks, penyediaan *ponton* bagi menambat sampah-sampah kecil dan juga penyediaan benteng pemecah ombak. Projek akan dijalankan secara dua fasa dan diharapkan permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan dapat diberikan dengan segera bagi mempercepatkan perjalanan projek dan menyelesaikan isu yang telah tertangguh lama.

Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Pulau Pinang dikejutkan dengan serangan penyakit anjing gila atau *rabies*. Kerajaan Negeri telahewartakan penyakit anjing gila *rabies* di bawah perintah kawalan jangkitan penyakit anjing gila dan perintah suntikan pencegahan penyakit anjing gila Negeri Pulau Pinang 2015 di bawah Akta Binatang 1953 pada 15 September 2015. Sepanjang 16 September hingga 15 Oktober 2015 sebanyak 2,224 ekor anjing liar dan dua (2) ekor anjing peliharaan yang menunjukkan simptom awal dijangkiti *rabies* telah dimusnahkan. Sehingga hari ini sebanyak 3,393 anjing telah divaksin. YB. Tanjung Bunga membangkitkan perkara ini dan atas dasar keprihatinan dan ke arah penwujudan masyarakat penyayang telah mengesyorkan pengenalan *pet passport* kepada pemilik haiwan peliharaan. YB. Tanjung Bunga juga tidak bersetuju dengan dasar sifar anjing liar yang bertentangan dengan konsep kemanusiaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, idea pengenalan *pet passport* telah pun dimulakan namun masih tidak diwajibkan ke atas semua haiwan peliharaan. *Pet passport* adalah dokumen rasmi di bawah projek Sistem Pengesanan Haiwan Malaysia atau *Malaysian Animal Traceability System*. Objektif utama adalah membantu dalam kawalan penyakit, meningkatkan sistem pengesanan haiwan, mempromosi tanggungjawab pemilik haiwan kesayangan dan mempromosi kesedaran mengenai kebajikan haiwan. Tujuan utama *pet passport* adalah menyediakan sistem pengenalan haiwan rasmi, membina sistem pengkalan data dalam meningkatkan keberkesanan kawalan penyakit haiwan dan mempromosi tanggungjawab pemilik haiwan kesayangan.

Buat masa sekarang, pihak jabatan menggalakkan pemilik haiwan mendaftarkan *pet passport* bagi memudahkan daya jejak haiwan dan melindungi hak pemilikan pemilik haiwan kesayangan. Haiwan yang boleh mendaftar *pet passport* pada masa kini adalah anjing, kucing, kuda dan arnab. Namun demikian pada masa akan datang, *pet passport* ini boleh diwajibkan sekiranya dokumen ini dirasakan perlu untuk dilaksanakan dan dikuatkuasa di seluruh Malaysia. Dalam masa sama, Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP dan MPSP di dalam proses untuk memuktamadkan penggubalan undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan melibatkan pemeliharaan anjing dan juga binatang

peliharaan lain. Undang-undang yang bakal diperkenalkan adalah bagi memastikan pemilik binatang peliharaan bertanggungjawab atas kebajikan dan kesihatan haiwan mereka serta melindungi hak-hak haiwan ini daripada penderaan dan pengabaian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa MMK Pembangunan Desa ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta penjelasan. Saya hanya nak tanya memandangkan masalah *strays* ini adalah telah pun menerima banyak perhatian daripada orang awam, bolehkah Pihak Berkuasa Tempatan memainkan peranan untuk mewajibkan *pet passport* ini atau pun apakah yang boleh dibuat untuk mempersegerakan keperluan atau pun memperketatkan keperluan lesen bagi haiwan pemeliharaan ini untuk mencegah bilangan anjing liar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sebab itu saya sebut tadi bahawa di bawah *Local Council*, MBPP dan MPSP, selain daripada Veterinar yang mempunyai kuasa. *Local Council* atau Pihak Berkuasa Tempatan sedang memuktamadkan undang-undang kecil ini kerana dengan kejadian baru-baru ini, *rabies* itu yang mana sebelum ini tidak kita masukkan tentang vaksin *rabies* ini dalam undang-undang itu. Jadi sekarang ini tengah dipertimbangkan, *once* undang-undang ini muktamad memang kita boleh laksanakan dan wajibkan dan penguatkuasa dapat dijalankan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Satu lagi saya nampak dalam bajet, bajet tahun 2016 dan tahun ini adalah hampir sama so adakah ia memberi apa-apa impak ke atas kebolehan DVS untuk mungkin memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti mencegah *rabies* kah, anjing liarkah dan sebagainya. Terima kasih,

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu tidak menjadi masalah kerana baru ini pun *rabies* bila berlaku kita memberi kontingensi bajet untuk selesaikan dan kita beli vaksin dan beberapa peralatan lain kita tambah. Untuk tahun hadapan, kita bekerja dengan DVS Pusat yang mana jadi *anchor* untuk sebab isu *rabies* ini bukan hanya melibatkan Pulau Pinang bahkan di Kedah di Perlis. Pulau Pinang antara negeri terakhir mengumumkan warta itu dan negeri yang pertama menarik balik warta itu. Sehingga sekarang kita memang tidak dapat lagi sebarang kes positif *rabies* hasil sample-sample yang kita telah ambil sehingga hari ini.

Jadi untuk bajet itu memang dah ada dalam skop kerja JPV. Vaksin banyaknya ini akan dibeli oleh *pet owners*. *Pet owners* akan bayar dan dengan subsidi daripada pihak Kerajaan Pusat melalui veterinar pusat. Kemudian *we are still working*, atau menunggu kepada NGO-NGO yang ada di Pulau Pinang yang telah berjanji untuk membawa beberapa inisiatif ke Pulau Pinang. Kita masih menunggu lagi. Saya tadi telah dimaklumkan oleh YB. Padang Kota tentang isu tanah yang dibangkitkan oleh YB. Bagan Dalam. Untuk SPCA, kita baru dapat tadi surat, semalam sebenarnya, saya tadi baru

Yang Berhormat Padang Kota tunjuk pada saya bahawa telah dibersihkan dan pajakan untuk kepada SPCA akan bermula November ini maka mereka boleh mulakan dah untuk membina satu *shelter* baru di situ, tiga (3) ekar tanah kalau tidak silap saya. Sekejap Berapit, tadi saya ingat Bertam minta tadi.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Sebenarnya soalan saya lebih kurang dengan Pulau Tikus sebab saya difahamkan hari ini Pulau Pinang sudah bebas wabak *rabies* atau pun masih berada... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita tidak boleh isytihar bebas *base on definition must*, masih perlu tunggu enam (6) bulan. Berapit.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Definition?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Base on definition. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan saya ialah itu ialah dari SPCA seberang yang sekarang duduk di Kampung Besar itu apakah akan pindah ke tempat yang baru?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Itu saya kena semak balik.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Sekarang mereka berada di Kampung Besar, Titi Berapit.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tiga (3) ekar tanah.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Dan saya mahu dapat jawapan yang sebenarnya daripada Seberang Jaya iaitu masih ada orang yang *contact* saya, sms saya kata sampai hari ini Kerajaan Negeri masih lagi *stray dogs*. Ini adakah benar? Kalau tidak benar, saya menjemput YB. Seberang Jaya *announce* kepada *public that we are not doing that. If not you will give a negative impact to us.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sekarang ini SOP kita, atau *standard procedures* kita adalah anjing-anjing yang masih lagi ada kes gigitan, bila mereka gigit orang macam contoh hari ini saya dapat laporan daripada Pengarah Veterinar, ada tujuh (7) kes gigitan dilaporkan. Jadi apabila berlaku kes gigitan ini, kita akan hantar, kalau kata melibatkan *stray dogs* atau anjing terbiar, kita akan hantar *local council* untuk tangkap tetapi sekarang ini kita kuarantin tetapi jika kita lihat ada simptom yang menunjukkan ianya *rabies* atau dia ganas, *then council* akan ambil tindakan untuk dihantar *sample* yang mana *sample* ini perlulah anjing ini di *neutralized*, bahasa yang baik dan kemudian akan dihantar untuk *sample*. Yang Berhormat tadi Batu Uban minta dahulu.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ini jawapan wabak *rabies* adakah *evidence* betul-betul. Ini ada *evidence* kah? *It there enough, ...*(dengan izin), *evidence to suggest the was an outbreak of rabies?*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita dikira sebagai *evidence* untuk *rabies, outbreak* itu mula-mula ia berlaku kalau tidak salah saya pada bulan Julai di Perlis. Lepas Perlis, dalam tempoh dua (2) minggu dia sampai ke Kedah. Ketika berlaku di Perlis dan Kedah, tidak mendapat liputan media kebangsaan dan antarabangsa. Apabila terjadi di Negeri Pulau Pinang, kita umum sahaja yang mana kes pertama berlaku di Kepala Batas melibatkan anjing-anjing yang telah menggigit dan membunuh rusa-rusa milik Jabatan Veterinar di Pongsu Seribu, Pokok Sena, *sorry*. Jadi rusa mati, anjing ini mereka kepung, pegawai kita pergi tangkap, MPSP. Apabila pergi tangkap, dapat tangkap anjing ini, masa dia tangkap itu, anjing itu pun gigit pegawai kita. Dapat sahaja itu, kita hantar terus anjing itu kepada VRI, bukan saya lah, pegawai saya, hantar *report* datang balik menunjukkan bahawa anjing itu positif *rabies*. Itu yang pertama. Besoknya, saya tidak ingat tarikh, 15 haribulan rasanya, masa itu kita hendak sambut Hari Malaysia. 16 haribulan kita dapat *report* dua (2) kes gigitan anjing di Pulau pun positif *rabies*. Tetapi sehingga sekarang itu yang positif *rabies*, tiga (3) ini. Yang kita tangkap semua, kita test, tiga (3) ini positif. Jadi untuk kata bahawa *outbreak* ini berlaku kepada kita isytiharkan begitu kerana Perlis dan juga Kedah dianggap sebagai *imun belt* kepada *rabies* daripada negara jiran kita Thailand yang mana daripada sempadan negara sehingga ke Negeri Kedah, 80 kilometer. Itu adalah *imun belt* maknanya kalau pengawalan, vaksinasi semua harus berlaku di dalam kawasan ini, 80 kilometer daripada sempadan dengan Thailand. Bila *bridge*, dan kes itu dilihat berlaku, kita *spot* kes itu, kita buat *mapping* dan kes itu berlaku di Pulau Pinang, bermakna *imun belt* kita telah dicerobohi. *Code on code* di Perlis dan Kedah. Sebab itu Pulau Pinang ambil langkah drastik hasil nasihat daripada pihak Veterinar Negeri dan juga bincang dengan Veterinar Pusat, kita isytiharkan seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai kawasan wabak *rabies* supaya kita boleh lakukan pengawalan. Dan *Alhamdulillah* sehingga sekarang, kita tidak dengan ada kes *rabies* di negeri-negeri lain selain daripada Pulau Pinang dan Perlis dan Kedah.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Kes ini, kes *rabies* manusia atau kes *rabies* anjing-anjing? *Additional question, 100% of mortality with rabies?*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yes, betul. Untuk makluman Ahli Dewan semua, kes *rabies* dalam manusia, tahun sudah sahaja menyebabkan 55,000 kematian di seluruh dunia, tahun lepas. Tetapi di Malaysia, kita tidak boleh nak *test* orang, boleh *test*, kita kena buat *polymer chain reaction* punya *test*, PCR yang mungkin akan *being costly*. *Incubation* period untuk satu penyakit *rabies* ini panjang. Boleh jadi setahun, boleh jadi dua (2) tahun tetapi *mortality ratenya* atau tahap kematiannya *so far base on Milwaukee Protocol* untuk merawatnya, hanya 14 sahaja *recorded patient survived rabies* seluruh dunia, bukan Malaysia. Seluruh dunia 14 orang sahaja yang direkodkan dalam jurnal perubatan bahawa mereka ini *survived rabies* dalam manusia. Sebab itu untuk kita *confirm*, katalah salah seorang daripada kita kena gigit, kita dapat tangkap anjing itu, kita buat *test* anjing itu. *Test* itu bermaksud kita buat *sampling*, *we had to take the brain sample* untuk *confirm*, untuk orang ambil *brain sample* dalam anjing, itulah yang terpaksa *utilize* dan hantar ke VRI *test* betul atau tidak anjing ini ada *rabies*. Tetapi dalam program kita baru ini di Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri mereka juga mengeluarkan belanja, mana-mana kes gigitan masuk sahaja, kes gigitan anjing akan diberi suntikan *vaccine rabies* untuk manusia. Menjawab soalan saya? Okey, tidak cukup? Saya ingat saya hendak sambung. Cukup kot pasal *rabies* ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Sudah beberapa kali cuba berdiri Yang Berhormat. Saya rasa YB. Batu Uban yang nak cakap itu semasa wabak mendapat perhatian hangat, banyak orang awam tidak boleh membezakan manusia yang kena *rabies* dan menunjukkan simptom akan mati dengan maklumat melalui akhbar yang memberi *impression* bahawa orang itu kena gigit dan akan mati. *How many people got rabies, how many people died by rabies. So I think* itu adalah satu situasi yang mungkin jika di masa depan kami menghadapi wabak ini lagi kena lagi diuruskan dengan lebih sensitif. Yang kedua saya tidak berapa pasti saya dengar betul-betul atau tidak tadi yang tujuh (7) gigitan adalah tujuh (7) gigitan hari ini atau minggu ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Hari ini. Tujuh (7) gigitan hari ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Okey dan boleh tidak saya mendapat pengesahan bahawa setiap gigitan, maksudnya hari ini tujuh (7) gigitan, ketujuh-tujuh anjing ini telah pun, akan diperiksa untuk *rabies*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dapat ditangkap. Pertamanya kita tahu kes gigitan sebab manusia lepas kena gigit, dia mesti datang lapor. Anjing lepas gigit, dia tidak lapor. Jadi anjing ini belum tentu kita dapat tangkap. Itu betul.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

So tujuh (7) gigitan ini masih belum...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Belum tentu dapat ditangkap.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Tujuan saya tanya tentang pemeriksaan ini adalah kerana Yang Berhormat tadi pun kata buat masa kini tidak boleh kata kami bebas *rabies* lagi. Dan sebenarnya kalau kami melihat *trend-trend rabies* kebiasaannya tidak mungkin begitu cepat kami boleh *eradicated rabies* di Malaysia. Maka adalah amat penting pemeriksaan secara ketat dibuat untuk setiap anjing yang gigit untuk kami benar-benar mengesahkan bahawa tiada lagi anjing-anjing yang *rabies* di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sebab itu, sekarang ini banyak anjing-anjing yang gigitan kita dapat tangkap, memang kita akan kuarantin dan perhati sama ada mereka ini ada *rabies symptoms* atau tidak. Kalau nampak macam ada *rabies symptoms, highly suspicious* memang kita akan hantar *sampling because we had to do sampling even* waktu tidak ada wabak. Jadi hasil saya bertanya dengan Veterinar, waktu tidak ada wabak, contohnya sebelum ini tahun 2014, 2013, 2012, *there are random sampling been done*, yang mana anjing-anjing liar ditangkap, di hantar *sample* untuk pastikan sebagai *surveillance* untuk melihat ada atau tidak *rabies* ini. Itu memang berlaku. Sebab itu, cuma sekarang ini prosedurnya atau benda yang paling penting, saya ingat YB. Pulau Tikus pun terlibat banyak dalam mesyuarat itu iaitu tentang populasi anjing terbiar ini, *management*, pengurusan populasi anjing terbiar ini. Yang ini kita belum lagi betul-betul *solidify* kita punya polisi yang mana bukan hanya bidang kuasa saya, kerana saya *concern* tentang *rabies* walaupun, soal kebajikan anjing satu perkara, tetapi saya lebih *concern* tentang kesihatan umum, kesihatan awam. Sebab itu, perkara ini melibatkan multi portfolio, termasuk *local council*, termasuk EXCO Pertanian, Alam Sekitar, bahkan Ketua Menteri sendiri terlibat kerana kita hendak *solidify the policy*. Sebab itu saya sebut tentang *pet's passport*, tentang undang-undang kecil binatang peliharaan kerana masalah *stray dogs population* ini, masalahnya datang dari manusia balik. Masalahnya kita kena akui kerana ada pemilik-pemilik haiwan yang tidak bertanggungjawab. Hari ini rasa hendak bela anjing, pergi beli anjing. Bawa balik rumah. Sebulan tidak suka, pergi lepas biarkan dekat jalan dan anjing ini membiak dan terbiar. Itu masalahnya. Sebab itu sekarang ini kita *work with* NGO. NGO yang boleh bekerja dengan produktif dan *constructive* dengan Kerajaan Negeri untuk kita lihat bagaimana kita hendak tarik anjing-anjing terbiar ini dan *manage* mereka

sama ada melalui *vaccination* untuk *rabies* dan juga penyakit-penyakit lain termasuklah *spraying and neutering* pemandulan anjing-anjing ini supaya population anjing-anjing terbiar ini tidak terus bertambah dan menyebabkan masalah kepada masyarakat umum dan kepada kesihatan awam.

Sebab itu saya sebut tadi benda ini saya masuk atau terjerumus dalam masalah ini ketika wabak sudah berlaku. Sebab itu wabak ini membuka mata kita semua bahawa ada *flaw* atau kelemahan dalam polisi kita sebelum ini. Sebab itu kita kena lihat balik *relooked at our policy* yang mana kita perlu tambah baik, kita tambah baik, mana yang kita perlu perketat, kita perketat, mana undang-undang baru yang perlu kita perkenal, kita perkenal. Yang Berhormat Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Pulau Betong. Terima kasih. Dalam tahun lepas pun, saya ada mengutus surat kepada MBPP untuk melihat masalah *stray dogs* di Balik Pulau. Saya cuba beberapa kali cuba hendak menangkap gambar tetapi dia macam kenal, tahu, sampai hendak ambil gambar, mereka lari habis semua. Tetapi banyak laporan yang saya terima yang banyak anjing-anjing terutamanya yang sakit dan kurap ini di kawasan Balik Pulau ini. Sebab itu saya minta kalau boleh ada tindakan yang komprehensif supaya benda ini dapat dikurangkan, atau dapat ditangkap mereka, supaya tidak dibiarkan berkeliaran kerana ini melahirkan kebimbangan dalam masyarakat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan Seberang Jaya. Salah satu cara untuk mengurangkan anjing liar adalah melalui satu pemandulan anjing. Memang buat setakat ini, saya diberitahu bahawa cuma di klinik haiwan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, iaitu JPVN ada sahaja perkhidmatan untuk atau pun aktiviti pemandulan. Di MBPP buat sementara waktu, menurut jawapan yang dijawab memang tidak ada. MPSP memang dahulu ada tetapi tahun ini tiada setelah datangnya Pengarah Jabatan Kesihatan di MPSP, sampai hari ini pun tidak ada. So jawapan yang mereka jawab memang mereka tidak ada mempunyai Pegawai Veterinar. So soalan saya, kita sama-sama untuk bekerjasama dengan Jabatan Veterinar, saya di sini hendak cadangkan kita pulihkan Jabatan Veterinar, bukan aktiviti pemandulan anjing di MPSP dan kita kena mulakan aktiviti pemandulan anjing di MBPP. Ini soalan saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong, yang *last* isu *rabies*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sikit saja, sebab dalam satu (1) taklimat media oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengatakan tidak ada *rabies* manusia di negara ini tetapi tadi saya dengar tadi macam kata ada digigit, dikesan daripada manusia. Jadi mungkin ada penjelasan daripada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang saya sebut tadi yang gigit di Kepala Batas. Anjing *test* itu positif, jadi bila anjing *test* itu positif, kita akan *start* rawatan untuk mangsa yang digigit. Kita tak boleh nak *test*, melainkan kita buat *polyber exchange reaction* itu, atau kita ambil *sampel* otak, *brain tissue so which* susahlah untuk kita *diagnose*. Jadi sebab itu kita ambil *preventif measure* kita bagi *start* vaksin terus. Cara dia memang susah. Terima kasih Pulau Betong, kerana sebut perkataan susah itu. Saya sendiri dua (2) bulan sudah ini, memang susah nak mengatasi masalah *rabies* ini, dia rumit kerana penyakit ini orang dah lama tak dengar, ramai orang dah lama tak dengar penyakit *rabies* ini. Jap, jap dah *last* dah tadi. Kejap sikit, saya nak terangkan. Anjing itu perlu ambil *sample* dengan cara kita *test* anjing itu positif baru kita betul-betul *start the full treatment* untuk orang yang kena gigit itu. Sebab kita tak ada cara nak *test*, sebab *incubation period* boleh jadi enam (6) bulan, setahun, dua (2) tahun tapi bila dia dah *develop* jadi simptom, hampir *almost 99%* mangsa akan mati. *Its a fatal disease* la kalau saya boleh sebut ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Seberang Jaya. Dato Speaker, saya nampak gaji EXCO Kesihatan ini tak patut dinaikkan. Gaji dia tidak patut dinaikkan, pasal prestasi kerja dia ini kita nampak sangat tidak memuaskan. Isu anjing gila pun masalah, membebankanlah itu ini belum lagi denggi apa semua. Kita tengok Seberang Jaya dia asyik dengan bab politik dia saja, jadi prestasi kerja dia *out*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Jadi kalau ikut macam itu Pinang Tunggal pun tak patut naik sebab...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini bukan apa yang kita minta penjelasan... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sebab daripada hari pertama sampai sekarang jarang-jarang nampak dalam Dewan, *busy* kot kita tahu Pinang Tunggal tak perlu sangat gaji di sini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Dah, dah tak perlu tarik balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagilah saya nak habis dah ini. Sikitlah.. Bolehlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kita selesai diluar...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita selesai luar. Kita pi murtabak dekat Kepala Batas..

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mana dah tadi, Pembangunan Desa. Jawatankuasa MMK Pembangunan Desa, dalam proses merangka satu dasar yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Desa 2016 dan 2018. Dasar ini dijadualkan dilancarkan pada Januari 2016, bertujuan untuk merangka strategi dan hala tuju MMK Pembangunan Desa bagi menepati keperluan *stake holder*. Berapa siri taklimat dan bengkel telah diadakan bersama-sama wakil penduduk, JKKK, NGO, Agamawan, Pegawai Kerajaan dan juga Wakil Rakyat telah diadakan bagi mendapatkan input yang bersifat inklusif. Selari dengan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara yang sedang dirangka oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Putrajaya, diharapkan dengan sumber yang terhad MMK Pembangunan Desa dapat menjalankan program yang penting bagi meningkatkan imej desa itu sendiri. Selain itu juga, projek khas ekonomi akan terus ditambah baik dan satu garis panduan yang lebih jelas akan dilancarkan bagi meningkatkan penyertaan golongan kurang berkemampuan kepada program ini. Garis Panduan Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin dan Garis Panduan Projek Pemulihan dan Peningkatan Ekonomi, iaitu bantuan peralatan sedang di fasa akhir draf. Pada tahun 2015, sebanyak RM2.2 juta telah diperuntukkan bagi dua program ini. Di atas urus tadbir yang cekap, penjimatan telah disalurkan kepada projek khas ekonomi dengan perbelanjaan lebih RM3.2 juta agar lebih warga Pulau Pinang yang kurang berkemampuan dapat menikmati rumah baru, rumah yang lebih baik dan juga bantuan peralatan. Selain itu juga sebanyak RM1.2 juta telah dibelanjakan bagi tujuan menaik taraf 63 jalan kampung bagi tahun 2015.

Mengenai isu denggi, Ahli-ahli Yang Berhormat, denggi terus mencatatkan perkembangan yang membimbangkan. Dalam krisis sekarang ini. Sehingga 17 Oktober 2015, terdapat 4,285 kes denggi dicatatkan di seluruh Pulau Pinang. Berdasarkan kes terkini, terdapat 16 kes kematian dicatatkan. Berdasarkan *trend* atau *pattern* ini, kawasan berkepadatan tinggi terutamanya di Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah menjadi lokasi utama penularan wabak. Jawatankuasa MMK Kesihatan telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas Denggi dan bermesyuarat setiap dua (2) minggu di Peringkat Negeri. Pelbagai rangka program diatur, namun perkara asas masih bergantung kepada sikap penduduk negeri ini sendiri. Antara inisiatif baru MMK Kesihatan bagi menangani isu ini adalah memperkenalkan sistem penggredan kampung dan juga taman melalui COMBI JKKK. Sistem ini adalah bertujuan memberi kesedaran kepada pemilik rumah untuk memastikan persekitaran rumah bersih dan sihat. Rumah yang dijumpai jentik-jentik akan diberi permorkahan rendah bertujuan untuk memberi kesedaran dan dalam masa yang sama terus dipantau oleh pihak COMBI. Satu COMBI yang telah berjaya melaksanakan program ini adalah COMBI Titi Teras di KADUN Pulau Betong dan kita lihat memang telah tidak ada rekod kes denggi berlaku sejak dua tahun yang sudah di kampung itu. Cuma sekarang ini kita nak memperkenalkan program ini ke seluruh kawasan-kawasan lain terutama kawasan *hotspot* atau wabak denggi ini supaya komuniti terlibat sama dalam membantu agensi dan juga Kerajaan menjaga persekitaran daripada terus menularnya wabak denggi ini. Oh ya, sila Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sikit sahaja. Tadi Seberang Jaya ada menyebut daerah yang mencatat jumlah kes demam denggi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Seberang Perai Tengah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Seberang Perai Tengah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ya. Sila Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Dalam kes denggi ini saya ada tiga soalan bertulis. Mula dua (2) tahun yang lalu, Berapit dari kes tak sampai 20 mencatat 130 kes yang positif denggi, tapi nasib baik tak ada yang terkorban. Dalam soalan saya yang sepuluh yang saya pernah tanya sebab dalam Dewan yang tahun lepas, Kerajaan Negeri pernah sebut pemasangan *mosquito magnet*, tapi magnet ini tidak berjaya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak dipasang pun...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Tidak pasang pun dan saya ada *suggestion* dalam soalan 14 itu, iaitu memang saya dengan Dato' Speaker pergi bersama ke Bangkok satu selam *arrow* nya bernama Wat Tok sebut di Bangkok, Thailand. Dan tempat itu memang seperti kita punya Chew Jetty, mereka duduk di atas sungai dan tempat itu kotor dan semua penyakit berlaku di sana termasuk denggi. Mereka guna EM untuk membersihkan sungai di kawasan itu. Sekarang 2009 itu dah sudah diiktiraf oleh Bangkok iaitu ialah *Dengue Freedom*. *That's why* saya *suggest* kepada Seberang Jaya, *try go there and learn from them and* ambil *method* ini balik ke tempat kita. Kita akan mengatasi wabak denggi ini sebab tak ada cara lain dah, kita tak dapat cari *method* yang lagi bagus untuk mengurangkan wabak denggi ini. Dan di sana sudah disyorkan oleh City Bangkok iaitu ia sudah jewel dan ia *freedom*, sebab jawapan daripada Seberang Jaya itu kata dia tak ada rekod di sini kita tak boleh mula tapi mengapa? *Why not we try*, sebab kita tak ada cara lain kalau hanya mengikut gotong royong, kita tak dapat mengurangkan wabak denggi ini berlaku lagi. So, saya menyeru kepada Seberang Jaya *try*, amat perlukan *method* yang lagi bagus untuk mewujudkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Saya hanya nak memperbetulkan sahaja. Chew Jetty bukan di atas sungai, di atas laut. Dan lagi kawasan Chew Jetty kan bukan tempat wabak denggi. So pada masa itu, bukan sekarang pun bukan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Untuk kalau macam YB. Sungai Dua, kalau yang dalam pekan ini mereka tahu apa EM itu. Kalau yang bela ayam mereka itu dah tahu kalau guna EM itu, *even* taik ayam pun tak ada busuk. Kalau *you* pergi ke Bangkok Rose Garden mereka ada *elephant*, *even* dia punya *dung* pun tak busuk dia boleh jadi baja untuk dia punya tanaman bunga.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih. EM itu direka untuk kegunaan pertanian, saya tidak akan nafikan itu, tapi kegunaan-kegunaan lain EM saya akan hantarkan laporan kepada YB. Berapit. Cadangan saya kepada Yang Berhormat EXCO...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya tengah tunggu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Okey daripada cadangan-cadangan yang *ad hoc* ini mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh buat satu panel untuk meneliti dan mengkaji beratus-ratusan *option* untuk mengawal denggi yang ada dan mengenal pasti cara yang sesuai untuk Pulau Pinang, berdasarkan *evidence based decision making*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Aedes pula. Seberang Jaya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Speaker, nampak macam dah letih dengan saya. Saya cuma nak sebut tentang *mosquito magnet*. *Mosquito magnet* ini program ini kita tak jalankan kerana pertamanya *pilot study* yang mereka nak lakukan, kita nak beri dana untuk laksana itupun mereka tidak boleh *come to agreement*. *We have the money, but we cannot come to the*

agreement atau minta maaf, persetujuan untuk melaksanakan program *mosquito magnet*. Keduanya, *mosquito magnet* ini masih gagal lagi atau syarikatnya gagal untuk menunjukkan kita bukti-bukti yang besar atau baik bahawa projek atau alat mereka ini benar-benar dapat menyelesaikan masalah denggi. Jadi sebab itu, kita *put on hold mosquito magnet* ini kerana kita tak berani nak belanjakan sejumlah wang Kerajaan Negeri yang besar untuk sesuatu yang kita tidak pasti keberkesannya lagi. Jadi kita lihat, ada beberapa pihak telah mengambil inisiatif untuk membiayai syarikat-syarikat *mosquito magnet* ini, saya tengok baru ini di Selangor pun ada beberapa ADUN telah beli dan beberapa tempat lain dah beli, jadi saya nak tengok dulu daripada *respond* mereka adakah benda ini benar-benar berkesan atau tidak, baru kita boleh melaksanakan. Tetapi, daripada mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas Denggi itu kita telah menerima satu lagi cadangan yang telah dibangunkan oleh pihak Institute Of Medical Research Malaysia di bawah Kementerian Kesihatan yang mana mereka telah memperkenalkan satu *auto side track* yang baru yang boleh digunakan di rumah-rumah persendirian, yang ini kita nak cuba untuk laksanakan sebagai projek perintis di rumah-rumah flat atau pangsapuri yang bertingkat-tingkat itu, supaya setiap penghuni rumah mempunyai sekurang-kurangnya satu *auto sider track* ni kerana dikatakan dengan *auto side track* ini ia dapat menangkap nyamuk-nyamuk ini. Harga murah sahaja, saya ingat belas-belas ringgit sahaja satu *device*, jadi kita tengah lihat sama ada mungkin kita boleh salurkan peruntukan yang telah kita nak guna untuk *mosquito magnet* ini sama ada kita boleh salurkan kepada *auto side track* ini. Kerana ini telah dibangunkan oleh Institute Of Medical Research Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kita juga telah dibangkitkan tentang isu penularan penyakit *tuberculosis* atau tibi. Orang dulu panggil batuk kering, betul ya. Betul Sungai Acheh, orang dulu panggil batuk kering. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang 2015 tadi saya sebut denggi di Pulau Pinang ada 16 kematian, tetapi tibi di Pulau Pinang 68 kematian. Tibi *is on the rise since 2009*, ini kadang orang kita tak proses sebab ini satu penyakit yang ramai masyarakat yang kita ingat penyakit ini dah dihapuskan. Dah hilang dah tak ada tetapi dengan kemasukan warga asing, dengan masalah peningkatan penyakit *diabetes*, kencing manis penyakit yang menyebabkan imun kita lemah. HIV ia satu penyakit, *diabetes* juga membuktikan bahawa imun kita boleh lemah menyebabkan penyakit tibi ini semakin meningkat. Sebab itu kita risau juga, bawa masuk 1.5 bangla ini kita kena *check* satu-satu kalau boleh. Jangan pastikan mereka tak bawa tibi masuk ke negara kita kerana tragedi semakin meningkat sebab itu untuk tahun 2016 ini, selain daripada denggi, *rabies*, tibi dan juga beberapa penyakit lain kita akan beri tumpuan supaya program kesedaran dipertingkatkan. Jadi saya minta bantuan Yang Berhormat semua, untuk beritahu juga orang-orang kita di kawasan bahawa penyakit tibi juga salah satu penyakit yang sedang meningkat di Pulau Pinang dan juga di Malaysia secara keseluruhannya.

Ahli Kawasan Batu Uban(YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa):

Satu kebetulan di Bangladesh program kawalan *pheuochlorosis* saya ingat yang bijak sekali so saya ada pengalaman tolong jangan sebut warga asing.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Foi):

Soalan saya yang bertulis No. 11, Seberang Jaya. Apakah peranan Jabatan Kesihatan untuk menghadapi masalah wabak yang sekarang ada penyakit yang mengancam negeri kita sebab selain daripada denggi, tibi, sebab Ketua Kampung saya JKKK di Kampung Baru yang awal tahun ni dia pun kena tibi disebabkan kawasan duduk dia di sana dapat banyak *problem*. So di Negeri Pulau Pinang apakah langkah kerajaan untuk membuat prevention kalau terjadinya wabak yang telah hilang tapi dia datang balik dan disebabkan sekarang pencemaran jerebu *air pollution back to the last month* yang telah lama *I mean duration* dia banyak panjang dekat sebulan jerebu dari jiran kita dan menyebabkan banyak pesakit yang tenat termasuk warga emas di serang jangkitan bakteria paru-paru dan mereka *passed away because of the infections. This is very serious*. So saya harap kalau Seberang Jaya akan mengambil langkah yang penting untuk menentukan kesihatan rakyat dijaga sebab *experience* saya ialah pada waktu pada tahun 1995 waktu itu saya sedang hamil anak sulung saya makcik saya yang sedang bekerja di Sydney Hospital as a nurse di datang melawat saya bila *you deliver your son* bawa dia pergi *injection* yang baharu untuk *protection bacteria from liver lung because scientist reseach in Sydney* mereka dah dapat tahu pada tahun yang akan datang ada sejenis bakteria yang akan datang attack asia ini berlaku pada tahun 2003, SARS berlaku so di Malaysia kita kurang pakar-pakar kesihatan untuk membuat *research* tentang wabak atau demam yang akan *attack* kita pada masa yang akan datang sebab *environment* dan *pollutions* saya harap Yang Berhormat Seberang Jaya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Berapit. Saya faham maksud YB. Berapit. Saya tidak setuju untuk kata bahawa kita tidak ada pakar-pakar yang mampu untuk...(gangguan), Tun Mahathir, Subramaniam, Dato' Jayabalan, Lee Liong Sik. Saya nak beritahu bahawa saya tidak setuju bahawa ada kurang pakar, pakar kita ramai yang boleh dalam *public help services* pun ramai dan saya ingat di Malaysia ini saya ingat kita semua boleh bersetuju bahawa perkhidmatan kesihatan kita terutama untuk di Pulau Pinang juga antara yang terbaik di rantau ini itu kita kena akui walaupun kita perlu ada penambahbaikan dalam beberapa perkara, itu semua biasalah, tetapi untuk makluman YB. Berapit semua ini kita akan berkerjasama dengan semua kawasan *regional* dan selalunya bila ada apa-apa wabak kita perlu dapatkan bantuan pakar daripada pihak pusat untuk membantu diperingkat JKN Negeri dan di situ kita akan ada kerjasama dengan Kerajaan Negeri sebab itu banyak program, contohnya denggi bukan hanya dengan Kerajaan Negeri bahkan dengan semua agensi membantu masalah Denggi. Masalah tibi ini adalah satu perkara yang baharu yang kita kenal pasti yang perlu kita beri penekanan juga. Jadi semua ini melibatkan multi agensi tidak kisah sama ada Persekutuan ke Negeri ke, NGO ke, bukan persatuan-persatuan individu ke, persatuan-persatuan sendiri perlu bergerak seiring untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya hendak jawab sikit tentang isu Vape dan juga vaksin sebelum saya tamatkan penggulangan saya. Pertama isu *E-Cigarette* atau Vape. Kini yang menjadi satu trend di dalam masyarakat bukan sahaja di luar di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini juga memperkatakan berkenaan Vape . Banyak idea dan pandangan yang diperkatakan oleh Yang Berhormat berkenaan isu ini YB. Batu Uban dan Sungai Dua berpandangan

yang sama agar Vape ini diharamkan penjualannya kerana boleh membahayakan kesihatan.YB. Seri Delima pula mencadangkan perlabelan bekas Vape sepertimana kotak rokok bagi mewujudkan rasa takut Vape. YB. Seri Delima dan Sungai Dua juga mencadangkan agar tindakan tegas akan diambil kepada peniaga yang menjual VAPE kepada pengguna di bawah umur atau bawah 21 tahun. Saya mengaluakan pengumuman Menteri Pendidikan Mahathir Khalid yang mengatakan bahawa larangan penggunaan Vape ini sama dengan larangan penggunaan rokok di sekolah itu satu keputusan yang baik yang saya rasa perlu kita tegas mengatakan bahawa Vape tidak harus dibenarkan kepada kanak-kanak kerana video yang kadang kita dapat, ada video kanak-kanak diberi hisap Vape. Ini satu perkara yang saya rasa sepatutnya tidak berlaku dalam masyarakat kita hari ini.

Keduanya kesepakatan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam isu ini amat membanggakan namun begitu sebarang cadangan perlu berbalik kepada kuasa perundangan dan tindakan di peringkat Pusat. Saya tidak pasti apa keputusan kabinet sekarang tentang ini. Kalau ikut Menteri Kesihatan pergi rampas lah mengikut akta yang ada di bawah Kementerian Kesihatan tapi Menteri Luar Bandar minta dibenarkan Menteri Belia minta dibenarkan dan dikawal selia benda ini masih samar-samar di peringkat kabinet sebab itu menyebabkan masalah dibawah sehingga semalam peniaga-peniaga Vape berdemonstrasi di hadapan Putrajaya. Sepatunya perkara ini tiga (3) tahun, empat (4) tahun lepas kita dah bincang dah dan dibawa ke dalam Parlimen kerana masalah yang saya sebutkan sebelum ini, sebelum ini saya pernah jawab dua (2) akta yang berbeza. Pertama Akta Tembakau melibatkan rokok kemudian Vape ini *nicotine flavor* itu melibatkan Akta Racun dua (2) akta yang berbeza. Kalau ini diselesaikan dengan awal di Parlimen, kabinet senang nak buat keputusan dan kita di bawah pun senang nak buat keputusan untuk kawal selia benda ini. Sekarang ini benda ini sudah merebak dilaporkan pula ada *flavor* ganja dan saya pernah bangkit hal ini didalam kenyataan media saya sebelum ini ketika Vape mula mendapat populariti saya bangkitkan kata perlu ada kawalan segera kerana kita takut, takut-takut bahan terlarang digunakan di *flavor-flavor Vape* ini dan sebab itu saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kerana membangkitkan perkara ini kerana Kerajaan Negeri sekarang ini kita bersama dengan Yang Berhormat Alam Sekitar telah menggerakkan inisiatif Penang Bebas Asap Rokok. Untuk yang pertama ini komitmen kami adalah Vape ini kita hendak cuba dalam kuasa perundangan yang ada kita nak lihat untuk kita kuatkuasakan juga bahawa Vape ini tidak boleh dihisap atau disembur merata-rata dalam kawasan Penang Bebas Asap Rokok. Ianya seharusnya sama seperti rokok yang telah kita gazetkan hanya boleh dihisap dikawasan-kawasan yang tertentu yang telah di gazetkan di bawah inisiatif Penang Bebas Asap Rokok .

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)

Penjelasan. Saya cuma hendak tanya kepada YB. Seberang Jaya setujukan YB. Seberang Jaya bahawa Vape ini jadi popular adalah disebabkan ia telah menjadi satu alternatif rokok yang begitu mahal dan cukai-cukai yang dikenakan ke atas rokok sekarang sehingga satu kotak sudah menjadi RM17.50. Adakah kita tahu punca kenapa Vape itu dijadikan satu alternatif kepada perokok-perokok itu. Memang saya bukan menggalakan orang untuk merokok tapi kita juga perlu mempertimbangkan bahawa fenomena ini menjadi begitu serius dan saya rasa ada banyak yang telah ditambah tapi saya rasa sebagai pembuat dasar *we have to think the reason behind* kena tahu sebab-

sebab kenapa, itu berlaku dan punca itu jika tidak ditangani kita juga tidak boleh menafikan orang untuk menggunakan Vape sebagai ganti untuk membeli rokok yang begitu mahal itu. Itu pandangan saya tidak tahu setuju ke tidak benda ini .

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Machang Bubok tentang isu Vape ini macam mana ia mula popular. Tiga (3) tahun sudah ia bermula bukan seperti Vape sekarang yang ada mesin yang macam *handphone* tu. Ia dia dulu bentuk macam rokok jugalah panjang, itu mula dia ketika itu tidak ada undang-undang lagi dibuat lepas dia jadi popular saya percaya ada yang berpedapat bahawa bila mereka hisap Vape ini mereka berhenti merokok terus untuk perokok dan mereka kata mereka tidak ambil rokok dan ada *study* menunjukkan bahawa ianya mungkin dari segi teorinya memberikan kesan yang lebih kurang negatif berbanding dengan rokok yang sebenar kerana toksin-toksिन yang ada di dalam rokok itu pandangan sesetengah pihak. Tetapi masalah yang menjadi isu sekarang ini *trend* yang saya rasa yang saya paling gusar saya tidak tahu lah harga ini memainkan peranan tapi harga ini naik tak lama selepas Vape dah popular dah pun harga rokok ni naik. Memang mahal lah tapi orang tetap beli juga itu biasalah sebab mereka dah ketagih.

Cuma masalahnya sekarang yang saya lebih gusar adalah mereka yang tidak merokok *suddenly start Vaping* ini kita lebih risau dan trend sekarang ini ramai juga wanita terlibat hisap Vape ini, budak-budak dengan wanita dan bila ini berlaku kita takut mereka yang tak pernah hisap rokok ambil Vape ni pula dia *create* atau mencipta satu kelompok lain pula yang terdedah kesan yang sepatutnya selama ini tidak terdedah pun. Jadi in yang kita lebih gusar sebab itu banyak lagi kajian pemantauan yang berterusan dan polisi yang tegas baik di peringkat negeri dan peringkat pusat untuk memastikan benda ini nanti tidak menjadi beban kepada kita pada masa hadapan.

Saya nak jawab yang terakhir YB. Permatang Pasir menyentuh isu vaksin YB. Permatang Pasir menyatakan terdapat rungutan bahawa ibu bapa terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan vaksin untuk bayi terutamanya bagi *common disease* selain itu terdapat juga beberapa golongan anti vaksin yang sedang giat bergerak di Pulau Pinang. Untuk Yang Berhormat sekalian, liputan vaksin bagi Negeri Pulau Pinang sehingga kini berada di tahap yang baik melebihi daripada 95% sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi vaksin yang dibekalkan adalah terhad kepada antivirus penyakit tertentu. Bagi vaksin tambahan ibu bapa perlu mengambil inisiatif mendapatkan suntikan di klinik swasta. Baru-baru ini sempena Penang Sihat 2015 di Seberang Jaya Permatang Pauh MMK Kesihatan dan juga dengan kerjasama “Yes To Pheumococcal Vaccine And Parenting To You” telah berkerjasama dalam meningkatkan kesedaran terhadap vaksin *Pheumococcal* iaitu suntikan percuma yang diberikan kepada kanak-kanak berusia tiga (3) hingga lima (5) tahun. Seramai 300 kanak-kanak telah diberikan vaksin *Pheumococcal* secara percuma pada program tersebut vaksin *Pheumococcal* ini.

Vaksin *Pheumococcal* ini saya nak sebut kepada perhatian semua Ahli Dewan kerana di dalam senarai wajib vaksin Kementerian Kesihatan Kebangsaan di Malaysia tidak ada tetapi lebih 150 buah negara telah meletakkan ini didalam jadual mereka jadi kita mencadangkan supaya kerajaan pusat mempertimbangkan supaya Vaksin *Pheumococcal* ini diberikan kepada bayi-bayi yang berisiko tinggi terutamanya bayi yang

pre-mature lahir pra matang. Bayi-bayi ini terdedah kepada *Pneumococcal* atau jangkitan paru-paru yang boleh menyebabkan kematian dan yang paling parah, kematian paling parah atau paling teruk lagi adalah mereka akan *develop* atau dipanggil ketidakupayaan kecacatan fizikal dan otak yang seumur hidup. Jadi sebab itu kita hendak mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya masukan juga *Pneumococcal Vaccine* ini di dalam jadual pemvaksinan Kebangsaan. Berkenaan dengan isu antivaksin didapati ramai ibu bapa yang berpendidikan dan terdapat segelintir dari golongan agamawan terlibat dalam gerakan ini. Antara asas yang diutarakan adalah status halal vaksin dan bimbang akan *Adverse Event Following Immunization*, AEFI iaitu kesan sampingan akibat vaksinasi dan lebih cenderung untuk memilih apa yang dipanggil Homeopathy.

Bagi menangani persepsi ini Jabatan Kesihatan dengan kerjasama agensi lain termasuklah JAKIM telah mengambil inisiatif mengadakan seminar kepada orang ramai di beberapa buah negeri termasuk Pulau Pinang pada tahun 2014. Objektif utama adalah untuk memberi kesedaran kefahaman mengenai keperluan vaksin dan menangkis persepsi salah dalam masyarakat. Ini adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke 24 pada 5 dan 6 Jun 1989 yang mengharuskan pengambilan vaksin demi mencegah penyakit berjangkit seperti campak tibi, batuk kokol, difteria, tetanus dan polio. Jabatan Kesihatan Negeri juga telah mengadakan bengkel menyediakan pelan tindakan untuk menangani isu vaksin pada 28 September 2015 dan memberikan kauseling kepada ibubapa yang enggan mengambil vaksin. Yang Berhormat sekalian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan yang telah bersama-sama...(gangguan).

Ahli kawasan Batu Uban (YB. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Balik vape, haramkah vape ditempat bebas rokok kita ambil tindakan haramkan ka tidak?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr Afif Bin Bahardin):

Sebab itu saya sebutkan tadi dalam perundangan Penang Bebas Asap Rokok dalam Akta Tembakau. Kita gunakan Akta Tembakau untuk laksanakan Penang Bebas Asap Rokok inisiatif ini. *So it still under* Akta Racun tidak boleh terus dilaksanakan lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membincangkan dan membahaskan tentang isu-isu yang melibatkan portfolio saya Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Pembangunan Desa. Saya berharap dalam khidmat kita sebagai wakil rakyat ini akan berterusan untuk memastikan fokus kita supaya penyampaian servis atau *service delivery* dapat meletakkan sebarang perbezaan di antara kita demi kebajikan Rakyat Negeri Pulau Pinang. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan lafas ini saya mohon menyokong

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat sesi penggulungan akan disambungkan pada hari esok dan Dewan ditangguhkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sekejap YB. Dato' Speaker, dalam surat khabar Cina melaporkan apabila saya minta Dewan diberhentikan pada pukul 10 malam. Surat khabar Cina telah mengatakan bahawa saya telah tidak kuat, tidak larat, jadi saya minta sambung lagi sepuluh minit yang saya masih kuat lagi. Ini laporan surat khabar, ini tidak betul.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada esok 19 November, jam 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10: 50 malam.